

**KEBOLEHTERIMAAN SUMPAH (AL-YAMIN) SEBAGAI
KETERANGAN: ANALISIS TERHADAP PERUNTUKAN
UNDANG-UNDANG DAN KES DI MAHKAMAH
SYARIAH SHAH ALAM,
SELANGOR**

NIK NUR FARAHIN BINTI NIK ZULKIFLI

**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2019

**KEBOLEHTERIMAAN SUMPAH (*AL-YAMIN*) SEBAGAI
KETERANGAN: ANALISIS TERHADAP PERUNTUKAN
UNDANG-UNDANG DAN KES DI MAHKAMAH
SYARIAH SHAH ALAM,
SELANGOR**

NIK NUR FARAHIN BINTI NIK ZULKIFLI

**DISERTASI DISERAHKAN SEBAGAI MEMENUHI
SEBAHAGIAN KEPERLUAN BAGI
IJAZAH SARJANA SYARIAH**

**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2019

KEBOLEHTERIMAAN SUMPAH (*AL-YAMIN*) SEBAGAI KETERANGAN: ANALISIS TERHADAP PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG DAN KES DI MAHKAMAH SYARIAH SHAH ALAM, SELANGOR

ABSTRAK

Sumpah (*al-yamīn*) dalam undang-undang keterangan Islam dikategorikan sebagai kaedah alternatif dan merupakan keterangan yang tidak dapat dilihat dengan mata kasar serta bersifat spiritual yang menyebabkan hakim menerima kaedah keterangan lain yang lebih jelas dan yakin. Justeru itu, kajian ini memfokuskan kepada kebolehterimaan sumpah sebagai keterangan yang boleh mensabitkan kes di Mahkamah Syariah. Maka dengan itu, analisis terhadap aspek-aspek kebolehterimaannya dihuraikan dalam kajian ini berdasarkan hukum Syarak dan peruntukan undang-undang yang berkaitan dengannya. Analisis terhadap kes-kes yang telah diputuskan oleh Mahkamah Syariah dan bagaimana Hakim Syarie melaksanakannya juga dibuat oleh pengkaji. Kaedah kualitatif melalui pengumpulan data secara kajian perpustakaan dan lapangan digunakan dalam kajian ini untuk mengenal pasti peruntukan undang-undang serta kes-kes yang berkaitan dengan pelaksanaan sumpah yang mana data-data yang diperoleh dianalisis secara deduktif dan induktif. Hasil kajian mendapati bahawa Hakim Syarie akan memastikan setiap aspek kebolehterimaan sumpah telah dipenuhi yang mana berpandukan hukum Syarak dan peruntukan undang-undang sebelum pelaksanaannya dilakukan. Selain itu, kajian terhadap kes-kes yang telah diputuskan membuktikan bahawa penelitian telah dibuat terlebih dahulu oleh hakim sebelum mengarahkan sumpah dilaksanakan iaitu selaras dengan peruntukan yang ada supaya pelaksanaannya tidak dilakukan sewenang-wenangnya. Oleh yang demikian, hakim akan lebih yakin untuk memutuskan kes, keadilan dapat dicapai bagi kedua-dua belah pihak yang bertikai dan merupakan kaedah yang berkesan untuk menjimatkan masa dan kos sesuatu kes dengan adanya pelaksanaan sumpah.

**KEBOLEHTERIMAAN SUMPAH (*AL-YAMIN*) SEBAGAI KETERANGAN:
ANALISIS TERHADAP PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG DAN KES DI
MAHKAMAH SYARIAH SHAH ALAM, SELANGOR**

ABSTRACT

The Oath (*al-yamīn*) in Islamic law of evidence is categorized as an alternative method, basically cannot be seen and more to spiritual method. It caused the *Syarie* Judge to use any other convincing types of evidence that can uphold justice to the dispute party. Therefore, this research is focusing on admissibility of the oath in *Syariah* Court and the analysis on the aspects of admissibility of the oath throughout *hukum Syarak* and specified law provisions have been discussed in this research. Besides that, the analysis on the decided cases about the implementation of the oath in *Syariah* Court and how the *Syarie* Judge apply it has been elaborated. Qualitative method through library research and field work has been used to identify the specified law provisions and decided cases from the *Syariah* Court, while the deductive and inductive methods have been applied in analysing the data. The finding shows that the *Syarie* Judge will make sure all the aspects of the admissibility of the oath are being fulfilled which are based on *hukum Syarak* and specified law provisions in implementing it. Through the analysis on the decided cases, another finding shows the judge is referring to the provisions regarding it and it is in line with the law provisions of the *Syariah* Court. Therefore, the judge will be more confident in giving a decision, the justice also being upholds for the both parties and it is the best way for saving the time and cost of the case when implementing the oath.

PENGHARGAAN

Segala puji kepada Allah S.W.T yang melimpahkan rahmat dan nikmat ke seluruh alam. Selawat dan salam kepada Nabi Muhammad S.A.W, keluarga Baginda dan para sahabat serta seluruh para mukmin yang beriman kepada risalah Baginda.

Pertamanya pengkaji ingin sampaikan sekalung penghargaan buat Prof. Madya Dr. Ruzman Bin Md. Noor, pensyarah kanan di Jabatan Syariah dan Undang-undang (JSU), Akademi Pengajian Islam, merangkap penyelia yang sentiasa memberi tunjuk ajar, nasihat, sokongan, membantu, memantau dan memberikan sumbangan kepada pengkaji secara langsung dan tidak langsung dalam menyiapkan disertasi ini. Jutaan terima kasih juga diucapkan kepada semua pensyarah di Jabatan Syariah dan Undang-undang kerana telah membantu dan memberi cadangan dan saranan dalam kajian ini untuk menjadikan ianya satu kajian yang menepati kehendak pihak jabatan dan universiti khususnya.

Ucapan terima kasih juga diberikan kepada pihak Jabatan Kehakiman Syariah Selangor (JAKESS), Mahkamah Syariah Shah Alam, pegawai penerangan JAKESS iaitu Puan Herlina Ainazawati Binti Zakaria dan kakitangan-kakitangan jabatan kerana telah memberi kerjasama dan penyediaan fail-fail kes yang diinginkan kepada pengkaji ketika melakukan kajian lapangan di sana.

Tidak lupa pengkaji ucapkan terima kasih kepada tulang belakang yang memberi semangat dan sokongan tidak putus-putus iaitu abah, umi dan adik-adik dalam menyiapkan disertasi ini. Akhir sekali, terima kasih diucapkan kepada sahabat-sahabat seperjuangan di Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, warga JSU dan pihak Kementerian Pengajian Tinggi yang memberi tajaan kepada pengkaji dalam melanjutkan pelajaran di peringkat ini. Hanya Allah S.W.T sahaja yang mampu membalas jasa kalian.

ISI KANDUNGAN

ABSTRAK	i
ABSTRACT	ii
PENGHARGAAN	iii
ISI KANDUNGAN	iv
SENARAI STATUT	ix
SENARAI KES	x
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI LAMPIRAN	xiii
SENARAI KEPENDEKAN	xiv
SENARAI TRANSLITERASI	xv
BAB 1: PENDAHULUAN	
1.1 PENGENALAN	1
1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN	3
1.3 PERMASALAHAN KAJIAN	6
1.4 PERSOALAN KAJIAN	11
1.5 OBJEKTIF KAJIAN	12
1.6 KEPENTINGAN KAJIAN	13
1.7 BATASAN/SKOP KAJIAN	14
1.8 SOROTAN LITERATUR/ULASAN KAJIAN LEPAS	16
1.9 METODOLOGI KAJIAN	27
1.9.1 Metode Pengumpulan Data	29
1.9.2 Metode Analisis Data	33
1.10 STRUKTUR KAJIAN	36

BAB 2: KEBOLEHTERIMAAN SUMPAAH SEBAGAI KAEDAH KETERANGAN MENGIKUT HUKUM SYARAK

2.1 PENDAHULUAN	38
2.2 DEFINISI SUMPAAH (<i>AL-YAMĪN</i>)	38
2.2.1 Bahasa	39
2.2.2 Istilah	40
2.3 PENSYARIATAN SUMPAAH (<i>AL-YAMĪN</i>) DAN HUKUMNYA DALAM ISLAM	44
2.3.1 Dalil-dalil al-Qur’ān al-Karīm	44
2.3.2 Dalil-dalil al-Sunnah	47
2.3.3 Al-Ijmā’	52
2.3.4 Athar Sahabat	53
2.3.5 Hukum Asal Sumpah (<i>al-Yamīn</i>)	55
2.3.6 Hukum Sumpah dalam Bab Kehakiman	57
2.4 HIKMAH DAN SYARAT-SYARAT PELAKSANAAN SUMPAAH (<i>AL-YAMĪN</i>)	66
2.4.1 Hikmah Pensyariatan Sumpah	66
2.4.2 Syarat-syarat Pelaksanaan Sumpah	67
2.5 JENIS-JENIS SUMPAAH (<i>AL-YAMĪN</i>)	75
2.5.1 Sumpah orang yang kena tuntutan (مَدْعَى عِلْمٍ)	75
2.5.2 Sumpah orang yang menuntut (مَدْعَى عِلْمٍ)	77
2.5.3 Sumpah saksi (مَدْعَى شَاهِدٍ)	84
2.6 KEBOLEHTERIMAAN SUMPAAH DAN HUBUNG KAIT DENGAN KEADILAN (‘ <i>ADĀLAH ZĀHIRAH</i>), FAKTA KES, BEBAN PEMBUKTIAN DAN TAHAP PEMBUKTIAN	85
2.6.1 Kebolehterimaan Sumpah dan Hubung Kait Dengan Keadilan (‘ <i>adālah zāhirah</i>)	85

2.6.2 Kebolehterimaan Sumpah dan Hubung Kait Dengan Fakta Kes	95
2.6.3 Kebolehterimaan Sumpah dan Hubung Kait antara Beban Pembuktian dan Tahap Pembuktian	99
2.7 KESIMPULAN	106

**BAB 3: PERUNTUKAN DAN PELAKSANAAN SUMPAH (*AL-YAMĪN*)
SEPERTI MANA YANG TELAH DIAPLIKASIKAN DI MAHKAMAH SYARIAH MELALUI UNDANG-UNDANG SYARIAH DI NEGERI SELANGOR**

3.1 PENDAHULUAN	109
3.2 PEMAKAIAN SUMPAH DALAM ENAKMEN KETERANGAN MAHKAMAH SYARIAH (NEGERI SELANGOR) 2003	110
3.3 PERUNTUKAN-PERUNTUKAN LAIN BERHUBUNG DENGAN KAEDAH SUMPAH	117
3.3.1 Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2003	117
3.3.2 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003	119
3.4 PEMAKAIAN SUMPAH DALAM PERUNTUKAN-PERUNTUKAN DI MAHKAMAH SYARIAH DAN HUBUNG KAIT DENGAN KAEDAH SUMPAH DALAM HUKUM SYARAK	121
3.5 ARAHAN AMALAN YANG BERKAITAN DENGAN SUMPAH	126
3.6 KESIMPULAN	135

**BAB 4: ANALISIS TERHADAP KEBOLEHTERIMAAN SUMPAAH DALAM
PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG DAN KES DI MAHKAMAH SYARIAH
SHAH ALAM, SELANGOR**

4.1 PENDAHULUAN	137
4.2 KES-KES YANG DIKENDALIKAN	138
4.3 KEBOLEHTERIMAAN SUMPAAH DALAM PENSABITAN KES YANG DIKENDALIKAN DI MAHKAMAH SYARIAH	139
4.3.1 Kebolehterimaan Sumpah Bagi Kes-kes yang Dikendalikan adalah Kes Mal	140
4.3.2 Kebolehterimaan Sumpah Berdasarkan Syarat-syarat Pelaksanaan Sumpah	144
4.3.3 Kebolehterimaan Sumpah Berdasarkan Niat dalam Bersumpah	147
4.3.4 Kebolehterimaan Sumpah dan Tahap Pembuktian	150
4.3.5 Kebolehterimaan Sumpah dan Memberatkan Sumpah (<i>Taghlīz al-Yamīn</i>)	152
4.3.6 Kebolehterimaan Sumpah Berdasarkan Lafaz Sumpah (<i>Ṣighah al-Yamīn</i>)	156
4.3.7 Kebolehterimaan Sumpah Berdasarkan Ciri-ciri Sumpah	159
4.3.8 Kebolehterimaan Sumpah Melalui Keengganan Bersumpah (<i>Nukūl al-Yamīn</i>) dan Sumpah yang Dikembalikan (<i>Yamīn al-Mardūdah</i>)	162
4.3.9 Kebolehterimaan Sumpah Bersama Seorang Saksi (<i>Yamīn Takmīlah</i>)	166
4.3.10 Kebolehterimaan Sumpah Berdasarkan Peringatan Sebelum Melakukan Sumpah	170
4.3.11 Kebolehterimaan Sumpah <i>al-Istizhār</i>	173
4.4 KESIMPULAN	177

BAB 5: RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1 PENDAHULUAN	181
5.2 RUMUSAN	182
5.2.1 Rumusan daripada Objektif Pertama	182
5.2.2 Rumusan daripada Objektif Kedua	185
5.2.3 Rumusan daripada Objektif Ketiga	187
5.3 CADANGAN	191
5.3.1 Cadangan kepada Institusi Kehakiman Syariah	192
5.3.2 Cadangan kepada Penggubal Undang-undang dan Pengamal Undang-undang	193
5.3.3 Cadangan kepada Masyarakat	195
5.3.4 Cadangan kepada Kajian Akan Datang	196
5.4 KESIMPULAN	198
BIBLIOGRAFI	201
LAMPIRAN	210

SENARAI STATUT

Arahan Amalan No.2 Tahun 2006 (Amalan Sumpah Mahkamah Syariah)

Arahan Amalan No. 8 Tahun 2007 (Amalan Perceraian Ta'liq)

Arahan Amalan No. 9 Tahun 2007 (Amalan Pengesahan Perkahwinan yang Berlawanan dengan Peruntukan Akta/Enakmen/Ordinan Undang-undang Keluarga Islam)

Arahan Amalan No. 10 Tahun 2007 (Amalan Pengesahan Talaq di Luar dan Tanpa Kebenaran Mahkamah)

Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2003

Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2003

Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003

SENARAI KES

Pendakwa Syarie lawan Mohamed bin Sabu dan Seorang Lagi (1997) 11 JH 61

Senarai Kes Tidak Dilaporkan

Anuar Bin Saleh lawan Ramleh Binti Kulal, No. Kes Mal 10100-017-0323-2013

Azilah Binti Abd Aziz dan Razaly Bin Othman, No. Kes Mal 10200-012-0085-2012

Hairul Nizam Bin Mohd Hussin dan Sandra Binti Mohamad Hisham, No. Kes Mal
10200-012-0181-2013

Hamedah Binti Zainal lawan Ahmad Hidayat Bin Ahmad Sokhaimie @ Hj Mahsuri,
No. Kes Mal 10400-028-0623-2014

Hamizatun Dashima Bt Hamzah lawan Mohd Daeneal B Abdul Karim, No. Kes Mal
10100-028-0282-2014

Juliani Bt Mohammad Radi lawan Adnan B Mohamed, No. Kes Mal 10400-028-0395-
2013

Norhayati Binti Abd Kadir lawan Mohamad Zamri Bin Baharom, No. Kes Mal 10400-
017-0589-2013

Sarmaida Bt Sinaga lawan Abd. Wahab B Ahmad, No. Kes Mal 10100-028-0271-2014

Satibi Bin Salim dan Surayah Binti Mahyudin, No. Kes Mal, 10300-012-0363-2014

Sazlena Binti Mohd Zain lawan Jusrry Bin Jaapar, No. Kes Mal 10400-016-0230-2013

Shahril Putera Bin Hassan dan Nurakasha Nancy Binti Abdullah, No. Kes Mal 10300-
026-0610-2013

Yakcop Bin Jantan lawan Nor Halizam Binti Ismail, No. Kes Mal 10300-028-0001-
2013

Universiti Malaya

SENARAI JADUAL

Jadual 2.1 Keadaan yang Membenarkan Penggunaan *Ghalabah al-Zan*

Universiti Malaya

SENARAI LAMPIRAN

Arahan Amalan No. 2 Tahun 2006 (Amalan Sumpah Mahkamah Syariah): Tafsiran
Ungkapan Tertentu

Borang 1- Amalan Sumpah Mahkamah Syariah (Amalan 8(1)(b)) : Lafaz Sumpah
Syarie Al-Mudda 'ā 'Alayh

Borang 2- Amalan Sumpah Mahkamah Syariah (Amalan 8(2)(a)) : Lafaz Sumpah *Al-*
Mudda 'ī

Borang 3- Amalan Sumpah Mahkamah Syariah (Amalan 8(2)(b)) : Lafaz Sumpah *Al-*
Mudda 'ī Bersama Seorang Saksi

Borang 4- Amalan Sumpah Mahkamah Syariah (Amalan 8(4)) : Lafaz Sumpah *Al-*
Istizhār

SENARAI KEPENDEKAN

Dr.	-	Doktor
Ed.	-	Editor (Penyunting)
EKMS	-	Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah
Et. al	-	Lebih Dari Seorang Penulis
ETMMS	-	Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah
EUUKI	-	Enakmen Undang-undang Keluarga Islam
Hj.	-	Haji
<i>Ibid</i>	-	<i>Ibidem</i>
JAKESS	-	Jabatan Kehakiman Syariah Selangor
JKSM	-	Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia
JSU	-	Jabatan Syariah Dan Undang-undang
MSSA	-	Mahkamah Syariah Shah Alam
Prof.	-	Profesor
R.A	-	Raḍiya Allāhu ‘Anhu
S.A.W	-	Ṣallā Allāhu ‘alayhi Wasallam
S.W.T	-	Subḥānahu Wa Ta‘ālā
T.p	-	Tanpa Penerbit
T.t	-	Tanpa Tarikh

SENARAI TRANSLITERASI

I. KONSONAN

Huruf Arab	Roman	Huruf Arab	Roman
ء,ا	A,'	ط	Ṭ
ب	B	ظ	Z
ت	T	ع	'
ث	Th	غ	Gh
ج	J	ف	F
ح	Ḥ	ق	Q
خ	Kh	ك	K
د	D	ل	L
ذ	Dh	م	M
ر	R	ن	N
ز	Z	ه	H
س	S	و	W
ش	Sh	ي	Y
ص	Ṣ	ة	H,T
ض	Ḍ		

II. VOKAL PENDEK

Vokal Pendek	Transliterasi	Contoh	Transliterasi
ا	A	قَاتَتْ	<i>Qanata</i>
ي	I	سَلِمَ	<i>Salima</i>
و	U	جُعِلَ	<i>Ju'ila</i>

III. VOKAL PANJANG

Vokal Panjang	Transliterasi	Contoh	Transliterasi
اِي	Ā	كُبْرَى، بَابُ	<i>Bāb, Kubrā</i>
يِي	Ī	وَكَيْلُ	<i>Wakīl</i>
وِي	Ū	سُورَةٌ	<i>Sūrah</i>

IV. DIFTONG

Diftong	Transliterasi	Contoh	Transliterasi
اَوُ	Aw	قَوْلُ	<i>Qawl</i>
اَيُ	Ay	خَيْرُ	<i>Khayr</i>
اُوُ	Uww	قُوَّةٌ	<i>Quwwah</i>
اَيِّ	Iy, ī	عَرَبِيٌّ	<i>'Arabiy/ī</i>

BAB 1: PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Islam adalah agama yang menitikberatkan keadilan yang mana ianya mencakupi segenap lapangan kehidupan. Keadilan menjadi lebih penting apabila dilihat dari kaca mata perundangan dan kehakiman. Ini adalah kerana ia berkait rapat dengan penyelesaian pertelingkahan antara dua pihak dengan cara seadil-adilnya oleh seorang hakim. Perundangan Islam menuntut pihak-pihak yang bertanggungjawab berganding bahu dalam mewujudkan sistem undang-undang yang adil. Ini termasuklah memahami fungsi, selok belok alat-alat keterangan atau hujah-hujah dalam sesuatu perbicaraan. Persoalan keadilan di Mahkamah Syariah tidak dapat lari daripada isu keterangan dan pembuktian kerana hanya melaluinya mahkamah dapat membuat satu keputusan yang tepat berdasarkan apa yang dibentangkan di hadapannya.

Kaedah keterangan dan pembuktian ini merupakan salah satu elemen penting dalam prosedur perbicaraan sesuatu kes yang sedang berjalan di Mahkamah Syariah setiap negeri dan telah diperuntukkan di dalam undang-undang yang berkaitan, di mana ianya mempunyai matlamat untuk memastikan hanya perkara-perkara yang benar-benar mempunyai hubung kait dengan sesuatu kes itu sahaja dikemukakan di dalam mahkamah.¹ Undang-undang ini diwujudkan agar proses untuk menegakkan keadilan dapat dilaksanakan dengan lancar dan konsisten. Peruntukan berkaitan dengan keterangan ini mula diperuntukkan dalam Undang-undang Pentadbiran Agama Islam Negeri-negeri walaupun dalam skop yang amat terhad. Namun semenjak 1989, Undang-undang Keterangan Mahkamah Syariah yang khusus telah diluluskan.² Selain itu, aspek

¹Ruzman Md. Noor, "Pembuktian di Mahkamah Syariah," dalam *Undang-undang Islam di Malaysia: Prinsip dan Amalan*, ed. Ahmad Hidayat Buang (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2007), 173.

²*Ibid.*

keterangan juga telah diperuntukkan dalam peruntukan undang-undang seperti Undang-undang Tatacara Mal, Arahan Amalan dan beberapa peruntukan yang lain.

Sehingga hari ini, semua negeri di Malaysia telah mengguna pakai peruntukan-peruntukan tersebut sebagai rujukan dalam membuktikan kes yang telah dibawa ke mahkamah dan seterusnya akan menentukan bagaimana kedua-dua pihak yang bertikai dapat meyakinkan mahkamah tentang pertuduhan yang dikemukakan ataupun menafikan pertuduhan yang telah dibuat oleh mereka. Undang-undang keterangan ini juga dapat memastikan mereka yang bertikai supaya membuktikan kewujudan fakta-fakta tertentu dengan cara yang betul dan tepat semasa perbicaraan berlangsung dan meyakinkan mahkamah tentang fakta-fakta tersebut. Apabila ianya berjaya dibuktikan, maka sebarang hak atau liabiliti yang terkandung dalam undang-undang substantif dapat dipastikan kedudukannya.³ Antara kaedah keterangan dan pembuktian yang boleh diaplikasikan dalam Mahkamah Syariah ialah *bayyinah*, *shahādah*, *iqrār*, *yamīn*, *qarīnah*, *khibrah*, *kitābah*, *qasāmah* dan *li,ān*.

Dapat dilihat bahawa peruntukan-peruntukan yang berkaitan dengan kaedah keterangan dan pembuktian merupakan cabang ilmu yang perlu difahami secara mendalam oleh pengamal undang-undang seperti peguam, hakim, pendakwa raya, polis, penguatkuasa agama termasuk mufti dan penggubal undang-undang terutamanya dalam perundangan Islam masa kini. Kesedaran masyarakat tentang konsep undang-undang keterangan juga perlu diberi perhatian memandangkan kerap kali isu-isu berkaitan dengan pertuduhan di mahkamah telah disalah fahami dan akhirnya menimbulkan pelbagai spekulasi yang tidak sepatutnya berlaku terutamanya pada zaman arus pemikiran modenisasi ketika ini.

³*Ibid.*,174.

Berdasarkan apa yang telah dijelaskan oleh pengkaji, kajian ini akan memfokuskan salah satu daripada kaedah keterangan dan pembuktian dalam undang-undang keterangan Islam iaitu sumpah (*al-yamīn*) kerana pada pendapat pengkaji kaedah ini belum lagi diketengahkan secara mendalam terutama dari aspek kebolehterimaan sumpah sebagai keterangan (*admissibility of evidence*)⁴ dalam perundangan Islam masa kini. Perlu difahami bahawa sumpah merupakan kaedah di mana ia berfungsi untuk menguatkan dan mengukuhkan keterangan serta meyakinkan hakim dalam pensabitan sesuatu keputusan. Justeru itu, kajian ini bagi pengkaji penting untuk dikaji dalam menghuraikan tentang sejauh mana institusi kehakiman iaitu Mahkamah Syariah mengaplikasikan kaedah sumpah yang boleh dijadikan sebagai alat pensabitan yang setaraf dengan kaedah-kaedah keterangan lain dalam perundangan Islam masa kini.

1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

Mahkamah Syariah di setiap negeri di Malaysia telah memakai peruntukan yang berkaitan dengan undang-undang keterangan Islam sejak sekian lama terutama dalam membuktikan sesuatu kes yang melibatkan pihak yang mendakwa dan pihak yang didakwa atau pihak yang menuntut dan pihak yang kena tuntutan. Selain *al-igrār* dan *al-shahādah* yang menjadi keterangan utama, *al-yamīn* merupakan salah satu daripada keterangan yang diterima pakai di Mahkamah Syariah.⁵ Walau bagaimanapun,

⁴Kebolehterimaan keterangan (*admissibility of evidence*) bermaksud prinsip yang menentukan sama ada keterangan yang diberikan boleh diterima oleh mahkamah ataupun tidak. Prinsip utama kepada kebolehterimaan tersebut adalah relevan. Setiap keterangan yang sepenuhnya relevan adalah diterima dan setiap yang tidak sepenuhnya relevan adalah tidak diterima. Walaubagaimanapun, keterangan yang relevan mungkin tidak akan diterima jika ianya berada dalam salah satu skop peraturan pengeluaran (*exclusionary rule*). Peraturan pengeluaran adalah di mana keterangan tersebut tidak boleh digunakan semasa perbicaraan disebabkan undang-undang tidak membenarkannya. (Jonathan Law dan Elizabeth A. Martin, *A Dictionary of Law*, ed. ke-6, Oxford: Oxford University Press, 2006, 16 & lihat juga Paul McKeown et al., *Evidence*, London: Oxford University Press, 2002/2003, 12).

⁵Wan Abdul Fattah Bin Wan Ismail dan Zulkifli Bin Hassan, *Konsep Sumpah (al-Yamīn) dan Pelaksanaannya di Mahkamah Syariah*, (Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia, 2007), v.

pelaksanaan sumpah (*al-yamīn*) sebagai kaedah keterangan dan pembuktian dalam memutuskan sesuatu kes dikategorikan sebagai kaedah alternatif atau gantian untuk membuktikan fakta kes di mana aplikasi kaedah sumpah digunakan dalam keadaan tertentu seperti untuk menguatkan keterangan yang tidak mencukupi atau ketika tiada keterangan langsung berkaitan dengannya.

Al-yamīn atau dikenali juga sebagai sumpah Syarie ialah sumpah atau suatu ungkapan tertentu untuk menyatakan sesuatu persoalan itu mungkin berlaku atau tidak berlaku. Ia perlu dilafazkan dengan pasti dan dikaitkan dengan nama Allah S.W.T atau salah satu sifatnya dengan tujuan untuk meyakinkan sesuatu pensabitan bagi menimbulkan kepercayaan orang lain dengan ungapannya itu.⁶ Sumpah pada dasarnya diterima oleh Syarak sebagai kaedah pembuktian, namun hukumnya berbeza kerana keadaan perkara yang disumpahkan. Hukumnya dapat dibahagikan kepada lima iaitu wajib, sunat, makruh, harus dan haram.⁷ Bagi peranan sumpah di mana untuk menyelesaikan sesuatu permasalahan antara dua pihak seperti mendamaikan mereka, seseorang itu sunat untuk bersumpah.

Sumpah ini merupakan keterangan yang diterima sebagai sokongan pembuktian di Mahkamah Syariah dan ianya telah dilaksanakan mengikut hukum Syarak yang telah ditetapkan. Hikmah dan tujuan pensyarian sumpah adalah untuk menyelesaikan pertikaian, mengembalikan hak kepada tuannya, dan menyelamatkan maruah dari tohmahan.⁸ Selain itu juga, sumpah berfungsi sebagai memastikan kebenaran dapat diterjemahkan dalam sesuatu kes atau menafikan dakwaan dari pihak yang mendakwa terhadap pihak yang didakwa.

Dalam memastikan kebenaran dapat ditegakkan, keadilan merupakan perkara yang paling penting dalam setiap penghakiman yang dibuat. Konsep keadilan pada

⁶*Ibid.*

⁷*Ibid.*, 8.

⁸*Ibid.*, v.

asasnya adalah keadilan secara zahir (*adālah zāhirah*) yang mana sesuatu yang diputuskan oleh hakim adalah melalui keterangan dan bukti yang nampak secara zahir manakala apa yang tersembunyi adalah bergantung kepada Allah S.W.T semata-mata. Walau bagaimanapun, dalam kajian ini pengkaji akan melihat hubung kait keadilan dengan sumpah kerana tidak seperti kaedah keterangan lain antaranya kaedah *qarīnah* di mana ianya suatu yang boleh dilihat secara zahir, sumpah secara dasarnya adalah sesuatu yang tidak dapat dilihat dengan mata kasar dan lebih kepada bersifat spiritual. Di sini pengkaji melihat bahawa sumpah adalah satu kaedah keterangan yang boleh memainkan peranan untuk menyelesaikan kes dengan berkesan dan terbukti dalam mencapai keadilan kepada pihak-pihak yang bertikai seperti mana kaedah-kaedah lain walaupun ianya suatu keterangan yang tidak nampak dan merupakan kaedah ganti yang lebih bersifat spiritual dengan melibatkan nama Allah S.W.T dan sifat-sifatNya.

Adapun kebolehterimaan keterangan seperti mana yang dibincangkan boleh dinyatakan sebagai suatu keterangan yang diterima oleh mahkamah dalam sesebuah kes yang dibawa oleh pihak yang mendakwa atau pihak yang menuntut perlu memenuhi prinsip utama dalam penerimaan keterangan iaitu yang sepenuhnya relevan dan keterangan yang tidak relevan adalah tidak akan diterima oleh mahkamah. Namun, terdapat juga keterangan yang relevan tetapi tidak diterima oleh mahkamah dalam sesuatu perbicaraan disebabkan peraturan pengeluaran (*exclusionary rule*) di mana keterangan yang dikemukakan di mahkamah dalam perbicaraan yang berlangsung tidak dibenarkan oleh kerana beberapa keadaan yang menyekatnya untuk digunakan seperti ketidaklayakan saksi yang dibawa, keterangan daripada orang yang tidak pakar dalam hal yang disoal dalam mahkamah dan sebagainya.⁹ Oleh yang demikian, sejauh mana kebolehterimaan terhadap aplikasi sumpah ini sebagai keterangan perlu diteliti dengan lebih terperinci terutama oleh pengamal undang-undang supaya apabila semua pihak

⁹ McKeown et al., *Evidence*, 12.

memahami kaedah ini dengan jelas maka kebolehpercayaan terhadapnya sebagai mekanisme dalam pensabitan sesuatu keputusan yang dibuat oleh seorang hakim akan diterima dan diyakini.

Justeru itu, kajian ini dibuat bagi melihat aspek kebolehterimaan sumpah sebagai keterangan oleh hakim-hakim Syarie dalam mereka memutuskan kes-kes yang berlangsung di hadapan mereka dengan merujuk kepada peruntukan undang-undang yang berkaitan dengan sumpah dan berdasarkan hukum Syarak.

1.3 PERMASALAHAN KAJIAN

Sebagaimana yang diketahui umum, kaedah-kaedah keterangan dan pembuktian seperti *iqrār*, *shahādah* dan *qarīnah* merupakan kaedah yang diguna pakai di Mahkamah Syariah dan mempunyai autoriti untuk mensabitkan sesuatu keputusan yang dibuat oleh Hakim Syarie. Walau bagaimanapun, aplikasi terhadap kaedah sumpah sedikit berbeza dengan kaedah-kaedah yang lain kerana ia bukanlah kaedah keterangan utama dalam hakim mensabitkan hukuman terhadap pihak-pihak yang bertikai malahan ianya hanya berperanan sebagai kaedah alternatif untuk menguatkan dan mengukuhkan sesuatu perkara yang dikemukakan di hadapan hakim sebelum memutuskan kes tersebut.

Berdasarkan kepada pembacaan dan pemerhatian pengkaji tentang kajian yang ingin dibuat, perbincangan khusus terhadap penerimaan sumpah sebagai keterangan di Mahkamah Syariah belum diketengahkan dengan terperinci oleh pengamal undang-undang malahan golongan akademik sendiri bagi memberi lebih kefahaman kepada golongan yang berkaitan dan masyarakat seperti mana penyelidikan tentang kaedah keterangan yang lain. Oleh itu, kajian ini dilakukan agar semua pihak didedahkan

tentang sumpah dan pelaksanaannya secara lebih mendalam, tepat dan bersesuaian dengan perundangan Islam.

Selain itu, telah wujud peruntukan tentang sumpah di bawah enakmen-enakmen seluruh negeri di Malaysia mahupun Arahan Amalan, namun kedudukan dan pemakaian serta prosedur pelaksanaannya secara praktikal di Mahkamah Syariah menjadi persoalan sama ada ianya selari dengan peruntukan-peruntukan yang telah termaktub ataupun tidak.¹⁰ Ini adalah kerana kebanyakan Hakim Syarie masih kurang jelas dengan pemakaian sumpah apabila dapat dilihat mereka melaksanakan sumpah berdasarkan ijtihad sendiri¹¹ iaitu mengikut pandangan hakim yang merasakan sumpah perlu dilafazkan oleh pihak tersebut. Oleh yang demikian, kajian ini akan dilakukan bagi melihat sejauh mana hakim menerima pemakaian sumpah dalam setiap kes yang perlu kepadanya dan adakah rujukan terhadap hukum Syarak serta peruntukan undang-undang berkaitan dengan sumpah dititikberatkan dan selari dengan yang telah tertulis dalam pengendalian kes olehnya ataupun hanya bersandarkan ilmu pengetahuan hakim itu sendiri semata-mata.

Bagi menjadikan kaedah keterangan melalui sumpah ini berjaya dan berkesan dalam Mahkamah Syariah membuat keputusan yang tepat dan jelas, ia juga memerlukan kepada pelaksanaan yang sistematik. Inisiatif yang dibuat oleh Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) dengan adanya Arahan-arahan Amalan untuk diamalkan di semua negeri bagi pelaksanaan sumpah berperanan dalam membantu mahkamah membuat keputusan yang sewajarnya untuk setiap kes yang dibawa kepada mereka supaya ianya menjadi lebih teratur dan mudah. Walau bagaimanapun, penerimaan terhadap Arahan Amalan ini adalah tidak terikat secara langsung kerana setiap negeri

¹⁰Nik Salida Suhaila Bin Nik Salleh, Norma Bin Jusof dan Wan Abdul Fattah Bin Wan Ismail, "Pengesahan Dokumen Melalui Sumpah: Menurut Fiqh dan Amalannya di Mahkamah Syariah di Malaysia," *Syariah Law Reports* 1, (Januari-Mac 2014), viii.

¹¹Wan Abdul Fattah Bin Wan Ismail, "Konsep al-Yamīn: Kajian di Mahkamah Syariah Wilayah-wilayah Persekutuan," dalam *Diskusi Syariah dan Undang-undang: Siri 3*, ed. Zulkifli Bin Hassan, Azman Bin Ab. Rahman dan Asma Akli (Nilai: Kolej Universiti Islam Malaysia, 2006), 72.

boleh memilih sama ada untuk menerima pakainya ataupun tidak. Apabila ianya tidak terikat kepada setiap negeri, maka ketidakseragaman dalam melaksanakannya berlaku di Mahkamah-mahkamah Syariah.

Tambahan itu juga, keadilan amat dititikberatkan dalam perundangan Islam terutama untuk memberi satu keputusan yang adil dan saksama bagi kedua-dua pihak agar mereka sama-sama berpuas hati dengan apa yang diputuskan oleh mahkamah ke atas mereka. Jika keadilan tidak menjadi satu perkara penting dalam undang-undang Islam, maka mahkamah tidak akan menjadi medan bagi menyelesaikan permasalahan dan pertelingkahan yang berlaku dan ini akan menimbulkan pandangan negatif masyarakat terhadap sistem kehakiman terutama di Mahkamah Syariah. Oleh itu, satu keterangan dan bukti yang kukuh serta boleh diketahui dengan melihatnya dengan mata kasar adalah penting dalam memberi keadilan kepada pihak-pihak yang terlibat iaitu disebut sebagai keadilan secara zahir kerana pada dasarnya pihak mahkamah dalam memberi penghakiman adalah melalui perkara-perkara yang zahir.

Namun begitu, kajian berkaitan dengan kaedah sumpah ini adalah satu keterangan yang tidak nampak dengan mata kasar dan lebih kepada bersifat spiritual.¹² Keadaan ini akan menimbulkan persoalan sama ada ianya dapat membantu hakim dalam membuat keputusan yang seadilnya ataupun tidak dan adakah tercapai matlamat untuk menjadikan sumpah sebagai satu kaedah yang dapat menyelesaikan kes seperti mana dengan penggunaan kaedah keterangan lain juga akan dipersoalkan. Ini adalah kerana mana-mana pihak yang diarahkan bersumpah boleh melakukannya dengan niat untuk mengelak daripada dijatuhkan hukuman ke atasnya sedangkan dia bersalah dan ini akan menimbulkan banyak penipuan berlaku serta menjadikan sumpah itu dilakukan

¹²“Kaedah sumpah ini adalah satu keterangan yang tidak nampak dengan mata kasar dan lebih kepada bersifat spiritual” merupakan pandangan yang dinyatakan oleh Prof. Madya Dr. Ruzman Md. Noor berdasarkan kepada keadaan kaedah sumpah itu sendiri yang tidak dapat dibuktikan dengan benda yang nyata dan menggunakan nama Allah S.W.T serta sifat-sifatNya bagi mengukuhkan lafaz yang dibuat serta mengakibatkan orang yang bersumpah dimurkai oleh Allah S.W.T dan diazab jika bersumpah palsu.

dengan sewenang-wenangnya dan dipermainkan.¹³ Oleh itu, aspek-aspek pemakaian sumpah akan dikaji bertujuan untuk melihat bagaimana pemakaiannya digunakan oleh hakim dan peguam dalam proses menegakkan keadilan.

Satu perbincangan iaitu tentang kebolehterimaan sumpah sebagai keterangan dalam perundangan Islam masa kini, hubung kait aspek-aspek dalam menerima sumpah sebagai kaedah keterangan dan peranannya untuk menyelesaikan sesuatu kes akan dijelaskan dengan sebaiknya oleh pengkaji dengan merujuk kepada peruntukan-peruntukan dan hukum Syarak yang ada. Ianya perlu dijalankan bagi memastikan pelaksanaan kaedah sumpah yang tidak jelas¹⁴ dan sistematik¹⁵ tidak berlaku di Mahkamah Syariah seterusnya memastikan agar pelaksanaannya mendapat kepercayaan dan keyakinan masyarakat dan pengamal undang-undang. Jika usaha untuk memastikan setiap aspek pelaksanaan sumpah tidak dibuat dengan sebaik-baiknya, maka ianya boleh menyebabkan kebolehppercayaan terhadap sumpah sebagai keterangan dalam pensabitan kes sukar untuk dicapai dan masyarakat sendiri tidak takut dengan penggunaan sumpah dalam mensabitkan atau menafikan sesuatu.¹⁶

Walaupun kaedah sumpah lebih bersifat spiritual dan merupakan kaedah alternatif serta gantian kepada kaedah keterangan lain iaitu apabila hakim dapati perlunya keterangan melalui sumpah setelah keterangan utama sudah diberikan sebelum itu, atau tiada keterangan mahupun keterangan tidak mencukupi dan tidak cukup kuat, namun ia terbukti boleh menambahkan keyakinan terhadap keterangan yang diberikan dan dapat mencapai keadilan kepada kedua-dua belah pihak yang bertikai di Mahkamah

¹³ Azman Bin Ab. Rahman dan Zulkifli Bin Mohamad al-Bakri, "Sumpah Dalam Kesalahan Qazaf Menurut Perspektif Islam," *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa* 2, (2011), 68.

¹⁴ Wan Fattah dan Zulkifli, *Konsep Sumpah (al-Yamīn) dan Pelaksanaannya*, 90.

¹⁵ "Pelaksanaan kaedah sumpah yang tidak jelas dan sistematik" dalam perenggan tersebut bermaksud pelaksanaan sumpah telah dilaksanakan oleh hakim mengikut pendapat masing-masing disebabkan tidak digunakan rujukan terhadap peruntukan yang ada sepenuhnya dan ianya tidak sistematik apabila pelaksanaannya di mahkamah adalah bergantung kepada negeri masing-masing terutama bagi pemakaian Arahan Amalan yang menyebabkan ketidakseragaman berlaku.

¹⁶ Azman dan Zulkifli al-Bakri, "Sumpah Dalam Kesalahan Qazaf," 68.

Syariah. Malahan, pemakaian sumpah sebagai satu mekanisme yang berkesan untuk mahkamah membuat keputusan dapat dilihat juga dari sudut perundangan Islam semasa yang memerlukan satu kaedah pembuktian yang dapat menjimatkan masa dan kos perbicaraan sesuatu kes.

Justeru itu, kebolehterimaan penggunaan sumpah sebagai keterangan dalam Hakim Syarie mensabitkan sesuatu keputusan perlu dikaji dengan teliti sebelum dapat diaplikasikan iaitu melihat kepada asas penerimaan sumpah, peruntukan-peruntukan yang membenarkan aplikasi sumpah dan kes-kes yang boleh dilaksanakan melalui penggunaan sumpah supaya ianya boleh dilestarikan mengikut kesesuaian perundangan Islam masa kini seterusnya dapat membantu pihak-pihak yang terlibat untuk menyelesaikan masalah yang dipertikai. Ini adalah penting untuk memastikan aspek kebolehterimaan sumpah dalam arus modenisasi ini akan memberi impak dan kesan yang positif terhadap sistem kehakiman dan masyarakat setempat.

Rujukan perpustakaan dan sumber-sumber maklumat seperti kes-kes yang telah selesai daripada Mahkamah Syariah akan menjadi panduan utama pengkaji dalam mengkaji hubungan kait antara kedudukan kebolehterimaan sumpah dengan aplikasi kaedah keterangan ini. Kajian terhadap kes-kes di Mahkamah Syariah yang menggunakan kaedah sumpah sebagai mekanisme untuk mensabitkan sesuatu keputusan akan menjadi kayu ukur dalam mengetahui sejauh mana Hakim Syarie menilai keadaan kes tersebut sebelum mengarahkan sumpah dilakukan oleh pihak yang menuntut (plaintif) atau pihak yang kena tuntutan (defendan).

Oleh itu, kajian ini diharap akan memberikan satu dimensi baru dan sumbangan idea terhadap pemakaian sumpah di mana ianya bukanlah satu kaedah yang boleh

digunakan tanpa membuat penelitian terlebih dahulu dalam melaksanakannya¹⁷, akan tetapi mempunyai aspek-aspek tertentu yang perlu dinilai dalam menentukan keboleherimaannya sebagai keterangan. Apabila pihak-pihak yang bertikai diarahkan bersumpah oleh Mahkamah Syariah, maka keputusan hakim adalah muktamad berdasarkan sumpah yang dibuat dan ianya tidak boleh dipertikaikan lagi.¹⁸ Dengan itu, apabila setiap aspek keboleherimaan terhadap aplikasi sumpah dibuat dengan teliti dan keputusan dibuat dengan betul, institusi kehakiman akan menjadi lebih sistematik dan seragam, kes yang diselesaikan dapat menjimatkan masa dan kos, pengamal undang-undang lebih jelas tentang pemakaian sumpah, dan keadilan juga akan tercapai.

1.4 PERSOALAN KAJIAN

Antara persoalan kajian yang telah dikemukakan oleh pengkaji dalam kajian ini adalah seperti berikut:

1. Apakah penjelasan terhadap konsep keboleherimaan sumpah (*al-yamīn*) sebagai keterangan di Mahkamah Syariah mengikut hukum Syarak dan kaitannya dengan keadilan, fakta kes, beban pembuktian dan tahap pembuktian?
2. Bagaimana peruntukan dan pelaksanaan sumpah (*al-yamīn*) telah diaplikasikan di Mahkamah Syariah melalui undang-undang Syariah di negeri Selangor?

¹⁷“Penelitian terlebih dahulu dalam melaksanakannya” bermaksud mahkamah akan menilai keadaan yang membenarkan pelaksanaan sumpah dilakukan, rujukan berautoriti yang diguna pakai dan aspek-aspek keboleherimaannya dipenuhi sebelum ianya dilaksanakan oleh pihak yang perlu bersumpah.

¹⁸Wan Fattah, “Konsep al-Yamīn,” 73.

3. Sejauh manakah Hakim Syarie menilai kebolehterimaan sumpah sebagai keterangan berdasarkan peruntukan undang-undang yang berkaitan dengannya dan kes-kes yang diputuskan di Mahkamah Syariah Shah Alam, Selangor?

1.5 OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian merupakan matlamat-matlamat khusus dan mengandungi lebih daripada satu tujuan. Tujuan dikemukakan objektif kajian adalah untuk mengenalpasti maksud-maksud yang tersurat dan kepentingan sesebuah kajian yang dicadangkan. Pengkaji telah menggariskan beberapa objektif yang ingin dicapai dalam kajian ini iaitu:

1. Mengkaji tentang konsep kebolehterimaan sumpah (*al-yamīn*) sebagai keterangan di Mahkamah Syariah mengikut hukum Syarak dan kaitannya dengan keadilan, fakta kes, beban pembuktian dan tahap pembuktian.
2. Meneliti tentang peruntukan dan pelaksanaan sumpah (*al-yamīn*) seperti mana yang telah diaplikasikan di Mahkamah Syariah melalui undang-undang Syariah di negeri Selangor.
3. Menganalisis sejauh mana Hakim Syarie menilai kebolehterimaan sumpah sebagai keterangan berdasarkan peruntukan undang-undang yang berkaitan dengannya dan kes-kes yang diputuskan di Mahkamah Syariah Shah Alam, Selangor.

1.6 KEPENTINGAN KAJIAN

Terdapat beberapa kepentingan yang mampu diperoleh melalui kajian ini dan antara kepentingannya ialah kajian ini diharap mampu memenuhi kelompangan yang sebelum ini terdapat dalam kaedah keterangan dan pembuktian, sumpah, di mana pengkaji akan membincangkan tentang kebolehterimaan Mahkamah Syariah terhadap aplikasi kaedah sumpah sebagai keterangan dalam perundangan Islam masa kini. Ini adalah kerana penyelidik-penyelidik yang telah mengkaji tentang kaedah sumpah sebelum ini kebanyakannya memfokuskan tentang pelaksanaannya, namun kajian tentang bagaimana sumpah diaplikasikan dengan merujuk kepada aspek-aspek kebolehterimaannya masih belum dikupas dengan jelas sehingga kini. Oleh itu, kajian ini adalah penting untuk memberi lebih penjelasan dan kefahaman tentang sejauh manakah aplikasi kaedah sumpah ini diguna pakai oleh Mahkamah Syariah dalam memutuskan kes pihak-pihak yang bertelingkah.

Selain itu, kajian ini juga memainkan peranan penting dalam memberikan sumbangan kepada institusi kehakiman Syariah dan masyarakat. Bagi institusi kehakiman Syariah, kajian ini dapat membantu pengamal undang-undang, hakim-hakim dan badan berkanun dalam mengetahui dengan lebih mendalam tentang bagaimana proses pengaplikasian kaedah sumpah dan kebolehterimaannya, seterusnya mereka dapat mempraktikkannya secara sistematik dalam perundangan Islam masa kini. Penyeragaman peruntukan tentang amalan sumpah dan pelaksanaannya yang telus dan tepat oleh semua negeri akan membantu proses penghakiman berjalan dengan lancar. Dengan itu, keadilan terhadap pihak-pihak yang terlibat dapat ditegakkan oleh Mahkamah Syariah dan mereka akan menjadikannya sebagai kaedah keterangan dan pembuktian yang dapat menjimatkan masa dan kos perbicaraan.

Kajian ini juga dapat menambahkan pengetahuan dan memberikan kesedaran kepada masyarakat terhadap pelaksanaan sumpah dan peranannya sebagai keterangan yang boleh dipercayai dan diyakini dalam pensabitan keputusan sesuatu kes. Apabila masyarakat terutama pihak-pihak yang bertikai jelas tentang keberkesanan dan peranan sumpah yang menjadi kaedah alternatif dan gantian dalam menyelesaikan kes-kes yang dibicarakan, kebolehpercayaan terhadapnya akan berada pada paras yang tinggi seterusnya pertikaian dapat ditamatkan dengan tanpa ada ketidakpuasan hati daripada mana-mana pihak.

Justeru itu, pengkaji berharap kajian yang dijalankan ini dapat memberikan satu sumbangan idea yang bermakna kepada institusi kehakiman Syariah dan masyarakat serta mampu memberi impak yang positif iaitu kesedaran terhadap keperluan untuk melaksanakan kaedah sumpah dalam perundangan Islam masa kini.

1.7 BATASAN/SKOP KAJIAN

Fokus kajian ini adalah tentang sumpah berdasarkan hukum Syarak dan dalam peruntukan undang-undang Islam di Selangor seperti Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2003, Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2003, Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003 dan Arahan-arahan Amalan tentang pemakaian sumpah. Pemilihan Enakmen-enakmen tersebut adalah kerana bersesuaian dengan kajian yang dijalankan iaitu di Mahkamah Syariah Shah Alam, Selangor dan oleh itu, pengkaji memerlukan rujukan daripada enakmen negeri Selangor bagi mendapatkan data-data yang berkaitan dengan pelaksanaan sumpah supaya kebolehterimaan sumpah sebagai keterangan di MSSA adalah bersandarkan autoriti yang terdapat dalam peruntukan undang-undang Islam di

Selangor. Selain itu, konsep sumpah dan kaitannya dengan keadilan, fakta kes, beban pembuktian dan tahap pembuktian juga menjadi intipati dalam kajian ini.

Kajian ini juga adalah dalam ruang lingkup perbincangan tentang aspek-aspek kebolehterimaan sumpah sebagai keterangan dalam perundangan Islam masa kini dan difokuskan di Mahkamah Syariah. Oleh itu, kajian ini akan melihat sejauh mana kaedah sumpah menjadi satu keterangan yang relevan untuk diterima dalam pensabitan hukuman dengan mengaitkannya dengan aspek-aspek penerimaan pemakaian sumpah yang akan dibincangkan kelak.

Seterusnya kajian ini hanya dilakukan di Mahkamah Syariah Shah Alam (MSSA), Selangor dari segi pemakaian dan standard pelaksanaan sumpah. Pemfokusan kepada MSSA dibuat adalah berdasarkan kriteria iaitu ianya mempunyai kadar kes tertinggi berbanding dengan Mahkamah Syariah lain di Malaysia yang membolehkan pengkaji merujuk dan mengkaji pelbagai kes terutama kes mal di mana penghakiman yang dibuat oleh hakim adalah berdasarkan sumpah yang diarahkan sama ada ke atas pihak plaintif atau defendan dengan alasan-alasan dan aspek-aspek tertentu. Tambahan pula, ianya juga disebabkan oleh di sebalik Mahkamah Syariah yang sememangnya terikat dengan peruntukan Enakmen-enakmen yang ada, MSSA ini merupakan salah satu mahkamah yang menggunakan Arahan Amalan tentang pemakaian sumpah iaitu yang telah dibuat oleh Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM). Oleh yang demikian, MSSA menjadi sampel kajian pengkaji yang paling sesuai dan relevan bagi memenuhi setiap apa yang diperlukan dalam kajian ini.

Dalam kajian ini, pengkhususan dibuat terhadap kes-kes yang telah diputuskan oleh mahkamah yang mana kes-kes yang menjadi penilaian dan dianalisis adalah kes yang telah selesai dari tahun 2012-2016 oleh MSSA. Rasional tempoh tersebut adalah supaya kes yang menjadi rujukan masih relevan dengan kajian yang dibuat oleh

pengkaji yang ingin melihat kepada kaedah sumpah dalam perundangan Islam masa kini dan ianya adalah tempoh di mana Arahan Amalan No. 2 Tahun 2006 (Amalan Sumpah Mahkamah Syariah) telah diperkenalkan dan diguna pakai. Justeru itu, pengkaji dapat melihat sejauh mana keberkesannya terhadap penghakiman di Mahkamah Syariah terutama di negeri Selangor dan memastikan juga Hakim Syarie telah menerima pakai pelaksanaan sumpah selari dengan yang telah termaktub dalam setiap peruntukan yang berkaitan dengannya.

1.8 SOROTAN LITERATUR/ULASAN KAJIAN LEPAS

Dalam pengumpulan data dan maklumat, pengkaji telah meneliti penulisan-penulisan lepas yang berkaitan dengan tajuk kajian pengkaji dan ianya amat membantu dalam menjelaskan lagi konsep, pelaksanaan dan kebolehterimaan terhadap aplikasi kaedah sumpah di Mahkamah Syariah. Dalam penulisan kajian lepas ini, pengkaji telah mengklasifikasikannya kepada beberapa tema dan antaranya adalah:

1.8.1 Undang-undang Keterangan Islam

Undang-undang keterangan Islam merupakan satu ilmu yang perlu difahami secara mendalam terutama bagi pengamal undang-undang dan penggubal undang-undang. Menurut Zulkifli Hassan dalam penulisanannya, beliau menyatakan bahawa kesedaran masyarakat tentang konsep undang-undang keterangan perlu diberi perhatian memandangkan kerap kali isu-isu berkaitan dengan pertuduhan di mahkamah disalah fahami dan menimbulkan pelbagai spekulasi yang tidak sepatutnya berlaku.¹⁹ Beliau telah menyentuh tentang sejarah Undang-undang Keterangan Islam di Malaysia dari

¹⁹Zulkifli Hassan, *Memahami Undang-undang Keterangan Islam* (Nilai: t.p., t.t.).

sebelum kemerdekaan sehinggalah kepada selepas kemerdekaan dan juga telah menerangkan tentang kaedah-kaedah keterangan secara umum termasuklah tentang kaedah sumpah. Di sini dapat dilihat bahawa kaedah sumpah telah dinyatakan dalam sistem kehakiman Islam sebagaimana yang diketahui ianya adalah salah satu daripada kaedah keterangan Islam. Namun begitu, kajian beliau tidak membawa contoh empirikal dalam memperlihatkan bagaimana sumpah diaplikasikan di Mahkamah Syariah. Oleh yang demikian, bagi menjelaskan dengan lebih terperinci tentang pelaksanaan sumpah di Mahkamah Syariah, penjelasan terhadapnya dibuat oleh pengkaji dengan menjadikan penulisan beliau sebagai rujukan dalam kajian ini.

Ruzman Md. Noor pula menjelaskan bahawa undang-undang keterangan Islam bermatlamat untuk memastikan hanya perkara-perkara yang benar-benar berkaitan dengan sesuatu kes itu sahaja dikemukakan di dalam mahkamah.²⁰ Beliau juga memberi pendapat iaitu keterangan pada prinsipnya merupakan kaedah-kaedah yang digunakan untuk membuktikan sesuatu fakta yang akan menentukan sama ada wujud atau tidak sebarang hak atau tanggungan di dalam kes sivil dan jenayah di mana fakta yang telah berjaya ditentukan kewujudannya adalah dikira sebagai telah dibuktikan dan begitulah sebaliknya.²¹ Penjelasan Ruzman Md. Noor ini disokong lagi dengan kenyataan beliau dalam penulisan yang lain iaitu dalam undang-undang keterangan Islam di Mahkamah Syariah, pembuktian adalah persoalan utama yang diketengahkan dalam setiap kes yang dibicarakan di mana ianya adalah proses untuk menegakkan perkara yang didakwa.²² Penulisan-penulisan yang diketengahkan oleh beliau lebih tertumpu kepada penjelasan tentang kaedah-kaedah keterangan Islam yang dilaksanakan bagi membuktikan fakta kes adalah merupakan elemen penting sebelum sesuatu kes diputuskan. Oleh itu, kajian

²⁰Ruzman Md. Noor, "Pembuktian di Mahkamah Syariah," dalam *Undang-undang Islam di Malaysia: Prinsip dan Amalan*, ed. Ahmad Hidayat Buang (Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2007), 173.

²¹*Ibid.*, 174-175.

²²Ruzman Md. Noor, "Undang-undang Keterangan Islam di Malaysia: Kajian Penulisan," dalam *Mahkamah Syariah di Malaysia: Pencapaian dan Cabaran*, ed. Ahmad Hidayat Buang (Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2005), 39.

yang dijalankan oleh pengkaji akan memfokuskan kepada kebolehterimaan pelaksanaan sumpah sebagai kaedah yang penting dalam membuktikan fakta kes yang mana ianya dapat menamatkan pertikaian antara pihak-pihak di mahkamah.

Siti Zalikhah Md. Nor pula dengan jelas menyatakan bahawa asas dan prinsip yang diletakkan oleh undang-undang keterangan Islam cukup kukuh, namun begitu pakar dan pengamal undang-undang perlu mempergiatkan penerokaan serta penyusunan undang-undang keterangan Islam sesuai dengan keperluan semasa.²³ Abdul Monir Bin Yaacob dalam buku yang telah disunting oleh beliau membincangkan pelbagai isu antaranya adalah tentang konsep kehakiman Islam, tugas kehakiman dalam mahkamah dan perkembangan terkini Mahkamah Syariah di Malaysia.²⁴ Beliau berpendapat bahawa kehakiman Islam adalah satu kemestian dan tuntutan agama yang mesti dilaksanakan.²⁵ Hak-hak manusia akan terabai dan dicabuli jika tiada tempat untuk menyelesaikan pertikaian kerana kehakiman Islam umumnya mentadbir keadilan serta ianya adalah berdasarkan hukum Syarak.²⁶ Sistem kehakiman Islam ini berkait rapat dengan usaha yang perlu dilakukan dalam meneroka dan menyusun undang-undang keterangan Islam mengikut keperluan semasa. Oleh kerana itu, adalah menjadi fokus pengkaji dalam membincangkan tentang kebolehterimaan sumpah sebagai kaedah keterangan yang boleh dilaksanakan untuk mensabitkan kes dengan cepat atau tanpa tertanggung lama supaya martabat institusi kehakiman Syariah sebagai medan untuk menyelesaikan pertikaian secara efisien pada masa kini tercapai.

Pengkaji melihat juga kepada penulisan Dato“ Hj. Md Saleh bin Ahmad @ Md yang telah mengutarakan tentang kepentingan kaedah keterangan dalam proses

²³Siti Zalikhah Hj. Md. Nor, “Beberapa Aspek dalam Undang-undang Keterangan Islam,” dalam *Al-Syariah Jilid 3: Undang-undang Keterangan Islam*, ed. Siti Zalikhah Hj. Md. Nor et al. (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2006), 15.

²⁴Abdul Monir Yaacob, *Sistem Kehakiman Islam*, (Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia, 2001).

²⁵*Ibid.*, 19.

²⁶*Ibid.*

penghakiman di mana ianya boleh membantu hakim dalam mencari kebenaran dan menjatuhkan hukuman dengan tepat sebagaimana yang dikehendaki oleh Allah S.W.T.²⁷ Selain itu, beliau juga ingin menegaskan bahawa aspek keterangan sudah mempunyai undang-undang yang khusus sebagai rujukan kepada mahkamah dan pihak yang terlibat, maka cara pelaksanaannya pula adalah bergantung kepada mereka sama ada diguna dengan cara yang sewajarnya ataupun tidak dalam menegakkan keadilan.²⁸ Penulisan beliau tidak menyatakan tentang cara pelaksanaan kaedah keterangan yang ada di mana-mana Mahkamah Syariah secara khusus. Oleh itu, kajian yang dijalankan oleh pengkaji di Mahkamah Syariah Shah Alam, Selangor dapat memberi gambaran dengan lebih jelas apabila cara pelaksanaan sumpah seperti mana yang diarahkan oleh Hakim Syarie setelah melihat kepada perlunya sumpah tersebut dilafazkan dibincangkan dalam kajian ini.

Struktur atau rangka undang-undang keterangan Islam telah menjalani beberapa pengubahsuaian dari segi prinsip keterangan dalam hukum Syarak, dan ianya diharmonikan dengan prinsip serta falsafah Akta Keterangan 1950.²⁹ Oleh itu, usaha yang dilakukan ini adalah sangat besar dan memerlukan kepakaran dalam kedua-dua bidang iaitu yang benar-benar mahir berkenaan dengan hukum Syarak dan Akta Keterangan 1950. Tambahan juga, Ruzman Md. Noor di dalam penulisannya telah memfokuskan kepada peruntukan yang berkaitan dengan kaedah-kaedah keterangan Islam dalam enakmen keterangan Mahkamah Syariah dan menurut mazhab Shāfi,ī di mana bertujuan untuk melihat sejauh mana pengaruh mazhab Shāfi,ī telah dimasukkan ke dalam undang-undang negeri di Malaysia.³⁰ Dengan menilai artikel ini, didapati

²⁷Dato" Hj. Md Saleh bin Ahmad @ Md, "Kaedah-kaedah Pembuktian dalam Undang-undang Jenayah Islam," dalam *Undang-undang Syariah di Malaysia*, ed. Abdul Karim Ali dan Mohd Roslan Mohd Nor (Shah Alam: Persatuan Ulama" Malaysia, 2013).

²⁸*Ibid.*

²⁹Ruzman Md. Noor, "Kedudukan *Bayyinah*, *Syahādah* dan *Qarīnah* dalam Penggubalan Undang-undang Keterangan Islam di Malaysia," *Jurnal Syariah* 16, no. 2 (2008), 345-346.

³⁰Ruzman Md. Noor, "Kesaksian Dalam Konteks Undang-undang Keterangan Mahkamah Syariah di Malaysia: Analisis Dari Perspektif Mazhab Shāfi,ī," *Jurnal Fiqh*, no. 5 (2008), 143-144.

bahawa penggubalan kepada setiap undang-undang keterangan Islam di Malaysia merupakan hasil daripada pengharmonian undang-undang Inggeris dengan undang-undang Islam yang telah diamalkan sekian lama. Menerusi kajian ini, pengkaji akan meneliti sama ada pelaksanaan sumpah yang diarahkan oleh hakim adalah berpandukan rujukan terhadap undang-undang Syariah di negeri Selangor dan hukum Syarak ataupun tidak.

Justeru itu, undang-undang keterangan Islam telah dijelaskan secara terperinci iaitu membabitkan kesemua kaedah-kaedah keterangan yang ada seperti kesaksian, konsep pengakuan, sumpah, sabitan nasab melalui *qiyāfah*, *qasāmah* dan *qarīnah*. Penjelasan tentang sumpah dalam penulisan-penulisan di atas hanyalah diterangkan dari sudut konsep asasnya sahaja dan tidak dihuraikan secara mendalam kerana ianya tidak menekankan kepada satu kaedah keterangan semata-mata. Penulisan-penulisan ini membolehkan pengkaji menghubungkan kaitkan undang-undang keterangan Islam yang digubal untuk pelaksanaannya di MSSA dengan setiap yang terdapat dalam hukum Syarak dan undang-undang terdahulu supaya dapat difahami dengan lebih jelas lagi terutama melalui sejarah perkembangannya dan kaedah-kaedah keterangan yang telah diterangkan oleh mereka. Dengan yang demikian, penulisan mereka telah memberi kefahaman kepada pengkaji dari segi aspek keterangan yang ada di Mahkamah Syariah, dan penjelasan tentang metode serta konsep undang-undang keterangan Islam yang ada ini akan dikaitkan dengan kaedah sumpah yang menjadi topik perbincangan dalam kajian ini.

1.8.2 Konsep Dan Pelaksanaan Kaedah Sumpah

Sumpah telah diterima pakai di Mahkamah Syariah sebagai sokongan dalam pembuktian sesuatu kes. Menurut Wan Abdul Fattah dan Zulkifli, sumpah merupakan

satu mekanisma yang berkesan untuk mahkamah membuat sesuatu keputusan walaupun tidak dinafikan masih terdapat kelemahan dalam pelaksanaannya kerana terdapat hakim dan peguam yang tidak memahami hukum, syarat dan pelaksanaan sumpah serta wujud permasalahan apabila tiada keseragaman dalam melaksanakannya.³¹ Selain itu, Wan Abdul Fattah ada menyatakan bahawa pelaksanaan sumpah di Mahkamah Syariah masih kurang jelas kerana belum terdapat peruntukan yang benar-benar praktikal untuk diguna pakai di semua Mahkamah Syariah seluruh Malaysia dan sebaliknya kebanyakan hakim melaksanakannya berdasarkan ijtihad sendiri.³² Oleh yang demikian, kupasan terhadap aspek-aspek kebolehterimaan dalam pelaksanaan sumpah di Mahkamah Syariah sebagai kaedah yang efektif untuk menyelesaikan kes dihuraikan dalam kajian ini.

Dato³³ Haji Mohammad Asri pula berpendapat bahawa sumpah merupakan salah satu cara untuk menguatkan pembuktian yang menjadi sandaran kepada hakim dalam mengeluarkan hukuman atau keputusan bagi menyelesaikan pertikaian dan mengakhiri perbalahan antara pihak-pihak yang bertikai.³³ Pendapat beliau ini telah menyokong kenyataan Wan Abdul Fattah seperti mana yang pengkaji nyatakan sebelum ini iaitu dengan adanya pelaksanaan sumpah, sesuatu kes dapat diakhiri dengan keputusan yang berpihak kepada yang berhak dan membolehkan keadilan dapat ditegakkan. Walaupun sumpah dijadikan kaedah yang boleh mensabitkan kes, namun terdapat pihak-pihak yang diminta untuk bersumpah memandang remeh akan pelaksanaannya dan mengambil jalan mudah untuk menyelesaikan kes dengan bersumpah serta seolah-olah

³¹ Wan Abdul Fattah Bin Wan Ismail dan Zulkifli Bin Hassan, *Konsep Sumpah (al-Yamīn) dan Pelaksanaannya di Mahkamah Syariah*, (Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia, 2007), 92.

³² Wan Abdul Fattah Bin Wan Ismail, "Konsep al-Yamīn: Kajian di Mahkamah Syariah Wilayah-wilayah Persekutuan," dalam *Diskusi Syariah dan Undang-undang: Siri 3*, ed. Zulkifli Bin Hassan, Azman Bin Ab. Rahman dan Asma Akli (Nilai: Kolej Universiti Islam Malaysia, 2006), 72.

³³ Dato³³ Haji Mohammad Asri Bin Abdullah, "Sumpah Syarie," *Jurnal Hukum* 19, no. 1 (Februari 2005), 1.

tidak takut akan kesan jika melaksanakan sumpah palsu.³⁴ Oleh itu, sumpah secara umumnya tidak boleh dilaksanakan dengan sewenang-wenangnya kerana kesan sumpah tersebut akan berbalik kepada orang yang melaksanakannya iaitu akan dilaknat oleh Allah S.W.T di dunia dan akhirat.

Nik Salida Suhaila, Norma dan Wan Abdul Fattah telah menjelaskan dalam penulisan mereka bahawa walaupun sumpah telah diperuntukkan dalam undang-undang Mahkamah Syariah, namun peruntukan sedia ada ini belum cukup untuk membantu para hakim menyelesaikan permasalahan sumpah di mahkamah kerana mereka tidak mempunyai satu mekanisma khusus dari sudut pelaksanaannya yang menyebabkan berlakunya perbezaan dari sudut pemahaman dan pelaksanaan.³⁵ Oleh yang demikian, Amalan Sumpah Mahkamah Syariah 2006 diwujudkan bagi menyeragamkan pelaksanaan sumpah di Mahkamah-mahkamah Syariah setiap negeri di Malaysia, malahan ianya diguna pakai oleh MSSA seperti mana yang dibincangkan oleh pengkaji dalam kajian ini.

Peruntukan-peruntukan yang berkaitan dengan sumpah seperti mana yang digubal oleh penggubal undang-undang merupakan rujukan kepada para hakim dalam memastikan setiap pelaksanaan sumpah dilakukan mengikut undang-undang yang ada. Namun begitu, perlu diingatkan bahawa setiap pelaksanaan sumpah yang dilakukan di Mahkamah Syariah adalah dengan mengambil kira juga ketetapan yang telah ditetapkan oleh hukum Syarak. Hal ini dapat dibuktikan dengan kajian daripada Siti Noor Alwani di mana beliau telah mengutarakan kesimpulan daripada hasil kajiannya bahawa pelaksanaan sumpah sebagai kaedah keterangan di Mahkamah Syariah diguna pakai dan

³⁴ Azman Bin Ab. Rahman dan Zulkifli Bin Mohamad al-Bakri, "Sumpah Dalam Kesalahan Qazaf Menurut Perspektif Islam," *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa* 2, (2011), 68.

³⁵ Nik Salida Suhaila Bin Nik Salleh, Norma Bin Jusof dan Wan Abdul Fattah Bin Wan Ismail, "Pengesahan Dokumen Melalui Sumpah: Menurut Fiqh dan Amalannya di Mahkamah Syariah di Malaysia," *Syariah Law Reports* 1, (Januari-Mac 2014), viii.

dilaksanakan selaras dengan peruntukan hukum Syarak.³⁶ Dalam pengambilan pendapat daripada hukum Syarak tentang pelaksanaan sumpah, Hakim Syarie mengguna pakai sesetengah pandangan dan menolak yang lainnya dengan melihat kepada kesesuaian semasa dan adat setempat.³⁷ Dapat dilihat di sini bahawa peruntukan undang-undang yang digubal ketika ini dan kaedah sumpah berdasarkan hukum Syarak menjadi titik tolak dalam hakim meminta mana-mana pihak untuk bersumpah, dan ianya dikaji oleh pengkaji bagi mengetahui sama ada Hakim Syarie di MSSA mengarahkan sumpah selaras dengan peruntukan dan hukum Syarak ataupun tidak.

Di negara barat, kaedah sumpah juga diguna pakai dalam memutuskan kes di mahkamah walaupun ianya bukanlah seperti mana pelaksanaan sumpah yang dilaksanakan di Mahkamah Syariah. Artikel luar ini antara lain telah menerangkan tentang sejarah sistem perundangan sivil dengan pemakaian sumpah dan konsep sumpah dalam arus modenisasi serta pembentukan semula sumpah oleh perundangan barat. Walaupun pelaksanaan dan konsep asal sumpah adalah berbeza antara perundangan barat dengan perundangan di Malaysia, namun matlamat dan kesannya adalah sama iaitu untuk menyelesaikan kes antara pihak-pihak dan pelaksanaannya akan menamatkan perbicaraan yang mana hakim mensabitkan kes berdasarkan sumpah yang dilakukan serta tidak akan dicabar selepas keputusan dikeluarkan.

Kenyataan di atas disokong dengan pandangan yang telah dinyatakan oleh Helen Silving dalam artikel beliau iaitu setiap undang-undang yang telah diperuntukkan tentang pelaksanaan sumpah bermakna apabila dilaksanakan, maka ianya akan menamatkan persengketaan antara pihak-pihak dengan keputusan yang dibuat oleh hakim serta tidak boleh dipertikai dan dicabar bila mana ianya telah diputuskan.³⁸

³⁶Siti Noor Alwani Binti Hamid, "Sumpah Sebagai Metode Keterangan Mengikut Hukum Islam: Kajian Tentang Standard Pelaksanaannya di Mahkamah Syariah Kota Bharu" (disertasi peringkat Sarjana, Universiti Malaya, 2007), 123.

³⁷*Ibid.*

³⁸ Helen Silving, "The Oath," *The Yale Law Journal* 68, no. 7 (1959), 1388.

Beliau juga menyatakan bahawa sumpah adalah sesuatu yang boleh dipercayai kerana mereka bersumpah atas nama Tuhan mereka seperti mana pelaksanaan di Mahkamah Syariah yang melibatkan nama Allah S.W.T.³⁹ Ini dapat dijelaskan menerusi kajian yang dijalankan oleh pengkaji yang mana akan melihat bagaimana seorang hakim menerima sumpah sebagai kaedah keterangan yang boleh menamatkan pertikaian dan menjadikan pihak-pihak berpuas hati dengan keputusan yang dikeluarkan oleh beliau berdasarkan sumpah yang telah dilafazkan.

Robert C. Sorensen dalam artikel beliau juga telah membuktikan bahawa kenyataan yang dibuat oleh Helen Silving adalah benar apabila beliau menjelaskan bahawa sumpah yang dilakukan memberi kesan yang besar kepada orang yang bersumpah kerana mereka tidak akan melaksanakan sumpah dengan sewenang-wenangnya apabila melibatkan sumpah ke atas Tuhan mereka.⁴⁰ Keadaan ini sama sahaja dengan apa yang berlaku di Mahkamah Syariah di mana pelaksanaan sumpah dilakukan atas nama Allah S.W.T dan oleh itu ianya tidak boleh dipermainkan. Dengan pelaksanaan sumpah yang benar-benar mengikut prosedur yang ditetapkan dan sekali lagi ditegaskan iaitu sumpah adalah bentuk mempertahankan diri dengan menyebut nama Tuhan, maka hak kepada pihak-pihak dalam kes dapat ditegakkan iaitu berteraskan keadilan dalam perundangan.⁴¹ Walaupun artikel-artikel dari barat ini tidak mengulas tentang sumpah di Malaysia, namun ianya jelas dilihat bahawa pelaksanaan sumpah adalah sama dari sudut amalan dan kesan ke atas pihak-pihak yang terlibat.

Justeru itu, boleh dikatakan penulisan-penulisan ini meliputi semua yang berkaitan dengan sumpah, namun mereka tidak membincangkan tentang aspek-aspek kebolehterimaan sumpah sebagai keterangan. Disebabkan perbincangan tersebut tidak dilakukan, maka pengkaji mengambil inisiatif untuk menjalankan kajian tentangnya.

³⁹*Ibid.*, 1389.

⁴⁰Robert C. Sorensen, "The Effectiveness of the Oath to Obtain a Witness' True Personal Opinion," *The Journal of Criminal Law, Criminology and Police Science* 47, no. 3 (1956), 285-286.

⁴¹John A. Widson, "The Oath in Ancient Egypt", *Journal of Near Eastern Studies* 7, no. 3 (1948), 144.

Oleh yang demikian, kajian ini bukan sahaja akan menghuraikan tentang kaedah sumpah, malah akan turut mengupas tentang kebolehterimaan sumpah dalam mensabitkan kes. Penelitian yang lebih jelas akan dilaksanakan oleh pengkaji supaya setiap perbincangan tentang kaedah sumpah adalah bertepatan dan selari dengan apa yang ingin ditunjukkan iaitu berlandaskan peruntukan undang-undang, berteraskan keadilan dan menjadikan sumpah sebagai kaedah alternatif yang boleh memutuskan kes.

1.8.3 Kebolehterimaan Keterangan di Mahkamah

Perbincangan tentang kebolehterimaan keterangan telah dibuat oleh Dr. Hj. Zulfakar, namun begitu ianya lebih terarah kepada kebolehterimaan keterangan dari sudut kesaksian wanita yang mana telah dibincangkan penerimaannya dari sudut hukum Syarak dan undang-undang Islam di Malaysia.⁴² Dalam penulisan ini, pengkaji bersetuju dengan pandangan beliau iaitu demi menegakkan keadilan yang menjadi matlamat utama sistem kehakiman Islam, kaedah-kaedah keterangan yang ada perlu diterima bagi menyelesaikan kes-kes yang dibawa ke mahkamah, walau bagaimanapun, apa yang paling penting ialah sesuatu kes itu hendaklah dibuktikan sampai ke tahap (standard) yang diperlukan bagi kes tersebut dan bukan semata-mata bergantung kepada kaedah keterangan.⁴³

Di sini dapat difahami bahawa walaupun keterangan telah dikemukakan di hadapan hakim, namun beliau tidak akan sewenang-wenangnya akan menerima keterangan tersebut. Kebolehterimaan sesuatu keterangan itu bergantung juga kepada tahap pembuktiannya yang mana ianya hendaklah mencapai tahap yakin atau dalam keadaan tertentu *ghalabah al-zan* juga boleh diterima dengan syarat-syarat tertentu.

⁴²Dr. Hj. Zulfakar Bin Hj. Ramlee, "Kesaksian Wanita Antara Kebolehterimaan dan Kebolehpaksaan," *Jurnal Hukum* 26, no. 1 (Jun 2008).

⁴³*Ibid.*, 22.

Menerusi penulisan beliau ini, pengkaji dapati huraian terhadap tahap pembuktian yang dijelaskan adalah bersifat umum, maka kajian ini mengetengahkan tentang hubung kait antara tahap pembuktian dengan kebolehterimaan sumpah supaya kefahaman terhadap keadaan yang membolehkan sumpah dilaksanakan berdasarkan tahap pembuktian dapat difahami dengan sebaik-baiknya.

T.S.L Perlman⁴⁴ dan Thomas F. Green Jr.⁴⁵ telah memberi pendapat tentang kebolehterimaan keterangan dalam sesebuah perbicaraan yang mana perlu melihat kepada aspek-aspek tertentu antaranya ialah keterangan yang diterima adalah sesuatu yang relevan, tiada penganiayaan terhadap pihak-pihak yang terlibat termasuklah dalam hak-hak yang mereka miliki dan semua keterangan yang diterima oleh mahkamah adalah yang diperakui di bawah peruntukan undang-undang keterangan. Perlman menjelaskan lagi bahawa kebolehterimaan terhadap sesuatu keterangan itu akan diambil kira jika dilakukan dengan cara yang sah di sisi undang-undang kerana keterangan yang diperoleh dengan melanggar hak individu seseorang tidak akan diterima oleh mahkamah.⁴⁶

Pendapat Perlman ini disokong dengan pandangan oleh Green Jr. di mana setiap keterangan yang dikemukakan hendaklah berdasarkan kepada apa yang telah diperuntukkan dalam undang-undang dengan cara yang betul dan mahkamah tidak akan menerimanya jika tidak merujuk kepada undang-undang yang telah ditetapkan.⁴⁷ Oleh yang demikian, dapat pengkaji lihat bahawa cara penerimaan terhadap setiap keterangan yang dikemukakan adalah sama tidak kira di negara barat atau di Malaysia sendiri terutama dalam Mahkamah Syariah iaitu ianya adalah diterima sebagai sesuatu yang boleh mensabitkan kes jika rujukan kepada undang-undang yang berautoriti dibuat bagi

⁴⁴T.S.L Perlman, "Due Process and the Admissibility of Evidence," *Harvard Law Review* 64, no. 8 (1951).

⁴⁵Thomas F. Green Jr., "The Admissibility of Evidence Under the Federal Rules," *Harvard Law Review* 55, no. 2 (1941).

⁴⁶Perlman, "Due Process and the Admissibility of Evidence," 1305.

⁴⁷Green Jr., "The Admissibility of Evidence," 199.

setiap keterangan tersebut oleh hakim yang mengendalikan kes. Ini dapat dibuktikan juga berdasarkan kajian yang dijalankan di MSSA oleh pengkaji yang mana ingin memastikan bahawa setiap keputusan yang dibuat oleh Hakim Syarie adalah berdasarkan keterangan yang diperakui oleh undang-undang terutama dalam penerimaan sumpah untuk menyelesaikan pertikaian yang berlaku dan seterusnya dapat memberikan hak kepada yang berhak serta keadilan diberikan kepada kedua-dua belah pihak.

Berdasarkan kajian-kajian yang telah dijalankan sebelum ini, didapati bahawa kajian ini merupakan suatu keperluan bagi membolehkan pengkaji mengisi kelompangan yang mana belum dilakukan oleh kajian yang lepas. Ini adalah kerana kaedah keterangan seperti sumpah ini kurang mendapat perhatian oleh para pengkaji dan dianggap sebagai kaedah yang hanya memberi sokongan kepada sesuatu keterangan sahaja. Justeru itu, kajian ini akan menganalisis aspek-aspek kebolehterimaan sumpah sebagai keterangan serta bagaimana hakim menerimanya sebelum keputusan disabitkan. Penjelasan terhadap setiap peruntukan yang berkaitan dengannya akan dilakukan dan ulasan terhadap kes-kes yang telah diputuskan iaitu yang mempunyai hubung kait dengan aspek-aspek berkenaan juga akan dibuat.

1.9 METODOLOGI KAJIAN

Metodologi adalah satu cara atau sistem yang dilakukan dalam menjalankan sesuatu kajian. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat tahun 2005, metodologi adalah sistem yang merangkumi kaedah dan prinsip yang digunakan dalam sesuatu kegiatan, disiplin dan sebagainya. Manakala Syed Arabi Idid menyatakan bahawa metodologi

adalah cara yang dilakukan untuk mencari jawapan melalui satu tatacara saintifik.⁴⁸ Saintifik di sini adalah bermaksud sesuatu aktiviti yang terhasil daripada proses pembuktian secara sistematik.⁴⁹ Tatacara pula adalah kaedah-kaedah tertentu yang digunakan dalam sesuatu penyelidikan. Kaedah-kaedah ini juga dikenali sebagai metodologi penyelidikan.

Metodologi kajian merupakan salah satu daripada aspek yang perlu diberi perhatian oleh para penyelidik supaya kajian yang dilakukan bersistematik dan teratur. Untuk menentukan subjek kajian, pengkaji telah membuat beberapa pengkhususan tertentu pada tajuk kajian. Pengkhususan ini penting bagi mendapatkan fokus yang lebih jelas dan terperinci. Mana-mana kajian akan membataskan subjek kajiannya kerana seseorang penyelidik tidak mampu untuk melakukan penyelidikan terhadap seluruh objek di dalam kajiannya.

Reka Bentuk Kajian:

Kajian ini menggunakan pendekatan kaedah kualitatif berbentuk deskriptif di mana penggunaan kaedah ini membolehkan pembinaan konsep dan pemahaman yang diperlukan untuk mengetahui dan menganalisis sejauh mana kebolehterimaan sumpah sebagai keterangan oleh Hakim Syarie bagi memutuskan sesuatu kes di Mahkamah Syariah. Secara dasarnya, kajian ini mengaplikasikan dua bentuk metode dalam usaha pengkaji mendapatkan maklumat dan hasil dapatan iaitu Metode Pengumpulan Data dan Metode Analisis Data.

⁴⁸Syed Arabi Idid, *Kaedah Penyelidikan Komunikasi dan Sains Sosial*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992), 4.

⁴⁹Mohamad Najib Abdul Ghafar, *Penyelidikan Pendidikan*, (Skudai: Universiti Teknologi Malaysia, 2001), 15.

1.9.1 Metode Pengumpulan Data:

Kajian ini menggunakan beberapa kaedah untuk mengumpul segala maklumat dan data yang diperoleh. Gabungan kaedah-kaedah ini berupaya menghasilkan dapatan kajian yang adil, seimbang dan menyeluruh.

a) Kajian Perpustakaan

Kaedah ini digunakan dalam mengumpul bahan-bahan rujukan yang sesuai dengan tajuk kajian untuk dianalisis. Ia termasuklah al-Qur‘ān dan tafsirnya, kitab-kitab *ḥadīth*, kitab-kitab fiqh klasik dan juga kitab-kitab fiqh kontemporari. Selain itu, pengkaji juga membuat rujukan dan pengumpulan data melalui buku undang-undang dan pentadbiran undang-undang di Malaysia, jurnal, tesis, disertasi, artikel, kertas kerja, statut dan sebagainya. Kesemua bahan ini terdiri daripada bahan-bahan yang ditulis dalam bahasa Arab, Inggeris dan Melayu.

Pengkaji dalam mengumpul maklumat dan data lebih mengutamakan bahan rujukan primer, namun jika ada bahan rujukan sekunder yang bersesuaian yang boleh dijadikan sebagai maklumat tambahan dalam kajian ini, pengkaji akan mengambilnya sebagai salah satu daripada rujukan pengkaji. Data-data ini dikumpul setelah pembacaan atau rujukan yang mendalam dilakukan oleh pengkaji terutamanya berkaitan dengan undang-undang keterangan Islam dan kaedah keterangan sumpah. Ini dilakukan agar data-data tersebut bertepatan dengan tajuk kajian yang sedang dikaji oleh pengkaji.

Dalam pengumpulan data dan maklumat, pengkaji menjadikan perpustakaan sebagai salah satu sumber dalam mendapatkan bahan-bahan rujukan yang berkaitan dengan kajian selain memperoleh maklumat dari laman sesawang.

Metode perpustakaan ini penting bagi pengkaji kerana membolehkan pengkaji memahami dan menjelaskan konsep kebolehterimaan sumpah sebagai keterangan di

Mahkamah Syariah berdasarkan hukum Syarak dan menghubung kaitkannya dengan keadilan, fakta kes, beban pembuktian dan tahap pembuktian seterusnya dapat memberikan pemahaman bukan sahaja kepada pengkaji malahan sesiapa sahaja yang merujuk kajian ini.

Selain itu, metode perpustakaan ini juga digunakan bagi menjelaskan tentang peruntukan dan pelaksanaan sumpah seperti mana yang telah diaplikasikan di Mahkamah Syariah Negeri melalui undang-undang Syariah di Malaysia. Pengkaji telah menyenaraikan peruntukan-peruntukan yang berkaitan dengan sumpah dan telah menghubung kaitkannya dengan apa yang ditetapkan dalam hukum Syarak.

Oleh yang demikian, data-data yang dikumpul daripada kajian perpustakaan ini dapat mencapai objektif pertama dan kedua untuk kajian yang dilakukan oleh pengkaji seterusnya akan menjadi kesinambungan dalam mencapai objektif yang ketiga kelak.

b) Kajian Lapangan

Selain daripada kajian perpustakaan, pengkaji juga turut menggunakan kajian lapangan bagi menambah maklumat serta data-data sedia ada. Ini bagi mendapatkan maklumat yang lebih terperinci berkenaan dengan kebolehterimaan sumpah sebagai keterangan dalam perundangan Islam masa kini terutama di Mahkamah Syariah. Kajian lapangan dilakukan di Mahkamah Syariah Shah Alam (MSSA), Selangor di mana pemilihan mahkamah ini adalah berdasarkan persampelan tujuan atau *purposive sampling*⁵⁰ yang merupakan salah satu daripada jenis persampelan bukan kebarangkalian bagi kajian kualitatif. Ianya dipilih kerana memenuhi ciri-ciri tertentu yang pengkaji inginkan dalam kajian ini iaitu bertujuan untuk mendapatkan fail-fail yang berkaitan dengan kes mal yang mana pihak-pihak yang bertikai sama ada plaintif

⁵⁰ Ang Kean Hua, "Pengenalan Rangkakerja Metodologi dalam Kajian Penyelidikan: Satu Kajian Komprehensif," *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities* 1, no. 4 (2016), 48-49.

ataupun defendan telah melafazkan sumpah dan kes-kes tersebut telah menepati aspek-aspek kebolehterimaan sumpah sebagai keterangan ketika pelaksanaannya dilakukan.

Untuk mendapatkan maklumat dan data menerusi kajian lapangan, pengkaji telah menggunakan metode dokumentasi dan kajian kes. Metode temubual tidak digunakan oleh pengkaji dalam kajian ini sebagaimana lazimnya dilakukan oleh para pengkaji lain dalam kajian lapangan mereka kerana maklumat kajian yang diperoleh melalui metode dokumentasi dan kaedah kajian kes telah memadai bagi pengkaji membuat analisis berkaitan dengan kebolehterimaan sumpah sebagai keterangan di Mahkamah Syariah. Rujukan terhadap kes-kes yang diputuskan yang mana pelaksanaan sumpah dilakukan terlebih dahulu sebelum Hakim Syarie membuat keputusan telah mengukuhkan hasil dapatan dan analisis pengkaji.

i) Metode Dokumentasi

Pengkaji menggunakan metode dokumentasi di mana pengkaji melihat kepada dokumen-dokumen yang berkaitan dengan bidang dan tajuk yang dikaji di MSSA. Data-data privasi daripada Mahkamah Syariah ini iaitu fail-fail kes mal yang telah diputuskan menjadi rujukan pengkaji bagi mendapatkan maklumat yang bersesuaian dan bertepatan di mana dinyatakan pelaksanaan sumpah dalam fail kes tersebut. Catatan semula dibuat untuk memudahkan pengkaji dalam membuat analisis terhadap fail-fail kes Mahkamah Syariah di mana setiap fakta kes, peruntukan-peruntukan yang diguna pakai, keputusan dan alasan penghakiman yang diterangkan oleh hakim diambil bagi kajian ini.

ii) Kajian Kes

Secara umumnya, seperti yang telah dinyatakan sebelum ini bahawa kaedah kajian yang digunakan adalah kaedah kualitatif dan di sini pengkaji mengaplikasikan juga kaedah kajian kes di mana dalam menganalisis dan menentukan kesahan terhadap teori yang dikemukakan, ianya perlu kepada kajian kes iaitu dalam tempoh yang tertentu. Ianya adalah perlu agar dapatan yang diperoleh adalah selari dengan apa yang ingin dicapai seperti mana dalam kajian ini yang ingin mengetahui sejauh mana Hakim Syarie menilai kebolehterimaan sumpah sebagai keterangan berdasarkan peruntukan undang-undang yang berkaitan dengannya dan kes-kes yang diputuskan di Mahkamah Syariah.

Penggunaan persampelan dimensional atau *dimensional sampling* yang biasanya digunakan dalam kajian kes⁵¹ telah dijadikan tatacara bagi pengumpulan maklumat terhadap kes-kes yang sudah selesai di mana Pegawai Penerangan Jabatan Kehakiman Syariah Selangor (JAKESS) iaitu Puan Herlina Ainazawati Binti Zakaria memberi keizinan untuk pengkaji melihat 35 buah fail kes mal MSSA yang disediakan oleh pihak mahkamah yang terdapat pelaksanaan sumpah dalam kes tersebut. Daripada 35 buah fail kes tersebut, terdapat 20 buah fail kes yang disaring oleh pengkaji ketika membuat kajian lapangan di sana iaitu kesemuanya adalah kes-kes yang mempunyai ciri khusus yang diperlukan oleh pengkaji yang mana memenuhi kriteria dalam membantu pengkaji menganalisis aspek-aspek yang perlu ada dalam kebolehterimaan sumpah sebagai keterangan di Mahkamah Syariah dan keadaan yang memerlukan kepada pelaksanaannya. Tambahan juga, pengkaji dapat menjelaskan peruntukan-peruntukan yang dijadikan rujukan bagi menerima pakai pelaksanaan sumpah dan melihat juga perkaitannya dengan hukum Syarak supaya ianya selari.

⁵¹*Ibid.*

Oleh itu, pengumpulan data dan maklumat yang diperlukan dalam kajian ini adalah melalui kajian perpustakaan dan kajian lapangan dengan mengumpul bahan rujukan daripada perpustakaan serta mencatat semula kes-kes yang telah selesai di Mahkamah Syariah untuk mendapatkan maklumat yang berkaitan.

1.9.2 Metode Analisis Data:

Melalui metode ini, pengkaji mengkaji dan menganalisis kesemua data yang telah dikumpulkan bagi memastikan ianya bertepatan dengan objektif dan tajuk kajian. Bagi memenuhi perkara ini, metode-metode di bawah telah digunakan oleh pengkaji dalam kajian ini.

a) Metode Induktif

Metode induktif ini bertujuan menganalisis bukti-bukti dan keterangan yang mempunyai kaitan dengan kajian, bermula daripada data yang bersifat khusus sehinggalah kepada data yang bersifat umum.⁵² Ia kemudiannya dikaji dan dianalisis bagi menentukan bahawa data dan fakta yang terkumpul menepati objektif kajian ini. Selain itu, metode ini juga akan menyingkirkan apa jua data yang tidak berkaitan dengan kajian pengkaji dan merumuskan suatu gagasan fikiran.⁵³ Segala data yang terkumpul akan dianalisis melalui pembacaan dan kefahaman yang mendalam di mana segala maklumat tentang sumpah dan yang berkaitan dengannya akan dimasukkan ke dalam kajian yang sedang dijalankan oleh pengkaji menerusi bab-bab yang sesuai. Ia juga seterusnya akan memfokuskan lagi data kepada maklumat yang berkaitan dengan kebolehterimaan sumpah sebagai kaedah keterangan dalam perundangan Islam masa kini.

⁵²Imam Bernadib, *Arti dan Metode Sejarah Pendidikan* (Yogyakarta: Yayasan Penerbitan FIK-IKIP, 1982), 52.

⁵³Matthew B. Miles dan A. Michael Huberman, *Qualitative Data Analysis: A Sourcebook of New Methods* (Beverly Hills London: Sage Publication, 1984), 134.

Pengkaji menganalisis data menggunakan metode ini selepas membuat rujukan terhadap kitab-kitab fiqh klasik, kitab-kitab fiqh kontemporari, buku undang-undang yang berkaitan dengan sumpah, statut-statut yang digubal dan artikel-artikel berkaitan dari perpustakaan-perpustakaan dan laman sesawang untuk menjadikan analisa terhadap konsep kebolehterimaan sumpah sebagai keterangan di Mahkamah Syariah berdasarkan hukum Syarak dan menghubungkan kaitkannya dengan keadilan, fakta kes, beban pembuktian dan tahap pembuktian dalam bab Dua kajian ini tercapai. Pengkaji melihat juga dalil-dalil al-Qur'ān, *hadīth*, *ijmā*., dan athar sahabat yang ada di mana ianya akan dikeluarkan dan dianalisis menerusi metode ini untuk dijadikan hujah bagi pelaksanaan sumpah diterima pakai sebagai kaedah untuk memutuskan sesuatu pertikaian dalam bab ini.

Selain itu, penjelasan tentang peruntukan dan pelaksanaan sumpah seperti mana yang telah diaplikasikan di Mahkamah Syariah melalui undang-undang Syariah di Negeri Selangor dalam bab Tiga kajian ini dicapai dengan pengkaji menjadikan peruntukan-peruntukan sumpah yang telah termaktub dalam undang-undang negeri Selangor dan Arahan-arahan Amalan yang berkaitan dengannya sebagai sumber rujukan dan dihuraikan dalam bab ini.

Justeru itu, analisis terhadap data-data yang telah dikumpul bagi mencapai objektif dalam bab Dua dan bab Tiga kajian ini dilakukan dengan mengambil kira data yang bersesuaian dan menyingkir segala data yang tidak berkaitan supaya ianya tertumpu kepada kajian yang dijalankan sahaja.

b) Metode Deduktif

Menerusi metode deduktif pula, pengkaji akan menggunakan teori atau gagasan fikiran yang ada untuk melihat fenomena yang berlaku dan seterusnya menjelaskan

fenomena dan permasalahan kajian.⁵⁴ Ia bertujuan untuk melihat atau memperoleh hasil dapatan yang khusus⁵⁵ daripada kajian dan melalui tajuk yang dikaji oleh pengkaji iaitu berkaitan dengan kebolehterimaan sumpah sebagai keterangan, dapatan yang diperoleh dapat mengesahkan lagi kajian yang dibuat.

Dengan menggunakan metode deduktif ini, analisis kajian kes dapat diterjemahkan untuk menganalisis sejauh mana Hakim Syarie menilai kebolehterimaan sumpah sebagai keterangan berdasarkan peruntukan undang-undang yang berkaitan dengannya dan kes-kes yang diputuskan di Mahkamah Syariah. Berdasarkan kajian kes terhadap fail-fail kes di Mahkamah Syariah Shah Alam, Selangor, pengkaji menganalisis dan mengeluarkan aspek-aspek yang menjadikan ianya kebolehterimaan dalam melaksanakan sumpah sebagai kaedah yang boleh mensabitkan kes. Seterusnya aspek-aspek ini dihubung kaitkan dengan peruntukan-peruntukan yang ada dan bersandarkan kepada apa yang telah dinyatakan dalam hukum Syarak serta memastikan ianya selari dengan setiap yang diperuntukkan.

Sebanyak 20 buah fail kes yang melibatkan pelaksanaan sumpah telah memenuhi kriteria yang diperlukan dalam kajian ini, namun begitu hanya 12 buah fail kes di MSSA yang dijelaskan dalam bab analisis iaitu bab Empat di mana kes-kes tersebut mewakili aspek-aspek kebolehterimaan sumpah sebagai keterangan yang pengkaji ingin terangkan kelak. Ini menunjukkan bahawa analisis terhadap data-data yang diperoleh melalui kajian lapangan di MSSA telah diperincikan untuk mendapatkan hasil dapatan yang khusus berdasarkan kajian yang dijalankan oleh pengkaji supaya ianya disampaikan dengan jelas menerusi kajian ini.

⁵⁴*Ibid.*, 130.

⁵⁵Bernadib, *Arti dan Metode Sejarah Pendidikan*, 52.

1.10 STRUKTUR KAJIAN

Struktur kajian ini disusun dan ditulis dalam lima bab yang mana agihan bab kajian ini adalah bagi mencapai semua objektif yang dinyatakan setelah dijalankan kajian terhadapnya. Agihan bab kajian ini adalah seperti berikut:

Bab pertama merupakan bab pendahuluan bagi kajian ini. Dalam bab ini, pengkaji akan menjelaskan kerangka kajian dengan mengenal pasti latar belakang kajian, permasalahan yang berlaku, persoalan, objektif, kepentingan kajian yang dilakukan, batasan atau skop kajian, sorotan literatur atau ulasan kajian lepas, metodologi dan struktur kajian. Kesemua aspek yang dinyatakan akan memperincikan setiap yang pengkaji ingin jalankan dalam kajian ini secara keseluruhan.

Bab kedua pula adalah berkaitan dengan kebolehterimaan sumpah sebagai kaedah keterangan mengikut hukum Syarak. Dalam bab ini, pengkaji akan menerangkan tentang konsep sumpah dalam hukum Syarak iaitu merangkumi definisinya, pensyariatannya, hukum sumpah, hikmah dan syarat-syarat pelaksanaannya dan jenis-jenis sumpah. Selain itu, pengkaji akan menghubungkan kaitkan sumpah dengan keadilan, fakta kes, beban pembuktian dan tahap pembuktian kerana ianya penting untuk diterangkan dalam kajian ini.

Manakala bab ketiga akan menghuraikan tentang peruntukan dan pelaksanaan sumpah di Mahkamah Syariah mengikut undang-undang Syariah yang telah digubal bagi setiap negeri di Malaysia. Walau bagaimanapun, peruntukan yang akan dikupas dalam bab ini adalah yang dilaksanakan di negeri Selangor kerana kajian akan dijalankan di Mahkamah Syariah Shah Alam (MSSA). Pengkaji akan melihat juga kepada hubung kait antara peruntukan-peruntukan sumpah yang ada ini dengan kaedahnya berdasarkan hukum Syarak. Arahan-arahan Amalan berkaitan dengan

sumpah akan dijelaskan yang mana ianya merupakan prosedur yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) untuk diguna pakai oleh semua Mahkamah Syariah.

Dalam bab keempat, analisis terhadap kebolehterimaan sumpah dalam peruntukan undang-undang dan kes di MSSA akan dilakukan oleh pengkaji secara menyeluruh. Aspek-aspek kebolehterimaan sumpah akan dihuraikan oleh pengkaji dalam bab ini dengan mengambil kira kesemua aspek tersebut sebagai yang membolehkan hakim menerima pakai sumpah sebagai pemutus kes. Tambahan itu juga, pengkaji akan menerangkan peruntukan-peruntukan yang berkaitan dan kes-kes yang menggunakan pelaksanaan sumpah dalam setiap aspek yang dihuraikan.

Bab kelima adalah bab terakhir dalam kajian ini iaitu berkaitan dengan rumusan dan cadangan bagi keseluruhan bab. Ianya akan merumuskan semua hasil kajian yang dijalankan mengikut objektif yang ingin dicapai dalam kebolehterimaan sumpah sebagai keterangan. Seterusnya, cadangan-cadangan yang bermanfaat turut diberikan bagi pemerksaan dan penambahbaikan terhadap pelaksanaan sumpah sebagai kaedah keterangan yang penting dalam memutuskan kes.

BAB 2: KEBOLEHTERIMAAN SUMPAH SEBAGAI KAEDAH KETERANGAN MENGIKUT HUKUM SYARAK

2.1 PENDAHULUAN

Bab Dua kajian ini akan membincangkan tentang konsep sumpah berdasarkan hukum Syarak dan kebolehterimaannya sebagai keterangan dalam perundangan Islam. Konsep sumpah diterangkan terlebih dahulu dalam bab ini sebelum perbincangan yang khusus tentang kebolehterimaannya dihuraikan supaya kefahaman terhadap asas-asas dalam sumpah menurut hukum Syarak dapat difahami dengan jelas. Ini adalah kerana sumpah berdasarkan hukum Syarak merupakan kayu ukur untuk menterjemahkannya dalam bentuk perundangan Islam masa kini yang mana menjadikannya sebagai salah satu kaedah keterangan bagi membolehkan hakim mensabitkan kes di Mahkamah Syariah. Oleh itu, amat penting bagi menjelaskan tentang konsep sumpah dan kebolehterimaannya sebagai keterangan di Mahkamah Syariah mengikut hukum Syarak dan dikaitkan dengan keadilan, fakta kes, beban pembuktian dan tahap pembuktian.

2.2 DEFINISI SUMPAH (*AL-YAMĪN*)

Sebelum perbincangan dan perbahasan berkenaan dengan sumpah ini dihuraikan secara panjang lebar dalam bab-bab yang akan datang, perlu diperincikan dengan mendalam dan seterusnya difahami oleh semua tentang definisinya daripada pelbagai sudut terlebih dahulu. Ini adalah kerana kefahaman tentangnya dari sudut bahasa, istilah umum mahupun perundangan akan dapat menjelaskan lagi keadaan sebenar kedudukan sumpah dalam Islam terutama sekali dalam undang-undang Syariah yang mana menjadi fokus utama kajian ini.

2.2.1 Bahasa

Sumpah⁵⁶ dalam Bahasa Melayu berdasarkan definisi Kamus Dewan bermaksud pengakuan yang dibuat dengan bersaksikan Tuhan atau apa-apa yang dianggap suci untuk menguatkan apa yang dikatakan olehnya. Namun, sumpah dalam Bahasa Arab pula disebut sebagai *al-yamīn* yang bermaksud *al-ḥalaf wa al-qasam*.⁵⁷ *Al-yamīn* juga dikenali sebagai *al-ḥalaf, al-istiḥlāf, al-īlā'* dan *al-qasam*.⁵⁸ Oleh itu, boleh difahami di sini bahawa apabila membincangkan tentang sumpah ia merupakan perbincangan tentang *al-yamīn*.

Sumpah dari segi Bahasa Arab bererti tangan kanan atau sebelah dan pihak kanan. Ini adalah kerana masyarakat Arab pada zaman Jahiliyyah apabila bersumpah tangan kanannya akan diletakkan di atas tangan kanan sahabatnya. Ia juga adalah kerana seseorang yang bersumpah itu hendak menguatkan sumpahnya, sebagaimana tangan kanan adalah lebih kuat daripada tangan kiri.⁵⁹

Dengan itu, ada yang menyatakannya sebagai kekuatan⁶⁰ sebagaimana firman Allah S.W.T:

أَلْحَقُّبِي مُنْأَلْ

Al-Haqqah 69:45

Terjemahan: Sudah tentu kami akan menyentapnya, dengan kekuasaan kami.

⁵⁶Kamus Dewan, ed. ke-4 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005), 1319, entri "sumpah".

⁵⁷Wahbah al-Zuhaylī, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuhu* (Damsyik: Dār al-Fikr, 2004), 4:2442.

⁵⁸Mahmud Saedon A.Othman, *Undang-undang Keterangan Islam* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990), 103.

⁵⁹„Abdul Raḥman al-Jazīrī, *Kitāb al-Fiqh ,ala al-Madhāhib al-Arbi,ah* (Beirūt: Dār al-Kutub al-„Ilmiyyah, 1990), 2:55.

⁶⁰al-Zuhaylī, *al-Fiqh al-Islāmī*, 4:2442.

2.2.2 Istilah

Menurut istilah, secara umumnya sumpah bermaksud, “Menegaskan sesuatu sama ada sesuatu hak, sesuatu perkataan sebagai sabitan ataupun penafian dengan menyebut nama Allah S.W.T atau salah satu daripada sifat-sifatNya”.⁶¹ Sumpah juga membawa maksud, “Mengukuhkan kata-kata yang tidak sabit kebenaran kandungannya iaitu yang dilaksanakan oleh pihak-pihak yang dituntut untuk melaksanakan sumpah dengan menyebut salah satu daripada nama-nama Allah S.W.T atau salah satu sifatNya dengan lafaz yang tertentu”. Ianya adalah sama ada berkait rapat dengan masa yang lalu atau yang akan datang atau sama ada benar atau pun dusta.⁶²

Menurut istilah perundangan, Dr. Wahbah al-Zuhaylī telah memberi definisi sumpah dalam undang-undang keterangan Islam yang diguna pakai dalam sistem kehakiman Islam dengan lebih tepat lagi iaitu, “Suatu lafaz yang digunakan untuk menyatakan iaitu mensabitkan hak seseorang terhadap sesuatu perkara yang dituntut atau menafikan sesuatu perkara yang didakwa ke atas dirinya di hadapan hakim dengan menyebut nama Allah S.W.T atau sifat-sifatNya”.⁶³ Dengan erti kata lain, sumpah dalam konteks keterangan Islam bertujuan untuk mensabitkan sesuatu dakwaan iaitu sama ada ingin menegaskan atau memperkukuh sabitan bagi satu-satu hak atau menafikannya di hadapan hakim dengan menyebut nama Allah S.W.T atau salah satu sifat daripada sifat-sifatNya.⁶⁴

Selain itu, Dr. Muḥammad Muṣṭafā al-Zuhaylī telah memberi maksud kepada sumpah ini sebagai mengukuhkan atau meyakinkan sabitan sesuatu perkara atau

⁶¹Wahbah al-Zuhaylī, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuhu* (Damsyik: Dār al-Fikr, 1984), 6:588.

⁶²Wan Abdul Fattah Wan Ismail dan Zulkifli Hassan, *Konsep Sumpah (al-Yamīn) dan Pelaksanaannya di Mahkamah Syariah* (Nilai:Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia, 2007), 1.

⁶³al-Zuhaylī, *al-Fiqh al-Islāmī*, 6:588.

⁶⁴Siti Noor Alwani Hamid, “Sumpah Sebagai Metode Keterangan Mengikut Hukum Islam: Kajian Tentang Standard Pelaksanaannya Di Mahkamah Syariah Kota Bharu” (disertasi peringkat Sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2007), 3.

menafikannya bersaksikan dengan nama Allah S.W.T atau sifat-sifatNya di hadapan hakim.⁶⁵

Menurut Syed Sabiq pula, sumpah ialah menyatakan dengan tegas sesuatu persoalan itu atau meneguhkannya dengan menyebut nama Allah S.W.T atau salah satu daripada sifat-sifatNya atau boleh didefinisikan juga sebagai suatu janji yang dilakukan oleh orang yang melaksanakan sumpah untuk menunjukkan tekadnya terhadap sesuatu hak sama ada bagi melaksanakan atau meninggalkannya.⁶⁶

Muhammad Habib al-Tijkāniy mentakrifkan sumpah melalui sudut perundangan adalah sebagai satu sumpah yang dibuat oleh seseorang dengan tujuan untuk menguatkan kebenaran dalam sesuatu pendakwaan yang berlangsung di hadapan hakim.⁶⁷

Berdasarkan takrifan-takrifan yang telah dinyatakan di atas, dapat dijelaskan bahawa sumpah dari sudut bahasa bererti kanan atau tangan kanan atau pihak kanan, malahan juga membawa maksud kedudukan yang baik⁶⁸ iaitu merujuk kepada kekuatan dan kemampuan. Sumpah telah digunakan sejak dahulu lagi terutama oleh masyarakat Arab untuk bersumpah, di mana apabila mereka ingin bersumpah mereka akan menggunakan tangan kanan malah ianya menjurus kepada suatu kekuatan yang menguatkan perkara yang dinyatakan olehnya.⁶⁹

⁶⁵ Muhammad Muṣṭafā al-Zuhaylī, *Wasāil al-Ithbāt fī al-Sharīah al-Islāmiyyah fī al-Muʿāmalāt al-Madaniyyah wa al-Aḥwāl al-Shakṣiyyah*, ed. ke-2 (Beirūt: Maktabah Dār al-Bayān, 1994), 1:319.

⁶⁶ Syed Sabiq, *Fiqh Sunnah*, terj. Nor Hasanuddin (Jakarta: Pena Pundi Aksara, 2006), 95.

⁶⁷ Muhammad Yaakub, "Konsep Sumpah Dalam Sistem Kehakiman Islam" (disertasi peringkat Sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1991), 12.

⁶⁸ Ibn al-Manzūr, *Lisān al-ʿArabīyy* (Beirūt: Dār Ṣadīr, 1997), 6:521.

⁶⁹ Alwani, "Sumpah Sebagai Metode Keterangan Mengikut Hukum Islam", 4.

Manakala definisi sumpah dari sudut istilah merupakan satu kesinambungan dari sudut bahasa iaitu suatu penegasan atau penafian terhadap perkara-perkara yang dibincangkan bersandar kepada Allah S.W.T atau sifat-sifatNya.⁷⁰

Secara umumnya, sumpah ialah suatu ungkapan atau susunan kata tertentu dan suatu cara untuk menyatakan sesuatu persoalan itu mungkin berlaku atau sebaliknya tidak berlaku dengan pasti serta dikaitkan dengan nama Allah S.W.T atau salah satu sifat-sifatNya dengan tujuan untuk meyakinkan bagi menimbulkan kepercayaan kepada orang lain dengan ungkapannya itu dan menimbulkan kesan jika tidak menepati apa yang disumpahkannya itu.⁷¹

Dengan erti kata lain, sumpah dilakukan untuk menguatkan atau mengukuhkan sesuatu perkara yang ditegaskan berdasarkan dakwaan ke atasnya sama ada menafikannya atau mensabitkannya. Walau bagaimanapun, sumpah tidak dijadikan sebagai satu cara sabitan dalam undang-undang keterangan Islam jika tidak dilakukan dalam *Majlis al-Qadā'* atau di hadapan hakim dalam Mahkamah.⁷² Seseorang itu dianggap berdosa dan akan dikenakan kifarāt jika melakukan sumpah palsu atau melanggar sumpah yang dibuatnya.⁷³

Berdasarkan takrif sumpah dalam konteks sebagai suatu keterangan dan pembuktian dalam sistem kehakiman Islam, boleh difahami bahawa ianya adalah sumpah yang dilakukan di hadapan hakim untuk mensabitkan sesuatu hak yang menjadi pertikaian antara dua pihak yang bertelagah dalam perkara tertentu.⁷⁴ Oleh itu, jelas di sini bahawa sumpah dalam konteks perundangan dan kehakiman mesti dilakukan di

⁷⁰*Ibid.*

⁷¹Wan Fattah dan Zulkifli, *Konsep Sumpah (al-Yamīn) dan Pelaksanaannya*, 3.

⁷²Alwani, "Sumpah Sebagai Metode Keterangan Mengikut Hukum Islam", 4.

⁷³Mahmud Saedon, *Undang-undang Keterangan Islam*, 109-110.

⁷⁴al-Zuhaylī, *al-Fiqh al-Islāmī*, 6:588.

hadapan hakim dalam mahkamah dan ianya dilakukan dengan melafazkan kalimah Allah S.W.T atau sifat-sifatNya.⁷⁵

Setelah pengkaji meneliti dan menghuraikan kesemua takrif yang berkaitan dengan sumpah seperti mana di atas, pengkaji berpendapat bahawa takrif yang paling sesuai dan mencerminkan tajuk kajian ini adalah daripada Dr. Muhammad Muṣṭafā al-Zuhaylī yang mana beliau memberi maksud kepada sumpah sebagai mengukuhkan atau meyakinkan sabitan sesuatu perkara atau menafikannya bersaksikan dengan nama Allah S.W.T atau sifat-sifatNya di hadapan hakim. Ini adalah kerana sumpah sememangnya berperanan untuk menguatkan keterangan yang diberikan mahupun menafikan tuntutan yang dibicarakan di hadapan hakim. Dengan pelaksanaan sumpah tersebut, maka ianya akan menamatkan segala persoalan dan kesangsian bagi kedua-dua belah pihak kerana telah dikukuhkan lagi sumpah yang dilakukan dengan menyebut nama Allah S.W.T di mana jika pihak-pihak berdusta, maka mereka akan dilaknat olehNya.

Justeru itu, bersesuaian dengan definisinya dapat disimpulkan bahawa sumpah memainkan peranan penting dalam sistem kehakiman di mahkamah apabila ia berfungsi sebagai suatu cara pembuktian untuk mensabitkan hak seseorang atau menafikan hak tersebut. Ianya akan mengukuhkan sesuatu perkara supaya diyakini dan dipercayai serta hilang daripada keraguan apabila disertakan dengan nama Allah S.W.T atau sifat-sifatNya supaya hakim dapat memutuskan kes dengan bijaksana dan berteraskan keadilan kepada pihak-pihak yang bertelingkah.

⁷⁵Alwani, "Sumpah Sebagai Metode Keterangan Mengikut Hukum Islam", 4.

2.3 PENSYARIATAN SUMPAAH (*AL-YAMĪN*) DAN HUKUMNYA DALAM ISLAM

Pensyariatian sumpah dalam Islam boleh dilihat melalui dalil-dalil *naqlī* dan *ʿaqlī* yang mana ia dapat dirujuk berdasarkan sumber-sumber seperti al-Qurʿān al-Karīm, *ḥadīth-ḥadīth* Rasulullah S.A.W dan *ijmāʿ*,. Ia menunjukkan bahawa sumpah dianggap sebagai salah satu cara pensabitan dan pembuktian atau penafian di hadapan hakim. Pensyariatian ini boleh dilihat dari dua sudut iaitu pensyariatian sumpah secara umum dan juga secara perundangan.

2.3.1 Dalil-dalil al-Qurʿān al-Karīm⁷⁶

Secara umumnya, pensyariatian ini banyak disebut dalam al-Qurʿān, antaranya adalah:

Firman Allah S.W.T:

لُؤَاخِرْتُمْ أَنْتُمْ لَمَعُوفٍ - أَلَا أَيْتُكُمْ وَكُؤَاخِرْتُمْ شَيْبُؤَاخِرْتُمْ أَلَا أَلُؤَاخِرْتُمْ

Al-Maidah 5:89

Terjemahan: Kamu tidak dikira salah oleh Allah tentang sumpah-sumpah kamu yang tidak disengajakan (untuk bersumpah), akan tetapi kamu dikira salah olehNya dengan sebab sumpah yang sengaja kamu buat dengan bersungguh-sungguh.

Para sahabat r.a berselisih tentang sebab penurunan ayat ini, namun menurut Ibn ʿAbbās r.a ayat ini diturunkan disebabkan oleh sesetengah golongan mengharamkan ke atas diri mereka sesuatu makanan atau pakaian atau perbuatan-perbuatan yang halal pada Syarak dengan melafazkan sumpah. Para ʿulamāʿ berselisih pendapat dalam

⁷⁶Al-Qurʿān bermaksud kitab Allah S.W.T yang diturunkan kepada RasulNya Muhammad S.A.W yang tertulis dalam maṣḥaf, yang dipindahkan/disampaikan kepada kita secara mutawātir tanpa shubḥah/keraguan. Lihat ʿAbdul Karīm Zaidān, *Al-Wajīz fī Uṣūl al-Fiqh* (Baghdād: Matbaʿah Salmān al-Azāmī, 1973), 124.

mentakrifkan maksud sumpah *laghā* (sia-sia). Sumpah *laghā* boleh dikatakan sebagai niat seseorang yang melafazkan sesuatu itu tidak sama dengan apa yang dilafazkan seperti dirinya tersasul atau dipaksa melafazkan sesuatu perkara tanpa kerelaan hati.⁷⁷

Berdasarkan ayat ini, Allah S.W.T tidak akan mengambil kira dosa orang yang bersumpah jika ianya tidak disengajakan. Namun begitu, Allah S.W.T akan murka jika bersumpah palsu kerana sumpah berkait dengan hak seseorang yang lain dan boleh menyebabkan kesan buruk kepada orang yang bersumpah. Ini menunjukkan penerimaan sumpah di sisi Allah S.W.T juga adalah bergantung kepada keadaan seseorang melakukannya sama ada untuk kebaikan dirinya atau menganiaya orang lain.

Allah S.W.T juga berfirman:

وَأَوْفُوا بعهْدِ اللَّهِ إِذَا عَاهَدْتُمْ وَأَلْتَمِزُوا أَيْمَانَ اللَّهِ عَاهِدُوا لَهَا
إِنَّ اللَّهَ أَعْلَمُ بِمَا تَعْمَلُونَ ﴿٩١﴾

Al-Nahl 16:91

Terjemahan: Dan sempurnakanlah pesanan-pesanan dan perintah-perintah Allah apabila kamu berjanji; dan janganlah kamu merombak (mencabuli) sumpah kamu sesudah kamu menguatkannya (dengan nama Allah), sedang kamu telah menjadikan Allah sebagai penjamin kebaikan kamu; sesungguhnya Allah sedia mengetahui akan apa yang kamu lakukan.

Allah S.W.T di dalam ayatNya telah memberikan amaran yang amat keras agar jangan sekali-kali menjadikan *al-yamīn* sebagai senjata untuk merampas dan mengambil hak orang lain:

إِنَّ الَّذِينَ يُبَايِعُونَكَ فَإِنْ حَلَفُوا لَا يَنْصُرُونَكَ فَإِنْ كَانُوا مِنْكُمُ الْمُؤْمِنِينَ لَا يَنْصُرُونَكَ
إِنَّ اللَّهَ أَعْلَمُ بِمَا تَعْمَلُونَ ﴿٧٧﴾

Ali Imran 3:77

Terjemahan: Sesungguhnya orang-orang yang mengutamakan keuntungan dunia yang sedikit dengan menolak janji Allah S.W.T dan mencabuli sumpah mereka, mereka tidak akan mendapat bahagian yang baik pada hari akhirat, dan Allah S.W.T tidak akan berkata-kata

⁷⁷al-Zuhaylī, *al-Fiqh al-Islāmī*, 4:2446.

dengan mereka dan tidak akan memandang kepada mereka pada hari kiamat, dan tidak akan membersihkan mereka (dari dosa), dan mereka pula akan beroleh azab seksa yang tidak terperi sakitnya.

Allah S.W.T telah mengingatkan kita supaya tidak melakukan sumpah untuk kepentingan diri sendiri dan merampas hak orang lain kerana ianya adalah satu perbuatan yang berdosa dan akan diazab olehNya di akhirat kelak dengan azab yang pedih. Oleh yang demikian, penerimaan sumpah oleh Allah S.W.T adalah untuk menegakkan keadilan ke atas dirinya tanpa mencabuli hak orang lain supaya umat Islam hidup dalam keadaan aman damai.

Terdapat juga ayat-ayat al-Qur`ān yang memerintahkan Nabi Muhammad S.A.W supaya bersumpah iaitu:

وَأَلَيْتُ أَجَىٰ آلِكَ أَقَاتَهُ خُلُقٌ مِّمَّ إِيَّاكَ - إِنْ أُرِخُوا بِذُنُوبِهِمْ لَنُرْسِلَنَّهُمْ جَزَاءً ﴿٥٣﴾

Yunus 10:53

Terjemahan: Dan mereka (yang meminta disegerakan azab) itu akan bertanya kepadamu (Wahai Muhammad): “Adakah kedatangan azab yang dijanjikan itu benar?” Jawablah: “Ya, Demi Tuhanku! Sesungguhnya adalah ia benar! dan kamu tidak sekali-kali berkuasa menahan kedatangannya”.

Firman Allah S.W.T seterusnya menerusi ayat:

قُلْ هَلْ أَدَّبْتُكُمْ وَإِنَّكُم بِلِقَائِكُمْ لَاجِلُونَ

Al-Taghabun 64:7

Terjemahan: ...Katakanlah: "Bahkan, demi Tuhanku, kamu akan dibangkitkan..."

Dan firman Allah S.W.T:

قُلْ هَلْ أَدَّبْتُكُمْ وَإِنَّكُم بِلِقَائِكُمْ لَاجِلُونَ

Saba` 34:3

Terjemahan: ...Katakanlah (wahai Muhammad): “Bahkan (tetap datang). Demi Tuhanku yang mengetahui segala perkara yang ghaib...”

Ayat-ayat tersebut merupakan perintah Allah S.W.T kepada Nabi Muhammad S.A.W untuk bersumpah bagi menguatkan kenyataan Baginda dan meyakinkan orang yang bertanya tentang sesuatu perkara kepada Baginda supaya mereka percaya akan setiap utusan yang disampaikan kerana kaum terdahulu sering kali menafikan setiap yang disampaikan oleh Baginda. Keadaan ini jelas difahami bahawa sumpah juga dilakukan oleh Rasulullah S.A.W apabila ianya diperlukan sebagai pengukuh kepada sesuatu perkara dan dengan itu sumpah dapat dilihat sebagai satu cara yang dapat menyelesaikan dan menamatkan segala persoalan mahupun dakwaan yang dikemukakan setelah keterangan atau kenyataan diberikan.

Berdasarkan dalil-dalil al-Qur'ān di atas, dapat disimpulkan bahawa peranan dan fungsi sumpah telah diiktiraf oleh Allah S.W.T sebagai salah satu cara pensabitan terhadap perkara-perkara yang menjadi isu antara pihak-pihak. Namun begitu, sumpah seperti mana yang telah dinyatakan di dalam ayat-ayat suci al-Qur'ān tidak boleh dipermainkan dan dilakukan dengan sengaja kerana boleh dimurkai dan dilaknat oleh Allah S.W.T. Justeru itu, sumpah perlu dilaksanakan dengan bersungguh-sungguh untuk menegakkan kebenaran dan menolak kemudaratan kepada mana-mana pihak.

2.3.2 Dalil-dalil al-Sunnah⁷⁸

Merujuk kepada dalil-dalil sunnah pula, Rasulullah S.A.W telah bersabda antaranya yang berbunyi:

عن ابن عمر عن عمر بن الخطاب أن رسول الله (ص) أدركه وهو في ركب وهو يحلف بأبيه فقال: إن الله ينهاكم أن تحلفوا لأبائكم فمن كان حالفا فليحلف بالله أو ليسكت⁷⁹

⁷⁸Sunnah bermaksud apa yang timbul daripada Nabi Muhammad S.A.W yang bukan al-Qur'ān sama ada dari segi perkataan, perbuatan atau taqdir. Lihat Zaidān, *Al-Wajīz*, 131.

⁷⁹*Hadīth* riwayat Muslim, Kitāb al-Aimān, Bāb an-Nahī ,an al-Ḥalaf bi Ghairillāhi Ta,ālā, no. *Hadīth* 4226. Lihat Muḥammad Takiyy al-,Ithmānī, “Ṣaḥīḥ Muslim,” dalam *Takmilah Fatḥu al-Mulhim bi Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Imām Muslim* (Damsyik: Dār al-Kalām, 2006), 2:108.

Terjemahan: Daripada Ibn Umar daripada Umar Bin al-Khattab, sesungguhnya Rasulullah S.A.W telah mengetahui tentang sumpah yang dibuat ke atas bapanya maka Baginda telah bersabda, “Sesungguhnya Allah S.W.T menegah kamu bersumpah dengan datuk nenek kamu, maka sesiapa di antara kamu yang mahu bersumpah maka bersumpahlah dengan nama Allah S.W.T atau diam”.

Ḥadīth ini secara dasarnya bermaksud Rasulullah S.A.W menegah untuk bersumpah dengan nama bapa-bapa atau keturunan, dan sesiapa yang hendak bersumpah maka mestilah dia bersumpah dengan nama Allah S.W.T atau dia diam sahaja iaitu jangan bersumpah. Ini menunjukkan bahawa sumpah tidak boleh dilakukan sewenang-wenangnya terutama dengan menggunakan nama keturunan ketika bersumpah kerana sumpah yang sah di sisi Syarak adalah dengan menggunakan nama Allah S.W.T.

Manakala sumpah dari sudut perundangan diriwayatkan daripada *ḥadīth* sahih seperti mana yang telah diriwayatkan oleh al-Baiḥaqī dan al-Ṭabranī iaitu:

البينة على المدعي واليمين على المدعى عليه⁸⁰

Terjemahan: “Keterangan bagi orang yang menuntut dan sumpah bagi yang menentang”.

Selain itu, menurut riwayat daripada Ibn „Abbās r.h.a bahawa:

أن النبي صلى الله عليه وسلم قضى باليمين على المدعى عليه⁸¹

Terjemahan: Sesungguhnya Nabi S.A.W pernah menghukum sumpah ke atas orang kena dakwa.

⁸⁰ *Ḥadīth* sahih riwayat al-Baiḥaqī dan al-Ṭabranī, Kitāb al-Da, wā wa al-Bayyināt, Bāb al-Bayyinah ,alā al-Mudda, ā wa al-Yamīn ,alā Man Ankara, no. *Ḥadīth* 4718. Lihat Abū Bakr Aḥmad Ibn al-Ḥusayn Ibn „Alī al-Baiḥaqī, dalam *Kitāb as-Sunan as-Ṣaḡīr*, ed. „Abdul Salām „Abdul Shafī dan Aḥmad Qabanī (Beirūt: Dār al-Kutub al-„Ilmiyyah, 1992), 517.

⁸¹ *Ḥadīth* riwayat Muslim, Kitāb al-Aqdiyyah, Bāb al-Yamīn ,alā al-Mudda, ā ,alayh, no. *Ḥadīth* 4436/2. Lihat „Ithmānī, “Ṣaḥīḥ Muslim,” dalam *Takmilah Fathu al-Mulhim*, 2: 326-327.

Rasulullah S.A.W juga telah bersabda:

عن ابن عباس رضي الله عنهما أن النبي صلى الله عليه وسلم قال: لو يعطي الناس بدعواهم لا
دعى الناس دماء رجال أموالكم، ولكن اليمين على المدعى عليه⁸²

Terjemahan: Daripada Ibn „Abbās r.h.a, sesungguhnya Rasulullah S.A.W bersabda “Kalaulah manusia itu diberikan (hak yang dituntutnya) dengan semata-mata dakwaan mereka nescaya terdapat sebahagian manusia akan mendakwa kes-kes yang berkaitan dengan darah dan harta ke atas orang lain, tetapi *al-yamīn* adalah dikenakan ke atas *mudda,ā* „*alayh*”.

Setiap *ḥadīth* yang telah dinyatakan di atas iaitu berkaitan dengan pensyariatan sumpah dalam sistem kehakiman dan perundangan Islam membuktikan bahawa pihak yang menuntut dipertanggungjawab untuk mengemukakan keterangan dan pihak yang kena tuntutan atau pihak yang menentang hendaklah bersumpah. Sebagaimana yang ingin dikaitkan dengan kajian ini, *mudda,ā* „*alayh*” atau pihak yang kena tuntutan akan diarahkan bersumpah di hadapan hakim di dalam mahkamah. Ini adalah bertujuan untuk menguatkan sesuatu sama ada dari aspek kebenaran dalam mensabitkan hak serta menafikan dakwaan ke atasnya. Walaupun begitu, pihak yang menuntut boleh diminta untuk melaksanakan sumpah jika pihak tersebut gagal dalam mengemukakan sebarang keterangan atau bukti yang diberikan tidak mencukupi dalam mensabitkan haknya.

Berdasarkan kepada pensyariatan sumpah dalam *ḥadīth-ḥadīth* yang telah dinyatakan di atas iaitu bagi menolak dan menafikan tuduhan, terdapat juga *ḥadīth* yang menceritakan tentang dosa bersumpah palsu dan ianya merupakan antara dosa-dosa besar. Justeru itu, konsep sumpah ini seterusnya menjurus kepada keimanan dan kepercayaan kepada Allah dan pembalasanNya adalah balasan yang setimpal dengan apa yang dilakukan.⁸³

⁸²*Ḥadīth* riwayat Muslim, Kitāb al-Aqdiyyah, Bāb al-Yamīn „alā al-Mudda,ā „alayh, no. *Ḥadīth* 4436/1. Lihat *Ibid.*, 325-326.

⁸³Alwani, “Sumpah Sebagai Metode Keterangan Mengikut Hukum Islam”, 7.

Antaranya adalah dalam sebuah *ḥadīth* yang telah diriwayatkan daripada Ash,ath bin Qays, beliau berkata:

كان بيني وبين رجل خصومة في بئر فاخصمنا إلى رسول الله صلى الله عليه وسلم "شاهدك أو يمينه" قلت إنه إذا يحلف ولا يبالي، فقال رسول الله صلى الله عليه وسلم "من حلف على يمين يستحق بها مالا وهو فيها فاجر لقي الله وهو عليه غضبان"⁸⁴

Terjemahan: “Berlaku pertikaian antara aku dengan seorang lelaki tentang sebuah perigi, lalu kami mengangkat pertikaian itu kepada Rasulullah S.A.W, maka Baginda bersabda: Kamu hendaklah membawa dua orang saksi atau (kalau tidak) dia akan bersumpah. Lalu aku berkata: Kalau begitu (sudah tentu) dia akan bersumpah dan tidak peduli (benar atau dusta). Maka Rasulullah S.A.W bersabda: Sesiapa yang bersumpah dengan sesuatu sumpah yang dengannya dia akan mendapat sesuatu harta, sedangkan ia berdusta dalam sumpah itu nescaya ia akan bertemu Allah S.W.T dalam keadaan mendapat kemurkaan dariNya”.

Al-Shawkānī di dalam kitabnya *Nīl al-Awtār* pula telah menulis dalam Bab ancaman bagi orang yang bersumpah palsu iaitu melalui *ḥadīth* 3935 yang berbunyi:

عن أبي أمامة الحارثي أن رسول الله صلى الله عليه وسلم قال: من اقتطع حق امرئ مسلم بيمينه فقد أوجب الله له النار وحرّم عليه الجنة فقال رجل وإن شيئاً يسيراً؟ قال: وإن كان قضييباً من أراك. (رواه أحمد ومسلم وابن ماجه والنسائي)⁸⁵

Terjemahan: “Dari Umāmah al-Hārithī, bahawa Rasulullah S.A.W berkata: Sesiapa yang mengambil hak seorang muslim dengan sumpahnya, maka sungguh Allah menetapkan neraka baginya dan mengharamkan syurga atasnya, lalu ada seorang lelaki menyahut, sekalipun barang itu hanya sedikit? Rasulullah menjawab: Sekalipun barang itu hanya sepotong kayu arak”.⁸⁶

⁸⁴*Ḥadīth* riwayat al-Bukhārī, Kitāb al-Aimān wa an-Nudhūr, Bāb Qaulillāhi Ta,alā fī Sūrah Ali ,Imrān Ayat 77, no. *Ḥadīth* 6677. Lihat Sheikh al-Islām Abī Yahyā Zakaria al-Anṣārī al-Miṣrī al-Shāfi,ī, “*Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*,” dalam *Minḥah al-Bārī bi Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* (Riyād: Maktabah al-Rushd Nāsyirūn, 2005), 9: 576.

⁸⁵*Ḥadīth* riwayat Aḥmad, Muslim, Ibn Mājah dan Nasā’ī, Kitāb al-Aqdiyyah wa al-Aḥkām, Bāb al-Tashdīd fī al-Yamīn al-Kādhībah, no. *Ḥadīth* 3935. Lihat Muḥammad Ibn ,Alī Ibn Muḥammad al-Shawkānī, dalam *Nīl al-Awtār: Sharḥ Muntaqā al-Akḥbār Min Aḥādīth Sayyid al-Akhyār* (Beirut: Dār Iḥyā’ al-Tūrath al-Arabiyy, 1999), 8:308-309.

⁸⁶Muḥammad ,Alī al-Shawkānī, *Nailul Authar Himpunan Hadits-hadits Hukum*, terj. Mu,ammal Hamidy et al., (Kuala Lumpur: Pustaka Al-Azhar, 1987), 6:638.

Seterusnya dalam *ḥadīth* yang diriwayatkan oleh Bukhārī, Rasulullah S.A.W telah bersabda:

وعن عبد الله بن عمرو عن النبي صلى الله عليه واله وسلم قال: الكبائر الاشرار بالله وعقوق
الوالدين وقتل النفس واليمين الغموس⁸⁷

Terjemahan: Daripada „Abdullah Bin „Amrū daripada Rasulullah S.A.W berkata: Antara dosa-dosa besar adalah menyekutukan Allah, derhaka kepada ibu bapa, membunuh dan sumpah palsu.

Secara umumnya, berdasarkan *ḥadīth-ḥadīth* tentang pembalasan Allah S.W.T terhadap sumpah yang dipermainkan atau palsu, jelas dilihat bahawa sumpah yang dilakukan oleh pihak yang bersumpah perlu dilakukan dengan betul mengikut Syarak dan tidak boleh sewenang-wenangnya seseorang itu melaksanakan dengan tujuan untuk melepaskan diri walaupun sebenarnya dia berada di pihak yang salah. Ini adalah kerana, sumpah palsu atau sumpah yang dipermainkan akan mendapat kemurkaan serta azab daripada Allah S.W.T, dikira berdosa besar dan merupakan ahli neraka.

Kesimpulannya, *ḥadīth-ḥadīth* yang berkaitan dengan sumpah ini merupakan penanda aras bagi penerimaan dan pelaksanaan sumpah yang dijalankan pada masa kini di Mahkamah Syariah. Ini adalah disebabkan oleh Hakim Syarie sendiri berpegang kepada prinsip pihak yang menuntut perlu mengemukakan keterangan atau bukti dan pihak yang kena tuntutan melaksanakan sumpah bagi menafikan tuntutan ke atasnya. Hakim Syarie juga tidak menerima sumpah palsu dan sentiasa memberi peringatan kepada pihak-pihak yang akan bersumpah supaya tidak mempermainkan sumpah yang dilaksanakan kerana ianya akan mendapat kemurkaan dan dilaknat oleh Allah S.W.T.

⁸⁷ *Ḥadīth* riwayat al-Bukhārī, Kitāb al-Aimān wa an-Nudhūr, Bāb al-Yamīn al-Ghumūs, no. *Ḥadīth* 6675. Lihat Abī Yaḥyā Zakaria, “Ṣaḥīḥ al-Bukhārī,” dalam *Minḥah al-Bārī*, 9: 574.

2.3.3 Al-Ijmā'⁸⁸

Ijmā', „ulamā“ menerima sumpah sebagai perkara yang disyariatkan Islam⁸⁹ walaupun terdapat perbezaan pandangan antara sumpah saksi dengan sumpah orang yang menuntut. Sumpah saksi dibenarkan oleh al-Mālikīyah, al-Zaydiyyah, al-Zāhiriyyah, Ibn Abī Layla dan Ibn Qayyim, manakala jumhur „ulamā“ menolak saksi bersumpah.⁹⁰

Bagi sumpah orang yang menuntut pula, jumhur „ulamā“ iaitu Mālikī, Shāfi'ī, Ḥanbalī dan lain-lain kecuali al-Ḥanafīyyah menerima pakai sumpah ini dan berpendapat bahawa ianya adalah bertujuan untuk menolak atau mempertahankan diri daripada tuhmah yang ditujukan kepadanya atau untuk mensabitkan haknya atau untuk menolak sumpah yang dikembalikan kepadanya.⁹¹

Oleh itu, dapat pengkaji nyatakan di sini bahawa sumpah saksi dan sumpah orang yang menuntut telah berlaku perbezaan pandangan dalam kalangan „ulamā“ kerana ada yang bersepakat untuk membenarkannya dan ada yang menolaknya. Walau bagaimanapun, pandangan pengkaji lebih menerima para „ulamā“ yang membenarkan sumpah saksi dan sumpah orang yang menuntut. Ini adalah kerana pengkaji melihat kepada keadaan masa kini dalam perbicaraan di Mahkamah Syariah yang memerlukan saksi untuk bersumpah bagi mengelakkan mereka memberi keterangan palsu disebabkan ianya boleh mengakibatkan berlakunya penafian hak ke atas pihak-pihak yang bertikai. Untuk sumpah orang yang menuntut, ianya adalah perlu supaya pihak

⁸⁸*Ijmā'*, bermaksud persepakanan para mujtahidin daripada umat Islam pada satu masa selepas wafatnya Nabi Muhammad S.A.W dalam hukum Syarak. Lihat Zaidān, *Al-Wajīz*, 147.

⁸⁹Islam ialah agama yang diajar dan dibawa oleh Nabi Muhammad S.A.W, dijaga serta dipelihara oleh umatnya selaras dengan apa yang disampaikan walaupun berlainan amalan dan kepercayaan. Lihat Ahmed E. Souaiaia, *Contesting Justice: Women, Islam, Law and Society* (U.S.A: State University of New York Press, 2008), xii.

⁹⁰al-Zuhaylī, *al-Fiqh al-Islāmī*, 6:600. Lihat juga Mahmud Saedon, *Undang-undang Keterangan Islam*, 120.

⁹¹Alwani, “Sumpah Sebagai Metode Keterangan Mengikut Hukum Islam”, 21.

tersebut dapat menguatkan dan mengukuhkan lagi setiap keterangan serta bukti yang dikemukakan dalam tuntutananya jika tidak mencukupi untuk memutuskan kes atau berlaku keraguan terhadapnya.

Namun begitu, para fuqahā⁹² bersependapat bahawa sumpah empat orang saksi lelaki untuk mensabitkan zina dan menggugurkan *had qadhaf* adalah diterima.⁹² Demikian juga mereka sependapat bahawa sumpah saksi iaitu dua orang lelaki atau seorang lelaki dan dua orang perempuan dalam perkara tuntutan harta adalah diterima.⁹³

Justeru itu, dapat difahami bahawa kesepakatan para „ulamā“ atau fuqahā⁹⁴ adalah berbeza mengikut pandangan masing-masing bergantung kepada keadaan dan jenis sumpah yang dilaksanakan. Maka telah menjadi tanggungjawab seorang Hakim Syarie dalam menerima pakai pendapat yang paling rajih berserta dengan rujukan daripada peruntukan undang-undang yang ada untuk melaksanakan sumpah yang boleh memberi penyelesaian dan keadilan kepada semua pihak dalam kes yang dikendalikan oleh beliau.

2.3.4 Athar Sahabat

Athar sahabat merupakan sesuatu yang disandarkan kepada para sahabat Rasulullah S.A.W sama ada melalui perkataan atau perbuatan.⁹⁴ Sehubungan dengan ini, kesinambungan daripada sunnah Rasulullah S.A.W dapat dilihat apabila „Umar telah bersumpah dalam suatu tuntutan dan kemudiannya beliau berkata, “Aku takut sekiranya aku tidak bersumpah, maka manusia tidak akan bersumpah bagi mempertahankan

⁹²*Ibid.*, 9.

⁹³Mahmud Saedon, *Undang-undang Keterangan Islam*, 106.

⁹⁴Zulhusni Mat Resat, “Pengertian Hadis, Sunnah, Khabar dan Athar,” laman sesawang *Raudhah al-Muhaddithin*, dicapai 27 Januari 2016, <http://zulhusnimatresat.blogspot.com/2016/01/pengertian-sunnah-khabar-dan-athar.html>.

haknya”.⁹⁵ Ini menunjukkan bahawa sumpah juga telah dilaksanakan oleh sahabat Nabi S.A.W bagi suatu tuntutan yang dikemukakan untuk mempertahankan haknya. Perbuatan tersebut adalah bertujuan untuk membenarkan orang lain untuk melaksanakan sumpah bagi mengukuhkan tuntutannya atau menafikan tuntutan ke atasnya seterusnya mengiktiraf sumpah sebagai salah satu kaedah penyelesaian dalam suatu pertikaian.

Beliau juga telah menghantar surat kepada Hakim Abū Mūsā al-Ash,arī ketika melantiknya menjadi hakim yang mana surat tersebut telah menyebut tentang;

*“Perbicaraan hendaklah dijalankan berdasarkan kepada al-Qur”ān dan Sunnah. Yang pertama hendaklah memahami apakah yang dikemukakan kepadamu sebelum apa-apa keputusan dibuat. Layanan sama rata yang sepenuhnya kepada semua pihak yang membuat guaman di hadapanmu dan dalam cara kamu memandang mereka juga dalam hukuman yang kamu jatuhkan. Dengan cara itu, seseorang yang berpangkat tinggi tidak berpeluang menaruh harapan kepadamu untuk menjadi seorang yang tidak adil dan seorang yang lemah pula tidak hilang kepercayaan kepada keadilanmu. **Tugas untuk membuktikan adalah menjadi tanggungjawab pihak yang menuntut dan sumpah dikenakan atas pihak yang ingkar.** Perdamaian merupakan hak kedua-dua pihak yang membuat guaman, kecuali yang dibenarkan oleh Islam. Fahaman yang jelas kepada setiap kes yang dibawa ke hadapanmu dalam perkara yang tidak ada nas dari al-Qur”ān dan Sunnah. Tugas kamu ialah menggunakan kaedah Qiyās atau perbandingan bagi tujuan memisahkan di antara perkara yang ada persamaan dengan yang tidak ada persamaan, kemudian cubalah sedaya upaya mencari keputusan yang dikira lebih hampir kepada keadilan dan ianya boleh dianggap lebih baik di sisi Allah. Jangan tunduk kepada perasaan marah atau bimbang dan jangan pula hilang kesabaran kerana perbuatan orang-orang yang dibicarakan di hadapanmu”.*⁹⁶

Di sini dapat dilihat bahawa Saidina „Umar telah mengutuskan surat kepada hakim yang dilantik oleh beliau supaya menjalankan penghakiman dengan berpandukan bukti yang dikemukakan oleh pihak yang menuntut dan sumpah yang dibuat oleh pihak yang kena tuntutan. Perutusan beliau telah memberi kefahaman kepada kita bahawa dalam

⁹⁵al-Zuhaylī, *al-Fiqh al-Islāmī*, 6:589.

⁹⁶Ahmad Mohamed Ibrahim, *Pentadbiran Undang-undang Islam di Malaysia* (Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia, 1997), 190-191.

perbicaraan yang dilakukan di hadapan hakim, kebolehterimaan sumpah sebagai keterangan boleh dilaksanakan dan dijadikan sebagai kaedah untuk mensabitkan kes terhadap pihak-pihak yang bertikai.

Menyingkap kembali keseluruhan dalil-dalil pensyariaan yang berkaitan dengan sumpah, dapat dinyatakan di sini bahawa dalil-dalil sumpah di dalam al-Qur“ān hanya menceritakan tentangnya secara umum iaitu melalui bentuk seperti arahan-arahan supaya melaksanakan sumpah dalam mengukuhkan atau menegaskan sesuatu, sumpah dilakukan atas nama Allah S.W.T dan ianya wajib ditaati. Manakala kemunculan *ḥadīth-ḥadīth* Rasulullah S.A.W telah mengkhususkan dalil-dalil al-Qur“ān kepada suatu bentuk perundangan yang menjadikan sumpah sebagai salah satu cara pembuktian dalam undang-undang Islam. Seterusnya kehadiran *ijmā*,, dan athar sahabat tentang pelaksanaan sesuatu sabitan melalui kaedah sumpah telah meyakinkan lagi kepada kita bahawa kaedah ini telah diguna pakai sejak zaman Islam dahulu lagi dan masih terpakai sehingga kini.

Justeru itu, penggunaan kaedah sumpah masih kekal relevan dalam perundangan Islam masa kini namun ianya bergantung kepada bagaimana seorang hakim itu mengaplikasikan sumpah dengan melihat kepada kebolehterimaan aplikasi kaedah ini sebagai keterangan di Mahkamah Syariah seperti mana yang akan dibincangkan dalam kajian ini.

2.3.5 Hukum Asal Sumpah (*al-Yamīn*)

Hukum sumpah adalah berbeza walaupun ianya diterima oleh Syarak sebagai cara pembuktian disebabkan oleh perbezaan keadaan dalam perkara yang

disumpahkannya itu. Hukum sumpah dapat dibahagikan kepada lima bahagian iaitu wajib, sunat, makruh, harus dan haram.⁹⁷

Para fuqahā⁹⁸ berbeza pendapat tentang hukum asal sumpah. Hanafiyyah berpendapat hukum asalnya adalah harus sekalipun tidak diminta untuk bersumpah. Mālikiyyah pula berpendapat hukum asal baginya adalah harus, akan tetapi lebih baik tidak dibanyakkan untuk bersumpah. Manakala „ulamā“ Shāfi,ī berpendapat bahawa hukum asalnya adalah makruh. Sumpah yang wajib pula ialah sumpah untuk menjaga keselamatan manusia dan sebagainya seperti orang yang telah dituduh membunuh sedangkan tidak ada saksi yang nyata untuk disabitkan pertuduhan ke atasnya.⁹⁸

Dari sudut sunat bersumpah, ianya adalah untuk sesuatu permasalahan yang mana bertujuan mendamaikan dua pihak yang bertikai. Sumpah yang harus ialah sumpah untuk melakukan atau meninggalkan sesuatu yang harus seperti bersumpah untuk makan makanan yang sedap. Sumpah yang makruh pula ialah sumpah untuk melaksanakan sesuatu yang makruh seperti bersumpah tidak akan memberi sedekah sedangkan sedekah adalah sesuatu yang digalakkan dan mulia di sisi Allah S.W.T. Manakala sumpah yang haram ialah sumpah yang dusta atau palsu, ataupun sumpah melakukan perkara yang haram seperti mensabitkan seseorang yang tidak berhutang dengannya tetapi mengatakan orang itu berhutang.⁹⁹

Berdasarkan pandangan-pandangan mazhab tentang hukum asal sumpah, dapat dijelaskan oleh pengkaji bahawa ianya adalah berbeza mengikut kerelevanan sumpah tersebut untuk dilaksanakan di mana bersesuaian dengan keadaan yang memerlukan kepadanya. Namun begitu, pengkaji lebih memilih untuk berpegang kepada hukum asal sumpah adalah sunat iaitu untuk mendamaikan dua pihak yang bertikai dalam sesuatu

⁹⁷Wan Fattah dan Zulkifli, *Konsep Sumpah (al-Yamīn) dan Pelaksanaannya*, 8.

⁹⁸*Ibid.*

⁹⁹*Ibid.*

permasalahan. Ini disebabkan oleh pelaksanaan sumpah sememangnya dilaksanakan bagi menyelesaikan perkara yang menjadi pertikaian yang mana ianya menjadi penamat kepada permasalahan yang timbul. Dengan itu, tiada lagi pertikaian antara kedua-dua belah pihak dan mereka akan berpuas hati dengan setiap keputusan yang dikeluarkan.

Oleh yang demikian, hukum asal sumpah ini secara umumnya lebih tertumpu kepada sumpah yang dilakukan dalam kehidupan seharian manusia dan bukanlah menjurus kepada hukum sumpah dalam kehakiman. Penjelasan terhadap hukum sumpah dalam bab kehakiman dihuraikan dalam sub-topik seterusnya supaya ianya lebih difahami oleh semua.

2.3.6 Hukum Sumpah dalam Bab Kehakiman

Hukum sumpah dalam perundangan Islam adalah berbeza daripada hukum asal sumpah kerana hukumnya bergantung kepada kesan sumpah ke atas pihak-pihak yang terbabit dalam kes-kes yang menjadi isu pertelingkahan yang dilakukan di hadapan hakim Mahkamah Syariah seperti hukum sumpah ke atas orang yang menuntut (*yamīn al-mudda,ī*), hukum sumpah orang yang kena tuntutan (*yamīn al-mudda,ā,alayh*) dan hukum sumpah *istizhār* (*yamīn al-istizhār*). Berdasarkan sumpah yang dilaksanakan, maka hakim akan memutuskan hukuman ke atas orang yang menuntut atau orang yang kena tuntutan dengan mensabitkan haknya atau menggugurkan dakwaan yang telah dibuat.

Sebagai contoh, dapat dilihat melalui kes *Anuar Bin Saleh lawan Ramleh Binti Kulal*¹⁰⁰ apabila sumpah *istizhār* telah dilafazkan oleh plaintif selepas mahkamah meneliti dokumen dan affidavit keterangan yang diberikan oleh plaintif bagi tuntutan harta sepencarian serta Hakim Syarie merasakan perlu dilaksanakannya untuk

¹⁰⁰ *Anuar Bin Saleh lawan Ramleh Binti Kulal*, No.Kes Mal 10100-017-0323-2013.

mengukuhkan setiap yang telah dikemukakan. Tambahan pula, sebab utama sumpah tersebut dijadikan sebagai pengukuh kepada keterangan yang diberikan adalah kerana pihak defendan tidak hadir semasa perbicaraan dijalankan. Dengan pelaksanaan sumpah *istizhār*, hakim dapat memutuskan penghakiman dengan yakin dan adil serta sabitlah hak ke atas pihak yang menuntut.

Justeru itu, hukum sumpah *istizhār* dalam kes ini adalah wajib dilaksanakan kerana ianya melihat kepada kesan sumpah ke atas pihak-pihak yang bertikai iaitu jika tidak dilaksanakan sumpah tersebut, maka hak ke atas pihak yang menuntut (plaintif) akan dinafikan sedangkan pihak yang kena tuntutan (defendan) tidak hadir dengan sengaja dalam setiap perbicaraan yang dijalankan.

2.3.6.1 Hukum Sumpah Orang yang Menuntut (*yamīn al-mudda'ī*)

Menurut jumhur „ulamā“ secara umumnya, apabila *mudda'ī* melafazkan sumpah maka sabitlah hak baginya dan ini merupakan pendapat yang paling sahih daripada Shāfi,ī serta pendapat yang muktamad oleh Mālikī. Walau bagaimanapun menurut „ulamā“ Ḥanafī, sumpah tidak berlaku melainkan bagi pihak *mudda'ā, alayh*.¹⁰¹

Justeru itu, pengkaji memilih untuk berpegang kepada pendapat „ulamā“ Shāfi,ī iaitu sabitlah hak bagi orang yang menuntut setelah sumpah dilaksanakan. Ini menunjukkan bahawa sumpah wajib dilaksanakan kerana kesannya adalah memberi keadilan kepada pihak tersebut apabila tuntutan yang dikemukakan olehnya akan diberikan hak oleh Hakim Syarie.

Berkenaan dengan hukum sumpah orang yang menuntut, telah timbul persoalan berkaitan dengan hukum sumpah orang yang menuntut (*mudda'ī*) bersama dengan

¹⁰¹Yusrī al-Sayyid Muḥammad, *Jāmi, al-Fiqh* (Manṣūrā: Dār al-Wafā“, 2000), 282.

seorang saksi. Jumhur fuqahā¹⁰² kecuali golongan Ḥanafī berpandangan bahawa sabit sesuatu hak itu dengan adanya sumpah orang yang menuntut dan keterangan seorang saksi. Mengikut pandangan Mazhab Shāfi¹⁰³ dan Mālikī pula, sumpah ini adalah sah kerana ianya beserta dengan keterangan saksi. Manakala al-Ḥanābilah berpendapat bahawa ianya sah kerana berdasarkan keterangan saksi dan sumpah tersebut, keterangan yang diberikan menjadi lebih kuat dan kukuh.¹⁰²

Namun kes yang dibolehkan sumpah beserta dengan keterangan seorang saksi adalah terhad kerana tidak semua kes boleh diarahkan untuk bersumpah dengan sumpah tersebut oleh hakim Mahkamah Syariah. Kes-kes yang boleh dihukum dengan sumpah orang yang menuntut dan keterangan seorang saksi adalah dalam kes mal dan yang berkaitan dengannya. Sementara itu, kes jenayah seperti kes *ḥudūd* tidak diharuskan sama sekali. Ianya telah disepakati oleh para „ulamā¹⁰³ dan dalam kes selain daripada mal serta *ḥudūd* seperti *qisās*, hak-hak badan dan lain-lain juga, jumhur fuqahā¹⁰³ yang terdiri daripada Mālikiyyah, Shāfi¹⁰³yyah dan Ḥanābilah bersependapat tidak harus dihukum berdasarkan sumpah orang yang menuntut dan seorang saksi.¹⁰³

Ini dapat dilihat melalui kes *Azilah Binti Abd Aziz dan Razaly Bin Othman*¹⁰⁴ apabila mahkamah meminta pemohon bersumpah *al-yamīn al-takmilah* (sumpah bersama seorang saksi) setelah keterangan-keterangan diberikan dan mengemukakan seorang saksi bagi membuktikan wujudnya pernikahan sebagaimana yang ditetapkan oleh hukum Syarak. Kes ini adalah merupakan kes mal yang berkaitan dengan daftar nikah poligami iaitu yang dibenarkan pelaksanaannya seperti mana telah dinyatakan dalam perenggan sebelum ini. Oleh itu, sumpah bersama seorang saksi adalah sah dan perlu dilaksanakan kerana ianya boleh mengukuhkan keterangan yang diberikan seterusnya mensabitkan hak pihak yang menuntut.

¹⁰²al-Zuḥaylī, *al-Fiqh al-Islāmī*, 6:607.

¹⁰³Muḥammad Idrīs al-Shāfi¹⁰³, *Al-Umm* (Beirūt: Dār al-Ma¹⁰³rifah, t.t.), 5:256.

¹⁰⁴*Azilah Binti Abd Aziz dan Razaly Bin Othman*, No.Kes Mal 10200-012-0085-2012.

2.3.6.2 Hukum Sumpah Orang yang Kena Tuntut (*yamīn al-mudda‘ā ‘alayh*)

Secara amnya, para „ulanā“ telah bersepakat tentang kesan sumpah orang yang kena tuntutan iaitu untuk menamatkan pertelingkahan antara dua pihak yang terlibat dan dengan sumpah yang dilaksanakan akan menggugurkan dakwaan ke atasnya. Namun begitu, pengguguran dakwaan yang telah dibuat itu adalah bersifat sementara menurut jumhur selain daripada Mālikiyyah sehinggalah orang yang menuntut membawa keterangan.¹⁰⁵ Selain itu, mereka juga berbeza pandangan tentang gugurnya hak dengan sebab gugurnya pendakwaan.

Menurut pandangan jumhur yang terdiri daripada Hanafiyyah, Shāfiyyah, Hanābilah dan sebahagian Mālikiyyah, tidak gugur hak dengan berakhirnya pendakwaan dan pertikaian.¹⁰⁶ Ini adalah kerana hak ini hanya gugur sementara sahaja iaitu apabila orang yang kena tuntutan melaksanakan sumpah yang diarahkan oleh hakim ke atasnya dan bergantung kepada dikemukakan keterangan oleh pihak satu lagi selepas sumpah dilaksanakan. Dengan demikian, orang yang menuntut boleh mengemukakan keterangan ke atasnya dengan *wasīlah al-ithbāt* yang lain dan meminta orang yang kena tuntutan memberikan hak tersebut.¹⁰⁷ Mereka berpendapat bahawa, “Bukti yang adil itu lebih berhak daripada sumpah yang palsu”.¹⁰⁸

Ini bermakna keterangan boleh didatangkan selepas sumpah kerana keterangan (*bayyinah*) adalah yang asal dan sumpah itu adalah ganti ataupun dianggap juga sebagai alternatif kepada keterangan apabila berlakunya keadaan yang mana keterangan tidak boleh diterima oleh Mahkamah Syariah seperti adanya kepincangan dalam suatu keterangan, keterangan tidak mencukupi dan sebagainya. Justeru itu, dapat ditafsirkan

¹⁰⁵ al-Zuhaylī, *al-Fiqh al-Islāmī*, 6:607.

¹⁰⁶ Alwani, “Sumpah Sebagai Metode Keterangan Mengikut Hukum Islam”, 27.

¹⁰⁷ al-Zuhaylī, *al-Fiqh al-Islāmī*, 6:607.

¹⁰⁸ Sabiq, *Fiqh Sunnah*, terj. Nor Hasanuddin, 376.

di sini bahawa sumpah tidak akan dilakukan kecuali ketika ketiadaan keterangan dan sebagai ganti kepada keterangan, namun, sumpah terbatal apabila ada keupayaan untuk pihak yang terbabit mengemukakan keterangan.¹⁰⁹

Bagi al-Zāhiriyyah dan al-Laḡānī dari Mālikiyyah dan sebahagian daripada „ulamā“ salaf pula, mereka berpandangan bahawa hak itu gugur dengan gugurnya dakwaan dan hukum yang terhasil daripada sumpah orang yang kena tuntutan akan mengakhiri pertikaian antara dua pihak yang bertikai pada ketika itu dan juga masa akan datang.¹¹⁰ Oleh itu, orang yang menuntut tidak berhak untuk mengemukakan keterangan selepas sumpah dilaksanakan oleh orang yang kena tuntutan kecuali hujah yang hendak dikemukakan itu bersifat *yaqīniyyah qaṭʿiyyah* seperti *iqrār* dan *tawātur*.¹¹¹

Golongan ini berdalilkan kepada sumpah adalah hak orang yang kena tuntutan dan tidak akan didengar hujah orang yang menuntut selepasnya sebagaimana tidak didengar sumpah orang yang kena tuntutan selepas orang yang menuntut mengemukakan keterangan seperti mana *ḥadīth* Rasulullah S.A.W yang bermaksud: “dua orang saksi darimu atau sumpah darinya”.¹¹²

Manakala jumhur al-Mālikiyyah berpendapat bahawa selepas orang yang kena tuntutan melaksanakan sumpahnya, maka gugurlah hak dan dakwaan ke atasnya secara mutlak. Oleh itu, orang yang menuntut tidak berhak lagi mengemukakan keterangan selepas hukuman dibuat berdasarkan sumpah melainkan terdapat keadaan-keadaan tertentu yang dibolehkan keterangan itu dikemukakan kembali. Sebagai contoh, jika terdapat keuzuran seperti terlupa dan tidak mengetahui adanya keterangan sebelum itu,

¹⁰⁹*Ibid.*, 376-377.

¹¹⁰Alwani, “Sumpah Sebagai Metode Keterangan Mengikut Hukum Islam”, 28. Lihat juga Abū al-Walīd Muḥammad Ibn Aḥmad Ibn Muḥammad Ibn Aḥmad Ibn Rusḥd al-Qurṭubī, *Bidāyah al-Mujtahid wa Nihāyah al-Muqtaṣid* (Beirūt: Muassasah al-Maʿārif, 2006), 862.

¹¹¹Badruddīn Abī Muḥammad Maḥmūd Ibn Aḥmad al-ʿAynī, *Umdah al-Qārī: Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* (Beirūt: Dār al-Fikr, t.t.), 13:256.

¹¹²Sabiq, *Fiqh Sunnah*, terj. Nor Hasanuddin, 376.

maka mahkamah boleh menerima semula pendakwaan dan keterangan orang yang menuntut dan pihak terbabit hendaklah bersumpah atas keuzurannya.¹¹³

Dr. Muḥammad al-Zuḥaylī¹¹⁴ dalam buku penulisannya telah menyatakan bahawa pandangan kedua berkenaan dengan permasalahan ini adalah lebih rajih kerana sumpah merupakan salah satu daripada *wasīlah al-ithbāt* iaitu salah satu cara sabitan ke atas sesuatu kes. Tambahan pula, ianya telah diperkukuhkan dengan penyaksian terhadap Allah S.W.T dan pengembalian terhadap tanggungjawab dan kekuatan akidah. Dengan cara ini, pertelingkahan dapat ditamatkan secepat mungkin dan hak serta dakwaan yang dibuat akan gugur.

Selain itu, pendapat kedua ini lebih rajih kerana seseorang yang ingin membawa kesnya ke Mahkamah Syariah iaitu orang yang menuntut (*mudda,ī*) perlu bersedia dengan semua perkara yang berkaitan dengan pendakwaan dan pembuktian. Sekiranya kebenaran untuk mengemukakan keterangan diberikan oleh pihak mahkamah selepas orang yang kena tuntutan (*mudda,ā,alayh*) bersumpah, maka ianya akan memanjangkan lagi tempoh perbicaraan dan perselisihan serta melambatkan proses untuk mensabitkan sesuatu kes.

Tambahan pula, seorang Hakim Syarie wajib mengadili kedua-dua pihak yang bertikai dengan penuh kesaksamaan termasuklah dalam cara pembuktian. Jika keterangan orang yang menuntut adalah kukuh dan tiada keraguan, maka dihukum berdasarkannya. Namun begitu, dalam ketiadaan atau lemahnya keterangan orang yang menuntut maka hendaklah dihukum dengan sumpah orang yang kena tuntutan kerana kekuatannya. Dari aspek inilah pengkaji dapat mengkaji kebolehterimaan sesuatu sumpah itu sebagai keterangan dalam perundangan Islam masa kini di mana pengkaji akan melihat kepada bagaimana seseorang hakim itu menerima pakai kaedah sumpah

¹¹³al-Zuḥaylī, *al-Fiqh al-Islāmī*, 6:607.

¹¹⁴Muḥammad al-Zuḥaylī, *Wasā'il al-Ithbāt*, 1:374-376.

dalam mensabitkan hak dan dakwaan. Oleh itu, keadilan dapat diterjemahkan untuk kedua-dua pihak yang bertikai oleh Mahkamah Syariah dan tidak akan timbul masalah yang berlarutan di kemudian hari.

Seterusnya sesetengah „ulamā“ menegah daripada bersumpah dengan adanya keterangan dalam *majlis al-Qaḍā* kerana sumpah hanya dilaksanakan apabila sesuatu keterangan itu bersifat lemah. Sekiranya ada kemungkinan orang yang menuntut itu boleh membawa atau mendatangkan keterangan, maka tidak wajar hakim mengarahkan orang yang kena tuntutan bersumpah.¹¹⁵ Yang terakhir, dapat difahami bahawa prinsip asal bagi seorang Muslim ialah kebaikan dan sifat taqwa, dengan itu mereka tidak berdusta dengan sumpah kerana Allah S.W.T.¹¹⁶ Justeru itu, wajib bagi Mahkamah Syariah mengambil kira sumpah seseorang itu dan memutuskan haknya.

Dalam persoalan ini dan melihat kepada keadaan pada masa kini¹¹⁷, pengkaji berpendapat adalah wajar dan patut untuk diputuskan sesuatu kes itu dengan sumpah orang yang kena tuntutan dalam keadaan-keadaan tertentu seperti keterangan orang yang menuntut lemah, diragui, tidak mencukupi dan sebagainya kerana sumpah hanya akan mengambil tempat dalam keadaan-keadaan seperti itu atau dengan erti kata lain sumpah ialah suatu sokongan dan alternatif dalam pensabitan kes. Dari aspek kategori pembuktian melalui konsep *al-Bayyinah*, dapat dinyatakan bahawa *al-Iqrār* berada pada kedudukan yang paling tinggi nilainya diikuti oleh *al-Shahādah*, *al-Yamīn* dan *al-Qarīnah*.¹¹⁸ Oleh itu, sumpah dapat dinyatakan sebagai salah satu keterangan yang boleh diterima dan dipercayai kebenarannya untuk mensabitkan sesuatu kes.

¹¹⁵*Ibid.*, 375.

¹¹⁶*Ibid.*, 376.

¹¹⁷“Keadaan pada masa kini” dalam perenggan di atas merujuk kepada keadaan dalam setiap perbicaraan di Mahkamah Syariah yang memerlukan kepada satu cara yang sistematik untuk mempercepat proses perbicaraan dan menamatkan pertikaian antara kedua-dua pihak yang terlibat daripada tertangguh lama, maka, kebolehterimaan sumpah sebagai keterangan amat wajar dilaksanakan setelah hakim menilai bahawa ianya perlu diarahkan supaya kes dapat diputuskan dengan sumpah yang telah dilafazkan.

¹¹⁸Zulkifli Hassan, *Memahami Undang-undang Keterangan Islam* (Nilai: t.p., t.t.), 5.

Tambahan pula dalam keadaan pada zaman sekarang, pihak-pihak telah bersedia dengan segala pembuktian dan keterangan sebelum dibawa kes tersebut ke mahkamah serta kebiasaannya segala keterangan dapat disediakan sebelum kes dibicarakan kerana setiap kes akan mengikut keutamaannya. Dengan itu, tidak akan timbul masalah yang mana keterangan tidak dapat dibawa dan dikemukakan ketika kes dibicarakan di mahkamah.

Selain itu, jika diberi kebenaran untuk mengemukakan keterangan selepas sumpah dilakukan maka perbicaraan tersebut seolah-olah belum lagi selesai dan dibuka semula sedangkan mengikut prosedurnya, orang yang menuntut perlu menghabiskan dahulu kesnya sebelum orang yang kena tuntutan menjawab tuntutan. Justeru itu, jika orang yang menuntut memberi keterangan walaupun sumpah telah dilakukan maka kes tersebut tidak akan selesai selama-lamanya dan menyebabkan banyak kes tertangguh serta keadilan kepada kedua-dua belah pihak tidak dapat diberikan.

Kesimpulannya, pengkaji berpendapat bahawa sumpah orang yang kena tuntutan adalah wajib dilaksanakan oleh pihak yang terbabit bagi menafikan dakwaan atau tuntutan ke atasnya jika dia berada di pihak yang benar dan keterangan yang diberikan bagi mempertahankan dirinya tidak cukup kuat sebelum hakim memutuskan penghakiman. Namun begitu, ianya adalah sunat dilaksanakan jika bertujuan untuk memuaskan hati pihak yang menuntut sedangkan segala tuntutan telah dinafikan dengan keterangan yang mencukupi oleh pihak yang kena tuntutan. Sumpah yang dilaksanakan ketika itu dapat memberikan keadilan dan mendamaikan kedua-dua pihak yang bertelingkah dalam penyelesaian masalah mereka.

2.3.6.3 Hukum Sumpah *Istizhār*

Pengkaji dalam kajian ini lebih menumpukan hukum sumpah *istizhār* berbanding sumpah-sumpah yang lain seperti sumpah *al-mutammimah*, sumpah *jālibah* atau sumpah *tuhmah* adalah disebabkan oleh sumpah tersebut merupakan sumpah yang majoriti diguna pakai di Mahkamah Syariah Shah Alam, Selangor. Oleh itu, pengkaji berpandangan lebih baik difokuskan kepada sumpah *istizhār* sahaja bagi memberi gambaran yang jelas tentangnya supaya dapat dikaitkan dengan kebolehterimaan sumpah tersebut dalam bab Empat yang merupakan bab analisis data untuk kajian ini.

Secara umumnya, sumpah *istizhār* berfungsi untuk menambah kekuatan dan meyakinkan hakim untuk membuat keputusan dengan penuh kesaksamaan selain disertakan bukti-bukti yang telah dikemukakan di hadapannya. Ini adalah kerana hakim itu sendiri telah mengarahkan pihak yang terlibat untuk bersumpah *istizhār* supaya penghakiman dapat dibuat dengan tepat dan supaya orang yang bersumpah dipertanggungjawabkan sebahagian daripada keputusan yang dibuat oleh hakim.¹¹⁹

Dalam hal ini, pengkaji menganggap sumpah *istizhār* sebagai wajib dilaksanakan jika ianya dapat memberi kesan yang baik kepada pihak yang bertikai iaitu keadilan dapat diterjemahkan dengan hak diberikan kepada pihak yang berhak ke atasnya. Justeru itu, hakim dinasihatkan supaya meneliti dan menilai setiap sudut bagi kes yang dikendalikan serta menggunakannya sebagai penguat kepada keterangan jika ianya perlu dilaksanakan sebelum beliau menjatuhkan hukuman atau membuat keputusan.¹²⁰

¹¹⁹Wan Fattah dan Zulkifli, *Konsep Sumpah (al-Yamīn) dan Pelaksanaannya*, 17.

¹²⁰*Ibid.*

2.4 HIKMAH DAN SYARAT-SYARAT PELAKSANAAN SUMPAH (*AL-YAMĪN*)

2.4.1 Hikmah Pensyariatan Sumpah

Sumpah yang telah disyariatkan oleh Islam mempunyai hikmah, kebaikan dan kesan yang mendalam dari sudut keagamaan dan keduniaan. Dari sudut keagamaan, seseorang yang melaksanakan sumpah yang telah diamanahkan kepadanya akan mendapat pahala dan jika dia menolaknya atau berdusta akan mendapat dosa. Manakala dari sudut keduniaan, apabila mana-mana pihak melakukan sumpah yang telah diarahkan oleh hakim maka ianya dapat menyelesaikan pertikaian antara kedua-dua belah pihak dengan mengembalikan hak seseorang atau menafikannya sekaligus dapat menyelamatkan maruah mereka.¹²¹

Sumpah juga menyerlahkan ketahanan keagamaan dan menimbulkan rasa takut kepada Allah S.W.T kerana aspek kebenaran di dalamnya itu dapat mengatasi pendustaan berdasarkan iman, akidah dan rasa tanggungjawab dalam diri seseorang.¹²² Dengan itu juga, mereka menjadikan Allah S.W.T sebagai saksi di atas perkataannya¹²³ malahan hakim digesa agar dipastikan terlebih dahulu setiap aspek sebelum sumpah dilakukan dan memberi ancaman bahawa orang yang melakukan sumpah dusta akan mendapat kecelakaan di dunia dan azab di akhirat, yang mana telah termaktub dalam nas-nas al-Qur‘ān dan al-Sunnah dengan jelas.¹²⁴

Selain itu, keadaan dalam Mahkamah Syariah apabila perbicaraan berlangsung yang mana hakim akan dihadapkan dengan dua versi cerita yang berbeza menjadikan

¹²¹ *Ibid.*, 7.

¹²² Alwani, "Sumpah Sebagai Metode Keterangan Mengikut Hukum Islam", 11.

¹²³ Ibn Qayyim al-Jawziyyah, *The Legal Methods in Islamic Administration*, terj. Ala'eddin Kharofa (Kuala Lumpur: International Law Book Services, 2000), 129.

¹²⁴ Alwani, "Sumpah Sebagai Metode Keterangan Mengikut Hukum Islam", 11.

sumpah amat penting untuk digunakan sebagai salah satu cara pembuktian atau kaedah keterangan. Ini adalah kerana apabila hakim tidak dapat memastikan kebenaran cerita yang diberikan oleh pihak-pihak yang terlibat jika tiada keterangan mengenainya, maka sumpah akan menjadi cara pensabitan yang diperlukan dalam memutuskan kes yang berlangsung. Dengan yang demikian, pihak yang benar dan pihak yang salah dapat dipastikan melalui pensyariatan sumpah bila mana berpegang kepada iman dan akidah orang yang bersumpah tersebut.¹²⁵

Oleh itu, sumpah akan mengingatkan orang yang melafazkannya tentang risiko atau akibat buruk sumpah palsu di mana peringatan tersebut boleh mendorong mereka sama ada mengakui kebenaran satu-satu kes (*iqrār*), enggan melakukan sumpah (*nukūl al-yamīn*) atau mengembalikan sumpah tersebut (*radd al-yamīn*) kepada orang yang menuntut. Oleh kerana itu juga, maka disyariatkan cara memberatkan sumpah (*taghlīz al-yamīn*) bagi menambahkan rasa takut, gerun dan sebagai pencegahan daripada berdusta. Selain itu, disunatkan juga memberi nasihat kepada pihak-pihak yang akan melaksanakan sumpah, peringatan dan amaran sebelum mereka bersumpah kerana Allah S.W.T akan menyegerakan seksaan kepada orang yang berdusta ketika bersumpah.¹²⁶

2.4.2 Syarat-syarat Pelaksanaan Sumpah

2.4.2.1 Syarat-syarat yang disepakati

Sumpah yang dilaksanakan dengan tidak menepati syarat-syarat yang telah ditetapkan tidak akan diambil kira oleh pihak Mahkamah Syariah dalam mensabitkan

¹²⁵*Ibid.*

¹²⁶Muhammad al-Zuhaylī, *Wasāil al-Ithbāt*, 1:327-329.

hak dan dakwaan suatu kes yang dibicarakan. Menurut Dr. Wahbah al-Zuhaylī¹²⁷, syarat-syarat yang disepakati oleh para fuqahā¹²⁸ adalah seperti berikut:

- i. *Mukallaf* (,aqil dan baligh) dan boleh membuat pilihan sendiri (melakukan sumpah dengan redha, bukan dalam paksaan). Ini bermakna orang yang sempurna akal dan cukup umur sahaja yang diterima sumpahnya. Manakala sumpah yang dilakukan oleh orang bodoh, gila, kanak-kanak, orang yang tidur dan orang yang dipaksa tidak akan diambil kira. Jika mereka bersumpah dan kemudian melanggar sumpah yang telah dilakukan, kafarah tidak diwajibkan ke atas mereka.

Berkenaan dengan keadaan orang yang mabuk pula, terdapat dua pandangan tentangnya:

- a. Sah sumpah mereka kerana mereka ialah *mukallaf*, dan tambahan pula mabuk itu dengan sebab mereka sendiri.
- b. Tidak sah sumpah kerana mereka hilang akal. Apabila hilang akal, sifatnya sama seperti orang gila.¹²⁸

Namun begitu, memandangkan sumpah di sini adalah yang dijadikan sebagai satu cara pembuktian di mahkamah maka apabila perbicaraan dijalankan, sebaiknya ia ditangguhkan sehingga hilang mabuk pihak terbabit sekiranya penangguhan tersebut boleh mengelakkan keraguan dan kesulitan dalam perbicaraan.

- ii. Orang yang kena tuntutan menafikan tuduhan yang dilemparkan oleh orang yang menuntut terhadapnya. Sekiranya orang yang kena tuntutan mengaku tuduhan ke atasnya dan orang yang menuntut cukup keterangan, maka

¹²⁷al-Zuhaylī, *al-Fiqh al-Islāmī*, 6:597.

¹²⁸Mahmud Saedon, *Undang-undang Keterangan Islam*, 117.

sumpah tidak akan diperlukan. Menurut jumhur „ulamā“, sumpah dikenakan apabila orang yang menuntut gagal membawa keterangan atau tidak mempunyai keterangan yang kukuh.¹²⁹ Jika mereka mempunyai keterangan yang kuat maka tidak sah meminta orang yang kena tuntutan bersumpah.

- iii. Orang yang menuntut memohon kepada budi bicara hakim untuk memerintahkan lawannya supaya bersumpah dan hakim hendaklah mengarahkan orang yang kena tuntutan itu bersumpah. Sekiranya orang yang menuntut tidak meminta pihak lawannya untuk bersumpah, maka hakim tidak boleh memerintahkan pelaksanaan sumpah ke atas orang yang kena tuntutan. Demikian juga apabila orang yang kena tuntutan bersumpah sebelum diarahkan untuknya bersumpah oleh hakim, maka ianya tidak sah dan perlu diulangi sekali lagi. Selain itu, sumpah tidak sah dan perlu diulangi sekiranya dalam keadaan di mana orang yang menuntut telah bersumpah sebelum *nukūl* orang yang kena tuntutan dan sebelum hakim memerintahkan agar dipulangkan sumpah kepadanya.¹³⁰
- iv. Sumpah hendaklah dilakukan secara peribadi iaitu bersifat *shakhṣiyyah* (dibuat secara langsung untuk dirinya) sebagaimana secara umumnya telah diketahui sebelum ini bahawa sumpah tidak boleh diwakilkan kepada orang lain. Ini adalah kerana ia berkait rapat dengan tanggungan orang yang bersumpah dan agamanya. Oleh itu, dalam konteks ini tidak sah sumpah yang dilakukan oleh wakil atau peguam bagi pihak anak guamnya dan jika ia melibatkan kanak-kanak, maka ia perlu ditangguhkan sehingga *„aqil baligh* dan jika seseorang itu gila maka akan ditangguhkan sehingga dirinya sembuh.

¹²⁹Wan Fattah dan Zulkifli, *Konsep Sumpah (al-Yamīn) dan Pelaksanaannya*, 20.

¹³⁰Alwani, “Sumpah Sebagai Metode Keterangan Mengikut Hukum Islam”, 16.

- v. Sumpah yang dilaksanakan tidak melibatkan hak Allah S.W.T semata-mata seperti *hudūd* dan *qisās*. Para „ulamā“ bersepakat bahawa hak Allah S.W.T semata-mata tidak boleh dilakukan sumpah kecuali dalam kes *qasāmah*. *Qasāmah*¹³¹ hampir sama dengan sumpah Syarie, namun sumpah adalah lebih umum berbanding dengan *qasāmah*.
- vi. Kes-kes yang dibolehkan sumpah ialah kes berkaitan dengan hak-hak yang boleh di*iqrār*kan. Ia melibatkan kes-kes di mana orang yang kena tuntutan boleh membuat pengakuan terhadap dakwaan yang dikenakan ke atasnya dan jika kes tersebut tidak boleh di*iqrār*kan, maka tidak boleh juga dilaksanakan sumpah dalam kes yang berlangsung itu. Sebagai contoh, wakil, pemegang wasiat atau *qayyim* (mereka yang dilantik oleh mahkamah untuk menjaga harta anak-anak yatim) tidak boleh melafazkan *iqrār* bagi pihak lain dan dalam masa yang sama tidak sah dilaksanakan sumpah dalam kes tersebut.¹³² *Iqrār* dibuat untuk mensabitkan sesuatu hak orang lain terhadap dirinya sendiri.
- vii. Bersumpah dengan menyebut nama Allah S.W.T atau sifat-sifatNya.

¹³¹ Menurut pandangan fuqahā“, *al-Qasāmah* bermaksud sumpah yang diulang-ulangkan dalam kes pembunuhan dengan syarat-syarat tertentu. Lihat „Abdul Karīm Zaydān, *Nizām al-Qadā“ft al-Sharīah al-Islāmiyyah* (Beirūt: Muassasah al-Risālah, 2000), 189.

¹³² Wan Fattah dan Zulkifli, *Konsep Sumpah (al-Yamīn) dan Pelaksanaannya*, 21.

2.4.2.2 Syarat-syarat yang tidak disepakati

Antara syarat-syarat pelaksanaan sumpah yang tidak disepakati oleh para fuqahā¹³³ adalah:

- i. Dalam ketiadaan keterangan (*bayyinah*) atau kelemahan kes orang yang menuntut, para fuqahā¹³⁴ mempunyai pandangan yang berbeza. Terdapat segelintir daripada mereka menyatakan bahawa sumpah hanya akan sah dan boleh dilaksanakan apabila orang yang menuntut tidak mempunyai keterangan terhadap dakwaan yang dibuat. Sekiranya mereka mempunyai keterangan yang mencukupi untuk dikemukakan di hadapan hakim, maka sumpah orang yang kena tuntutan adalah tidak sah.

Jumhur fuqahā¹³⁵ iaitu mazhab Mālikī, Ḥanafī dan Ḥanbalī telah mensyaratkan bahawa ketiadaan atau kelemahan keterangan orang yang menuntut membolehkan sumpah dilakukan oleh orang yang kena tuntutan.¹³³

Manakala mazhab Shāfi¹³⁴ pula berbeza pandangan dengan jumhur fuqahā¹³⁵ di mana mereka tidak mensyaratkan ketiadaan keterangan dari orang yang menuntut sebagai salah satu syarat untuk bersumpah.¹³⁴ Golongan ini merujuk kepada *ḥadīth* Rasulullah S.A.W yang bermaksud, “*Keterangan bagi orang yang menuntut dan sumpah bagi orang yang menentang*”.¹³⁵ Ini bermakna sumpah adalah sah dan dibolehkan bagi orang yang kena tuntutan serta merupakan hak mereka untuk melaksanakannya bagi menafikan dakwaan yang dikenakan ke atasnya.

¹³³ al-Zuhaylī, *al-Fiqh al-Islāmī*, 6:598.

¹³⁴ *Ibid.*

¹³⁵ Ḥadīth ṣaḥīḥ riwayat al-Baiḥaqī dan al-Ṭabranī, Kitāb al-Da¹³⁴ wa al-Bayyināt, Bāb al-Bayyinah ,alā al-Mudda¹³⁵ wa al-Yamīn ,alā Man Ankara, no. Ḥadīth 4718. Lihat al-Baiḥaqī, dalam *Kitāb as-Sunan as-Ṣaghīr*, ed. ,Abdul Salām ,Abdul Shafī dan Aḥmad Qabanī, 517.

Menurut pendapat Dr. Muḥammad Muṣṭafā al-Zuḥaylī, beliau menyokong pandangan jumbuh iaitu perlu disyaratkan keadaan di mana kegagalan orang yang menuntut untuk membawa keterangan sebagai kesahihan perintah sumpah orang yang kena tuntutan. Ianya berdasarkan situasi Rasulullah S.A.W sendiri yang tidak pernah memerintahkan sumpah dilakukan melainkan setelah meminta dikemukakan keterangan (*bayyinah*) atas dakwaan yang telah dibuat oleh orang yang menuntut. Oleh itu, apabila tidak ada keterangan atau gagal dalam mendapatkannya maka pada saat itu sumpah boleh diperintahkan kepada orang yang kena tuntutan.

Beliau juga turut mentarjihkan pendapat Imam Abū Ḥanīfah yang meng*qiyāskan bayyinah* yang ada dalam negeri ke atas *bayyinah* yang dikemukakan dalam mahkamah. *Qiyāsan* ini dibuat berdasarkan ayat al-Qurʿān tentang kaum terdahulu iaitu daripada golongan ahli kitab dan orang-orang musyrik yang mana telah mempertahankan keyakinan mereka dengan mengatakan bahawa tidak akan meninggalkan agama yang dianuti sebelum datang kepada mereka bukti yang nyata.¹³⁶ Maka dengan itu, ianya di*qiyāskan* dalam keadaan di mahkamah apabila tidak harus orang yang menuntut meminta lawannya untuk bersumpah dan hakim tidak perlu melayan permohonan tersebut¹³⁷ kerana orang yang menuntut sememangnya boleh membawa keterangan tanpa kesulitan dan mereka kebiasaannya telah menyediakan keterangan yang mencukupi sebelum membuat dakwaan terhadap lawannya, melainkan terdapat pengecualian dalam keadaan-keadaan yang tertentu.

¹³⁶Adi Supriyanto, "Apa Makna yang Terkandung dalam Surah al-Bayyinah," laman sesawang *Dictio.id*, dicapai 15 Mac 2018, <https://www.dictio.id/t/apa-makna-yang-terkandung-di-dalam-surat-al-bayyinah/24023>.

¹³⁷Alwani, "Sumpah Sebagai Metode Keterangan Mengikut Hukum Islam", 19.

Setelah meneliti kesemua pendapat fuqahā¹³⁸ bagi syarat ketiadaan keterangan (*bayyinah*) atau kelemahan kes orang yang menuntut, pengkaji menyokong pandangan daripada jumur iaitu sumpah hanya boleh dilakukan oleh orang yang kena tuntutan jika ketiadaan atau kelemahan keterangan orang yang menuntut. Ini adalah kerana pihak yang membuat tuntutan terlebih dahulu perlu mengemukakan keterangan yang mencukupi bagi menegakkan haknya, namun apabila tiada keterangan atau lemahnya keterangan yang diberikan, maka sumpah mengambil tempat dan diterima sebagai kaedah untuk menafikan tuntutan yang dibuat ke atas pihak yang kena tuntutan. Ini bermakna sumpah tidak dilafazkan sewenang-wenangnya oleh pihak yang kena tuntutan walaupun sumpah adalah hak yang diberikan ke atasnya kerana ianya memerlukan penelitian terhadap keadaan yang membolehkan pelaksanaan sumpah dijalankan.

- ii. *Khulṭah* (Percampuran). Golongan „ulamā“ Mālikī telah mensyaratkan adanya percampuran sebagai salah satu syarat sah untuk menuntut sumpah. Ianya berkaitan dengan kes-kes mal di mana disyaratkan perlu ada pergaulan atau percampuran pihak-pihak yang bertikai dalam *mu„āmalah* mereka sebelum ini.

Dalam kes yang tidak melibatkan harta (mal), disyaratkan seorang saksi bagi membolehkan seseorang itu diarahkan untuk bersumpah seperti kes-kes *ṭalaq*, *ruju*, „*khulu*„, *wakālah*, *waṣiat*, *nasab*, pengislaman dan *riḍḍah*. Kes-kes yang dinyatakan ini ialah kes-kes yang pada asalnya tidak dapat disabitkan melainkan dengan keterangan dua orang saksi.¹³⁸ Dr. Wahbah al-Zuhaylī telah menerangkan bahawa dalam beberapa keadaan *khulṭah* tidak

¹³⁸ al-Zuhaylī, *al-Fiqh al-Islāmī*, 6:598.

disyaratkan dan begitu juga dengan kewujudan seorang saksi dalam menuntut supaya sumpah dilaksanakan.¹³⁹

Dalam hal ini, pengkaji berpendapat bahawa *khulṭah* atau percampuran antara pihak yang bertikai adalah syarat yang perlu diambil kira oleh Hakim Syarie sebelum diterima pakai pelaksanaan sumpah dalam kes yang menjadi pertikaian. Ini adalah kerana jika terdapat tuntutan yang ingin dituntut oleh pihak yang menuntut dan berlaku penafian oleh pihak yang kena tuntutan apabila tuntutan yang difailkan ke atasnya adalah tidak benar, maka jelas difahami oleh Hakim Syarie bahawa telah berlaku *khulṭah* antara mereka. Justeru itu, sumpah boleh diarahkan oleh hakim kepada mana-mana pihak yang perlu bersumpah supaya kes dapat diputuskan dengan adil dan tepat.

Oleh yang demikian, dapat dijelaskan di sini bahawa dalam hakim mengarahkan supaya sumpah dilaksanakan, terdapat syarat-syarat pelaksanaan sumpah yang perlu diambil kira dan diikuti sama ada ianya syarat yang disepakati atau tidak disepakati. Syarat yang disepakati dalam kalangan „ulamā“ perlulah dipatuhi oleh Mahkamah Syariah manakala syarat yang tidak disepakati sebolehnya wajib bagi seorang hakim mentarjihkan pendapat yang *rajih* terlebih dahulu sebelum menggunakannya berdasarkan pandangan-pandangan „ulamā“ supaya masih lagi berlandaskan syariah. Di sini dapat dilihat bahawa suatu kebolehterimaan terhadap penggunaan sumpah sebagai keterangan juga perlu diteliti dengan melihat kepada syarat-syarat yang diambil kira oleh hakim iaitu bergantung kepada keadaan yang bagaimana sumpah tersebut boleh diterima pakai dalam membawa satu keadilan kepada pihak-pihak yang terlibat.

¹³⁹ *Ibid.*

2.5 JENIS-JENIS SUMPAH (*AL-YAMĪN*)

Secara umumnya dalam prinsip pendakwaan yang berlangsung dalam *majlis al-Qadā'* atau mahkamah, jumhur fuqahā' telah menyatakan pandangan mereka bahawa apabila terdapat dua pihak bertikai iaitu pihak yang menuntut dan pihak yang kena tuntutan, maka satu pihak akan memberi atau mengemukakan keterangan bagi membuktikan dakwaan yang dibuat manakala pihak satu lagi dikehendaki bersumpah jika keterangan gagal dibawa oleh yang menuntut.

Walau bagaimanapun, terdapat keadaan di mana pihak yang menuntut menjadi pihak yang kena tuntutan dalam konteks melakukan sumpah.¹⁴⁰ Dalam situasi ini, kedua-dua belah pihak bertanggungjawab untuk membuktikan kebenaran dakwaan masing-masing. Disebabkan keadaan seperti ini maka sumpah terbahagi kepada tiga bahagian iaitu:

- i. Sumpah orang yang kena tuntutan (*سَمَاءُ الْإِنْدَعِ عَهُ*)
- ii. Sumpah orang yang menuntut (*سَمَاءُ الْإِنْدَعِ عِ*)
- iii. Sumpah saksi (*سَمَاءُ الشَّيْبِ دِ*)

2.5.1 Sumpah orang yang kena tuntutan (*سَمَاءُ الْإِنْدَعِ عَهُ*)

Sumpah ini adalah merupakan sumpah yang dilakukan oleh orang yang kena tuntutan apabila hakim mengarahkan mereka melaksanakannya di mana ianya diminta oleh orang yang menuntut untuk menguatkan jawapan atas dakwaan yang telah dibawa di hadapan hakim. Dalam situasi seperti ini, ianya merupakan hujah bagi orang yang kena tuntutan sebagaimana *ḥadīth* Rasulullah S.A.W:

¹⁴⁰Mahmud Saedon, *Undang-undang Keterangan Islam*, 120.

ولكن اليمين على المدعى عليه¹⁴¹

Terjemahan: Akan tetapi sumpah adalah ke atas orang yang menentang.

Sumpah ini juga dinamakan sebagai sumpah asal (صَّخُّ), sumpah wajib (صَّخُّ), sumpah mempertahankan (انْفَلِخْ), atau sumpah mengangkat (انْفَلِخْ). Menurut Dr. Muḥammad Muṣṭafā al-Zuḥaylī, penggunaan sumpah ini disepakati oleh para „ulamā“ dan menurut Imam Abū Ḥanīfah, sesungguhnya sesuatu sumpah itu tidak akan berlaku melainkan sumpah jenis ini.¹⁴² Ini bermakna Imam Abū Ḥanīfah hanya menerima pakai sumpah orang yang kena tuntutan dan menolak sumpah orang yang menuntut serta sumpah saksi.

Sumpah orang yang kena tuntutan dinamakan juga sebagai sumpah asal kerana sumpah inilah yang dimaksudkan dalam kebanyakan nas-nas tentang sumpah. Apabila disebut sumpah atau *al-yamīn* tanpa dinyatakan jenis sumpah, maka secara umumnya dapat difahami bahawa yang dimaksudkan ialah sumpah orang yang kena tuntutan (*yamin al-mudda,ā* „*alayh*) dan sumpah ini adalah sumpah yang disebut oleh *ḥadīth* sebagai wasilah pembuktian.¹⁴³

Selain itu, ia dinamakan sumpah mempertahankan kerana sumpah ini boleh menolak dakwaan orang yang menuntut dan orang yang kena tuntutan bersedia dalam berhadapan dengan bukti-bukti atau keterangan-keterangan orang yang menuntut dalam mensabitkan dakwaan ke atasnya. Sumpah ini dikenali juga sebagai sumpah mengangkat kerana ia mengangkat atau menyelesaikan perbalahan antara dua pihak yang bertikai dan menggugurkan dakwaan. Akhir sekali, ia disebut juga sebagai sumpah

¹⁴¹ *Ḥadīth* riwayat Muslim, Kitāb al-Aqdiyyah, Bāb al-Yamīn „alā al-Mudda,ā „alayh, no. *Ḥadīth* 4436/1. Lihat „Ithmānī, “*Ṣaḥīḥ Muslim*,” dalam *Takmilah Fathu al-Mulhim*, 2: 326.

¹⁴² Ibn Qayyim, *The Legal Methods*, terj. Ala‘eddin Kharofa, 166.

¹⁴³ Muḥammad al-Zuḥaylī, *Wasāil al-Ithbāt*, 1:357.

wajib kerana wajib ke atas orang yang kena tuntutan untuk melaksanakan sumpah ini apabila diminta oleh orang yang menuntut untuk bersumpah.¹⁴⁴

Justeru itu, dapat dilihat di sini bahawa sumpah orang yang kena tuntutan merupakan sumpah utama yang diguna pakai dalam mahkamah apabila berlakunya keadaan di mana tiada bukti atau keterangan daripada orang yang menuntut untuk mensabitkan dakwaan yang telah dibuat.

2.5.2 Sumpah orang yang menuntut (سَمْعِي لِمَدْعِي)

Jumhur „ulamā“ iaitu Mālikī, Shāfi‘ī, Ḥanbalī dan lain-lain kecuali al-Ḥanafīyyah menerima pakai sumpah orang yang menuntut dan berpendapat bahawa sumpah ini adalah bertujuan untuk menolak atau mempertahankan diri daripada tuhmah yang ditujukan kepadanya atau untuk mensabitkan haknya atau untuk menolak sumpah yang dikembalikan kepadanya.¹⁴⁵ Ianya dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu sumpah *jālibah* (*yamīn al-jālibah*), sumpah *tuhmah* (*yamīn al-tuhmah*) dan sumpah *istizhār* (*yamīn al-istizhār*).¹⁴⁶

2.5.2.1 Sumpah *jālibah* (*yamīn al-jālibah*)

Sumpah ini merupakan sumpah yang dibuat oleh orang yang menuntut dalam membuktikan dan mensabitkan hak-haknya disebabkan oleh keadaan-keadaan yang tertentu yang memerlukan mereka bersumpah. Antara keadaan-keadaan tersebut adalah kerana terdapat keterangan seorang saksi sahaja, maka orang yang menuntut perlu

¹⁴⁴ *Ibid.*

¹⁴⁵ Alwani, “Sumpah Sebagai Metode Keterangan Mengikut Hukum Islam”, 21.

¹⁴⁶ al-Zuhaylī, *al-Fiqh al-Islāmī*, 6:600-602.

bersumpah di samping seorang saksi yang ada untuk menguatkan dan mengukuhkan dakwaannya dan ia dinamakan sebagai sumpah bersama seorang saksi.

Sebagai contoh, *A* yang merupakan pihak yang menuntut telah membuat tuntutan di Mahkamah Syariah berkaitan dengan harta sepencarian ke atas *B*. Walau bagaimanapun, *A* hanya mengemukakan seorang saksi sahaja untuk memberikan keterangan bagi pihaknya dan ini menunjukkan *A* tidak memenuhi syarat yang diperlukan iaitu membawa dua orang saksi dalam kes tuntutannya. Maka dengan itu, Hakim Syarie boleh menerima keterangan yang diberikan oleh seorang saksi tersebut dengan syarat *A* perlu bersumpah untuk menguatkan tuntutan yang telah dibuat.

Selain itu, ianya adalah disebabkan keengganan orang yang kena tuntutan untuk bersumpah (*nukūl al-yamīn*) ketika diminta oleh hakim untuk melaksanakannya dan dengan itu sumpah dikembalikan kepada orang yang menuntut supaya bersumpah iaitu dinamakan sebagai *yamīn al-mardūdah*.¹⁴⁷

Contoh yang dapat pengkaji berikan bagi menggambarkan keadaan di atas adalah dalam kes hak penjagaan anak, *C* telah memfailkan tuntutan ke atas *D* yang melibatkan penjagaan dua orang anak di Mahkamah Syariah. *C* telah menyatakan bahawa *D* seorang bapa yang tidak bertanggungjawab dan sering mendera emosi anak-anak mereka. Walau bagaimanapun, *C* tidak mempunyai bukti yang kuat untuk kenyataan yang diberikan seperti dokumen daripada pakar kaunseling mahupun saksi yang mengetahui tentang keadaan tersebut. Oleh itu, hakim boleh mengarahkan *D* untuk melafazkan sumpah bagi menafikan dakwaan daripada *C* sebelum hakim membuat keputusan. Akan tetapi *D* enggan bersumpah untuk menolaknya, maka sumpah dikembalikan kepada *C* dan *C* perlu bersumpah jika ingin membenarkan dakwaannya seterusnya memberikan hak penjagaan anak kepadanya.

¹⁴⁷Wan Fattah dan Zulkifli, *Konsep Sumpah (al-Yamīn) dan Pelaksanaannya*, 13.

Tambahan juga, sumpah *jālibah* dilaksanakan untuk membuktikan pertuduhan jenayah iaitu dikenali sebagai *yamīn al-qasāmah* dalam kes pembunuhan atau kecederaan¹⁴⁸ dan adakalanya dibuat kerana *qadhaf* suami terhadap isterinya dengan disebut sebagai *yamīn al-li,, ā*.¹⁴⁹ Bagi pemegang barang gadai, penyewa dan peminjam pula tidak dibenarkan dakwaan mereka dengan sumpah kecuali jika ada keterangan (*bayyinah*) seperti wujudnya barang-barang itu di tangan mereka untuk kepentingan mereka sendiri.¹⁵⁰

Oleh yang demikian, sumpah ini merupakan salah satu sumpah yang memainkan peranan untuk memberikan hak kepada pihak yang menuntut dalam setiap kes yang dikemukakannya jika keadaan memerlukan kepadanya untuk bersumpah di hadapan Hakim Syarie.

2.5.2.2 Sumpah *tuhmah* (*yamīn al-tuhmah*)

Sumpah jenis ini diarahkan oleh hakim kepada orang yang menuntut untuk bersumpah bagi menolak dakwaan yang tidak pasti kebenarannya ke atas orang yang kena tuntutan. Sumpah *tuhmah* amat diperlukan apabila orang yang menuntut yakin dengan perkara yang ingin didakwanya tetapi ia meragui tentang orang yang kena tuntutan. Mazhab Mālikī dan Zaydiyyah telah menerima pakai sumpah ini.¹⁵¹

Keadaan ini dapat pengkaji gambarkan dengan contoh yang sesuai iaitu apabila *A* telah memfailkan tuntutan nafkah anak terhadap *B* sebanyak RM 1500.00 sebulan bagi tiga orang anak yang masih bersekolah. Tuntutan sebanyak amaun yang dinyatakan itu adalah disebabkan oleh *B* mempunyai pekerjaan yang tetap dan stabil sebagai

¹⁴⁸ *Ibid.*

¹⁴⁹ Alwani, "Sumpah Sebagai Metode Keterangan Mengikut Hukum Islam", 22.

¹⁵⁰ al-Zuhaylī, *al-Fiqh al-Islāmī*, 6:600.

¹⁵¹ *Ibid.*, 601.

pengurus di sebuah syarikat yang berpendapatan sebanyak RM 5500.00 sebulan. Namun begitu, *A* tidak begitu yakin jika pendapatan tersebut adalah gaji bersih atau belum ditolak pinjaman rumah dan kereta yang dibuat oleh *B*. Oleh itu, bagi menolak sesuatu yang tidak pasti dalam keterangannya, maka sumpah *tuhmah* diperlukan sebelum diputuskan kes tersebut.

Pelaksanaan sumpah *tuhmah* tidak digunakan secara meluas di Mahkamah Syariah dan ianya dapat dilihat dalam kajian yang dibuat oleh pengkaji di Mahkamah Syariah Shah Alam, Selangor. Namun begitu, jika hakim merasakan perlu untuk pihak yang menuntut melaksanakannya, maka ianya akan dilaksanakan di hadapan beliau sebagai menambah keyakinan untuk beliau membuat keputusan yang tepat.

2.5.2.3 Sumpah *istizhār* (*yamīn al-istizhār*)

Sumpah *istizhār* merupakan sumpah yang paling kerap digunakan dalam menyelesaikan sesuatu perbalahan di Mahkamah Syariah. Ianya disebut juga sebagai *yamīn al-istithāq* dan „ulamā“ Mālikī pula menamakannya sebagai *yamīn al-istibrā*“. Sumpah ini dilakukan oleh orang yang menuntut atas permintaan hakim untuk menolak *tuhmah* ke atasnya setelah mereka mengemukakan bukti atau dalil dan keterangan yang diperlukan dalam pendakwaan. Seperti mana keterangan kesaksian, ianya telah melengkapkan dan menyempurnakan lagi bukti-bukti dan keterangan yang ada. Dengan melaksanakan sumpah ini, maka sabitlah dakwaannya di hadapan hakim.¹⁵²

Pada asalnya, hakim menggunakan sumpah *istizhār* dalam tuntutan berhubung dengan hak ke atas orang yang menghilangkan diri (*ghaib*) atau meninggal dunia. Ianya dilaksanakan bagi mengelak *tuhmah* atau untuk mengukuhkan lagi keputusan yang dibuat oleh hakim walaupun pada ketika itu hakim telah berpuas hati dengan keterangan

¹⁵²*Ibid.*

yang diberikan oleh orang yang menuntut dan sudah terdapat dua orang saksi dalam kes tersebut.¹⁵³

Contohnya adalah seperti dalam keadaan di mana orang yang menuntut telah mengemukakan keterangan bahawa dia telah melangsaikan hutangnya daripada orang yang telah meninggal dunia atau hilang atau dengan erti kata lain telah bebas daripada hutang dengannya, atau dalam keadaan dia (orang yang menuntut) telah mengambil kembali barang gadaian sebagai cagaran hutang daripada orang yang telah meninggal atau hilang yang mana tiada saksi yang mengetahui hal tersebut. Oleh itu, dalam situasi begini hakim akan mengarahkan orang yang menuntut bersumpah disebabkan bukti atau keterangan yang dikemukakan tidak memadai melainkan hanya setakat *ghalabah al-zan*. Apabila sumpah telah dilaksanakan, orang yang menuntut boleh mendapat hak mereka kembali melalui keterangan atau bukti yang ada dan sumpah tersebut.

Dr. Wahbah bersependapat dengan Ibn Qayyim dalam kitabnya iaitu *Al-Turuq al-Hukmiyyah* di mana beliau menyokong pemakaian sumpah ini dan menyatakan bahawa ianya bertepatan dengan kaedah Syarak terutama dalam keadaan wujudnya tuhmah.¹⁵⁴ Saidina „Alī r.a pernah meminta orang yang menuntut bersumpah walaupun terdapat dua orang saksi dan *Qādī* Shurayḥ pula telah meminta seorang lelaki supaya bersumpah dengan disertakan keterangan dan bukti.¹⁵⁵ Al-Awzā,,ī, al-Nakha,,ī, al-Sha,,bī dan Ibn Abī Laylā juga mempunyai pandangan yang sama berhubung dengan sumpah ini.

¹⁵³ Mahmud Saedon, *Undang-undang Keterangan Islam*, 125-126.

¹⁵⁴ Alwani, “Sumpah Sebagai Metode Keterangan Mengikut Hukum Islam”, 23. Lihat juga al-Zuhaylī, *al-Fiqh al-Islāmī*, 6:601.

¹⁵⁵ Ibn Qayyim, *The Legal Methods*, terj. Ala’eddin Kharofa, 165-166.

Keadaan yang membenarkan pelaksanaan sumpah *istizhār*

Para fuqahā“ bersependapat bahawa tidak boleh diarahkan orang yang menuntut bersumpah apabila mereka telah mengemukakan keterangan, namun begitu diharuskan sumpah *istizhār* dalam keadaan yang tertentu seperti darurat dan keperluan yang mendesak. Dengan itu, satu tuntutan dapat dibuat dengan baik dan lebih memberikan keadilan kepada pihak yang membawa tuntutan ke mahkamah. Malah dalam situasi seperti ini, pihak mahkamah atau hakim berperanan mengarahkan sumpah dilakukan walaupun tidak diminta oleh pihak-pihak yang terlibat.¹⁵⁶

Menurut al-Ḥanafiyah, sumpah *istizhār* adalah wajib dalam kes dakwaan yang melibatkan orang yang telah meninggal dunia walaupun tanpa permintaan orang yang kena tuntutan. Sementara itu dalam lima keadaan yang lain, Imam Abū Ḥanīfah dan Muḥammad telah menegaskan bahawa perlu ada permintaan supaya bersumpah daripada orang yang kena tuntutan. Manakala Abū Yūsuf berpandangan tidak perlu ada permohonan daripada orang yang kena tuntutan untuk lima keadaan ini, bahkan hakim akan memerintahkan sumpah tanpa syarat. Lima keadaan yang dibincangkan ialah¹⁵⁷:

- i. Ketika berhak ke atas benda yang diakadkan, maka apabila orang yang menuntut telah membuktikan haknya ke atas sesuatu harta itu, hendaklah mereka bersumpah bahawa tidak pernah menjual, menghadiahkan atau memberi pemilikan harta kepada orang yang kena tuntutan.

¹⁵⁶Alwani, “Sumpah Sebagai Metode Keterangan Mengikut Hukum Islam”, 24.

¹⁵⁷al-Zuhaylī, *al-Fiqh al-Islāmī*, 6:602.

- ii. Dalam kes *shuf,ah*¹⁵⁸, orang yang menuntut hendaklah bersumpah bahawa mereka menuntut *shuf,ah* itu sebaik sahaja mengetahuinya dan mereka tidak pernah sekali-kali membatalkannya.
- iii. Dalam kes tuntutan nafkah oleh si isteri yang mana suaminya menghilangkan diri atau ghaib pula, mereka perlu bersumpah menyatakan bahawa pihak suami tidak pernah menceraikan mereka dan suami tersebut tidak meninggalkan nafkah untuk mereka.
- iv. Untuk kes pemulangan barang yang mempunyai kecacatan, pembeli mestilah bersumpah bahawa mereka tidak redha dengan kecacatan yang terdapat pada barang tersebut.
- v. Dalam kes *khiyār al-bulūgh* bagi anak gadis di mana mereka bersumpah memilih perceraian serta merta.

Menurut al-Mālikiyyah pula, sumpah *istizhār* perlu diarahkan oleh hakim dalam kes nafkah isteri, dakwaan ke atas orang yang ghaib, anak yatim, wakaf, orang-orang miskin, semua bentuk kebajikan, ke atas baitul mal dan ke atas setiap mereka yang berhak akan sesuatu sama ada haiwan atau lainnya. Orang yang menuntut juga akan bersumpah apabila dua orang saksi memberi keterangan ke atas tulisan orang yang berhutang, dalam kesaksian dengar cakap (*tasāmu*., dan *istifādah*) dan keterangan ke atas orang yang berhutang yang tidak diketahui keadaan papa kedananya.¹⁵⁹

¹⁵⁸*Shuf,ah* menurut bahasa ialah percampuran atau penggabungan. Manakala menurut syarak bermaksud pemilikan barang *shuf,ah* oleh *shafi*., (pemohon) sebagai pengganti dari pembeli dengan membayar harga barang kepada pemiliknya sesuai dengan nilai dan sistem pembayaran yang biasa dilakukan oleh pembeli lain. Lihat Sabiq, *Fiqh Sunnah*, terj. Nor Hasanuddin, 227.

¹⁵⁹al-Zuhaylī, *al-Fiqh al-Islāmī*, 6:602.

Manakala al-Shāfi,yyah berpendapat bahawa sumpah ini perlu diarahkan oleh hakim walaupun tanpa permintaan daripada orang yang bertelingkah seperti dalam kes dakwaan terhadap orang yang telah meninggal dunia, orang yang telah hilang, kanak-kanak, *al-mahjūr*, *al-safīh*, *al-majnūn* dan orang yang kurang sempurna akal nya serta dalam kes yang dibuktikan melalui dua orang saksi atau seorang saksi dan sumpah orang yang menuntut.¹⁶⁰

Mazhab Ḥanbalī pula berpandangan sumpah *istizhār* diharuskan dalam keadaan adanya keterangan bagi orang yang hilang, atau yang bersembunyi dalam negeri, atau orang yang meninggal dunia, atau kanak-kanak ataupun orang gila.¹⁶¹

Justeru itu, dapat disimpulkan di sini bahawa sumpah daripada orang yang menuntut juga berperanan penting dalam mensabitkan sesuatu dakwaan kes apabila berlakunya keadaan-keadaan tertentu yang memerlukan sumpah orang yang menuntut. Sumpah mereka dapat menguatkan keterangan dan bukti serta menolak tuhmahan yang mana memberi kesan positif kepada hakim dalam membuat keputusan yang adil dan saksama.

2.5.3 Sumpah saksi (يمين لشاهد)

Sumpah saksi dilakukan oleh saksi sebelum memberikan kesaksiannya dalam sesuatu kes yang berlangsung. Ianya tiada kaitan sama ada dengan sumpah orang yang menuntut mahupun sumpah orang yang kena tuntutan. Sumpah ini bertujuan untuk memberi kepercayaan atas kebenaran yang telah dibuat oleh mereka dan dijadikan sebagai ganti kepada *tazkiyah al-shāhid* di mana agak sukar untuk mencari saksi yang benar-benar adil dalam memberi kesaksian pada masa kini. Ini adalah disebabkan

¹⁶⁰*Ibid.*

¹⁶¹*Ibid.*

keadaan zaman sekarang yang berlakunya kerosakan yang amat ketara dan pegangan agama yang lemah. Sumpah saksi dibenarkan oleh al-Mālikiyyah, al-Zaydiyyah, al-Zāhiriyyah, Ibn Abī Layla dan Ibn Qayyim, manakala jumur „ulanā“ menolak saksi bersumpah.¹⁶²

Oleh yang demikian, Mahkamah Syariah pada masa kini telah menjadikan sumpah saksi sebagai ganti kepada *tazkiyah al-shāhid* kerana sukar untuk mencari dan memastikan saksi yang dipanggil untuk memberi kesaksian adalah adil dan benar. Dengan sumpah yang dilafazkan oleh saksi sebelum memberi kesaksian terhadap kes yang berlangsung, mereka tidak akan berani untuk memberi kesaksian palsu kerana kesannya adalah sangat buruk iaitu berdosa besar dan tergolong dalam orang-orang yang dilaknat oleh Allah S.W.T. Ianya juga dapat memberi jaminan kepada pihak-pihak yang bertikai agar mempercayai saksi yang dipanggil dalam membantu kes mereka seterusnya dapat diadili kes tersebut seadil-adilnya.

2.6 KEBOLEHTERIMAAN SUMPAH DAN HUBUNG KAIT DENGAN KEADILAN (‘ADĀLAH ZĀHIRAH), FAKTA KES, BEBAN PEMBUKTIAN DAN TAHAP PEMBUKTIAN

2.6.1 Kebolehterimaan Sumpah dan Hubung Kait Dengan Keadilan (‘*adālah zāhirah*)

Keadilan merupakan salah satu daripada tiga asas pegangan hidup Islam seiring dengan tauhid dan khilafah¹⁶³, dan ianya dianggap sebagai konsep yang penting dalam Islam. Ini adalah kerana Islam itu sendiri merupakan agama persamaan dan keadilan.

¹⁶²*Ibid.*, 600. Lihat juga Mahmud Saedon, *Undang-undang Keterangan Islam*, 120.

¹⁶³Khilafah bermaksud kepimpinan umum ke atas seluruh umat Islam di dunia dengan menerapkan Syariah Islam dan mengembangkan dakwah Islam ke seluruh dunia. Lihat Maḥmūd al-Khālīdī, “Qawā, id Nizām al-Ḥukm fī al-Islām” (disertasi peringkat Sarjana, Universiti al-Azhar, Mesir, t.t), 226.

Allah S.W.T sememangnya bersifat adil dan cintakan keadilan serta kasihkan hambaNya yang bersifat adil dalam kehidupan seharian. Antara asas yang ditekankan dalam syariat Islam adalah prinsip keadilan kepada semua manusia. Dalam perbincangan kali ini, pengkaji bukan sahaja akan menjelaskan konsep keadilan dalam Islam bahkan akan mengupas dengan lebih lanjut tentang konsep keadilan ini dan hubung kaitnya dengan perundangan Islam terutama dalam kaedah keterangan sesebuah kes iaitu menerusi sumpah (*al-yamīn*).

2.6.1.1 Konsep Keadilan Dalam Islam

Perkataan „*adl* pada asalnya membawa maksud menjadikan dua benda itu sama dan pengagihan secara saksama. Maksud perkataan ini membawa pengertian yang sama untuk perkataan *anṣāf* dari segi bahasanya iaitu persamaan atau keadilan, dan sebagai hasilnya, „*adl* merujuk kepada keadilan, persamaan, berada di jalan yang lurus, ke arah kebenaran, berada di tahap yang betul, tidak berkurang atau berlebih dan juga meletakkan sesuatu kena pada tempatnya.¹⁶⁴

Al-Imām Māwardī menyifatkan keadilan sebagai memiliki sifat benar, terjamin keimanan, jauh dari sesuatu yang haram, tenang ketika reda dan marah, serta sentiasa menjaga maruah di dalam urusan agama dan dunia.¹⁶⁵ Ini bermaksud seseorang yang bersifat adil dalam kehidupan mereka telah berada pada landasan yang benar dan mempunyai iman yang teguh dalam diri setiap daripada mereka. Selain itu, mereka tidak akan melakukan perkara yang dimurkai oleh Allah S.W.T, sentiasa positif dan sedaya

¹⁶⁴ Sayyid Sa'īd Akhtar Rizvi, *Konsep Keadilan Allah Dalam Islam*, terj. Koleksi Pemikiran Islam (Tanzania: Dār al-Salām, 1996), 5.

¹⁶⁵ Kamariah Yusoff, "Keadilan Menurut Pandangan Islam," laman sesawang *Bicara Agama: Utusan Malaysia*, dicapai 9 Februari 2012, http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0209&sec=Bicara_Agama & pg=ba_03.htm.

upaya menjaga maruah dalam setiap urusan sama ada berkaitan dengan agama mahupun dunia.

Sebarang tindakan dan perlakuan yang apabila dilakukan menimbulkan tindak balas yang positif kerana kepuasan maka keadilan telah ditegakkan pada ketika itu. Namun begitu, apabila hasil daripada sesuatu tindakan atau perlakuan itu telah menimbulkan kekecohan, pemberontakan dan kemarahan orang lain maka ketidakadilan sedang berlaku.¹⁶⁶ Pada dasarnya, Islam melihat keadilan itu secara menyeluruh kerana keadilan yang mutlak adalah syiar bagi peraturan Islam dan menjadi lambang kesucian agama Islam.

Allah S.W.T telah berfirman di dalam al-Qu'ān tentang keadilan dan menyeru hamba-hambanya berlaku adil sesama manusia dalam menegakkan kebenaran kerana sifat adil itu hampir dengan ketaqwaan kepada Allah S.W.T. Surah al-Maidah telah menyebut tentang keadilan melalui ayat 8:

أَأَنْتُمْ يَدْرَأُونَ فِى الدُّنْيَا أَمْ لَكُمْ أُوتُوا مِنَ اللَّهِ كِتَابًا يَحْكُمُ بَيْنَكُمْ يَوْمَ الْقِيَامَةِ تَالَّذِينَ هُمْ يُدْعَوْنَ إِلَى الدِّينِ مُشْرِكِينَ وَإِن يَدْعَوْهُمْ إِلَى الدِّينِ مُسْلِمِينَ أَلَمْ يَكْفُرْ بِاللَّهِ إِذْ كَانُوا يُشْرِكُونَ بِهِ إِنَّ اللَّهَ لَشَدِيدُ الْعِقَابِ ﴿٨﴾

Al-Maidah 5:8

Terjemahan: Wahai orang-orang yang beriman, hendaklah kamu semua sentiasa menjadi orang-orang yang menegakkan keadilan kerana Allah, lagi menerangkan kebenaran; dan jangan sekali-kali kebencian kamu terhadap sesuatu kaum itu mendorong kamu kepada tidak melakukan keadilan. Hendaklah kamu berlaku adil (kepada sesiapa jua) kerana sikap adil itu lebih hampir kepada taqwa. Dan bertaqwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Maha mengetahui dengan mendalam akan apa yang kamu lakukan.

Pemahaman kepada ayat ini dikukuhkan lagi dengan pandangan Prof. Dr. Hamka di mana beliau telah menyatakan bahawa keadilan merupakan pintu terdekat kepada taqwa, sedangkan rasa benci hanya menyebabkan seseorang itu jauh dari Allah

¹⁶⁶Abd Aziz Harjin, "Keadilan Dalam Tamadun Islam," laman sesawang *Faham Tamadun Islam*, dicapai 23 April 2008, <http://076115tamadun.blogspot.com/2008/04/keadilan-dalam-tamadun-islam.html>.

S.W.T. Apabila seseorang Muslim menegakkan keadilan, jiwanya akan merasai kemenangan yang tiadaandingannya.¹⁶⁷

Selain itu, dapat dijelaskan bahawa konsep keadilan berkait rapat dengan hak asasi manusia. Ini bermakna keadilan tidak akan wujud jika hak asasi manusia tidak diiktiraf oleh masyarakat kerana ianya merupakan asas kepada kehidupan bermasyarakat dalam Islam. Apabila keadilan ditegakkan dalam semua aspek, maka terjaminlah keamanan dan ketenteraman di dalam keluarga, masyarakat dan negara. Sifat yang adil mencerminkan kesempurnaan akal dan akhlak yang menjanjikan kebahagiaan dalam kehidupan manusia.¹⁶⁸

Justeru itu, amat wajar untuk dinyatakan di sini bahawa Allah S.W.T telah memerintahkan manusia supaya berlaku adil, malahan Dia sendiri telah menganugerahkan kepada hamba-hambaNya dengan sesuatu yang jauh lebih baik daripada keadilanNya iaitu kemuliaan apabila menanamkan sifat keadilan dalam diri sendiri.¹⁶⁹ Tambahan pula, untuk menjamin kelangsungan Islam supaya terus bertapak di bumi Allah ini, konsep keadilan perlu disemai dan dibajai supaya tersemat kukuh dalam kehidupan ummah sejagat.

2.6.1.2 Kebolehterimaan Sumpah dan Hubung Kait Dengan Keadilan Secara Zahir

Islam meletakkan aspek keadilan pada kedudukan yang sangat tinggi dalam sistem perundangannya dan menganggap setiap manusia adalah sama di sisi syariat dan

¹⁶⁷Wann Yusoff Tobek, "Konsep Keadilan Menurut Islam", laman sesawang *Republika.co.id*, dicapai 27 April 2013, <http://ciguwan-becahpelting.blogspot.com/2013/04/konsep-keadilan-menurut-islam.html>.

¹⁶⁸Kamariah Yusoff, "Keadilan Menurut Pandangan Islam," laman sesawang *Bicara Agama: Utusan Malaysia*, dicapai 9 Februari 2012, http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0209&sec=Bicara_Agama&pg=ba_03.htm.

¹⁶⁹Akhtar Rizvi, *Konsep Keadilan Allah*, 24.

undang-undang Islam tanpa mengira agama, sosial masyarakat mahupun jawatan seseorang dalam politik sesebuah negara sebagaimana Allah S.W.T telah berfirman:

وَأِنذَارًا وَتِلْكَ آيَاتُ رَبِّكَ تُؤْتِي السَّلْطَنَ

An-Nisa“ 4:58

Terjemahan: ...dan apabila kamu menjalankan hukum di antara manusia, (Allah menyuruh) kamu menghukum dengan adil...

Keadilan dalam undang-undang Islam boleh ditafsirkan sebagai persamaan dalam undang-undang yang mana persamaan itu bukanlah bermaksud bahawa semua manusia mendapat kesihatan dan kekuatan yang sama, bukan juga dikatakan semuanya memiliki kebijaksanaan yang sama, bukan semua lahir dengan penglihatan mata dan pendengaran yang sama, bahkan bukan bermaksud manusia iaitu lelaki dan perempuan mempunyai kekuatan fizikal dan fungsi biologi yang sama.¹⁷⁰ Namun, apa yang dimaksudkan dengan persamaan di sini ialah persamaan di hadapan Allah S.W.T iaitu kaya, miskin, kuat dan lemah, semuanya sama di sisi agama; semuanya mesti mematuhi peraturan yang sama dan ditentukan oleh peraturan sivil, jenayah, etika yang sama serta tidak ada tinggi atau rendah dan tidak ada pilihan ataupun penyisihan pada pandangan undang-undang.¹⁷¹

Keadilan undang-undang mengikut pandangan Prof. Muhammad Abū Zahrah ialah penguatkuasaan undang-undang secara sama rata kepada semua tahap sosial yang ada dan tidak membezakan antara kaya ataupun yang papa dan yang mulia ataupun yang hina kerana semua manusia di sisi perundangan adalah sama.¹⁷² Hukuman dijatuhkan selaras dengan kesalahan, maka dengan itu hukuman hendaklah dijatuhkan setimpal dengan kedudukan orang yang melakukan kesalahan itu.¹⁷³

¹⁷⁰*Ibid.*, 57.

¹⁷¹*Ibid.*

¹⁷²Wann Yusoff Tobek, “Konsep Keadilan Menurut Islam”, laman sesawang *Republika.co.id*, dicapai 27 April 2013, <http://ciguwan-becahpelting.blogspot.com/2013/04/konsep-keadilan-menurut-islam.html>.

¹⁷³Abd Aziz Harjin, “Keadilan Dalam Tamadun Islam,” laman sesawang *Faham Tamadun Islam*, dicapai 23 April 2008, <http://076115tamadun.blogspot.com/2008/04/keadilan-dalam-tamadun-islam.html>.

Seorang Muslim yang diamanahkan untuk memikul jawatan hakim diperintahkan agar dapat bersikap adil, berwaspada serta tidak berat sebelah dalam memutuskan hukuman kepada pesalah. Hakim hendaklah melakukan kesamarataan terhadap semua pihak yang terlibat dalam pertikaian, sehingga diwajibkan bagi seorang hakim untuk memberi layanan yang sama antara bapa dan anak, khalifah dan rakyat, dan antara orang Islam dengan yang bukan Islam.¹⁷⁴ Seorang hakim yang adil dalam sesebuah Majlis Kehakiman dapat menjamin pihak-pihak yang bertikai berada dalam keadaan tenang dan menjadikan mereka bercakap tanpa takut dan teragak-agak serta masing-masing dapat mengemukakan apa sahaja keterangan dan penafian yang boleh membantu ke arah menghasilkan suatu kebenaran.¹⁷⁵

Bagi mencapai keadilan yang zahir dalam setiap penghakiman yang dibuat oleh Hakim Syarie, Islam menggariskan beberapa kaedah supaya ianya dapat diaplikasikan oleh Mahkamah Syariah terutama untuk rujukan pada masa kini. Pertama, kebebasan kehakiman digariskan dalam pengadilan seorang hakim kepada pihak-pihak yang bertikai di mana kedudukan hakim itu hendaklah jauh daripada campur tangan pihak berkuasa dan raja dalam urusan kerja-kerjanya. Pemerintah-pemerintah Islam yang memahami hukum-hukum Islam dan tidak melanggar batas-batasnya tidak akan mencampuri urusan kehakiman dan tidak memerintahkan para hakim mengeluarkan keputusan menurut hawa nafsu mereka kerana mencampuri urusan kehakiman dianggap suatu maksiat kepada Allah S.W.T dan menzalimi rakyat.¹⁷⁶ Dengan adanya pemisahan daripada kuasa lain, maka hakim dapat membuat keputusan yang adil berdasarkan

¹⁷⁴,Abdul Karīm Zaydān, *Prinsip-prinsip Pendakwaan dan Pembuktian dalam Sistem Kehakiman Islam*, terj. Haji Mohd. Saleh Bin Haji Ahmad (Shah Alam: Penerbitan HIZBI, 1993), 41.

¹⁷⁵*Ibid.*

¹⁷⁶,Abdul Karīm Zaydān, *Sistem Kehakiman Islam*, terj. Haji Mohd. Saleh Bin Haji Ahmad (Batu Caves: Pustaka Haji Abdul Majid, 2010), 104.

ijtihadnya dan berlandaskan kepada keterangan-keterangan yang dikemukakan kepadanya.¹⁷⁷

Kaedah kedua adalah dengan adanya adab seorang hakim (*adāb al-qāḍī*) dalam Majlis Kehakiman iaitu hakim hendaklah menundukkan pandangan, tidak meninggikan suara kecuali dengan tujuan menakutkan atau mengajar adab sopan dan peraturan mahkamah, menunjukkan muka yang masam atau serius tetapi bukan bermaksud marah, dan hakim juga perlu bersikap seolah-olah tidak mengenali pihak-pihak yang terlibat.¹⁷⁸ Selain itu, hakim perlu mempunyai sikap berkecuali atau tidak memihak kepada mana-mana pihak yang bertikai dan beliau perlu memberikan perhatian serta penumpuan yang sama kepada mereka agar tidak menampakkan kecenderungan kepada satu pihak sahaja sekaligus memberi keadilan kepada kedua-dua pihak.

Penolakan pengetahuan hakim (*ilm al-qāḍī*) juga merupakan kaedah bagi mencapai keadilan iaitu hakim tidak boleh membuat keputusan berdasarkan kepada maklumat atau pengetahuan yang diperoleh dari luar Majlis Kehakiman.¹⁷⁹ Dengan adanya penolakan tersebut, pihak-pihak yang bertikai boleh mengemukakan apa sahaja keterangan bagi mensabitkan dakwaan atau menolaknya, dan hakim akan membuat keputusan daripada apa yang dikemukakan di hadapannya, serta bukan berdasarkan pengetahuannya dari luar Majlis Kehakiman terhadap kes tersebut. Ini adalah kerana ianya dapat mengelakkan daripada berlakunya berat sebelah kepada satu-satu pihak sahaja dan bagi memberikan keadilan kepada mereka agar mereka percaya dan yakin dengan institusi kehakiman yang berlandaskan syariat Islam.

Akhir sekali, perlu ditentukan kaedah-kaedah keterangan yang akan digunakan dalam mahkamah bagi membuktikan fakta kes yang diberikan oleh pihak-pihak yang

¹⁷⁷ *Ibid.*, 44.

¹⁷⁸ *Ibid.*, 158.

¹⁷⁹ *Ibid.*, 286-287.

terlibat. Ini adalah disebabkan ianya merupakan salah satu daripada perkara yang paling penting dalam sesebuah perbicaraan sebelum kes diputuskan seperti mana yang telah dinyatakan bahawa dengan adanya pendakwaan, pembuktian melalui kaedah-kaedah tertentu dan penafian terhadap dakwaan, maka penghakiman akan dibuat berdasarkannya. Dengan itu, pihak-pihak yang bertelagah tidak akan kkuatir kepada berlakunya penyelewengan dan ketidakadilan dalam hakim membuat keputusan.¹⁸⁰

Bagi memutuskan sesebuah kes di mahkamah, keputusan yang dibuat oleh hakim hendaklah berdasarkan bukti dan hujahan yang kukuh kerana ianya dapat membantu hakim dalam mensabitkan seseorang itu bersalah serta dihukum ataupun tidak. Kedua-dua belah pihak yang bertikai hendaklah membela diri masing-masing dengan memberi kerjasama dan mengemukakan keterangan serta bukti semampu yang boleh supaya hakim dapat memutuskan kes mereka dengan adil serta berdasarkan apa yang telah diberi kepada hakim. *Hadīth* Rasulullah S.A.W telah menyebut tentang pembuktian dan keadilan (*adālah zāhirah*) iaitu:

كما قال عمر بن الخطاب رضي الله عنه : نحن نحكم بالظواهر والله يتولى السرائر.¹⁸¹

Terjemahan: Kami memutuskan perkara dengan apa yang terbukti (yang zahir), Allah S.W.T yang menguasai apa yang masih tertutup.¹⁸²

Hadīth di atas menjelaskan bahawa keterangan dan pembuktian adalah amat penting dalam setiap perbicaraan supaya keadilan dapat dicapai.¹⁸³ Keputusan yang adil daripada hakim dapat diberikan kepada kedua-dua belah pihak berdasarkan keterangan dan bukti yang dikemukakan oleh mereka dan apa yang tersembunyi hanya Allah S.W.T sahaja yang mengetahui dan diserahkan kepada penilaianNya sama ada pihak-

¹⁸⁰Karīm Zaydān, *Prinsip-prinsip Pendakwaan dan Pembuktian*, 41.

¹⁸¹Bab Dosa Besar Pertama: Syirik Pada Allah, al-Dhabībī, *Sharah* al-Kabāir, ed. Sheikh Ṣalāh al-Utsaymīn (t.tp.:Dārul at-Taufīqī, t.t.), 19.

¹⁸² Abdul Rahman Mustafa, *Prinsip-prinsip Undang-undang Keterangan Islam: Satu Pendekatan Perbandingan* (Kuala Lumpur: Al-Rahmaniah, 1988), 3.

¹⁸³Mahmud Saedon A. Othman, *An Introduction to Islamic Law of Evidence*, terj. Raden Ahmad Shauki R. Hisam (Kuala Lumpur: The Open Press, 2000), 7.

pihak tersebut memberi keterangan dan bukti yang benar ataupun palsu. Ini bermaksud hakim akan bergantung sepenuhnya kepada pembuktian tanpa memandang kepada hak yang tidak dikemukakan di dalam mahkamah. Bagaimana bentuk pembuktian yang dikemukakan di dalam mahkamah, begitulah juga hukuman yang akan dijatuhkan.¹⁸⁴

Dapat difahami bahawa pihak yang menuntut bertanggungjawab dalam memberikan keterangan dan bukti apabila tuntutan dibuat oleh mereka. Mereka perlu mengemukakannya supaya dapat menyokong apa yang dituntut dan dapat mengukuhkan lagi setiap tuntutan yang difailkan di hadapan hakim. Jika tiada keterangan mahupun bukti yang dapat menolong mereka, atau keterangan yang diberikan tidak cukup kuat, atau timbulnya keraguan dalam tuntutan yang dibuat, maka sumpah menjadi alternatif untuk menguatkan keterangan atau membenarkan tuntutan mereka seperti mana adanya sumpah *istizhār*.

Ianya dapat dilihat melalui contoh kes yang telah pengkaji dapatkan melalui kajian lapangan di Mahkamah Syariah Shah Alam, Selangor iaitu kes antara *Sarmaida Bt Sinaga lawan Abd. Wahab B Ahmad*¹⁸⁵ di mana plaintif telah bersumpah *istizhār* setelah diarahkan oleh hakim. Pihak yang menuntut atau plaintif telah mengemukakan keterangan dan bukti yang berkaitan dengan kes hak penjagaan anak, namun Hakim Syarie masih meminta plaintif untuk bersumpah *istizhār* bagi menguatkan tuntutan yang dibuat. Ini membuktikan bahawa penerimaan sumpah telah dijadikan sebagai kaedah bagi mensabitkan kes bagi menegakkan keadilan ke atasnya dan memberikan hak yang sepatutnya diperoleh dalam kes tersebut.

Manakala pihak yang kena tuntutan juga perlu memberikan keterangan dan bukti untuk menafikan setiap tuntutan yang difailkan ke atasnya dan membuktikan bahawa mereka tidak bersalah dalam kes yang dibicarakan itu. Selain itu, hakim boleh meminta

¹⁸⁴Rahman Mustafa, *Prinsip-prinsip Undang-undang Keterangan Islam*, 3.

¹⁸⁵*Sarmaida Bt Sinaga lawan Abd. Wahab B Ahmad*, No.Kes Mal 10100-028-0271-2014.

dan mengarahkan pihak yang kena tuntutan untuk bersumpah bagi menafikan tuntutan sekaligus mengukuhkan dan meyakinkan pensabitan kes yang diputuskan. Adalah menjadi tanggungjawab hakim untuk mendengar keterangan dan bukti daripada kedua-dua belah pihak yang bertelingkah sebelum memutuskan dan mensabitkan kes tersebut.

Oleh itu, dapat dilihat di sini bahawa hakim perlu bersikap adil kepada kedua-dua pihak dan tidak boleh menyebelahi hanya salah seorang antara pihak terbabit agar keadilan dapat ditegakkan ke atas mereka dalam perundangan Islam. Sebagai contoh, seperti mana dapat dilihat dalam keadaan apabila berlakunya keengganan bersumpah (*nukūl al-yamīn*) dan sumpah yang dikembalikan (*yamīn al-mardūdah*) oleh pihak-pihak yang terlibat, hakim pada dasarnya tidak menghukum secara terus dengan sebab keengganan pihak yang kena tuntutan untuk bersumpah tetapi mengembalikan sumpah tersebut kepada pihak yang menuntut.

Dengan demikian, ketidakadilan oleh pihak mahkamah yang mana mengambil pendekatan memihak kepada sebelah pihak sahaja tidak berlaku dan sumpah yang menjadi kaedah keterangan dalam sesuatu penghukuman telah diterima untuk dilaksanakan sama ada bagi pihak yang menuntut mahupun pihak yang kena tuntutan bergantung kepada keadaan dalam dewan perbicaraan. Walaupun sumpah merupakan kaedah keterangan yang tidak nampak oleh mata kasar seorang hakim, namun hakim boleh meminta mana-mana pihak untuk bersumpah kerana dengan sumpah yang dilaksanakan, satu keputusan kehakiman yang adil dan diyakini dapat diberikan.

Justeru itu, ianya akan membuktikan setiap keterangan yang zahir atau bukan zahir (tidak nampak) yang telah dikemukakan di hadapan Hakim Syarie telah disokong dan dikuatkan dengan sumpah pihak yang melaksanakannya yang mana telah memberi keadilan kepada pihak-pihak yang terlibat kerana hakim telah membuat keputusan

dengan melihat sepenuhnya setiap keterangan yang ada berserta dengan pelaksanaan sumpah.

Tambahan juga, dengan aspek-aspek kebolehterimaan sumpah yang dititikberatkan oleh Hakim Syarie sebelum pelaksanaannya dilakukan telah menunjukkan kredibiliti seorang hakim yang bersikap adil dalam setiap kes yang diamanahkan oleh pihak-pihak untuk beliau memberi jalan penyelesaian yang terbaik. Keadaan ini dapat dilihat apabila setiap aspek dalam kebolehterimaan sumpah telah dipenuhi dan selaras dengan kehendak hukum Syarak dan peruntukan undang-undang sebelum pelaksanaannya dilakukan oleh mana-mana pihak yang diminta untuk bersumpah.

Kesimpulannya, keadilan hanya dapat diwujudkan dengan menyampaikan setiap hak kepada orang yang berhak dan melaksanakan hukum-hukum yang telah disyariatkan oleh Allah S.W.T. Seterusnya, dapat dijelaskan bahawa kebolehterimaan sumpah sebagai mekanisme dalam membantu hakim mensabitkan kes memberi impak kepada penghakiman yang dibuat oleh Hakim Syarie terhadap pihak yang menuntut dan pihak yang kena tuntutan. Ini adalah kerana walaupun sumpah merupakan keterangan yang tidak nampak atau bukan zahir, namun ianya telah memberi keadilan kepada mereka apabila ketidakpuasan hati dengan keputusan yang diberi tidak berlaku dan hakim sendiri dapat membuat keputusan dengan mudah, yakin dan tenang.

2.6.2 Kebolehterimaan Sumpah dan Hubung Kait Dengan Fakta Kes

Pembuktian dan keterangan adalah sesuatu yang perlu di dalam mahkamah bagi menentukan sama ada satu dakwaan atau pertuduhan itu benar atau tidak sebelum hakim membuat keputusan. Pembuktian dalam percakapan biasa bermaksud pernyataan atau keterangan tentang sesuatu perkara yang dibuat kepada seseorang, akan tetapi

pembuktian dalam undang-undang bererti membolehkannya diterima oleh mahkamah untuk membenarkan fakta kes yang dibicarakan.¹⁸⁶ Tafsiran pembuktian ini sama dengan maksud bagi keterangan yang mana dari segi undang-undang ianya boleh diertikan sebagai apa yang boleh membuktikan sesuatu fakta dalam sidang penghakiman.¹⁸⁷

Secara umumnya, keterangan merujuk kepada cara bagaimana untuk membuktikan sebarang fakta, kesan kecenderungan atau rancangan, atau niat untuk menghasilkan dalam fikiran suatu keyakinan atau kepercayaan tentang wujud atau tidak wujudnya sesuatu perkara¹⁸⁸ dan ianya adalah yang boleh diakui benar dan sah di sisi undang-undang untuk membuktikan fakta tersebut.¹⁸⁹ Selain itu, keterangan dapat juga dijelaskan sebagai apa-apa nyataan bagi sesuatu fakta sama ada dengan lisan, suratan atau bendaan yang mana ianya diterima oleh mahkamah dan di sisi undang-undang, dan sekaligus membawa maksud kesan atau dorongan atau persediaan yang boleh dikemukakan untuk membolehkan hakim percaya atau yakin ataupun menolak nyataan yang menjadi persoalan dalam perbicaraan tersebut.¹⁹⁰

Sesuatu fakta itu bukan hanya terbatas kepada apa yang diperoleh melalui deria sahaja malahan ianya termasuk juga apa yang disedari seperti rasa sakit atau keadaan mental. Keadaan mental seseorang merupakan suatu fakta bagi keadaan di mana mereka memahami sesuatu yang diberikan atau yang dikemukakan.¹⁹¹ Oleh itu, dapat dinyatakan juga di sini bahawa fakta adalah berbeza daripada pendapat dalam undang-undang. Ini adalah kerana pendapat merupakan sesuatu yang mungkin seseorang itu akan berkata atau anggapan daripada hasil pemikirannya manakala fakta ialah apa yang

¹⁸⁶Rahman Mustafa, *Prinsip-prinsip Undang-undang Keterangan Islam*, 1.

¹⁸⁷G. D. Noke, *An Introduction to Evidence* (London: Sweet & Maxwell, 1987), 3.

¹⁸⁸Siti Zalikah Hj. Md. Nor, "Beberapa Aspek Dalam Undang-undang Keterangan Islam," dalam *Al-Syariah: Undang-undang Keterangan Islam*, ed. Siti Zalikah Md. Nor et al. (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2006), 3:2.

¹⁸⁹*Ibid.*, 4.

¹⁹⁰Rahman Mustafa, *Prinsip-prinsip Undang-undang Keterangan Islam*, 2.

¹⁹¹*Ibid.*

seseorang itu sebenarnya berkata.¹⁹² Sesuatu pendapat selalunya diberi oleh sidang penghakiman dan bukan oleh seorang saksi, namun begitu bergantung kepada keadaan sesetengah kes, pendapat juga diterima sebagai suatu fakta atau perkara yang tepat sebagai keterangan.¹⁹³

Dalam mensabitkan sesuatu di hadapan hakim, fakta yang diberikan perlulah fakta yang relevan¹⁹⁴ yang mana ianya boleh dibuktikan dengan pelbagai kaedah keterangan yang ada seperti kesaksian, *qarīnah*, *iqrār*, dan juga sumpah yang dikaji oleh pengkaji ketika ini.

Dengan demikian, mahkamah akan melihat kepada fakta-fakta relevan¹⁹⁵ dalam memutuskan kes antara pihak yang bertelingkah yang mana telah disahkan kebenarannya melalui kaedah keterangan yang ada.

Dengan adanya kaedah-kaedah keterangan yang boleh membuktikan sesuatu fakta itu relevan atau tidak bagi kes yang dibicarakan, ianya dapat menjimatkan masa perjalanan kes dan mengelakkan ketidakadilan daripada berlaku. Sebarang fakta yang dikemukakan oleh pihak-pihak melalui keterangan dalam mahkamah hendaklah yang diyakini dan dipercayai. Fakta yang meragukan tidak boleh diterima oleh hakim kerana ini akan menimbulkan ketidakadilan berlaku antara pihak yang bertikai. Walaubagaimanapun, sesuatu fakta yang meragukan boleh diambil kira sebagai keterangan jika atas budi bicara hakim fakta tersebut disokong dengan sumpah pihak yang diperintahkan untuk melakukannya bagi mengukuhkan dan meyakinkan fakta yang telah diberi.

¹⁹²Siti Zalikhah, "Beberapa Aspek Dalam Undang-undang Keterangan Islam," 2.

¹⁹³Noke, *An Introduction to Evidence*, 3.

¹⁹⁴Relevan (*relevance*) merupakan asas utama dan mempunyai peranan yang paling penting dalam undang-undang keterangan di mana setiap fakta melalui keterangan yang dibuat perlulah secukup dan semampunya yang relevan untuk menentukan fakta tersebut diterima atau ditolak oleh mahkamah. Lihat Paul McKeown et al., *Evidence* (London: Oxford University Press, 2002/2003), 9.

¹⁹⁵Fakta relevan boleh ditafsirkan sebagai fakta-fakta yang berkaitan dengan sesuatu isu atau kes yang mempunyai kecenderungan untuk dibuktikan ataupun tidak yang mana dijadikan sebagai keterangan sebelum diputuskan dakwaan atau pertuduhan oleh mahkamah. Lihat M. R. Zafer, *Law of Evidence in Malaysia: An Outline* (Kuala Lumpur: International Law Book Services, 1994), 15-16. Lihat juga *Ibid.*, 7.

Oleh yang demikian, dapat dijelaskan di sini bahawa fakta juga boleh dibuktikan dengan pelaksanaan sumpah oleh mana-mana pihak yang diarahkan oleh Hakim Syarie ke atasnya untuk bersumpah. Terdapat keadaan dan masa tertentu bagi melaksanakan sumpah dalam membuktikan fakta yang dikemukakan di hadapan hakim iaitu ketika ketiadaan saksi, tiada bukti ataupun bukti tidak cukup kuat bagi menyokong tuntutan yang dibuat, atau untuk menafikan tuntutan yang dibuat ke atas pihak yang terlibat.

Sebagai contoh, kes *Azilah Binti Abd Aziz dan Razaly Bin Othman*¹⁹⁶ yang berkaitan dengan daftar nikah poligami telah diarahkan untuk bersumpah oleh hakim bagi menguatkan setiap fakta yang berkaitan dengan kes tersebut walaupun keterangan oleh saksi telah diberikan dan qarinah-qarinah lain telah dinyatakan ketika perbicaraan. Oleh itu, mahkamah memerintahkan pemohon untuk bersumpah dengan lafaz sumpah syarie supaya dapat menguatkan fakta sebelum hakim membuat keputusan bagi mengesahkan perkahwinan poligami antara kedua-dua pihak yang terlibat. Dapat dilihat di sini bahawa kaedah sumpah memainkan peranan penting bagi membuktikan setiap fakta yang diberikan adalah benar dan ianya diterima oleh hakim sebagai salah satu kaedah keterangan yang dapat mensabitkan setiap kes dengan sebaik mungkin.

Justeru itu, kebolehterimaan kaedah sumpah dalam keadaan yang telah dinyatakan sebelum ini perlu diteliti terlebih dahulu dari setiap sudut perundangan Islam sebelum ianya dilaksanakan untuk memastikan kebolehpercayaan terhadap satu-satu keterangan yang dibuat adalah bertepatan dengan prinsip keadilan kepada kedua-dua belah pihak yang terlibat. Seorang hakim tidak boleh menyebelahi mana-mana pihak yang akan menjadikan keputusan yang dibuat adalah berat sebelah dan menyebabkan pihak yang bertelingkah tidak berpuas hati antara satu sama lain.

¹⁹⁶ *Azilah Binti Abd Aziz dan Razaly Bin Othman*, No. Kes Mal 10200-012-0085-2012.

Perolehan fakta yang tepat dan relevan melalui kaedah keterangan yang bersesuaian adalah penting dalam perundangan Islam supaya undang-undang yang berlandaskan syariat dapat ditegakkan ke atas pihak-pihak yang terlibat. Namun, dalam keadaan yang tertentu seperti fakta yang diberi adalah meragukan atau tidak mencukupi serta tiada keterangan lain yang dapat menyokong fakta tersebut, maka keterangan melalui kaedah sumpah boleh dijadikan alternatif dalam mengukuhkan dan meyakinkan sesuatu perkara yang dikemukakan supaya hakim dapat membuat keputusan dengan tepat dan adil berdasarkan apa yang telah diberikan oleh kedua-dua pihak dalam kes yang sedang berlangsung.

2.6.3 Kebolehterimaan Sumpah dan Hubung Kait antara Beban Pembuktian dan Tahap Pembuktian

Beban pembuktian dan tahap pembuktian saling berkaitan antara satu sama lain dalam undang-undang keterangan Islam. Dalam menentukan tahap pembuktian sesuatu kes, beban pembuktian harus ditentukan terlebih dahulu yang mana dipastikan ke atas siapa beban tersebut perlu diletakkan. Kajian ini akan menumpukan kepada beban dan tahap pembuktian dalam undang-undang keterangan Islam iaitu melalui kaedah sumpah yang sebelum ini telah disebut sebagai cara alternatif dalam memutuskan kes-kes di mahkamah.

2.6.3.1 Kebolehterimaan Sumpah dan Hubung Kait Dengan Beban Pembuktian

Beban pembuktian ialah suatu tugas dalam meneruskan hujah atau mengemukakan keterangan sama ada pada permulaan kes atau pada kemudiannya atau pada bila-bila masa, iaitu menerusi pengadilan atau perbicaraan dan dianggap sebagai

perkara yang penting dalam undang-undang keterangan untuk membawa satu kebenaran.¹⁹⁷ Ianya merupakan tanggungjawab yang diletakkan ke atas pihak yang berkaitan dengan sesuatu fakta yang menjadi isu dalam kes sivil (mal) mahupun kes jenayah yang mesti ditunaikan atau dipenuhi jika pihak berkenaan ingin mendapatkan haknya atau memenangi isu yang dipertikaikan.¹⁹⁸

Selain itu, beban pembuktian dapat difahami juga sebagai tugas atau keupayaan dalam membawa keterangan sama ada untuk mewujudkan atau menetapkan satu-satu kes, atau untuk melawan keterangan yang mencukupi bagi menegakkan satu prima facie¹⁹⁹ dan ianya dirujuk sebagai *yang sah di sisi undang-undang* atau *yang meyakinkan*.

Secara umumnya, peraturan bagi beban pembuktian merupakan perkara penting yang perlu dipastikan dalam undang-undang keterangan Islam di mana kaedah umum memperuntukkan bahawa dalam perbicaraan kes jenayah, pihak pendakwalah yang akan menanggung tugas dalam mengemukakan bukti manakala dalam kes sivil (mal), pihak yang menuntut akan menanggung beban pembuktian.²⁰⁰ Ini adalah berasaskan hukum Syarak di mana beban membuktikan terletak ke atas pihak yang menuntut atau pihak yang mendakwa²⁰¹ berdasarkan prinsip dan *ḥadīth*:

*“Keterangan bagi orang yang menuntut dan sumpah bagi orang yang menentang”*²⁰².

¹⁹⁷Rahman Mustafa, *Prinsip-prinsip Undang-undang Keterangan Islam*, 107.

¹⁹⁸Siti Zalikhah, “Beberapa Aspek Dalam Undang-undang Keterangan Islam,” 4.

¹⁹⁹Prima facie bermaksud dasar bagi setiap perkara iaitu sesuatu fakta yang dianggap benar selagi tidak ditolak oleh mahkamah. Dalam perundangan, prima facie digunakan dalam dua perkara iaitu orang yang menuntut mengemukakan keterangan yang mencukupi dalam tuntutan (kes prima facie) atau keterangan itu sendiri (keterangan prima facie). Lihat Jonathan Law dan Elizabeth A. Martin, *A Dictionary of Law*, ed. ke-6 (Oxford: Oxford University Press, 2006), 409.

²⁰⁰Rahman Mustafa, *Prinsip-prinsip Undang-undang Keterangan Islam*, 108.

²⁰¹Siti Zalikhah, “Beberapa Aspek Dalam Undang-undang Keterangan Islam,” 4.

²⁰²Ḥadīth ṣaḥīḥ riwayat al-Baiḥaqī dan al-Ṭabranī, Kitāb al-Da, wā wa al-Bayyināt, Bāb al-Bayyinah ,alā al-Mudda, ī wa al-Yamīn ,alā Man Ankara, no. Ḥadīth 4718. Lihat al-Baiḥaqī, dalam *Kitāb as-Sunan as-Ṣaghīr*, ed. ,Abdul Salām ,Abdul Shafī dan Aḥmad Qabanī, 517.

Merujuk kepada prinsip di atas, dapat dijelaskan bahawa keterangan (*bayyinah*) merupakan hujah pihak yang menuntut atau yang mendakwa dan sumpah (*al-yamīn*) pula adalah hujah pihak yang kena tuntutan atau tertuduh. Dengan itu, pihak yang menuntut atau yang mendakwa sesuatu yang tersembunyi perlu menzahirkannya dengan memberi fakta dan bukti yang tepat serta jelas melalui kaedah-kaedah keterangan yang bersesuaian supaya ianya menjadi hujah kepada mereka dalam membuktikan tuntutan atau dakwaan yang dibuat.

Berhubung dengan sumpah dan kaitannya dengan yang menanggung beban bukti dalam perundangan Islam, hakim boleh mengarahkan kaedah sumpah yang menjadi alternatif dalam memutuskan dan mensabitkan sesebuah kes dilaksanakan oleh pihak yang menuntut atau yang mendakwa walaupun pada asalnya sumpah adalah dilaksanakan oleh pihak yang kena tuntutan. Pelaksanaan sumpah berpindah dan jatuh kepada pihak yang menuntut atau yang mendakwa disebabkan tahap pembuktian bagi keterangan tersebut tidak berada pada tahap yakin iaitu mungkin dalam kategori *ghalabah al-zan* semata-mata di mana keterangan tidak cukup kuat atau tidak cukup keterangan dalam membuktikan sesuatu kes, ataupun pihak yang kena tuntutan enggan bersumpah apabila hakim memintanya melaksanakan sumpah.

Dalam Islam sendiri telah menyatakan bahawa tidak semestinya pihak yang kena tuntutan sahaja yang boleh bersumpah bagi menafikan keterangan yang telah diberikan oleh pihak yang menuntut atau mendakwa²⁰³, tetapi pihak yang menuntut juga boleh dikenakan perintah untuk bersumpah dalam keadaan-keadaan yang telah disebutkan sebelum ini oleh pengkaji walaupun pada asalnya pihak yang menuntut ialah orang yang menanggung beban bukti.

²⁰³Rahman Mustafa, *Prinsip-prinsip Undang-undang Keterangan Islam*, 110.

Ini dapat dilihat dalam kes *Sazlena Binti Mohd Zain lawan Jusrry Bin Jaapar*²⁰⁴ yang mana berkaitan dengan tuntutan mut'ah oleh pihak plaintif sebanyak RM 259,200.00 terhadap bekas suaminya iaitu pihak defendan dalam kes ini. Plaintif hendaklah membuktikan bahawa defendan berkemampuan untuk membayar tuntutan dan wajar mendapat bayaran mut'ah atau saguhati perceraian seperti mana yang dituntut mengikut prinsip beban pembuktian yang telah ditetapkan oleh hukum Syarak serta seksyen 72 dan 73 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2003 berkaitan juga dengan beban pembuktian.

Walau bagaimanapun, plaintif gagal membuktikan kemampuan defendan untuk membayar tuntutan tersebut. Sebaliknya plaintif hanya menyatakan bahawa pendapatan defendan kini RM 5,400.00 sebulan dan mempunyai perniagaan kereta sewa yang kutipannya RM 2000.00 sebulan. Plaintif tidak ada sebarang bukti berbentuk dokumen mahupun saksi yang dapat mengesahkan pendapatan defendan bagi mahkamah menentukan mut'ah sewajarnya. Disebabkan mahkamah meneruskan kes dengan perbicaraan tanpa kehadiran defendan, maka adalah perlu bagi plaintif untuk melafazkan sumpah iaitu dengan bersumpah *istizhār* sebelum hakim mengeluarkan keputusannya.

Oleh itu, kebolehterimaan sumpah sebagai keterangan adalah penting dalam penghakiman sesebuah kes untuk mencari jalan penyelesaian yang terbaik kepada semua pihak yang terlibat dalam kes yang dibicarakan. Bagi prinsip menanggung beban bukti atau beban pembuktian yang pada asalnya diletakkan ke atas bahu pihak yang menuntut untuk memberi keterangan boleh berpindah kepada melaksanakan sumpah atas budi bicara hakim yang telah meneliti setiap inci perjalanan kes yang beliau kendalikan. Ini adalah untuk memastikan pelaksanaan sumpah dapat dilaksanakan

²⁰⁴ *Sazlena Binti Mohd Zain lawan Jusrry Bin Jaapar*, No. Kes Mal 10400-016-0230-2013.

seiring dengan beban pembuktian yang ditanggung oleh pihak yang menanggungnya jika keadaan memerlukan kepada pelaksanaannya.

2.6.3.2 Kebolehterimaan Sumpah dan Hubung Kait Dengan Tahap Pembuktian

Tahap pembuktian ialah sejumlah bukti yang diperlukan untuk membuktikan sesuatu dakwaan, tuntutan, kesalahan atau sesuatu isu dalam undang-undang keterangan Islam yang mana bukti yang diperlukan tersebut adalah yang akan dikemukakan dalam sesebuah kes untuk mencapai satu tahap pembuktian yang diperlukan oleh mahkamah²⁰⁵ iaitu sehingga kes tersebut dibuktikan dengan tidak ada keraguan atau berada pada tahap yakin dan pasti.²⁰⁶

Tahap pembuktian yang diperlukan ini boleh dicapai melalui kaedah keterangan seperti pengakuan, kesaksian, sumpah atau *qarīnah*. Sesuatu fakta yang dibuktikan melalui kaedah-kaedah keterangan dalam perundangan Islam boleh memberi kesan kepada pemberatan keterangan²⁰⁷. Pada dasarnya tidak terdapat garis pemisah yang jelas antara pemberatan dan kebolehterimaan, tetapi pemberatan boleh memberi kesan kepada kebolehterimaan tertakluk pada tahap keterangan tersebut. Dapat dinyatakan di sini bahawa keterangan yang mempunyai pemberatan yang rendah adakalanya akan ditolak²⁰⁸ dan keterangan yang akan diterima oleh mahkamah adalah yang mempunyai pemberatan yang kuat dan diyakini.

Terdapat beberapa tahap pembuktian yang ada dalam undang-undang keterangan Islam di mana yang paling tinggi ialah tahap yakin. Di bawah tahap yakin ialah ketidakpastian yang dibahagikan pula kepada tiga kategori iaitu *zan*, *shak* dan

²⁰⁵ Saedon, *An Introduction to Islamic Law of Evidence*, 14-15.

²⁰⁶ *Ibid.*, 15

²⁰⁷ Pemberatan keterangan (*tarjīh al-bayyināt*) bermaksud menentukan keterangan yang kuat untuk pensabitan. Lihat Siti Zalikah, "Beberapa Aspek Dalam Undang-undang Keterangan Islam", 11.

²⁰⁸ *Ibid.*

waham.²⁰⁹ *Zan* bermaksud sangkaan yang mana kedudukannya hampir dengan kedudukan yakin. Walau bagaimanapun, tahap pembuktian ini tidak mencukupi untuk membuktikan sesuatu kes kerana *zan* adalah berlawanan dengan yakin dan dengan itu ianya tidak boleh digunakan untuk menentukan kebenaran kes yang dipertikaikan.

Secara umumnya, Islam menetapkan kebenaran sebagai prinsip am dalam pembuktian dan oleh kerana itulah *zan* sama sekali tidak boleh mengambil tempat kebenaran dan membuktikan sesuatu fakta. Namun, terdapat keadaan di mana *ghalabah al-zan* (sangkaan yang berat) adalah diterima di sisi undang-undang Islam apabila tidak ada keterangan yang yakin dan pasti bagi memudahkan dan mempercepat sesuatu kes itu diselesaikan untuk kebaikan kedua-dua belah pihak yang terlibat.

Manakala *shak* ialah keraguan yang mana berada di antara keadaan yakin atau tidak yakin terhadap sesuatu keterangan. *Waham* pula ialah keraguan atau sangkaan yang cenderung dan hampir kepada kesalahan dan ianya berlawanan dengan *zan*.²¹⁰ Islam menekankan bahawa suatu kebenaran itu tidak boleh adanya keraguan, *shak*, *waham* atau *zan*. Adalah menjadi tanggungjawab bagi seseorang individu untuk tampil ke hadapan sekiranya mereka mengetahui tentang suatu kebenaran tersebut dengan memberi keterangan tentangnya dan ianya menjadi satu kewajipan untuk membuktikannya. Kebenaran adalah faktor utama dalam membentuk keyakinan dan kepastian kerana kedua-duanya tidak boleh dihilangkan dengan syak dan juga tidak boleh dipakai *waham* semata-mata.²¹¹

Dalam kaedah keterangan, jika keterangan diberikan melalui kesaksian sebagai contoh, maka mestilah sampai ke peringkat yang paling tinggi iaitu yakin (*certainty*). Walau bagaimanapun, dalam keadaan darurat seperti muflis, penentuan pusaka dan

²⁰⁹Saedon, *An Introduction to Islamic Law of Evidence*, 15.

²¹⁰*Ibid.*, 16.

²¹¹Rahman Mustafa, *Prinsip-prinsip Undang-undang Keterangan Islam*, 109.

seumpamanya, ianya cukup sekadar *ghalabah al-zan* (sangkaan yang berat)²¹² dan dalam mana-mana kes sekalipun syak dan *waham* adalah ditolak sama sekali.

Oleh itu, apabila tidak dapat dibuktikan sesuatu kes melalui kaedah-kaedah seperti pengakuan dan kesaksian yang menjadi kaedah keterangan utama dalam pembuktian, maka pelaksanaan sumpah boleh dilakukan untuk mensabitkan kes yang dipertikaikan. Ibn Nujaym dalam *al-Ashbāh wa al-Nazā'ir* dan *Majallah al-Ahkām* telah menyatakan bahawa, “Keterangan adalah untuk membuktikan sesuatu yang tidak jelas dan sumpah adalah untuk mengukuhkan sesuatu andaian”.²¹³

Hakim Syarie boleh mengarahkan mana-mana pihak melaksanakan kaedah sumpah yang menjadi alternatif dalam memutuskan dan mensabitkan sesebuah kes jika tahap pembuktian bagi keterangan tersebut tidak berada pada tahap yakin iaitu mungkin dalam kategori *ghalabah al-zan* semata-mata di mana ianya tidak begitu kuat dan meyakinkan, atau tidak cukup keterangan dalam membuktikan sesuatu kes. Ini adalah kerana sumpah boleh memberi kesan kepada tahap pembuktian dengan mengukuhkan dan menguatkan keterangan yang telah dikemukakan oleh pihak-pihak yang terlibat seterusnya dapat mengeluarkan keputusan kehakiman yang jelas dan diyakini.

Jadual 2.1 Keadaan yang Membenarkan Penggunaan *Ghalabah al-Zan*

Tahap Pembuktian	Keadaan yang Membenarkan Penggunaannya
<i>Ghalabah al-Zan</i>	Dalam keadaan darurat seperti muflis, penentuan pusaka dan seumpamanya.
	Keterangan yang diberikan tidak begitu kuat (lemah) dan meyakinkan.
	Tidak cukup keterangan dalam membuktikan sesuatu kes.

Dengan yang demikian, dapat dijelaskan berdasarkan Jadual 3.1 di atas bahawa keterangan yang berada pada kedudukan yakin sememangnya diterima sebagai bukti

²¹²*Ibid.*

²¹³“Penulis tidak diketahui”, *The Mejelle: Being An English Translation of Majallah el-Ahkām-i-, Adilya and a Complete Code on Islamic Civil Law*, terj. C. R. Tyser et al., (Lahore: Law Publishing Co., 1980), Article 77.

dalam keterangan Islam kerana bukti yang berlandaskan kepada keyakinan dianggap dapat menzahirkan kebenaran (hak) sekaligus matlamat utama dalam pembuktian dan keterangan Islam yang mana untuk mengembalikan hak kepada orang yang berhak tercapai.²¹⁴ Namun ianya dikecualikan dengan mengambil kira *ghalabah al-zan* (sangkaan yang berat) mengatasi tahap yakin apabila dalam keadaan darurat atau keadaan yang membolehkannya, dan maka di sinilah sumpah memainkan peranan untuk menguatkannya.

Kesimpulannya, dapat dilihat di sini bahawa tahap pembuktian mempunyai hubung kait yang jelas dengan undang-undang keterangan termasuklah dengan kaedah sumpah. Pada asalnya, keterangan yang mencapai tahap yakin sahaja yang diterima oleh mahkamah dalam membuat keputusan supaya ianya telus di sisi undang-undang. Namun begitu, keterangan yang tidak mencapai tahap yakin yang mana memerlukan suatu kaedah untuk mengukuhkan dan meyakinkan satu-satu fakta tersebut sehingga tiada keraguan yang munasabah (*beyond reasonable doubt*) boleh disokong dengan pelaksanaan sumpah. Setelah sumpah dilaksanakan untuk menghilangkan segala keraguan terhadap sesuatu yang tidak pasti, maka secara automatiknya hakim boleh mensabitkan dakwaan atau tuntutan terhadap kes yang dikendalikannya dengan adil dan bijaksana.

2.7 KESIMPULAN

Perbincangan yang telah dibuat dalam bab Dua merupakan asas kepada kajian kepada bab-bab yang seterusnya. Bab ini menjadi kayu ukur kepada tujuan kajian ini dilakukan kerana setiap kajian memerlukan kepada konsep yang jelas dan seperti mana

²¹⁴Rahman Mustafa, *Prinsip-prinsip Undang-undang Keterangan Islam*, 109.

dalam kajian ini, konsep sumpah dalam Islam perlu difahami dengan jelas oleh pengkaji bagi membina asas yang kukuh tentangnya.

Sumpah yang dilaksanakan dalam Islam adalah bertujuan untuk mensabitkan sesuatu dakwaan iaitu menegaskan atau memperkukuh sabitan bagi satu-satu hak atau menafikannya di hadapan hakim. Pelaksanaan sumpah oleh pihak-pihak tersebut adalah bergantung kepada keadaan yang memerlukan kepada pelaksanaannya dan ianya bukanlah suatu kaedah yang boleh diambil mudah untuk dilaksanakan kerana memerlukan kepada penelitian sebelum diarahkan pihak yang perlu bersumpah melaksanakan sumpah.

Dalam Islam, sumpah diterima sebagai salah satu cara yang dapat menyelesaikan persengketaan antara pihak-pihak yang bertikai dengan syarat ianya dilafazkan mengikut syarat-syarat yang perlu dipenuhi. Sumpah juga tidak boleh dipermainkan oleh mereka yang bersumpah kerana kesannya amat berat apabila Allah S.W.T akan mengazab orang yang bersumpah palsu dan dikira berdosa besar. Sumpah yang dilakukan sama ada oleh pihak yang kena tuntutan atau pihak yang menuntut perlu dilafazkan jika ianya dapat menolak dakwaan ke atasnya atau memberikan hak kepada yang berhak.

Tambahan itu, melalui kajian yang dijalankan dapat difahami bahawa sumpah merupakan salah satu kaedah yang boleh membuktikan fakta kes seperti mana kaedah-kaedah keterangan yang lain walaupun ianya merupakan kaedah yang tidak dapat dilihat secara zahir dan lebih bersifat spiritual. Kebolehterimaan terhadap sumpah juga adalah bergantung kepada tahap pembuktian dan beban pembuktian dalam sesuatu kes. Sumpah diterima pakai sebagai penguat kepada kes dan boleh menghilangkan keraguan apabila keterangan yang diberikan tidak berada pada tahap yakin iaitu hanya pada tahap *ghalabah al-zan*. Berhubung dengan sumpah dan kaitannya dengan yang menanggung

beban bukti, hakim boleh mengarahkan pihak bertikai untuk bersumpah yang menjadi alternatif dalam memutuskan sesebuah kes iaitu dilaksanakan oleh pihak yang menuntut atau yang mendakwa walaupun pada asalnya sumpah adalah dilaksanakan oleh pihak yang kena tuntutan.

Justeru itu, dengan mengikut peredaran masa dan keadaan yang sentiasa berubah, maka sumpah yang dulunya hanya dirujuk melalui hukum Syarak telah digubal dan diperuntukkan dalam undang-undang Syariah yang bertulis serta termaktub di bawah negeri masing-masing bagi melancarkan perjalanan kes yang dibicarakan sebagai rujukan masa kini. Ini adalah penting supaya dapat memastikan Hakim-hakim Syarie mengaplikasikan penggunaan sumpah dalam perbicaraan yang dikendalikan dengan sistematik dan adil. Perbincangan akan dilakukan dalam bab yang seterusnya bagi melihat dengan lebih jelas lagi tentang peruntukan-peruntukan dan pelaksanaan sumpah di Mahkamah Syariah.

**BAB 3: PERUNTUKAN DAN PELAKSANAAN SUMPAAH (*AL-YAMĪN*)
SEPERTI MANA YANG TELAH DIAPLIKASIKAN DI MAHKAMAH
SYARIAH MELALUI UNDANG-UNDANG SYARIAH DI NEGERI
SELANGOR**

3.1 PENDAHULUAN

Pemakaian kaedah sumpah telah diperuntukkan dalam undang-undang Syariah di setiap negeri termasuklah bagi negeri Selangor. Mahkamah Syariah akan membuat rujukan melalui peruntukan-peruntukan yang telah disediakan bagi melancarkan setiap urusan kes yang dikendalikannya dan terikat dengan apa yang telah termaktub di dalamnya. Peruntukan-peruntukan yang telah dibuat ini adalah berdasarkan apa yang telah dinyatakan dalam hukum Syarak supaya ianya tidak lari daripada asas-asas sumpah dalam Islam. Antara peruntukan-peruntukan yang berkaitan dengan sumpah di mana pengkaji akan jelaskan dalam kajian ini adalah Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2003, Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2003 dan Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003. Tambahan juga, terdapat Arahan-arahan Amalan yang ada dinyatakan di dalamnya tentang sumpah yang mana merupakan inisiatif pihak Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) bagi menerangkan dengan lebih jelas lagi prosedur pemakaian sumpah. Oleh itu, bab ini menghuraikan setiap peruntukan tentang sumpah yang menjadi rujukan Hakim-hakim Syarie dalam memastikan setiap pelaksanaan sumpah adalah yang telah diperuntukkan oleh undang-undang Syariah tanpa mengeneipkan hukum Syarak.

3.2 PEMAKAIAN SUMPAH DALAM ENAKMEN KETERANGAN MAHKAMAH SYARIAH (NEGERI SELANGOR) 2003

Secara umumnya, Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2003 telah diluluskan dan diwartakan pada 24 Julai 2004²¹⁵ dan ianya adalah terpakai bagi segala prosiding perbicaraan dan kehakiman di Mahkamah Syariah seluruh negeri Selangor.

Enakmen ini mengandungi empat bahagian utama dan 131 seksyen keseluruhannya. Bahagian I adalah merupakan bahagian Kerelevanan yang bermula dari seksyen 1 hingga 42 yang mana telah meliputi seksyen-seksyen seperti Permulaan, *Qarīnah* dan *Iqrār*. Bahagian II pula adalah tentang Pembuktian iaitu bermula daripada seksyen 43 sehingga 71 dan terdapat tiga bab di bawahnya iaitu berkaitan dengan Fakta yang Tidak Perlu Dibuktikan, Keterangan Lisan dan Keterangan Dokumentar. Seterusnya Bahagian III yang mempunyai 58 seksyen adalah berkenaan dengan Pengemukaan dan Kesan Keterangan, serta mengandungi empat bab iaitu tentang Beban Membuktikan, Saksi, Pemeriksaan Saksi dan Peruntukan Khas Berhubungan dengan Testimoni Saksi. Manakala bahagian terakhir ialah Bahagian IV iaitu bahagian Am yang terdapat di dalamnya dua seksyen tentang Hukum Syarak dan Pemansuhan.

Sebelum dijelaskan dengan lebih lanjut tentang sumpah dalam Enakmen ini, pengkaji akan menerangkan terlebih dahulu tentang seksyen 3(2) Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2003 yang mana telah dinyatakan bahawa:

a) suatu fakta dikatakan “terbukti sebaliknya” apabila, setelah menimbangkan perkara-perkara di hadapannya, Mahkamah sama ada mempercayai fakta itu tidak wujud atau berpendapat ketakwujudan fakta itu adalah sebegitu mungkin sehingga mana-mana

²¹⁵Wan Abdul Fattah Wan Ismail dan Zulkifli Hassan, *Konsep Sumpah (Al-Yamīn) dan Pelaksanaannya di Mahkamah Syariah* (Nilai: Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia, 2007), 49.

- orang yang berhemat patut, dalam hal keadaan tertentu, bertindak atas anggapan bahawa fakta itu tidak wujud;*
- b) apa-apa fakta ialah dikatakan “tidak terbukti” apabila fakta itu tidak “terbukti” atau tidak “terbukti sebaliknya” mengikut Enakmen ini;*
- c) sesuatu fakta dikatakan “terbukti” apabila, setelah menimbangkan perkara-perkara di hadapannya, Mahkamah sama ada mempercayai bahawa fakta itu wujud atau berpendapat bahawa kewujudan fakta itu adalah sebegitu mungkin sehingga seseorang yang berhemat patut, dalam keadaan hal tertentu bertindak atas anggapan bahawa fakta itu wujud.²¹⁶*

Secara amnya, peruntukan di atas ingin menjelaskan bahawa sesuatu fakta itu terbukti wujud atau tidak wujud apabila Mahkamah Syariah mempercayai atau berpendapat bahawa kewujudan fakta dan ketakwujudan fakta itu adalah sebegitu sehingga ada keadaan tertentu yang mengubahnya untuk membuktikan fakta tersebut wujud atau tidak. Ini bererti Hakim Syarie akan menerima setiap fakta yang dikemukakan kepadanya melalui pelbagai kaedah keterangan yang ada dan setelah itu beliau yang akan menentukan sama ada ianya terbukti benar atau sebaliknya serta mencukupi atau tidak bagi memutuskan sesuatu kes. Jika hakim berpendapat dan percaya bahawa ianya diragui mahupun tidak mencukupi, maka kaedah keterangan alternatif seperti sumpah dapat memainkan peranan untuk mengubah keputusan hakim dalam hal tersebut.

Peruntukan ini perlu dinyatakan dalam bab ini walaupun ianya tidak menyebut secara langsung tentang sumpah, namun memainkan peranan penting dalam pelaksanaan sumpah apabila dalam keadaan di mana sesuatu fakta dibuktikan dengan kaedah keterangan selain daripada sumpah pada permulaannya, akan tetapi ditolak oleh hakim disebabkan ianya berada pada tahap *ghalabah al-zan* atau diragui kesahihannya kerana tidak cukup kuat boleh dilaksanakan sumpah ke atasnya untuk membolehkan fakta tersebut diterima atau sebaliknya selepas itu atas budi bicara Hakim Syarie. Setelah pelaksanaan sumpah dibuat, hakim hendaklah percaya dan berpendapat bahawa

²¹⁶Seksyen 3 (2), Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2003 (No. 5/2003).

ianya wujud atau sebaliknya yang mana dengan sumpah tersebut membolehkan sesuatu kes itu diputuskan.

Berbalik kepada sumpah seperti mana yang ingin dijelaskan oleh pengkaji, terdapat empat seksyen yang diperuntukkan secara khusus dalam Enakmen ini daripada 131 seksyen yang ada, dan oleh itu seksyen-seksyen ini akan diterangkan dalam kajian ini secara terperinci. Kesemua seksyen yang menyebut tentang sumpah iaitu seksyen 72, seksyen 87, seksyen 88 dan seksyen 129 adalah yang terdapat dalam Bahagian III Enakmen berkaitan dengan Pengemukaan dan Kesan Keterangan.

Melalui seksyen 72 Enakmen ini, ianya telah memperuntukkan bahawa;

“Beban untuk mengemukakan keterangan dalam sesuatu kes mal terletak pada orang yang mengatakan atau menegaskan sesuatu fakta (al-mudda,ī) dan orang yang mengangkat sumpah untuk menafikan atau mempertikaikan sesuatu fakta (al-mudda,,ā, dayh)”.²¹⁷

Secara dasarnya seksyen ini menerangkan tentang beban bagi pihak untuk mengemukakan bukti dalam kes mal adalah tertanggung ke atas orang yang membawa kes atau pertuduhan ke mahkamah iaitu *al-mudda,ī* yang juga disebut di Malaysia sebagai pihak plaintif atau pihak yang menuntut. Manakala orang yang mempertikaikan dan menafikan segala pertuduhan terhadapnya dengan mengangkat sumpah apabila diarahkan oleh hakim Mahkamah Syariah dikenali sebagai *al-mudda,ā* „*alayh*, atau pihak defendan, atau pihak yang kena tuntutan. Daripada peruntukan yang telah diwartakan ini, terdapat dua elemen penting yang ditekankan oleh mahkamah iaitu²¹⁸:

- i) Peruntukan dan beban bukti ini adalah khusus kepada kes mal sahaja dan ianya tidak terpakai kepada kes-kes jenayah.

²¹⁷Seksyen 72, Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2003 (No. 5/2003).

²¹⁸Siti Noor Alwani Hamid, “Sumpah Sebagai Metode Keterangan Mengikut Hukum Islam: Kajian Tentang Standard Pelaksanaannya Di Mahkamah Syariah Kota Bharu” (disertasi peringkat Sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2007), 74.

- ii) Peruntukan ini telah menyebut tentang beban membuktikan sesuatu pertuduhan adalah daripada pihak yang menuntut atau mendakwa (*al-mudda,ī*) dan orang yang perlu mengangkat sumpah untuk menafikan atau mempertikaikan sesuatu tuduhan serta tuntutan ke atasnya adalah daripada pihak yang kena tuntutan atau didakwa (*al-mudda,ā* „, *alayh*).

Oleh itu, dapat dilihat bahawa Enakmen ini melalui seksyen yang telah diterangkan di atas mengambil dan mengiktiraf pandangan jumah fuqahā²¹⁹ tentang keterangan dan sumpah yang mana kedua-dua ini adalah satu keperluan dalam perbicaraan kes di Mahkamah Syariah Selangor bagi pihak-pihak yang bertikai sebagaimana yang telah dibincangkan dalam bab sebelum ini.

Seterusnya, pemakaian sumpah juga telah disebut dalam seksyen 87 Enakmen ini dengan membincangkan tentang cara memberikan keterangan melalui tiga subseksyen iaitu;

(1) *Dalam kes mal keterangan hendaklah diberikan oleh plaintif dan defendan, dan jika defendan menafikan tuntutan terhadapnya dia hendaklah dikehendaki mengangkat sumpah mengikut Hukum Syarak.*

(2) (a) *Jika defendan mengangkat sumpah di bawah subseksyen (1), tuntutan yang dibuat oleh plaintif hendaklah ditolak.*

(b) *Jika defendan enggan mengangkat sumpah, maka Mahkamah bolehlah meminta plaintif mengangkat sumpah dan dengan sumpah itu tuntutannya hendaklah diterima.*

(3) *Dalam kes jenayah, keterangan hendaklah diberikan bagi pendakwa dan bagi tertuduh melainkan jika tertuduh mengaku salah.*²¹⁹

Peruntukan ini merupakan kesinambungan daripada seksyen 72 yang telah diterangkan sebelum ini. Dalam seksyen 87 (1), perbezaan yang dapat dilihat dengan apa yang telah seksyen 72 sebutkan adalah berkenaan dengan penggunaan plaintif dan defendan yang menggantikan perkataan *al-mudda,ī* dan *al-mudda,ā* „, *alayh* serta pemakaian frasa mengangkat sumpah mengikut hukum Syarak yang tidak ada dalam

²¹⁹Seksyen 87, Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2003 (No. 5/2003).

seksyen 72. Perbezaan penggunaan istilah daripada Bahasa Arab ke Bahasa Melayu ini walaupun dilihat tidak selaras untuk kesemua seksyen, namun ianya tidak memberi kesan yang besar kerana masih membawa maksud yang sama dari sudut perundangan.²²⁰ Keadaan ini berlaku adalah disebabkan oleh penggubalan Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah telah mengambil kira penggunaan Akta Keterangan 1950 yang diadaptasikan dan diharmonikan di dalam setiap seksyen peruntukan ini.²²¹

Peruntukan ini tidak menyatakan tentang syarat-syarat dalam melakukan sumpah dan ianya tidak menimbulkan permasalahan dalam pengendalian kes yang memerlukan pelaksanaannya bagi Hakim Syarie. Ini adalah kerana hasil kajian yang dibuat pengkaji mendapati bahawa pelaksanaannya dalam setiap kes yang memerlukan pihak-pihak bersumpah tidak terpakai dengan mudah malah terikat dengan syarat-syarat sumpah mengikut hukum Syarak dan juga melalui pemakaian **Arahan Amalan No. 2 Tahun 2006 (Amalan Sumpah Mahkamah Syariah)** yang akan dibincangkan selepas ini.

Walaupun sumpah secara umumnya digunakan oleh defendan dalam menafikan pertuduhan yang dibuat ke atasnya, namun ianya adalah berdasarkan keadaan-keadaan yang membolehkan sumpah tersebut dilaksanakan seperti keterangan plaintif adalah lemah, diragui atau tidak mencapai tahap yang sepatutnya. Selain itu, ditambah juga dengan situasi di mana defendan tidak mempunyai saksi atau keterangan yang boleh menyokong penafiannya maka sumpah adalah perlu dan penting untuk menegakkan keadilan ke atas defendan. Oleh yang demikian, hakim sebelum menerima pemakaian sumpah sebagai keterangan dalam memutuskan kes perlu meneliti aspek-aspek tertentu terlebih dahulu agar Mahkamah Syariah tidak menafikan hak-hak kedua-dua belah pihak.

²²⁰ Alwani, "Sumpah Sebagai Metode Keterangan Mengikut Hukum Islam", 75.

²²¹ *Ibid.*, 76.

Subseksyen (2) pula memperincikan tentang kesan sumpah dalam memutuskan sesuatu pertikaian dan kes-kes yang dibawa ke hadapan hakim antara pihak-pihak yang bertikai di mana peruntukan ini menjelaskan bahawa jika defendan bersumpah menafikan tuntutan atau dakwaan plaintif, maka tuntutan plaintif hendaklah ditolak.²²² Walau bagaimanapun, jika defendan enggan bersumpah maka Mahkamah Syariah dengan arahan daripada Hakim Syarie boleh memulangkan sumpah kepada plaintif dan apabila plaintif bersumpah, secara automatiknya sabitlah tuntutan atau dakwaan yang dibuat olehnya.

Manakala subseksyen (3) memperuntukkan bahawa dalam kes-kes jenayah, sumpah tidak diguna pakai sebagai kaedah keterangan yang boleh mensabitkan kesalahan ke atas pihak yang tertuduh kerana peruntukan²²³ yang ada memerlukan pihak yang mendakwa dan pihak yang didakwa mengemukakan keterangan melainkan jika yang didakwa atau tertuduh itu mengaku bersalah.

Seterusnya seksyen 88 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2003 telah memperuntukkan tentang keterangan oleh saksi tunggal dan sumpah plaintif iaitu;

*“Jika dalam kes mal, plaintif hanya mengemukakan seorang saksi, keterangan saksi itu hanya boleh diterima jika keterangannya diberikan berserta dengan sumpah plaintif itu”.*²²⁴

MISALAN

Dalam suatu tuntutan bagi pembayaran balik hutang oleh plaintif terhadap defendan, keterangan seorang saksi yang dikemukakan oleh plaintif yang diberikan beserta dengan sumpah plaintif hendaklah menjadi bukti yang cukup terhadap tuntutannya.

Oleh itu, peruntukan ini telah menerangkan tentang kebenaran untuk plaintif bersumpah iaitu sebagai penguat kepada keterangan apabila plaintif hanya

²²²*Ibid.*

²²³*Ibid.*, 77.

²²⁴Seksyen 88, Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2003 (No. 5/2003).

mengemukakan seorang saksi sahaja untuk memberikan keterangan bagi pihaknya dan peruntukan ini dikhususkan untuk kes-kes mal sahaja.

Peruntukan lain yang menjelaskan tentang sumpah adalah tentang keadaan bila mana saksi dikehendaki mengangkat sumpah melalui seksyen 129 Enakmen ini, iaitu;

*“Jika hal keadaan berkehendakkan sedemikian atau pemeriksaan saksi di bawah Bahagian ini tidak dapat dijalankan dan suatu pihak kepada prosiding itu membuat permohonan kepada Hakim supaya saksi itu mengangkat sumpah sebagai saksi benar bagi menguatkan keterangannya, Hakim hendaklah memerintahkan saksi itu mengangkat sumpah sedemikian dan hendaklah mengingatkan saksi itu bahawa jika dia tidak berbuat demikian keterangannya tidak boleh diterima”.*²²⁵

Berdasarkan peruntukan di atas, sumpah yang dimaksudkan adalah merupakan sumpah yang tidak ada kaitan dengan kaedah keterangan dalam pensabitan kes, akan tetapi ianya menjadi penentu atau kayu ukur dalam menentukan dan memastikan keadilan seorang saksi yang mana berlaku apabila *tazkiyahal-shāhid* tidak dapat dilakukan. Mahkamah Syariah menerusi Hakim Syarie akan mengarahkan saksi tersebut mengangkat sumpah sebelum keterangan diberikan dan mengingatkan saksi bahawa keterangannya tidak akan diterima jika tidak melakukan sumpah.

Seksyen-seksyen yang telah dibincangkan di atas adalah merupakan peruntukan yang berkaitan dengan sumpah dan kesemua seksyen terbabit telah diperuntukkan dalam Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2003. Namun, prosiding sumpah untuk diterima sebagai kaedah keterangan terutama dalam kes mal tidak diterangkan dan diperincikan dalam enakmen ini. Oleh itu, pihak Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) telah mengeluarkan **Arahan Amalan No. 2 Tahun 2006 (Amalan Sumpah Mahkamah Syariah)** dan beberapa Arahan Amalan lain untuk dilaksanakan dan dipraktikkan di semua Mahkamah Syariah negeri-negeri agar amalan pemakaian sumpah ini diselaraskan untuk kemudahan pihak mahkamah.

²²⁵Seksyen 129, Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2003 (No. 5/2003).

Ianya akan dibincangkan juga oleh pengkaji dalam bab ini supaya dapat difahami dengan lebih jelas lagi garis panduan bagi kebolehterimaan sumpah melalui aspek-aspek yang terdapat dalam Arahan Amalan.

3.3 PERUNTUKAN-PERUNTUKAN LAIN BERHUBUNG DENGAN KAEDAH SUMPAH

Selain daripada peruntukan khusus iaitu dalam Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah yang telah dijelaskan di atas, sumpah juga ada dinyatakan dan disentuh dalam beberapa peruntukan Mahkamah Syariah yang lain seperti Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah Negeri dan Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri. Ini adalah kerana undang-undang keterangan mempunyai kaitan dengan pelaksanaannya dan dengan itu peruntukan yang berkaitan dengan sumpah secara tidak langsung disentuh dalam enakmen-enakmen Mahkamah Syariah tersebut.

3.3.1 Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2003

Dalam Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah ini, seksyen 121 (2) telah menyebut tentang kesan kepada ketidakhadiran pihak-pihak di mana Mahkamah Syariah boleh membuat keputusan kes tanpa kehadiran salah satu pihak yang bertikai. Walau bagaimanapun, Hakim Syarie perlu mengarahkan pihak yang hadir supaya melakukan sumpah *istizhār* terlebih dahulu sebelum kes diputuskan oleh mahkamah.²²⁶ Di sini terbukti bahawa peruntukan yang dijelaskan dalam ETMMS ini tidak dinyatakan dalam EKMS, akan tetapi dengan adanya seksyen 121 (2) ini ianya telah melengkapkan

²²⁶Seksyen 121 (2), Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2003 (No. 4/2003).

lagi tentang pelaksanaan sumpah terutama sebelum Arahan-arahan Amalan khusus berkaitan dengannya dikeluarkan dan dilaksanakan.

Manakala seksyen 126 (7) dan (8) memperuntukkan tentang cara bagaimana hakim harus bertindak apabila defendan memilih untuk tidak mengemukakan keterangan dan telah mengemukakan hujah bahawa tidak ada kes yang perlu dijawab serta tindakan yang perlu dilakukan oleh plaintif supaya mahkamah membenarkan tuntutan. Hakim dalam situasi ini setelah mendengar hujah defendan hendaklah mengarahkan defendan bersumpah untuk menafikan tuntutan plaintif, namun jika enggan maka hakim boleh membuang kes defendan dan membenarkan tuntutan plaintif. Walau bagaimanapun, mahkamah akan membenarkan tuntutan yang dibuat oleh plaintif dengan syarat plaintif bersumpah untuk mengakui kebenaran tuntutan dan jika plaintif enggan mengangkat sumpah maka mahkamah dengan kuasa yang ada padanya boleh membuang kes tersebut.²²⁷ Dapat dilihat di sini bahawa keengganan bersumpah dan sumpah dikembalikan telah dinyatakan juga dalam Enakmen ini seperti mana diperuntukkan dalam Seksyen 87 (2) (b) Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2003. Melalui seksyen ini, ianya menunjukkan bahawa keadilan diberikan kepada kedua-dua pihak yang bertikai.

Selain itu, terdapat beberapa peruntukan lain yang menyebut tentang sumpah seperti mana dalam seksyen 85 dan seksyen 112 ETMMS ini. Peruntukan-peruntukan ini menggunakan istilah „sumpah“ walaupun pada dasarnya ianya bukanlah pemakaian sumpah yang dimaksudkan dalam undang-undang keterangan ataupun tatacara berkaitan dengannya.²²⁸ Ketiadaan tafsiran tentang sumpah menerusi enakmen yang diguna pakai malahan dalam EKMS sendiri boleh mengelirukan pengamal undang-undang yang merujuk peruntukan yang telah digubal ini dan penyelesaiannya adalah bersandarkan

²²⁷Seksyen 126 (7) dan (8), Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2003 (No. 4/2003).

²²⁸Alwani, “Sumpah Sebagai Metode Keterangan Mengikut Hukum Islam”, 79.

kepada kefahaman dan interpretasi sendiri serta kelaziman penggunaannya mengikut hukum Syarak.²²⁹

Justeru itu, dapat difahami di sini bahawa selain daripada EKMS yang menerangkan tentang pemakaian sumpah, peruntukan seperti ETMMS juga ada menjelaskan tentang sumpah. Penerimaan pemakaian sumpah berdasarkan peruntukan yang ada oleh hakim untuk dijadikan sebagai kaedah keterangan dalam pensabitan kes perlu diteliti terlebih dahulu iaitu dari segi keadaan dan situasi yang menyebabkan ianya wajar digunakan supaya tidak menimbulkan sebarang ketidakpuasan hati kepada mana-mana pihak yang terlibat dalam kes yang dibicarakan.

3.3.2 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003

Dalam enakmen ini, sumpah telah dinyatakan menerusi dua seksyen. Walau bagaimanapun, ianya tidak memperuntukkan tentang sumpah seperti mana yang sedang dibincangkan oleh pengkaji kerana sumpah yang dinyatakan hanyalah berkenaan dengan sumpah *li,,ān* di bawah Perceraian Dengan *Li,,ān* dan Kesahtrafan Anak yang ingin menentukan siapa yang dikaitkan sebagai bapa kepada anak yang dilahirkan oleh seorang perempuan. Namun begitu, sumpah *li,,ān* ini wajar diterangkan pada pandangan pengkaji menerusi bab ini supaya tidak timbul kekeliruan, seterusnya dapat membezakan antara sumpah (*al-yamān*) yang telah dijelaskan sebelum ini dengan sumpah *li,,ān* yang dinyatakan dalam Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003.

Seksyen 51 (1) dalam Enakmen ini iaitu di bawah perkara Perceraian Dengan *Li,,ān* telah menyatakan bahawa Hakim Syarie akan memerintahkan pihak-pihak kepada sesuatu perkahwinan supaya difaraqkan, dipisahkan dan hidup berasingan selama-

²²⁹ *Ibid.*

lamanya jika mereka telah mengangkat sumpah dengan cara *li,,ān*²³⁰ mengikut hukum Syarak di hadapan Hakim Syarie di mana dengan sumpah *li,,ān* yang dibuat, pembubaran terhadap perkahwinan pasangan terbabit telah berlaku.²³¹ Peruntukan ini menjelaskan kepada kita yang mana sumpah *li,,ān* ini bukan dianggap sebagai kaedah keterangan dalam perbicaraan kes yang berlangsung, akan tetapi menjadi penyebab kepada sesuatu perkahwinan itu dibubarkan dengan berlakunya perceraian antara pasangan yang dibicarakan di mahkamah.

Manakala seksyen 111 di bawah perkara Kesahtarafan Anak dalam menentukan siapa yang boleh dikaitkan sebagai bapa kepada anak yang dilahirkan oleh seorang perempuan telah memperuntukkan tentangnya melalui dua keadaan. Keadaan pertama di mana seorang perempuan berkahwin dengan seorang lelaki telah melahirkan seorang anak lebih daripada enam bulan dari tarikh perkahwinan mereka akan dikira sebagai bapa kepada anak tersebut. Keadaan kedua pula apabila seorang perempuan berkahwin dengan seorang lelaki dan telah melahirkan anak dalam masa empat bulan selepas perkahwinannya itu dibubarkan sama ada sebab kematian lelaki itu atau oleh sebab perceraian, serta perempuan itu pula tidak berkahwin semula maka lelaki itu disifatkan sebagai bapa kepada anak tersebut.

Walau bagaimanapun, lelaki yang dianggap bapa kepada anak tersebut boleh menafikan kesahtarafannya jika dia yakin dan bersumpah dengan cara *li,,ān* atau kutukan bagi melepaskan diri daripada bertanggungjawab ke atas anak yang dilahirkan oleh seorang wanita yang dikahwininya atau yang pernah dikahwininya.²³² Dengan itu, sumpah *li,,ān* atau kutukan yang dibuat oleh seorang lelaki ke atas seorang perempuan

²³⁰*Li,,ān* dari segi bahasa bermaksud menghalau dan menjauhkan. *Li,,ān* dinamakan dengan nama ini kerana jauhnya hubungan di antara kedua-dua belah suami isteri terbabit. *Li,,ān* dari segi istilah pula ialah beberapa perkataan tertentu yang digunakan sebagai hujah oleh orang yang terpaksa menuduh orang yang mencemarkan tempat tidurnya dan memberi malu kepadanya sebagai berzina. Lihat Muṣṭafā al-Khūn et al., *al-Fiqh al-Manhajī ,alā Madhhab al-Imām as-Shāfi,,ī Kitāb Fikah Mazhab Shāfi,,ī* terj. Ridzuan Bin Hashim et al. (Kuala Lumpur: Pustaka Salam, 2009), 4:840.

²³¹Seksyen 51 (1), Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003 (No. 13/2003).

²³²Seksyen 111, Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003 (No. 13/2003).

yang mendakwa bahawa anak yang dilahirkan itu adalah anak kepada lelaki yang melaksanakan *li,,ān* di hadapan hakim menjadi penyebab untuk menolak dan menafikan kesahatarafan anak itu yang pada mulanya disandarkan kepada lelaki terbabit.

Kesimpulannya, dapat diterangkan di sini bahawa peruntukan yang dinyatakan dalam Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003 berkaitan dengan sumpah *li,,ān* adalah berbeza dengan sumpah (*al-yamīn*) yang dikaji oleh pengkaji menerusi kajian ini. Walaupun perkataan „sumpah“ disebut dalam enakmen ini, namun ianya tidak dianggap sebagai sumpah yang dibincangkan dalam kajian ini.

Selain itu, tumpuan dan fokus kajian pengkaji seperti mana yang telah diketahui hanyalah kepada sumpah (*al-yamīn*) dan tidak dibincangkan tentang sumpah *li,,ān* dalam mana-mana bab yang lain. Pengkaji memasukkan juga seksyen 51 (1) dan seksyen 111 dalam bab ini adalah bertujuan untuk mengelakkan kekeliruan dan ingin memberi pencerahan supaya sesiapa yang merujuk disertasi ini pada masa akan datang jelas dengan peruntukan tentang sumpah *li,,ān* dan sumpah (*al-yamīn*) yang dibincangkan dalam kajian ini. Walau bagaimanapun, fungsi sumpah *li,,ān* ini dengan sumpah (*al-yamīn*) adalah sama di mana kedua-duanya berperanan sebagai menguatkan dan mengukuhkan sesuatu yang dinyatakan sebelum keputusan kehakiman ke atasnya dilakukan.

3.4 PEMAKAIAN SUMPAAH DALAM PERUNTUKAN-PERUNTUKAN DI MAHKAMAH SYARIAH DAN HUBUNG KAIT DENGAN KAEDAH SUMPAAH DALAM HUKUM SYARAK.

Setiap negeri bertanggungjawab dalam penggubalan undang-undang Syariah yang akan diguna pakai oleh negeri masing-masing. Undang-undang Syariah yang

digubal ini akan dilaksanakan bagi keselarasan dan kelancaran kes-kes yang dibicarakan di setiap peringkat Mahkamah Syariah.

Pelbagai peruntukan telah dikanunkan dan diperuntukkan oleh setiap negeri termasuklah dengan kaedah keterangan sumpah yang menjadi topik perbincangan dalam kajian ini di mana ianya diletakkan di bawah Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah Negeri, Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah Negeri dan Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri. Manakala Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) berperanan dalam mengeluarkan Arahan-arahan Amalan berkaitan dengan sumpah.

Sebelum adanya enakmen-enakmen negeri dan Arahan-arahan Amalan tentang pemakaian sumpah, setiap pelaksanaan yang berkaitan dengan sumpah bergantung dan berpandukan kepada hukum Syarak. Ianya adalah melalui rujukan kepada kitab-kitab terdahulu atau semasa yang berkaitan dengan pembuktian dan pendakwaan yang mana di dalamnya ada menerangkan tentang sumpah dan pelaksanaannya dalam Majlis Kehakiman.

Namun selepas itu, undang-undang negeri termasuklah enakmen yang akan dilaksanakan di Mahkamah Syariah negeri masing-masing telah digubal oleh penggubal undang-undang di setiap negeri. Antara enakmen yang berkaitan adalah seperti yang telah dinyatakan sebelum ini iaitu EKMS, ETMMS dan EUUKI. Semua enakmen ini telah menjelaskan tentang pelaksanaan sumpah yang harus dituruti oleh pihak Mahkamah Syariah apabila berlakunya keadaan yang perlu kepadanya.

Kemudian, pihak JKSM pula telah memperkenalkan Arahan-arahan Amalan yang berkaitan dengan sumpah terutama **Arahan Amalan No. 2 Tahun 2006 (Amalan Sumpah Mahkamah Syariah)** di mana ianya memperincikan tentang pelaksanaan sumpah di Mahkamah Syariah yang telah dikuatkuasakan pada 1 Jun 2006 bagi

keselarasan seluruh negeri. Semua peruntukan undang-undang yang berkaitan dengan sumpah ini adalah berlandaskan kepada pemakaian sumpah yang telah ditetapkan oleh hukum Syarak dan mengikut pendapat jumhur „ulamā“ terutama daripada mazhab Shāfi,ī kerana Malaysia merupakan negara yang mengamalkan mazhab tersebut. Pendapat atau pandangan daripada mazhab-mazhab lain akan diambil kira dan diterima mengikut kesesuaian keadaan yang memerlukan dalam pelaksanaan sumpah.

Keselarasan yang dibuat oleh penggubal undang-undang dan JKSM terhadap peruntukan-peruntukan yang ada ketika ini di mana ianya bertepatan dengan konsep sumpah (*al-yamīn*) dalam Syariah dapat dilihat apabila setiap aspek dalam pelaksanaan sumpah berdasarkan hukum Syarak telah dimasukkan dan diharmonisasikan ke dalam enakmen seperti EKMS, ETMMS, EUUKI dan Arahan Amalan. Sebagai contoh, dalam seksyen 87 (2) (b) EKMS (Negeri Selangor) 2003 dan seksyen 126 (7) serta (8) ETMMS (Negeri Selangor) 2003 telah memperuntukkan tentang keengganan bersumpah dan sumpah dikembalikan seperti mana yang terdapat dalam hukum Syarak.

Selain itu, pelaksanaan sumpah bersama seorang saksi yang diperuntukkan dalam seksyen 88 EKMS (Negeri Selangor) 2003 dan **Arahan Amalan No. 2 Tahun 2006 (Amalan Sumpah Mahkamah Syariah)** merupakan ketetapan yang telah ada dalam hukum Syarak dan dimasukkan ke dalam enakmen bagi rujukan hakim dengan lebih jelas dan tepat. Tambahan itu juga, sebagaimana yang dilaksanakan oleh mahkamah dalam menerima pakai sumpah *istiḥār*, dapat dinyatakan bahawa seksyen 121 (2) ETMMS (Negeri Selangor) 2003 dan **Arahan Amalan No. 2 Tahun 2006 (Amalan Sumpah Mahkamah Syariah)** telah menerima sumpah tersebut untuk diperuntukkan dalam enakmen serta Arahan Amalan bagi memudahkan rujukan hakim.

Manakala aspek-aspek lain seperti syarat-syarat pelaksanaan sumpah, pelaksanaannya berdasarkan niat dalam bersumpah, *taghlīz al-Yamīn* dan ciri-ciri bagi

sumpah telah dijelaskan dalam **Arahan Amalan No. 2 Tahun 2006 (Amalan Sumpah Mahkamah Syariah)** dan semua aspek ini sememangnya berlandaskan hukum Syarak. Walaupun ianya tidak diperuntukkan dalam enakmen di setiap negeri, namun Hakim Syarie haruslah merujuk Arahan Amalan yang ada sebagai prosedur sokongan dalam melaksanakan sumpah di mahkamah.

Peruntukan yang digubal tidak boleh lari daripada apa yang telah ditetapkan oleh hukum Syarak kerana ianya adalah sumber utama bagi penetapan perundangan Islam masa kini. Selain itu, menjadi tanggungjawab penggubal undang-undang untuk mengikut hukum Syarak dalam menggubalnya supaya setiap aspek pemakaian sumpah boleh dirujuk tanpa ragu-ragu oleh Hakim Syarie dalam mengarahkan pihak-pihak yang bersumpah melaksanakannya dengan betul.

Kebolehterimaan terhadap pemakaian sumpah sebagai kaedah keterangan dalam perundangan Islam masa kini menyebabkan para Hakim Syarie membuat penilaian secara terperinci dari segenap aspek sebelum mengarahkan pihak yang terlibat bersumpah. Ini adalah kerana hakim tidak boleh sewenang-wenangnya memerintahkan pihak yang menuntut dan pihak yang kena tuntutan melaksanakan sumpah apabila aspek-aspek seperti rujukan kepada hukum Syarak yang berkaitan dengan sumpah, peruntukan-peruntukan sumpah di mana bersesuaian dengan keadaan kes yang dibicarakan dan Arahan Amalan pemakaian sumpah, serta aspek-aspek dalam pelaksanaan sumpah diteliti terlebih dahulu sebelum diambil kira untuk menerima pakainya.

Dengan adanya rujukan yang tepat daripada hukum Syarak dan peruntukan-peruntukan dalam perundangan Islam masa kini terhadap pemakaian sumpah, kebolehterimaan sumpah sebagai kaedah keterangan yang menyokong fakta-fakta pihak yang bertikai dan pemakaiannya merujuk kepada kes-kes yang dibolehkan hukum

Syarak oleh hakim telah memastikan sesebuah kes dapat diselesaikan dengan mudah, sistematik, cepat dan menjimatkan kos.

Selain itu, Hakim Syarie dapat mensabitkan penghakiman kes yang dikendalikannya dengan yakin dan tepat kerana setiap keterangan yang diberikan dikuatkan dan dikukuhkan dengan pelaksanaan sumpah oleh pihak-pihak yang diarahkannya untuk bersumpah. Tambahan pula, bagi pihak-pihak yang bertikai ianya dapat memberikan kelegaan kepada mereka kerana kes yang dibicarakan itu telah diadili dengan sebetul-betulnya.

Mereka juga akan berpuas hati dengan keputusan yang diberikan oleh hakim kerana pemakaian sumpah dapat memberikan keyakinan kepada mereka bahawa hakim telah membuat keputusan dengan tepat walaupun sumpah itu sendiri bukanlah satu kaedah keterangan yang zahir atau boleh nampak dengan mata kasar. Namun disebabkan ianya diperincikan dan diteliti terlebih dahulu sebelum diterima pakai, maka kebolehterimaan terhadapnya diyakini oleh mereka dan ditambah juga ianya adalah berlandaskan hukum Syarak dan peruntukan yang termaktub dalam undang-undang Syariah.

Sehubungan dengan itu, dapat difahami bahawa setiap peruntukan yang telah dikanunkan adalah daripada pengambilannya berdasarkan kaedah hukum Syarak dan disesuaikan dengan kaedah keterangan dan pembuktian pada masa kini termasuklah dengan pemakaian sumpah. Setiap individu yang terlibat dalam institusi kehakiman terutama Hakim Syarie perlu mengikut apa yang telah ditetapkan supaya ianya tidak lari daripada kaedah yang asal dan seterusnya membolehkan keadilan dalam perundangan Islam tercapai.

3.5 ARAHAN AMALAN YANG BERKAITAN DENGAN SUMPAAH

Inisiatif Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) dalam menyelaraskan dan menyeragamkan Arahan Amalan tentang pemakaian sumpah bagi setiap negeri merupakan satu tindakan yang wajar dilakukan. Ini adalah kerana dengan adanya Arahan Amalan, ianya akan dijadikan rujukan bagi Hakim Syarie di setiap negeri yang menggunakannya dalam prosiding penerimaan sumpah sebagai kaedah keterangan yang boleh mensabitkan kes yang dibicarakan. Perincian menerusi Arahan Amalan bagi pelaksanaan sumpah ini dapat membantu dan memudahkan hakim dalam membuat keputusan untuk menerima sumpah sebagai satu kaedah alternatif dalam menyelesaikan kes ataupun tidak dengan wujudnya panduan-panduan dan aspek-aspek yang perlu dipenuhi dan diteliti sebelum hakim mengarahkannya kepada pihak-pihak yang bertikai.

Arahan Amalan utama dan khusus yang telah dikeluarkan oleh JKSM dan diterangkan dengan terperinci adalah melalui **Arahan Amalan No. 2 Tahun 2006 (Amalan Sumpah Mahkamah Syariah)**. Ianya telah menjelaskan bahawa segala prosiding sumpah dalam tuntutan kes mal di Mahkamah Syariah hendaklah mengguna pakai Amalan ini²³³ dan oleh itu, JKSM telah menetapkan Amalan Sumpah Mahkamah Syariah seperti berikut:

1. Hak-hak yang boleh menerima pakai sumpah.²³⁴
 - a) Pertunangan, perkahwinan, rujuk, perceraian, nusyuz atau apa-apa perkara yang berkaitan dengan hubungan suami isteri;
 - b) Apa-apa pelupusan atau tuntutan harta yang berbangkit daripada mana-mana perkara yang dinyatakan dalam subperenggan (a);
 - c) Nafkah orang-orang tanggungan;

²³³ Arahan Amalan No.2 Tahun 2006 (Amalan Sumpah Mahkamah Syariah), 24.

²³⁴ *Ibid.*, 25.

- d) Kesahtarafan;
- e) Penjagaan atau jagaan (*ḥaḍānah*) kanak-kanak;
- f) Pembahagian atau tuntutan harta sepencarian;
- g) Perkara-perkara lain yang dibenarkan oleh Hukum Syarak di bawah bidangkuasa Mahkamah yang dinyatakan oleh mana-mana undang-undang bertulis.

Berdasarkan apa yang telah dinyatakan di atas, dapat dilihat bahawa hak-hak yang boleh menerima pakai sumpah adalah yang berkait rapat dengan tuntutan kes mal di Mahkamah Syariah, manakala sumpah tidak diguna pakai dalam tuntutan kes jenayah syariah.

2. Kehadiran pihak-pihak ketika bersumpah.²³⁵

Dalam perenggan ini, ianya telah menjelaskan tentang sumpah yang hendak dilaksanakan memerlukan kehadiran kedua-dua pihak di mahkamah, namun mahkamah boleh juga meneruskan prosiding tanpa kehadiran salah satu pihak jika ianya dibenarkan. Oleh itu, dapat difahami di sini bahawa kehadiran pihak-pihak amat penting dalam pelaksanaan sumpah supaya mereka berpuas hati dengan sumpah yang dijalankan dan ianya dijadikan kaedah alternatif dalam penyelesaian kes melainkan jika berlakunya keadaan tertentu yang membolehkan prosiding dilakukan walaupun tanpa kehadiran salah satu pihak, maka pelaksanaannya tetap akan dilaksanakan.

3. Anggapan enggan bersumpah (*nukūl*).²³⁶

Berdasarkan perenggan ini, dapat dijelaskan bahawa dengan ketidakhadiran pihak yang dikehendaki bersumpah maka secara automatiknya hendaklah dianggap pihak terbabit enggan bersumpah (*nukūl*). Dengan itu, hakim boleh mengarahkan pihak

²³⁵*Ibid.*

²³⁶*Ibid.*

satu lagi untuk bersumpah jika perlu bagi membolehkan keadilan dapat ditegakkan ke atas kedua-dua belah pihak.

4. Bersumpah atas kebenaran atau perintah hakim.²³⁷

Perenggan ini telah menerangkan tentang pelaksanaan sumpah tidak boleh dilakukan dengan sewenang-wenangnya oleh kedua-dua belah pihak kecuali dengan kebenaran atau atas perintah hakim yang bertanggungjawab dalam kes tersebut.

5. Syarat-syarat sumpah.²³⁸

Syarat-syarat sumpah dalam Mahkamah adalah seperti berikut:

- (i) Orang yang bersumpah hendaklah akil baligh dan sukarela;
- (ii) *Al-mudda, ā* ,, *alayh* tidak mengaku hak *al-mudda, ā*;
- (iii) Pihak yang bertikai meminta Hakim arahkan pihak satu lagi bersumpah;
- (iv) Orang yang bersumpah hendaklah bersumpah bagi dirinya sendiri;
- (v) Perkara yang disumpah itu bukanlah hak Allah semata-mata;
- (vi) Perkara yang hendak dilaksanakan sumpah itu hendaklah mengenai hak yang boleh diterima pembuktiannya melalui *iqrār*.

Menerusi kenyataan di atas, dapat difahami bahawa sumpah hendaklah dilakukan dengan mengikut kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh mahkamah agar ianya sah di sisi perundangan dan hukum Syarak seterusnya dapat dijadikan kaedah keterangan yang boleh membawa kepada penyelesaian ke atas pihak-pihak yang terlibat.

²³⁷ *Ibid.*

²³⁸ *Ibid.*, 26.

6. Kuasa Mahkamah mengarahkan pihak bersumpah *al-Mutammimah*.²³⁹

Amalan ini menjelaskan bahawa walau apapun peruntukan Amalan 5, hakim boleh mengarahkan mana-mana pihak bersumpah *al-Yamīn al-Mutammimah*. Oleh itu, jelas ingin dinyatakan di sini yang mana hakim mempunyai kuasa untuk mengarahkan mana-mana pihak untuk bersumpah jika dirasakan perlu dan sesuai oleh beliau agar kes dapat diselesaikan dengan seadil-adilnya oleh pihak mahkamah.

7. Cara bersumpah.²⁴⁰

Setiap sumpah hendaklah dilakukan dengan cara berikut:

- (a) Sumpah hendaklah berdasarkan kehendak dan niat pihak yang menuntut sumpah atau Hakim yang mengarahkan sumpah;
- (b) Sumpah dibuat berdasarkan setiap isu atau perkara yang dipertikaikan;
- (c) Pihak yang menuntut pihak lain bersumpah hendaklah memastikan pihaknya tidak mempunyai keterangan lain;
- (d) Hakim hendaklah memberi peringatan dan amaran berhubung dengan implikasi sumpah yang dilaksanakan mengikut Hukum Syarak;
- (e) Lafaz sumpah hendaklah dimulakan dengan *Wallahi, Wabillahi, Watallahi* atau sifat-sifat Allah dan dibuat dalam bentuk yang tegas dan jelas berhubung dengan sesuatu tuntutan atau penafian; dan
- (f) Draf sumpah hendaklah disediakan oleh hakim sebelum sumpah tersebut dilafazkan mengikut mana-mana borang yang ditetapkan.

Berdasarkan cara-cara sumpah yang telah diterangkan seperti di atas, pihak mahkamah dan pihak-pihak yang diarahkan bersumpah perlu mengikut setiap apa yang

²³⁹*Ibid.*

²⁴⁰*Ibid.*

telah dinyatakan dalam Amalan ini agar ianya dapat dijalankan mengikut cara yang betul dan sesuai sebelum sesuatu kes itu dapat diputuskan oleh hakim.

8. Pelaksanaan sumpah.²⁴¹

(1) Dalam mana-mana peringkat prosiding kes mal, *mudda,ā* „*alah* perlu bersumpah dengan kebenaran Hakim apabila:

- (a) *Mudda,ī* gagal mengemukakan keterangan yang mencukupi;
- (b) *Mudda,ā* „*alah* menafikan tuntutan *mudda,ī*; dan
- (c) *Mudda,ī* menuntut *mudda,ā* „*alah* bersumpah atas penafiannya; atau

(2) Dalam mana-mana prosiding sedang berjalan, *al-mudda,ī* perlu bersumpah apabila:

- (a) *Mudda,ā* „*alah* enggan bersumpah setelah diarahkan oleh Hakim (*yamīn al-mardūdah*);
- (b) *Al-mudda,ī* mengemukakan seorang saksi dan hakim memerintahkannya bersumpah *yamīn al-takmīlah*.
- (c) Hakim mengarahkan *al-mudda,ī* bersumpah (*yamīn al-mutammimah*).

(3) Dalam mana-mana prosiding sedang berjalan, Hakim boleh mengarahkan mana-mana pihak bersumpah *yamīn nafīyy al-„ilmi* atau *yamīn al-mutammimah* jika difikirkan patut atau perlu untuk melaksanakannya.

(4) Setelah mendengar semua keterangan *al-mudda,ī* dan saksi-saksi serta berpuas hati dengan keterangan yang diberikan, Hakim hendaklah memerintahkan *al-mudda,ī* bersumpah *yamīn istizhār*.

²⁴¹ *Ibid.*, 27.

Oleh yang demikian, dapat dilihat di sini bahawa JKSM telah mengeluarkan prosedur pelaksanaan sumpah yang khusus menerusi Amalan ini supaya ianya dijadikan panduan oleh pihak mahkamah terutama Hakim Syarie dalam mengendalikan setiap kes dengan menerima pakai sumpah sebagai kaedah keterangan yang sesuai apabila wujudnya keadaan yang mana kaedah keterangan lain tidak dapat dijadikan satu kaedah yang boleh mensabitkan kes tersebut sepenuhnya.

9. Hakim boleh memerintahkan kedua-dua pihak bersumpah.²⁴²

Berdasarkan Amalan yang diperuntukkan ini, ianya telah menjelaskan bahawa dalam kes pertelingkahan harta yang bercampur antara suami isteri atau waris yang mana-mana kedua-dua pihak tidak ada *bayyinah* atau *qarīnah* atas tuntutan masing-masing maka atas permohonan kedua-dua pihak, hakim boleh mengarahkan mereka bersumpah *al-yamīn al-hāsimah* dan dengan itu tuntutan tersebut akan dibahagikan secara sama rata.

10. *Taghlīz* sumpah.²⁴³

Setiap *taghlīz* sumpah bolehlah dilaksanakan:

- (a) Dari sudut lafaz dengan menambah mana-mana nama Allah (*Wallahi, Wabillahi, Watallahi*) atau sifat-sifatNya; dan
- (b) Dari segi masa bolehlah dibuat selepas waktu solat Asar pada hari Jumaat; dan
- (c) Dari segi tempat bolehlah dibuat di tepi mimbar dalam mana-mana masjid jamek.

Justeru itu, *taghlīz* sumpah dimasukkan ke dalam Arahan Amalan ini dan dilaksanakan bagi mengukuhkan kenyataan yang dibuat oleh pihak yang bersumpah di mahkamah. Selain itu, ianya adalah bertujuan untuk memberi pemberatan kepada

²⁴²*Ibid.*, 28.

²⁴³*Ibid.*

sumpah pihak-pihak yang melaksanakannya yang mana ianya dijadikan sebagai ancaman kepada mereka supaya tidak mempermainkan sumpah seterusnya dapat menghindari dari sumpah palsu.²⁴⁴

Selain daripada **Arahan Amalan No. 2 Tahun 2006 (Amalan Sumpah Mahkamah Syariah)** yang menjadi Amalan khusus dan utama dalam prosiding sumpah untuk tuntutan kes mal, terdapat juga Arahan Amalan lain yang menyatakan tentang sumpah. Ianya telah diterangkan menerusi Arahan Amalan yang berkaitan dengan amalan tuntutan kes mal dalam sesuatu perbicaraan seperti Arahan Amalan Perceraian *Ta,Īq*, Arahan Amalan Pengesahan Perkahwinan yang Berlawanan dengan Peruntukan Akta/Enakmen/Ordinan Undang-undang Keluarga Islam dan Arahan Amalan Pengesahan Talaq di Luar dan Tanpa Kebenaran Mahkamah.

Arahan Amalan No. 8 Tahun 2007 (Amalan Perceraian *Ta'Īq*) melalui Amalan 3 iaitu berkaitan dengan kuasa mahkamah menetapkan dan mengesahkan perceraian *ta,,Īq*, dan di bawah sub-amalan (4)²⁴⁵ telah menyatakan bahawa salah satu perkara yang perlu diteliti dalam merekodkan keterangan di bawah sub-amalan (3) ialah hakim hendaklah memastikan rekod keterangan mengandungi keterangan *mudda,,Ī* yang disokong oleh keterangan dua orang saksi lelaki dan sumpah *istizhār* jika *mudda,,ā* *,,alāy* tidak hadir dalam kes yang sedang dibicarakan. Manakala sub-amalan (7) pula menjelaskan tentang jika *mudda,,ā* *,,alāy* tidak hadir, wang tebus talaq di bawah sub-amalan (5) hendaklah dibayar selepas *yamīn al-istizhār* dilafazkan.

Selain itu, **Arahan Amalan No.9 Tahun 2007 (Amalan Pengesahan Perkahwinan yang Berlawanan dengan Peruntukan Akta/Enakmen/Ordinan Undang-undang Keluarga Islam)**²⁴⁶ adalah diguna pakai dalam prosiding kes mal

²⁴⁴Wan Fattah dan Zulkifli, *Konsep Sumpah (al-Yamīn) dan Pelaksanaannya*, 33.

²⁴⁵Arahan Amalan No. 8 Tahun 2007 (Amalan Perceraian *Ta,Īq*), 20.

²⁴⁶Arahan Amalan No. 9 Tahun 2007 (Amalan Pengesahan Perkahwinan yang Berlawanan dengan Peruntukan Akta/Enakmen/Ordinan Undang-undang Keluarga Islam), 28.

yang berhubung dengan permohonan pengesahan perkahwinan yang dilangsungkan berlawanan dengan akta, enakmen atau ordinan Undang-undang Keluarga Islam. Walau bagaimanapun, **Arahan Amalan No. 2 Tahun 2006 (Amalan Sumpah Mahkamah Syariah)** ada dinyatakan dalam Arahan Amalan ini di mana ianya menjelaskan bahawa jika pemohon gagal mengemukakan wali, jurunikah, saksi-saksi atau dokumen-dokumen yang diperlukan maka hakim boleh menentukan sahnya sesuatu perkahwinan berdasarkan Amalan Sumpah tersebut atau melalui peruntukan *qarīnah* dalam Enakmen/Akta/Ordinan Keterangan Mahkamah Syariah Negeri. Di sini dapat dilihat sekali lagi yang mana prosiding sumpah dalam tuntutan kes mal diguna pakai oleh mahkamah dalam mensabitkan kes.

Tambahan juga, **Arahan Amalan No. 10 Tahun 2007 (Amalan Pengesahan Talaq di Luar dan Tanpa Kebenaran Mahkamah)** ada menyebut tentang penerimaan pemakaian sumpah di bawah Amalan 3, sub-amalan (2) (e)²⁴⁷ iaitu sekiranya suami menafikan talaq yang telah dilafazkan kepada isteri dan pihak isteri pula tidak mengemukakan keterangan seperti di sub-perenggan (i), maka mahkamah hendaklah menawarkan kepada isteri supaya suaminya bersumpah. Dengan sumpah suami, mahkamah hendaklah menolak dakwaan isteri. Namun, jika suami enggan bersumpah maka mahkamah hendaklah menawarkan kepada isteri untuk bersumpah *al-yamīn al-mardūdah* dan dengan sumpah tersebut mahkamah akan mensabitkan dakwaannya.

Manakala dalam Amalan 4²⁴⁸ sub-amalan (1), mahkamah boleh mensabitkan talaq selepas mendengar keterangan saksi daripada pihak isteri dan sumpah *al-yamīn al-istizhār* isteri apabila suami menolak untuk hadir ke mahkamah dan waran untuk menangkap suami tidak dapat disempurnakan. Menerusi sub-amalan (2) pula menyatakan bahawa keengganan suami untuk hadir setelah menerima saman, dan isteri

²⁴⁷ Arahan Amalan No. 10 Tahun 2007 (Amalan Pengesahan Talaq di Luar dan Tanpa Kebenaran Mahkamah), 32.

²⁴⁸ *Ibid.*, 33.

tidak mempunyai saksi, serta waran untuk menangkap suami tidak dapat disempurnakan menjadi bukti keengganan suami bersumpah (*nukūl*) dan di sini mahkamah boleh mensabitkan talaq setelah isteri bersumpah *al-yamīn al-mardūdah*. Selain itu, sub-amalan (3) menjelaskan yang mana sekiranya tempat keberadaan suami tidak diketahui sedangkan isteri mempunyai saksi, maka mahkamah boleh mensabitkan talaq selepas mendengar keterangan saksi dan sumpah *al-yamīn al-istizhār* isteri. Dengan itu, secara keseluruhannya dapat dilihat pada sub-amalan (4) di mana panduan daripada **Arahan Amalan No. 2 Tahun 2006 (Amalan Sumpah Mahkamah Syariah)** memainkan peranan bagi pengendalian amalan sumpah yang terdapat dalam Arahan Amalan ini supaya ianya dapat memudahkan tugas hakim dan pihak mahkamah.

Oleh itu, dapat difahami di sini bahawa pemakaian sumpah ada disebut juga dalam Arahan-arahan Amalan lain disebabkan setiap tuntutan kes mal yang dirasakan patut untuk menggunakan kaedah sumpah berdasarkan situasi tertentu perlu dinyatakan agar hakim mempunyai rujukan dan pilihan dalam penyelesaian sesuatu kes apabila kaedah keterangan yang sedia ada tidak boleh memutuskan kes yang sedang dibicarakan.

Dapat difahami juga di sini bahawa setiap Arahan Amalan yang telah digariskan oleh JKSM adalah berdasarkan rujukan daripada hukum Syarak dan diaplikasikan dalam perundangan Islam masa kini. Penilaian terhadap penerimaan sumpah sebagai keterangan semasa perbicaraan berlangsung yang mana ianya dijalankan apabila hakim perlu kepada pelaksanaannya dapat dibantu dengan adanya Arahan Amalan ini kerana dapat dijadikan panduan sebelum diterima pakai dan menjadi penentu dalam pensabitan kes.

3.6 KESIMPULAN

Berdasarkan perbincangan dalam bab ini iaitu tentang peruntukan-peruntukan dan pelaksanaan sumpah di Mahkamah Syariah, terbukti bahawa setiap yang termaktub dalam undang-undang Syariah adalah rujukan daripada hukum Syarak mengikut kesesuaiannya pada masa kini. Penggubal undang-undang sememangnya menjadikan hukum Syarak sebagai asas utama dalam menggubal sesuatu undang-undang supaya ianya tidak lari daripada kaedah yang asal termasuklah dengan pelaksanaan sumpah. Ini menjadikan peruntukan-peruntukan yang digubal ketika ini adalah selari dengan hukum Syarak dan mengikut mazhab majoriti penganut Islam di Malaysia iaitu mazhab Shāfi'ī.

Selain itu, melihat kepada peruntukan undang-undang yang ada dan Arahan-arahan Amalan yang disediakan tentang kaedah sumpah, dapat dinyatakan bahawa sumpah mempunyai kedudukan yang tersendiri dalam menyelesaikan kes yang dibicarakan di Mahkamah Syariah walaupun ianya bukanlah kaedah keterangan utama. Sebagai kaedah alternatif bagi mensabitkan kes pihak-pihak yang bertikai oleh Hakim Syarie, peruntukan-peruntukan tentang sumpah dalam undang-undang Syariah adalah penting diperuntukkan bagi membolehkan seorang hakim dapat merujuknya mengikut kesesuaian keadaan kes yang sedang dibicarakan. Ini adalah perlu bagi memastikan hakim dapat memberi arahan untuk pihak melaksanakan sumpah dengan yakin berdasarkan peruntukan yang sedia ada dan seterusnya dapat memberi kehakiman kepada pihak-pihak yang bertikai dengan tepat dan adil.

Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2003 menjadi rujukan utama Hakim Syarie dalam menentukan sesuatu fakta kes dan bukti-bukti yang dikemukakan dapat dijadikan pensabitan bagi kes yang dikendalikan dengan menggunakan kaedah keterangan yang bersesuaian termasuklah dengan menerima pakai pelaksanaan sumpah. Selain daripada enakmen ini, sumpah juga ada dinyatakan dalam

Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2003 dan Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003. Tambahan pula, dengan adanya Arahan-arahan Amalan tentang pemakaian sumpah ianya telah menjadi pelengkap dan panduan yang khusus bagi menerima pakai sumpah serta membantu hakim dalam menyelesaikan kes untuk kedua-dua belah pihak.

Justeru itu, apabila wujudnya peruntukan dan Arahan Amalan tentang kaedah keterangan sumpah, maka kebolehterimaan terhadap pemakaiannya di Mahkamah Syariah sebagai salah satu kaedah yang boleh mensabitkan kes dapat dibuktikan dengan adanya aspek-aspek yang membolehkan sumpah diterima oleh Hakim Syarie supaya setiap kes dapat diselesaikan dengan cepat dan sistematik. Aspek-aspek kebolehterimaan sumpah ini adalah penting untuk pengkaji jelaskan agar dapat difahami oleh semua bahawa pelaksanaan sumpah dilaksana dan diterima sebagai keterangan mengikut kesesuaian keadaan kes yang sedang dibicarakan. Kajian terperinci tentangnya akan dijelaskan dalam bab seterusnya iaitu merupakan bab analisis kepada kajian ini.

BAB 4: ANALISIS TERHADAP KEBOLEHTERIMAAN SUMPAH DALAM PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG DAN KES DI MAHKAMAH SYARIAH SHAH ALAM, SELANGOR

4.1 PENDAHULUAN

Berdasarkan bab-bab yang telah dibincangkan sebelum ini, analisis dalam bab ini dijalankan dengan mengambil kira aspek-aspek kebolehterimaan sumpah sebagai keterangan dengan pengkaji menghubungkan kaitkannya dengan kaedah sumpah menurut hukum Syarak, peruntukan-peruntukan yang ada dan menghuraikan kes-kes yang telah selesai berkaitan dengan pelaksanaan sumpah di Mahkamah Syariah Shah Alam (MSSA) di mana bertujuan untuk melihat sejauh mana keadaan atau situasi sesuatu kes tersebut mempengaruhi penerimaan sumpah sebagai kaedah keterangan dalam perbicaraan.

Pengkaji telah membuat analisis terhadap kes-kes yang meliputi pelbagai kes mal di MSSA supaya dengan kepelbagaian jenis kes yang dianalisis dapat pengkaji lihat keadaan dan situasi yang berbeza dalam penerimaan dan pelaksanaan sumpah di mahkamah. Aspek-aspek yang akan dijelaskan dalam bab ini merupakan analisis daripada setiap kes yang pengkaji peroleh dengan mengkategorikannya mengikut kesesuaian berdasarkan konsep-konsep yang terdapat dalam sumpah mengikut hukum Syarak dan peruntukan-peruntukan yang sedia ada di bawah Mahkamah Syariah.

Oleh itu, analisis yang dibuat dapat menjelaskan lagi tujuan kajian ini dilakukan seterusnya memberi kefahaman dan supaya dapat membuktikan bahawa kebolehterimaan sumpah sebagai keterangan di Mahkamah Syariah adalah berdasarkan penelitian dan rujukan terperinci oleh Hakim Syarie dalam menerima pakainya serta ianya adalah selaras dengan setiap yang termaktub dalam hukum Syarak dan

terutamanya berpandukan kepada peruntukan undang-undang Syariah masa kini. Tambahan juga, pelaksanaannya tidak boleh diambil mudah dan sewenang-wenang kerana sumpah itu sendiri melibatkan nama-nama Allah S.W.T dan boleh memberi kesan kepada pihak yang bersumpah jika dipermainkan.

4.2 KES-KES YANG DIKENDALIKAN

Pengertian bagi kes-kes yang dikendalikan di sini adalah merujuk kepada setiap kes yang telah diputuskan di Mahkamah Syariah Shah Alam (MSSA), Selangor. Ianya merupakan kes-kes yang telah selesai dibicarakan oleh Hakim Syarie dan penghakiman telah dibuat terhadapnya, iaitu bertepatan dengan kajian pengkaji yang mana ingin mengetahui perjalanan kes dari awal sehinggalah kes tersebut diputuskan secara keseluruhan. Dengan yang demikian, setiap aspek yang ingin dikaji oleh pengkaji dapat dikenalpasti secara mudah, efektif dan berkesan.

Kajian yang dijalankan ini adalah meliputi dua peringkat Mahkamah Syariah iaitu kes yang telah diputuskan di Mahkamah Rendah Syariah dan Mahkamah Tinggi Syariah. Kes pada peringkat Mahkamah Rayuan Syariah tidak dinyatakan dalam kajian ini kerana pengkaji telah dimaklumkan bahawa tiada kes yang melibatkan sumpah dibicarakan di peringkat tersebut. Selain itu, kajian ini mengenalpasti sama ada kes-kes yang dikendalikan adakah berkaitan dengan kes mal semata-mata seperti yang telah diterangkan dalam enakmen ataupun tidak supaya ianya dapat memastikan bidang kuasa yang diberikan kepada Mahkamah Syariah dalam mengendalikan kes tidak bercanggah dengan peruntukan yang disediakan.

Oleh itu, setiap kes yang dikendalikan oleh MSSA yang menggunakan sumpah sebagai kaedah keterangan dalam memutuskan suatu penghakiman akan diteliti oleh

pengkaji menerusi fail-fail kes yang telah selesai agar persoalan terhadap kajian ini akan terjawab dan objektif kajian dapat dicapai.

4.3 KEBOLEHTERIMAAN SUMPAH DALAM PENSABITAN KES YANG DIKENDALIKAN DI MAHKAMAH SYARIAH

Setiap kes yang mengaplikasikan kaedah sumpah sebagai cara untuk mensabitkan penghakiman ke atas pihak-pihak perlu mengambil kira setiap aspek terlebih dahulu sebelum ianya dilaksanakan. Antara aspek penting yang perlu diambil kira ialah rujukan berautoriti bagi menerima pakai sumpah dan aspek-aspek kebolehterimaan sumpah yang pengkaji akan jelaskan dalam bab ini seperti kebolehterimaan sumpah berdasarkan syarat-syarat pelaksanaannya, kebolehterimaan sumpah berdasarkan lafaz sumpah, kebolehterimaan sumpah dan memberatkan sumpah, kebolehterimaan sumpah bersama seorang saksi dan lain-lain lagi.

Hakim Syarie juga bertanggungjawab dalam meneliti setiap sudut berkaitan dengan kes yang dibicarakan sebelum mengarahkan mana-mana pihak melakukan sumpah. Setiap sudut yang dimaksudkan oleh pengkaji dalam hal ini adalah merujuk kepada Hakim Syarie perlu melihat kepada proses perjalanan kes tersebut bermula daripada fakta kes bagi tuntutan yang dikemukakan, keterangan yang diberikan oleh pihak-pihak dan saksi, sehingga kepada tahap pembuktian yang membenarkan pelaksanaan sumpah iaitu keadaan yang hakim berpendapat sumpah perlu dilakukan seperti ketika tiada keterangan, keterangan tidak cukup kuat atau lemah dan keterangan yang diberikan tidak mencukupi bagi menghilangkan segala keraguan seterusnya menamatkan pertikaian antara pihak-pihak yang terlibat.

Kebolehterimaan dalam melaksanakan kaedah sumpah sebagai keterangan untuk kes-kes yang dikendalikan memerlukan seorang hakim melihat dengan jelas aspek

pelaksanaannya iaitu dengan merujuk kitab-kitab fiqh Islam²⁴⁹, peruntukan undang-undang Mahkamah Syariah di Selangor²⁵⁰ dan Arahan Amalan yang berkaitan dengan sumpah²⁵¹. Ia adalah bertujuan agar kaedah keterangan yang digunakan ini bersesuaian pada keadaan dan situasinya di mana dapat membantu hakim membuat keputusan dengan yakin dan tepat, segala keraguan dapat dihilangkan serta boleh menjadikan setiap fakta yang diberikan oleh pihak-pihak yang terlibat itu kukuh dan dipercayai.

Oleh itu, bab Empat ini akan menganalisis aspek-aspek kebolehterimaan sumpah dengan pengkaji menghubungkan kaitkannya dengan peruntukan-peruntukan yang ada dan kes-kes yang telah selesai di MSSA di mana bertujuan untuk melihat sejauh mana keadaan atau situasi sesuatu kes tersebut mempengaruhi penerimaan sumpah sebagai kaedah keterangan dalam perbicaraan dan adakah pelaksanaan sumpah yang dilakukan selaras dengan peruntukan sedia ada ataupun tidak oleh hakim.

4.3.1 Kebolehterimaan Sumpah Bagi Kes-kes yang Dikendalikan Adalah Kes Mal

Dalam pengendalian kes yang menggunakan aplikasi kaedah sumpah, ahli fuqahā²⁵² berpendapat bahawa perkara yang diharuskan untuk bersumpah adalah dalam perkara yang melibatkan kes mal. Perkara-perkara tersebut adalah yang merangkumi hak hamba seperti harta benda dan yang melibatkan harta benda ini juga termasuk semua kes yang mempunyai kaitan dengan hak individu.²⁵²

²⁴⁹Kitab-kitab fiqh yang menjadi rujukan hakim antaranya adalah *Mughni al-Muhtaj* oleh al-Syarbini, *Nizām al-Qadā' fī al-Sharīah al-Islāmiyyah* oleh „Abdul Karīm Zaydān dan *Fiqh Sunnah* oleh Syed Sabiq.

²⁵⁰Peruntukan undang-undang yang dirujuk oleh hakim adalah seperti Enakmen Undang-undang Keterangan Islam (Negeri Selangor) 2003, Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2003 dan Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003.

²⁵¹Antara Arahan Amalan yang diguna pakai dalam pelaksanaan sumpah ialah Arahan Amalan No. 1 Tahun 2003 (Penggunaan Lafaz Sumpah Istizhar dalam Kes Mal) dan Arahan Amalan No. 2 Tahun 2006 (Amalan Sumpah Mahkamah Syariah).

²⁵²Siti Noor Alwani Hamid, “Sumpah Sebagai Metode Keterangan Mengikut Hukum Islam: Kajian Tentang Standard Pelaksanaannya Di Mahkamah Syariah Kota Bharu” (disertasi peringkat Sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2007), 90.

Berdasarkan kepada kes yang melibatkan sumpah seperti mana yang dikendalikan dan dikuat kuasakan oleh Mahkamah Syariah Shah Alam (MSSA), ianya berpaksikan kepada kes mal sahaja. Ini adalah berpandukan kepada peruntukan undang-undang yang telah dibincangkan sebelum ini oleh pengkaji menerusi seksyen 72, seksyen 87 dan seksyen 88 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2003.

Aplikasi kaedah sumpah tidak diamalkan dalam pensabitan kes-kes jenayah berdasarkan seksyen 87 (3) Enakmen ini, yang mana ianya menerangkan bahawa kedua-dua pihak iaitu pendakwa dan tertuduh hendaklah memberikan keterangan dalam kes jenayah melainkan jika tertuduh mengaku salah. Penggunaan sumpah tidak dinyatakan dalam seksyen 87 (3) seperti mana disebut dalam seksyen 87 (1) dan (2) yang digunakan untuk kes mal kerana keterangan dan bukti yang kukuh iaitu mencapai tahap yakin adalah diperlukan dalam menentukan sesuatu sabitan dalam kes jenayah²⁵³ dan Hakim Syarie tidak menerima sesuatu yang tidak pasti serta meragukan untuk kes tersebut. Justeru itu, pelaksanaan kaedah sumpah tidak terpakai dalam pensabitan kes jenayah di Mahkamah Syariah kerana dengan cara apa sekalipun kes jenayah memerlukan keterangan dan bukti yang kukuh²⁵⁴ dan benar-benar wujud sebelum diputuskan kes tersebut.

Rujukan kes terdahulu dan boleh diaplikasikan bagi menentukan pelaksanaan sumpah adalah dalam kes mal sahaja dan tidak bagi kes jenayah syariah dapat dilihat

²⁵³ Ahmad „Azam Mohd Shariff, “Prosedur Pendakwaan Jenayah Syariah: Analisis ke atas Peruntukan Undang-undang di bawah Akta Prosedur Jenayah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997 dan Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997,” *Jurnal Undang-undang & Masyarakat* 15, (2011), 9-10.

²⁵⁴ Dalam kes jenayah Syariah, pendakwa harus mengemukakan suatu keterangan yang kukuh sehingga menimbulkan kepercayaan di pihak mahkamah bahawa kemungkinan besar tertuduh telah melakukan perlakuan jenayah yang dipertuduhkan ke atasnya. Jika pihak pendakwa gagal untuk membuktikannya, maka pihak tertuduh tidak perlu membela diri dan mahkamah akan membebaskannya. Namun, jika mahkamah sebaliknya mendapati pendakwa telah berjaya membuktikan satu prima facie terhadap tertuduh, maka mahkamah akan memanggil tertuduh untuk membuat pembelaan diri. Lihat *Ibid.*, 9.

menerusi kes *Pendakwa Syarie lawan Mohamed bin Sabu dan Seorang Lagi*²⁵⁵. Dalam kes ini, orang-orang yang dituduh telah melakukan kesalahan khalwat. Namun yang menjadi isu di sini apabila peguam bagi pihak tertuduh meminta mahkamah memerintahkan tertuduh untuk bersumpah Syarie menafikan pertuduhan tersebut dan kemudian merekodkan pembebasan baginya sedangkan kes yang dikendalikan merupakan kes jenayah syariah. Oleh itu, hakim telah menyatakan bahawa mahkamah tidak dapat menerima permohonan sumpah oleh peguam kerana kesalahannya tidak berkaitan dengan hak anak Adam bahkan ianya hak Allah yang tidak boleh dihukum tertuduh bersumpah menafikannya apabila pendakwa gagal membuktikannya dengan *bayyinah* yang cukup selaras dengan pendapat Imam Shāfi,ī dan Mālikī. Dalam keadaan demikian, tertuduh dikembalikan kepada kedudukan yang asal mengikut kaedah yang bermaksud, “Asal seseorang itu bebas dari kesalahan”.²⁵⁶

Berbalik kepada perenggan-perenggan di atas, EKMS ada menyebut tentang kes mal namun pentakrifan bagi istilah mal itu sendiri tidak diberikan oleh Enakmen ini mahupun mana-mana enakmen lain dalam Bahagian 1 menerusi seksyen 3 yang berkaitan dengan Tafsiran. Di Mahkamah Syariah juga tidak dibangkitkan isu ini dalam perbicaraan yang berlangsung oleh mana-mana pihak yang terlibat kerana dalam prosedur pendaftaran kes, mahkamah secara automatik terus memberi kod pendaftaran bagi kes yang didaftarkan melainkan jika ianya didaftarkan oleh Pendakwa Syarie. Ini bermakna isu berkaitan dengan istilah mal tidak menjadi hal yang besar dalam prosedur dan perbicaraan di Mahkamah Syariah.

Walaupun begitu, tidak bermakna penggunaan istilah mal ini tidak mempunyai mana-mana rujukan yang relevan kerana seksyen 130 dalam Bahagian IV (Am) EKMS berkaitan dengan Hukum Syarak telah memperuntukkan bahawa:

²⁵⁵Pendakwa Syarie lawan Mohamed bin Sabu dan Seorang Lagi (1997) 11 JH 61.

²⁵⁶Profesor Tan Sri Datuk Ahmad bin Mohamed Ibrahim, “Kes Pendakwa Syarie lawan Mohamed bin Sabu dan Seorang Lagi,” *Jurnal Hukum* 11, no. 1 (1997), 108.

- (1) *Mana-mana peruntukan atau tafsiran peruntukan di bawah Enakmen ini yang tak konsisten dengan Hukum Syarak adalah tidak sah setakat yang ia tak konsisten itu.*
- (2) *Jika terdapat lakuna atau jika apa-apa perkara tidak diperuntukkan dengan nyata oleh Enakmen ini, Mahkamah hendaklah memakai Hukum Syarak.*²⁵⁷

Oleh itu, tafsiran bagi istilah mal yang tidak diperuntukkan dalam EKMS akan kembali kepada pentafsirannya mengikut hukum Syarak seperti mana yang dinyatakan dalam seksyen 130(2) yang menjelaskan bahawa tafsiran yang tidak dinyatakan dalam enakmen hendaklah merujuk pentakrifannya menerusi hukum Syarak.

Dengan demikian, standard pentakrifan kes-kes mal di Mahkamah Syariah seperti mana yang tergolong dalam hukum Syarak adalah kes-kes tuntutan seperti *mut,ah*, harta sepencarian, *hibah*, *ta,,tq* dan seumpamanya. Apabila disebut kes mal, maka Mahkamah Syariah mengenalpastinya sebagai kes-kes yang berkaitan dengan tuntutan harta ataupun kes-kes yang boleh membawa kepada timbulnya persoalan tentang harta seperti perkahwinan, perceraian dan sebagainya.²⁵⁸

Kajian yang dibuat oleh pengkaji di MSSA telah berhasil mengumpul 12 kes mal yang berkaitan dengan pelaksanaan sumpah di mana kesemuanya memenuhi setiap aspek kebolehterimaan sumpah sebagai keterangan di Mahkamah Syariah iaitu menepati aspek yang ingin dikaji dalam kajian ini. Antara contoh kes yang menunjukkan pemakaian sumpah dilaksanakan dalam kes mal adalah berpandukan kes *Sazlena Binti Mohd Zain lawan Jusrry Bin Jaapar*²⁵⁹. Kes yang dikendalikan ini adalah berkaitan dengan kes *mut,ah* atau pemberian suguhati setelah berlakunya perceraian yang dituntut oleh plaintif terhadap defendan dan ianya merupakan kes mal seperti mana yang ingin dibuktikan melalui perbincangan ini. Dalam kes ini, mahkamah mengarahkan defendan membayar sebanyak RM 19 211.20 setelah mahkamah berpuas

²⁵⁷Seksyen 130, Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2003 (No. 5/2003).

²⁵⁸Alwani, "Sumpah Sebagai Metode Keterangan Mengikut Hukum Islam", 91.

²⁵⁹*Sazlena Binti Mohd Zain lawan Jusrry Bin Jaapar*, No.Kes Mal 10400-016-0230-2013.

hati dengan setiap keterangan yang diberikan oleh plaintif beserta sumpah *istizhār* disebabkan ketidakhadiran defendan.

Pihak mahkamah telah merujuk peruntukan bagi kes ini melalui seksyen 72 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2003 iaitu berkaitan dengan beban untuk mengemukakan keterangan dalam kes mal terletak pada pihak yang menuntut dan orang yang mengangkat sumpah menafikan atau mempertikaikan sesuatu fakta ialah pihak yang kena tuntutan. Peruntukan dalam seksyen 121 (2) Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2003 juga digunapakai bila mana sumpah *istizhār* telah dilaksanakan oleh plaintif kerana defendan tidak hadir ke mahkamah. Jelas di sini bahawa tidak disebut tentang pelaksanaan sumpah dalam kes jenayah kerana menurut seksyen 87 (3) Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah yang sama, kedua-dua pihak sama ada pendakwa mahupun tertuduh hendaklah memberikan keterangan dan tiada pelaksanaan sumpah bagi tertuduh untuk menafikan dakwaan terdhadapnya.

Kesimpulannya, penerimaan dan pengendalian sumpah adalah yang hanya melibatkan kes-kes mal dan yang berkaitan dengan harta semata-mata serta tidak melibatkan kes jenayah seperti mana ianya telah termaktub dalam peruntukan undang-undang pada masa kini. Tambahan juga, pelaksanaan sumpah yang dilaksanakan dalam kes mal secara amalannya adalah berteraskan pandangan jumhur fuqahā² yang berlandaskan kepada hukum Syarak.

4.3.2 Kebolehterimaan Sumpah Berdasarkan Syarat-syarat Pelaksanaan Sumpah

Syarat-syarat pelaksanaan sumpah telah dibincangkan oleh pengkaji dalam bab Satu kajian ini di mana ianya melibatkan beberapa syarat yang telah diringkaskan dengan berlandaskan hukum Syarak iaitu pihak yang kena tuntutan menafikan atau tidak mengakui hak yang didakwa ke atasnya, pihak yang menuntut memohon kepada hakim

agar pihak yang kena tuntutan bersumpah, dakwaan terhadap pihak yang kena tuntutan adalah sah dan perkara yang dituntut tersebut adalah dalam perkara yang dibolehkan bersumpah.

Selain itu, sumpah boleh dilaksanakan sekiranya pihak yang menuntut gagal mengemukakan keterangan (*bayyinah*) atau keterangan adalah lemah. Dengan itu, sumpah akan dijadikan sebagai kaedah keterangan atau digunakan bagi menguatkan lagi tuntutan kes dan keterangan yang telah diberikan seterusnya memberi hakim lebih keyakinan dalam membuat keputusan dan menjatuhkan hukuman.

Syarat-syarat yang telah dijelaskan menerusi hukum Syarak ini tidak diperuntukkan dalam mana-mana peruntukan di Mahkamah Syariah secara khusus iaitu di bawah perkara syarat-syarat pelaksanaan sumpah. Namun, dengan kefahaman seorang Hakim Syarie yang arif dengan selok belok peruntukan yang ada dapat menginterpretasikan sendiri bahagian peruntukan yang mana yang berkait rapat dengan syarat-syarat pelaksanaan sumpah. Beliau juga boleh menerima pakai Seksyen 130 (2) Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2003 iaitu telah dinyatakan bahawa apabila terdapat perkara yang tidak diperuntukkan dengan nyata oleh Enakmen ini, Mahkamah hendaklah memakai hukum Syarak. Oleh itu, seorang hakim boleh merujuk syarat-syarat yang terdapat dalam hukum Syarak bagi penelitiannya sebelum mengarahkan pihak yang terlibat bersumpah.

Tambahan juga, dengan adanya **Arahan Amalan No.2 Tahun 2006 (Amalan Sumpah Mahkamah Syariah)** maka Hakim Syarie boleh menjadikannya sebagai garis panduan kerana ianya ada menyebut dengan jelas tentang syarat-syarat sumpah dan merupakan ringkasan daripada syarat-syarat pelaksanaan sumpah yang telah ditetapkan oleh hukum Syarak. Dengan itu, tidak timbul masalah bagi hakim untuk menerima

aspek kebolehterimaan ini sebagai salah satu daripada aspek-aspek yang perlu diambil kira dalam menjadikan sumpah sebagai keterangan yang boleh memutuskan kes.

Dalam kes-kes yang melibatkan sumpah *istizhār* pula, secara lazimnya hakim akan mendengar dahulu keterangan yang dikemukakan di hadapannya dan kemudian menilai juga keterangan yang diberikan oleh saksi-saksi sebelum meminta pihak-pihak yang terlibat bersumpah.

Merujuk kepada aspek ini di MSSA, hakim telah mengaplikasikan syarat-syarat pelaksanaan sumpah terhadap semua kes yang memerlukan sumpah dilaksanakan sebelum mengarahkan mana-mana pihak bersumpah supaya ianya sah diterima sebagai kaedah yang boleh mensabitkan kes sebagaimana contoh dalam kes *Satibi Bin Salim dan Surayah Binti Mahyudin*²⁶⁰ yang berkaitan dengan pengesahan daftar nikah poligami. Berdasarkan kepada hasil analisis pengkaji melalui kes ini, hakim telah memastikan syarat-syarat pelaksanaan sumpah seperti pihak yang bersumpah ialah seorang yang *mukallaf*, dilakukan secara peribadi iaitu tidak mewakili mana-mana pihak bersumpah bagi dirinya, sumpah yang dilaksanakan tidak melibatkan hak Allah S.W.T semata-mata dan mereka bersumpah dengan menyebut nama Allah S.W.T dipenuhi oleh pihak-pihak yang terlibat. Ini adalah bagi membenarkan fakta-fakta yang berkaitan dengan pernikahan mereka di Indonesia di mana ianya tidak mendapat kebenaran daripada mana-mana Mahkamah Syariah dan dengan sumpah yang dilafazkan, mahkamah membenarkan dan meluluskan permohonan perintah daftar nikah poligami antara Satibi dan Surayah.

Oleh itu, syarat-syarat dalam pelaksanaan sumpah perlu dititikberatkan, dipenuhi dan diaplikasikan ketika meminta mana-mana pihak bersumpah supaya ianya dilaksanakan mengikut ketetapan iaitu berdasarkan peruntukan yang telah

²⁶⁰*Satibi Bin Salim dan Surayah Binti Mahyudin*, No. Kes Mal 10300-012-0363-2014.

disediakan kepada Mahkamah Syariah di mana ianya berhubung kait juga dengan syarat-syarat yang ada dalam hukum Syarak. Tambahan pula, ianya adalah penting supaya keputusan hakim tidak akan dipertikaikan dan diterima oleh kedua-dua pihak apabila mereka tahu bahawa hakim telah menilai terlebih dahulu keadaan pihak-pihak yang bertikai dan kes yang dibolehkan untuk bersumpah dengan merujuk syarat-syarat pelaksanaan sumpah yang ada sebelum diarahkan pihak tersebut bersumpah.

4.3.3 Kebolehterimaan Sumpah Berdasarkan Niat dalam Bersumpah

Berkenaan dengan isu niat dalam melakukan sumpah, terdapat dua situasi yang berkaitan dengannya iaitu yang pertama menyatakan bahawa sumpah hanya boleh dilakukan dengan adanya permohonan daripada pihak-pihak yang terlibat dalam kes yang dibicarakan agar lawannya bersumpah atau dilakukan sumpah atas kerelaan sendiri. Manakala situasi kedua iaitu yang disepakati oleh para fuqahā²⁶¹ dan diamalkan di Mahkamah Syariah dengan dikhususkan situasi tersebut di Selangor adalah dilakukan dengan perintah mahkamah itu sendiri atas pertimbangan Hakim Syarie²⁶¹ setelah melihat kepada aspek-aspek kebolehterimaan kaedah sumpah dalam mensabitkan kes yang sedang dikendalikan.

Ini bermakna pelaksanaan sumpah adalah bukan dengan permohonan daripada pihak-pihak yang bertikai, akan tetapi merupakan suatu perintah daripada mahkamah untuk pihak yang dikehendaki bersumpah melaksanakannya supaya kes tersebut dapat diselesaikan dengan seadil-adilnya bagi kedua-dua pihak.

Pernyataan di atas adalah berdasarkan kepada situasi di dalam mahkamah sendiri terhadap setiap perbicaraan bila mana ingin menguatkan keterangan yang telah diberikan atau apabila pihak-pihak gagal dalam membawa dan memberikan keterangan

²⁶¹ Alwani, "Sumpah Sebagai Metode Keterangan Mengikut Hukum Islam", 38.

mahupun keterangan tidak mencukupi, dan apabila diminta membawa saksi bagi memberikan keterangan serta menyokong setiap dakwaan yang telah dikemukakan, maka hakim pada ketika itu perlu memainkan peranan. Hakim Syarie berperanan dalam menentukan sama ada keterangan tersebut memadai atau mencukupi bagi kes yang sedang dibicarakan dan beliau sendiri akan menilai keterangan tersebut sebelum sesuatu keputusan selanjutnya dibuat sebagai contoh meminta pihak yang terlibat bersumpah. Ini adalah kerana pihak-pihak yang bertikai tidak mempunyai kemahiran dalam memastikan keterangan itu dapat diterima ataupun tidak oleh mahkamah.

Aspek kebolehterimaan sumpah berdasarkan niat dalam bersumpah boleh dilihat dalam contoh kes *Sarmaida Bt Sinaga lawan Abd. Wahab B Ahmad*²⁶² di mana ianya berkaitan dengan kes hak jagaan anak (*ḥaḍānah*). Hakim Syarie telah mengarahkan plaintif (pihak yang menuntut) agar bersumpah walaupun telah mendengar pernyataan tuntutan plaintif, keterangan plaintif, meneliti dokumen yang diberikan dan mendengar kenyataan anak-anak berdasarkan seksyen 85 (2) Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003 sebelum meluluskan tuntutannya. Ini adalah disebabkan oleh atas budi bicara dan penelitian beliau yang masih lagi memerlukan kepada penguat bagi menyokong setiap yang telah dikemukakan supaya penghakiman dapat diberikan dengan lebih yakin dan tepat.

Selain itu, Mahkamah Syariah juga membuat pendekatan untuk menggunakan seksyen 121 (2) Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2003 iaitu hakim telah mengarahkan plaintif bersumpah *istizhār* sebelum keputusan dikeluarkan dalam kes *Hamizatun Dashima Bt Hamzah lawan Mohd Daeneal B Abdul Karim*²⁶³. Kes ini adalah berkaitan dengan hak jagaan anak yang mana telah diberikan kepada plaintif setelah anak membuat pilihan untuk tinggal bersama plaintif dan hakim

²⁶²*Sarmaida Bt Sinaga lawan Abd. Wahab B Ahmad*, No.Kes Mal 10100-028-0271-2014.

²⁶³*Hamizatun Dashima Bt Hamzah lawan Mohd Daeneal B Abdul Karim*, No.Kes Mal 10100-028-0282-2014.

telah mendengar keterangan serta meneliti dokumen yang diserahkan kepada mahkamah sebelum beliau meminta pihak plaintif bersumpah setelah melihat kepada pihak defendan tidak memberi kerjasama dengan tidak hadir semasa perbicaraan berlangsung.

Kedua-dua kes yang telah dibincangkan oleh pengkaji di atas menunjukkan bahawa penerimaan bagi pelaksanaan sumpah yang dilafazkan oleh pihak-pihak yang diminta bersumpah merupakan perintah daripada Hakim Syarie supaya ianya dilaksanakan dan bukannya daripada permohonan oleh pihak-pihak yang terlibat dalam tuntutan tersebut. Ini bermaksud arahan untuk pelaksanaan sumpah merupakan niat daripada seorang hakim yang inginkan sumpah tersebut dilaksanakan bagi menguatkan keterangan dan menghilangkan keraguan terhadap setiap apa yang diterima oleh beliau sebelum diputuskan kes tersebut dengan adil dan tepat.

Berdasarkan kepada penjelasan yang diberikan, ianya terbukti bahawa hakim ialah orang yang mempunyai kuasa untuk memutuskan sama ada pihak-pihak perlu bersumpah ataupun tidak dengan melihat kepada kuat atau lemahnya keterangan yang telah dikemukakan berdasarkan kepada penilaian terhadap aspek-aspek kebolehterimaan yang telah diambil kira oleh beliau sebelum itu.

Oleh itu, kaedah yang digunakan bagi niat dalam bersumpah di MSSA adalah lebih mengutamakan kepada niat hakim yang mengarahkan sumpah tersebut dilaksanakan. Ianya adalah berlandaskan kepada pandangan „ulamā“ yang berdasarkan hukum Syarak²⁶⁴ kerana tiada peruntukan yang khusus dalam mana-mana enakmen di Mahkamah Syariah tentangnya. Tambahan juga, **Arahan Amalan No. 2 Tahun 2006 (Amalan Sumpah Mahkamah Syariah)** melalui cara bersumpah ada menyatakan bahawa sumpah boleh dilakukan sama ada berdasarkan niat dan kehendak pihak yang

²⁶⁴Rujuk Seksyen 130 (2) Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2003 yang telah menyatakan bahawa apa-apa yang tidak diperuntukkan dalam Enakmen, maka Mahkamah hendaklah memakai hukum syarak.

menuntut sumpah atau hakim yang mengarahkan sumpah, namun di sini ditegaskan bahawa ianya mengambil kira niat hakim dalam mengarahkan sumpah. Ini menunjukkan Mahkamah Syariah mengambil kira pendapat *ijmā*, „*ulamā*“ yang telah dijelaskan oleh Imam Nawawī bahawa dalam urusan sumpah perundangan, ianya hendaklah dilakukan mengikut niat hakim yang memerintahkan sumpah tersebut dan sebarang niat yang menyalahi niat hakim adalah tidak sah.²⁶⁵

4.3.4 Kebolehterimaan Sumpah dan Tahap Pembuktian

Kebolehterimaan sumpah dan tahap pembuktian²⁶⁶ merupakan aspek yang perlu dititikberatkan juga dalam menerima sumpah sebagai keterangan. Secara umumnya, mahkamah dalam sesuatu kes hanya menerima keterangan yang berada pada tahap yakin sahaja untuk dijadikan pemutus bagi kes yang dikendalikan oleh seorang Hakim Syarie. Namun, dalam keadaan yang tertentu²⁶⁷ sesuatu keterangan yang tingkatannya berada dalam tahap *ghalabah al-zan* boleh diterima sebagai keterangan yang dapat memutuskan kes. Di sinilah sumpah memainkan peranannya apabila hakim akan meminta seseorang itu bersumpah untuk menguatkan keterangan tersebut. Dengan sumpah yang dilaksanakan, hakim dapat berpegang kepada keterangan tersebut untuk mengeluarkan sesuatu keputusan kes yang tepat dan diyakini.

Berdasarkan seksyen 3(2) Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2003²⁶⁸ yang merupakan peruntukan yang diguna pakai bagi keadaan ini telah menyatakan bahawa sesuatu fakta itu terbukti wujud atau tidak wujud apabila

²⁶⁵ Abi Zakaria Muhyiddin Bin Sharaf, *Ṣaḥīḥ Muslim al-Nawawī* (Beirut: Dār al-Khair, 1999), 280.

²⁶⁶ Kebolehterimaan sumpah dan hubung kait dengan tahap pembuktian dari perspektif Islam tidak dibincangkan dalam bab ini kerana telah dibincangkan dalam Bab 2 kajian ini. Sila rujuk Bab 2 untuk mengetahuinya dengan lebih lanjut.

²⁶⁷ “Keadaan yang tertentu” bermaksud keadaan yang membolehkan kes-kes tersebut dilaksanakan sumpah iaitu apabila ianya hanya mencapai tahap *ghalabah al-zan* seperti bila mana keterangan yang diberikan diragui benar atau tidak oleh hakim, keterangan yang diberikan lemah atau tidak cukup kuat, dan keterangan yang diberikan tidak cukup untuk mensabitkan kes.

²⁶⁸ Seksyen 3 (2), Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2003 (No. 5/2003).

Mahkamah Syariah mempercayai atau berpendapat bahawa kewujudan fakta dan ketakwujudan fakta itu adalah sebegitu sehingga ada keadaan tertentu yang mengubahnya untuk membuktikan fakta tersebut wujud atau tidak.

Oleh itu, peruntukan ini boleh dikaitkan dengan sumpah dan tahap pembuktian apabila dalam keadaan di mana sesuatu fakta dibuktikan dengan kaedah keterangan selain daripada sumpah pada permulaannya, akan tetapi tidak diterima oleh hakim disebabkan ianya berada pada tahap *ghalabah al-zan* atau diragui kesahihannya kerana tidak cukup kuat, maka boleh dilaksanakan sumpah ke atasnya untuk membolehkan fakta tersebut diterima atau sebaliknya oleh hakim atas budi bicara beliau. Setelah pelaksanaan sumpah dibuat, hakim hendaklah percaya dan berpendapat bahawa ianya wujud atau sebaliknya yang mana dengan sumpah tersebut membolehkan sesuatu kes itu dapat diputuskan.

Bagi memahami dengan lebih jelas lagi aspek yang sedang dibincangkan iaitu sebagai sesuatu yang perlu diambil kira dalam menerima sumpah sebagai kaedah keterangan yang boleh menamatkan pertikaian, kes yang telah diputuskan oleh hakim MSSA seperti dalam kes *Yakcop Bin Jantan lawan Nor Halizam Binti Ismail*²⁶⁹ dapat dijadikan contoh kes bagi aspek ini. Dalam kes ini, tuntutan hak penjagaan anak telah difailkan oleh pihak plaintif bagi mendapatkan haknya ke atas seorang anak perempuan yang bernama Siti Khadijah Yakcop.

Penelitian terhadap aspek ini iaitu dalam menerima pakai pelaksanaan sumpah berdasarkan tahap pembuktian kes telah berlaku apabila keterangan yang diberikan oleh plaintif adalah lemah bagi mensabitkan kes. Ini adalah kerana plaintif menyatakan bahawa beliau telah dinafikan hak untuk bertemu anaknya setelah beberapa kali permintaannya ditolak dan tidak diendahkan oleh defendan. Namun begitu, keterangan

²⁶⁹ *Yakcop Bin Jantan lawan Nor Halizam Binti Ismail*, No.Kes Mal 10300-028-0001-2013.

beliau tidak dikemukakan bukti yang kukuh di mana dapat meyakinkan hakim terhadap dakwaan yang telah dibuat malahan tiada saksi yang dapat memberi keterangan bagi menyokong keterangan beliau. Dengan itu, keterangan plaintif dianggap lemah dan dikira hanya mencapai tahap *ghalabah al-zan* sahaja. Bagi menguatkan keterangan yang telah diberikan, hakim berpendapat bahawa sumpah perlu dilafazkan oleh plaintif supaya keputusan yang dikeluarkan adalah diyakini dan memberi keadilan kepada kedua-dua belah pihak.

Kesimpulannya, hubungan antara kebolehterimaan sumpah sebagai keterangan dan tahap pembuktian hendaklah diambil kira oleh Hakim Syarie dengan menentukan tahap sesuatu keterangan sebelum kes diputuskan. Jika tidak mencapai tahap yakin, maka hakim perlu memainkan peranan dan meminta pihak yang perlu bersumpah melaksanakan sumpah bagi memastikan fakta-fakta yang dibuktikan menggunakan kaedah ini dapat diterima seterusnya boleh membuat satu penghakiman yang adil dan tepat.

4.3.5 Kebolehterimaan Sumpah dan Memberatkan Sumpah (*Taghlīz al-Yamīn*)

Memberatkan sumpah (*Taghlīz al-Yamīn*) menurut hukum Syarak dan yang terdapat dalam **Arahan Amalan No. 2 Tahun 2006 (Amalan Sumpah Mahkamah Syariah)** adalah sama dan ianya terdiri daripada tiga bahagian iaitu dari segi lafaz, masa dan tempat. Secara ringkasnya, pemberatan dari segi lafaz adalah dengan menambah mana-mana nama Allah S.W.T seperti *Wallahi, Wabillahi, Watallahi*, atau sifat-sifatNya. Dari segi masa pula adalah dengan dibuat selepas waktu solat Asar pada hari Jumaat, manakala dari segi tempat ialah memberatkan sumpah dengan melakukannya di

tempat-tempat yang tertentu yang dimuliakan dan dihormati seperti dijalankan di tepi mimbar dalam mana-mana masjid jamek.²⁷⁰

Walaupun bagaimanapun, Mahkamah Syariah pada masa kini tidak mengarahkan pihak yang melaksanakan sumpah untuk bersumpah di mimbar masjid walaupun syariat mengharuskan sebegitu, sebaliknya dilaksanakan di hadapan hakim dalam mahkamah tempat dibicarakan sesuatu kes. Selain itu, masa yang ditetapkan untuk bersumpah tidak mengikut waktu yang digariskan iaitu selepas waktu asar kerana ianya dilaksanakan pada waktu bekerja Mahkamah Syariah antara pukul 8.00 pagi hingga 5.00 petang. Maka hakim akan menetapkan masa untuk pihak yang terlibat bersumpah adalah dalam waktu Mahkamah Syariah bersidang.

Berdasarkan kepada keadaan di MSSA, kebiasaannya tempat untuk bersumpah adalah di Mahkamah Syariah di mana berlangsungnya kes yang dikemukakan. Manakala masa pula tidak terhad kepada waktu asar kerana *urufnya* di sini, majoriti jabatan kerajaan terutamanya Mahkamah Syariah tidak bersidang selepas pukul 4.30 petang kecuali dalam keadaan-keadaan tertentu sahaja. Jika dilakukan di luar kawasan mahkamah dan di luar waktu pejabat, maka akan menimbulkan kesulitan kepada hakim dan pentadbiran mahkamah.

Bagi membuktikan kenyataan di atas, pengkaji telah melihat dan membuat pemerhatian berdasarkan perjalanan kes di Mahkamah Syariah ketika pelaksanaan sumpah dilakukan yang mana *taghlīz al-Yamīn* telah diterima pakai oleh Hakim Syarie iaitu *taghlīz* dari segi lafaz dengan menyebut nama-nama Allah S.W.T sebagai penegasan terhadap perkara yang dinyatakan. Pemerhatian pengkaji juga mendapati bahawa pelaksanaan sumpah yang telah dilakukan adalah di dalam dewan Mahkamah Syariah sama ada dewan Mahkamah Rendah Syariah atau Mahkamah Tinggi Syariah,

²⁷⁰ Arahan Amalan No.2 Tahun 2006 (Amalan Sumpah Mahkamah Syariah), 28-29.

dan pelaksanaan sumpah telah diarahkan oleh hakim untuk dilaksanakan semasa perbicaraan kes berlangsung iaitu mengikut jadual perjalanan kes yang ditetapkan oleh pihak mahkamah sama ada pada waktu pagi atau petang.

Oleh itu, berdasarkan kepada kes-kes yang telah diputuskan di MSSA, pengkaji dapati bahawa memberatkan sumpah tidak diamalkan sepenuhnya dalam prosiding mahkamah seperti mana yang digariskan oleh hukum Syarak dan Arahan Amalan iaitu dari segi *taghlīz* tempat dan masa. Sebagai contoh, dalam kes yang melibatkan pelaksanaan sumpah seperti kes *Shahril Putera Bin Hassan dan Nurakasha Nancy Binti Abdullah*²⁷¹ yang mana pemberatan dari segi lafaz sememangnya menggunakan perkataan tambahan bagi nama Allah S.W.T iaitu *Wallahi, Wabillahi, Watallahi* sebagai penegasan ke atasNya dan lambang keagungan serta kebesaran Allah S.W.T.²⁷² Namun begitu, mahkamah tidak melaksanakan pemberatan yang terdapat dalam Arahan Amalan mahupun hukum Syarak bagi tempat dan masa kerana dalam kes ini sumpah dilakukan di Mahkamah Tinggi Syariah Shah Alam dan pada waktu perbicaraan berlangsung.

Berdasarkan kepada kajian bagi aspek ini, pengkaji dapat tafsirkan bahawa setiap pemberatan dalam sumpah adalah berteraskan kepada prinsip sesuatu keadaan itu berubah bergantung kepada perubahan masa dan tempat seperti sekarang yang mana mengikut keadaan semasa. Justeru itu, Hakim Syarie yang tidak memberatkan sumpah dari segi masa dan tempat tidak dianggap sebagai seorang yang telah mengenyakan hukum Syarak mahupun undang-undang, malahan ianya tidak pula menimbulkan masalah jika tidak memberatkannya. Ini adalah kerana akan timbulnya kesukaran untuk melakukan pemberatan sumpah terutama dari sudut masa dan tempat dalam situasi mahkamah yang menjadi tempat perbicaraan dan terikat dengan masa yang tertentu.

²⁷¹ *Shahril Putera Bin Hassan dan Nurakasha Nancy Binti Abdullah*, No.Kes Mal 10300-026-0610-2013.

²⁷² Muḥy al-Dīn Abū Zakariyā Yaḥyā Bin Sharaf, *Rawḍah al-Ṭālibīn wa ʿUmdah al-Muḥtāḥ al-Imām al-Nawawī* (Beirūt: al-Maktabah al-Islāmī, 1991), 11:7.

Pemerhatian pengkaji menerusi kajian lapangan di MSSA yang mana pengkaji telah melihat sendiri proses pelaksanaan sumpah yang dilafazkan oleh pihak yang perlu bersumpah dalam perbicaraan yang berlangsung mendapati bahawa para hakim akan mengarahkan orang yang melaksanakan sumpah supaya berdiri, mengangkat tangan kanan separas bahu dan membaca basmalah sebelum bersumpah. Ianya adalah untuk menimbulkan rasa ketegasan dan kepentingan dalam bersumpah serta tidak diperlekehkan oleh pihak yang terlibat.

Selain daripada pemerhatian pengkaji sendiri ketika kes berlangsung, penelitian terhadap fail-fail kes di MSSA telah menampakkan bahawa cara memberatkan sumpah seperti mana yang dilakukan di Mahkamah Syariah ini lebih tertumpu kepada bersumpah menjunjung al- Qurʿān atau meletakkan tangan di atas mashaf al- Qurʿān sebelum lafaz sumpah dilaksanakan oleh pihak yang dikehendaki bersumpah. Ini adalah kerana ianya berkait rapat dengan orang Islam di negara ini yang berpegang kepada mazhab Shāfiʿī dan sudah menjadi *ʿuruf* apabila hendak bersumpah mesti dengan bersaksikan al- Qurʿān.

Kesimpulannya, cara memberatkan sumpah yang dilakukan oleh Mahkamah Syariah ini adalah disebabkan kesedaran pihak mahkamah bagi memastikan pihak yang diminta bersumpah tidak mengambil remeh terhadap setiap sumpah yang dilafazkan supaya ianya boleh diyakini dan diterima oleh Hakim Syarie dalam memutuskan kes yang dikemukakan. Tambahan pula, memberatkan sumpah ini dilakukan dengan tujuan dapat menimbulkan kegerunan dan rasa takut bukan sahaja kepada orang yang melaksanakan sumpah, malah kepada orang yang melihat kes itu berlangsung seterusnya mencegah daripada berlakunya sumpah palsu.

Selain itu, amalan memberatkan sumpah ini adalah mengambil kira suasana dan permasalahan semasa dalam melaksanakannya seiring dengan perubahan masa dan

tempat, namun ianya masih lagi dalam ruang lingkup perundangan dan hukum Syarak. Walaupun berlaku perubahan, akan tetapi tujuannya adalah sama iaitu memberikan pemberatan terhadap sumpah yang dilaksanakan dan memastikan setiap keterangan yang adanya pelaksanaan sumpah dapat diterima oleh Hakim Syarie sekaligus dapat memberikan penghakiman yang telus dan adil.

4.3.6 Kebolehterimaan Sumpah Berdasarkan Lafaz Sumpah (*Ṣighah al-Yamīn*)

Lafaz sumpah atau dipanggil *ṣighah al-yamīn* dalam Bahasa Arab merupakan lafaz yang disebut oleh pihak yang bersumpah dengan disertai nama Allah S.W.T dan menggunakan huruf-huruf *qasam* bagi menegaskan perkara yang disumpah. Seterusnya, lafaz sumpah ini akan diikuti dengan nama orang yang bersumpah sama ada pihak yang menuntut mahupun pihak yang kena tuntutan, tajuk dakwaan, jawapan kepada dakwaan yang telah dikemukakan dan hukum atau kesan kepada sumpah yang dilakukan jika bersumpah palsu.²⁷³

Dalam sesuatu lafaz sumpah, hakim atau pihak mahkamah berperanan untuk menyusun atau membuat draf sumpah dalam bentuk yang boleh menepati penafian orang yang bersumpah di samping soalan yang telah dihadapi oleh lawannya.²⁷⁴ Apabila draf lafaz sumpah tersebut telah siap disusun, pihak yang perlu melaksanakan sumpah hanya akan mengikut apa yang dilafazkan oleh hakim berpandukan draf lafaz yang telah disediakan.

Dalam sistem kehakiman Islam masa kini, pemakaian lafaz sumpah dan draf sumpah tidak diperuntukkan dalam peruntukan enakmen di Mahkamah Syariah namun ianya telah dinyatakan dalam **Arahan Amalan No.2 Tahun 2006 (Amalan Sumpah**

²⁷³ Alwani, "Sumpah Sebagai Metode Keterangan Mengikut Hukum Islam", 99.

²⁷⁴ Wan Abdul Fattah Wan Ismail dan Zulkifli Hassan, *Konsep Sumpah (al-Yamīn) dan Pelaksanaannya di Mahkamah Syariah* (Nilai:Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia, 2007), 31.

Mahkamah Syariah). Menerusi Arahan Amalan ini yang diletakkan dalam bahagian „Cara Bersumpah“, lafaz sumpah hendaklah dimulakan dengan *Wallahi, Wabillahi, Watallahi* atau sifat-sifat Allah S.W.T dan dibuat dalam bentuk yang tegas dan jelas berhubung dengan sesuatu tuntutan atau penafian.

Selain itu, dijelaskan juga dalam bahagian ini di mana draf sumpah hendaklah disediakan oleh hakim sebelum sumpah dilafazkan mengikut mana-mana borang yang ditetapkan. Dalam Arahan Amalan ini, telah dilampirkan empat borang yang berkaitan dengan draf lafaz sumpah iaitu lafaz sumpah *al-mudda,ā* „*alah*“, lafaz sumpah *al-mudda,ī*, lafaz sumpah *al-mudda,ī* bersama seorang saksi dan lafaz sumpah *al- istizhār*. Ini bermaksud hakim akan merujuk draf lafaz sumpah yang telah disediakan sebelum meminta pihak melafazkan sumpah.

Oleh yang demikian, dapat dilihat di sini bahawa aspek bagi penggunaan lafaz sumpah di Mahkamah Syariah telah diselaraskan melalui **Arahan Amalan No.2 Tahun 2006 (Amalan Sumpah Mahkamah Syariah)** yang mana penyeragaman tersebut dilakukan oleh JKSM bagi kaedah sumpah yang perlu dilaksanakan di Mahkamah Syariah setiap negeri. Namun, ianya adalah bergantung kepada Mahkamah-mahkamah Syariah di setiap negeri sama ada ingin mengamalkan apa yang telah disediakan oleh JKSM ataupun tidak.

Bagi negeri Selangor dan dikhususkan di MSSA, Hakim Syarie telah menggunakan dan merujuk draf lafaz sumpah melalui Borang 1, 2, 3 dan 4 yang terdapat dalam Arahan Amalan apabila pelaksanaan sumpah diarahkan kepada pihak-pihak yang terlibat dan ianya bergantung kepada hakim yang mengendalikan sesuatu kes dalam mengambil kira kesesuaian lafaz sumpah yang perlu digunakan. Hal ini dapat dilihat berdasarkan pemerhatian dan rujukan yang dibuat oleh pengkaji terhadap fail-fail kes yang telah dianalisis di mahkamah tersebut.

Lafaz sumpah dapat dilihat dalam kes permohonan perintah daftar nikah poligami *Hairul Nizam Bin Mohd Hussin dan Sandra Binti Mohamad Hisham*²⁷⁵ iaitu mengikut seksyen 23(2) Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003 yang mana pendaftaran nikah poligami hanya boleh didaftarkan jika mahkamah berpuas hati bahawa perkahwinan tersebut adalah sah mengikut hukum Syarie. Pemohon telah melafazkan sumpah dengan mengikut lafaz yang telah didraf dan disebut oleh Hakim Syarie seperti berikut;

“Wallahi, Wabillahi, Watallahi. Demi Allah! Aku Sandra Binti Mohamad Hisham, No. K/P: 780914-13-5906, bersumpah dengan nama Allah bahawasanya semua keterangan dan maklumat yang dikemukakan kepada mahkamah ini adalah benar. Jika aku berdusta, atas sumpah aku ini, aku akan dilaknat Allah Taala dunia dan akhirat.”

Secara kesimpulannya, setiap lafaz sumpah yang disediakan masih berkisar kepada beberapa perkara yang menjadikan sumpah itu sah antaranya adalah bersumpah dengan nama Allah S.W.T, dakwaan yang dibuat adalah benar atau menafikan dakwaan yang dibuat, keterangan saksi yang dikemukakan adalah benar, dan mana-mana pihak akan dilaknat dunia akhirat jika bersumpah palsu.²⁷⁶ Selain itu, boleh dijelaskan juga bahawa lafaz sumpah yang dilaksanakan adalah berbeza kerana disesuaikan mengikut fakta kes dan jenis pendakwaan atau tuntutan yang dibuat. Ini dibuktikan dengan adanya empat borang lafaz sumpah yang berlainan dalam **Arahan Amalan No.2 Tahun 2006 (Amalan Sumpah Mahkamah Syarie)**.

Justeru itu, kebolehterimaan sumpah sebagai keterangan berdasarkan lafaz sumpah oleh pihak yang bersumpah seperti mana yang telah diarahkan oleh Hakim Syarie adalah penting dan berperanan meyakinkan hakim dalam membuat keputusan. Ini adalah kerana pihak mahkamah atau hakim itu sendiri telah mendraf lafaz sumpah

²⁷⁵*Hairul Nizam Bin Mohd Hussin dan Sandra Binti Mohamad Hisham*, No.Kes Mal 10200-012-0181-2013.

²⁷⁶Alwani, “Sumpah Sebagai Metode Keterangan Mengikut Hukum Islam”, 99.

tersebut sebelum dilafazkan oleh pihak yang terlibat dan maka dengan itu tidak timbul keraguan dalam menjadikan sumpah sebagai keterangan yang boleh mensabitkan kes.

4.3.7 Kebolehterimaan Sumpah Berdasarkan Ciri-ciri Sumpah

Ciri-ciri bagi sumpah di Mahkamah Syariah tidak diperuntukkan dalam mana-mana enakmen khususnya Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah mahupun Arahan Amalan pemakaian sumpah untuk rujukan para hakim. Oleh yang demikian, ianya adalah mengikut ciri-ciri yang telah ditetapkan oleh hukum Syarak berdasarkan seksyen 130 (2) Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2003 yang mana telah dinyatakan bahawa apa-apa yang tidak diperuntukkan dalam enakmen adalah bergantung kepada hukum Syarak. Beberapa ciri penting telah digariskan oleh hukum Syarak supaya dapat dijadikan panduan dalam melaksanakan sumpah, antaranya:

- i. Sumpah hendaklah dilakukan dengan menyebut nama Allah S.W.T atau sifat-sifatNya.²⁷⁷ Diharuskan juga padanya memberatkan sumpah.
- ii. Sumpah tidak menerima apa-apa bentuk pengecualian atau *istithnā* seperti *Insyā* "Alah.
- iii. Sumpah yang dilakukan perlulah tegas, putus (tetap) dan tanpa ragu-ragu sama ada mensabitkan atau menafikan. Ianya disepakati oleh para fuqahā" bahawa seseorang hendaklah bersumpah secara tegas dan putus apabila dia bersumpah perkara yang berkaitan dengan dirinya. Ini adalah kerana dia lebih tahu keadaan

²⁷⁷Sharaf, *Rawḍah al-Ṭālibīn*, 11:3.

dirinya dan perbuatannya, dan dengan itu sumpah yang dilakukan merupakan hujah yang tetap dan putus baginya.²⁷⁸

Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh pengkaji melalui analisis terhadap fail-fail kes di MSSA, pihak mahkamah telah menepati dan memenuhi ciri-ciri sumpah yang perlu ada dalam setiap kes yang melaksanakan kaedah sumpah iaitu lafaz sumpah yang menyebut nama Allah S.W.T, tiada pengecualian, dan dilakukan dengan tegas, putus dan tanpa ragu-ragu. Dengan itu, terbukti bahawa ketiadaannya dalam enakmen mahupun Arahan Amalan tidak bermakna ianya diketepikan dan diambil mudah oleh Mahkamah Syariah.

Contoh kes yang pengkaji boleh huraikan bagi melihat dengan lebih jelas lagi kebolehterimaan sumpah berdasarkan ciri-ciri sumpah yang telah dipenuhi oleh Hakim Syarie adalah melalui kes *Norhayati Binti Abd Kadir lawan Mohamad Zamri Bin Baharom*²⁷⁹. Dalam tuntutan kes harta sepencarian ini, plaintif telah memfailkan tuntutan pada 10 Disember 2013 dengan mendakwa sepanjang tempoh perkahwinan mereka, terdapat harta yang diperolehi secara bersama iaitu sebuah rumah dan sebuah kereta Waja yang boleh diisytiharkan sebagai harta sepencarian. Saman dan penyata tuntutan telah diterima oleh defendan pada 21 Januari 2014, akan tetapi ianya tidak dipersetujui oleh defendan. Pihak defendan gagal memfailkan pernyataan pembelaan dan tuntutan balas sepanjang prosiding berjalan.

Oleh yang demikian, mahkamah telah menetapkan satu perbicaraan bagi menentukan dan memutuskan tuntutan plaintif ini. Perbicaraan tersebut hanya dihadiri oleh plaintif dan peguamnya sahaja, manakala defendan tidak hadir ke mahkamah. Semasa perbicaraan berlangsung, plaintif tidak mengemukakan saksi dan hanya menyediakan dokumen-dokumen yang menyokong tuntutan. Disebabkan oleh defendan

²⁷⁸ Alwani, "Sumpah Sebagai Metode Keterangan Mengikut Hukum Islam", 44.

²⁷⁹ *Norhayati Binti Abd Kadir lawan Mohamad Zamri Bin Baharom*, No.Kes Mal 10400-017-0589-2013.

tidak hadir ke mahkamah bagi membela dan menafikan tuntutan ke atasnya, maka mahkamah telah memutuskan supaya sumpah dilafazkan oleh plaintif untuk menguatkan keterangan yang dibawa olehnya sebelum kes diputuskan. Seperti mana yang telah diterangkan sebelum ini, ciri-ciri bagi pelaksanaan sumpah yang diterima oleh hakim tidak ditetapkan dalam undang-undang di Mahkamah Syariah dan Arahan Amalan. Dengan itu, hakim telah merujuk kepada ciri-ciri sumpah yang telah ditetapkan oleh hukum Syarak sebagai mana seksyen 130 EKMS (Negeri Selangor) 2003 membenarkan pemakaiannya jika perkara tersebut tiada dalam peruntukan undang-undang Syariah.

Pelaksanaan sumpah yang telah dilafazkan oleh plaintif telah diterima oleh hakim kerana ianya telah memenuhi ciri-ciri yang terdapat dalam hukum Syarak iaitu menyebut nama Allah S.W.T , tiada pengecualian dalam sumpah tersebut dan dilakukan dengan tegas oleh plaintif terhadap tuntutan yang ingin dituntut. Selepas sumpah dilafazkan oleh plaintif, hakim telah memutuskan bahawa sebuah rumah yang terletak di Bandar Saujana Putra menjadi hak milik tunggal plaintif, bayaran sebanyak RM 6600 perlu dibayar oleh plaintif kepada defendan sebagai bayaran balik sumbangan defendan terhadap rumah tersebut dan tuntutan plaintif terhadap sebuah kereta Proton Waja adalah ditolak.

Justeru itu, dapat ditegaskan di sini bahawa ciri-ciri sumpah sememangnya tidak mempunyai satu standard amalan yang jelas secara bertulis dalam peruntukan undang-undang dan Arahan Amalan, maka setiap ciri yang telah ditetapkan melalui hukum Syarak menjadi rujukan dan diikuti oleh Hakim Syarie. Apabila ciri-ciri tersebut dipenuhi, kesahihan sesuatu fakta kes sama ada mensabitkannya atau menafikannya akan terjamin. Kebolehterimaan sumpah sebagai mekanisma dalam mensabitkan sesuatu hukuman akan diterima pakai oleh hakim kerana ciri-ciri yang digariskan dalam

bersumpah dijadikan panduan yang mana dapat meyakinkan hakim terhadap setiap fakta yang ada yang menjadikan ianya tepat dan relevan.

4.3.8 Kebolehterimaan Sumpah Melalui Keengganan Bersumpah (*Nukūl al-Yamīn*) dan Sumpah yang Dikembalikan (*Yamīn al-Mardūdah*)

Keengganan bersumpah (*nukūl al-yamīn*) dan sumpah yang dikembalikan (*yamīn al-mardūdah*) adalah berkait rapat antara satu sama lain. Secara umumnya, keengganan bersumpah bermaksud pihak yang kena tuntutan (*mudda,ā* „*alah*) enggan bersumpah setelah diarahkan oleh Hakim Syarie, sedangkan mengikut proses biasa (lazimnya) ataupun secara prosedurnya sumpah diletakkan ke atas bahu pihak yang kena tuntutan tersebut untuk melaksanakan sumpah.²⁸⁰ Sumpah yang dikembalikan pula bermaksud pengembalian sumpah kepada pihak yang menuntut (*mudda,ī*) setelah pihak yang kena tuntutan enggan bersumpah.

Pelbagai pendapat „ulamā“ dari segi hukum Syaraknya telah membincangkan isu ini iaitu sama ada dibolehkan hakim menghukum sesuatu kes tersebut berdasarkan keengganan pihak yang kena tuntutan bersumpah atau dikembalikan sumpah kepada pihak yang menuntut. Menurut pendapat sahabat Ḥanbalī, Abū Ḥanīfah dan sahabat-sahabatnya, dihukum ke atas *mudda,ā* „*alah* kerana keengganannya bersumpah. Ini kerana Saidina „Uthmān r.a pernah menghukum Ibn „Umar kerana keengganannya bersumpah ketika memutuskan kes yang dibawa kepadanya antara Ibn „Umar dengan seorang lelaki. Ibn „Umar telah menjual seorang hamba kepada seorang lelaki, namun setelah dimiliki oleh pembeli tersebut didapati ada kecacatan lalu dibawa ke hadapan Saidina „Uthmān meminta supaya Ibn „Umar bersumpah. Oleh kerana Ibn „Umar tidak

²⁸⁰Wan Fattah dan Zulkifli, *Konsep Sumpah (al-Yamīn) dan Pelaksanaannya*, 36.

mahu bersumpah, maka Saidina „Uthmān menjatuhkan hukuman hamba tersebut dikembalikan kepada Ibn „Umar.²⁸¹

Menurut Hanafī, keengganan bersumpah di pihak *mudda,ā* „*alah* boleh dikira sebagai dia mengakui dakwaan *mudda,ī*. Sekiranya dia berada di pihak yang benar, tiada sebab untuk dirinya enggan melaksanakan sumpah seperti mana yang dituntut.²⁸² Dengan itu, pendapat pertama ini menghukum pihak yang kena tuntutan tanpa mengembalikan sumpah tersebut kepada pihak yang menuntut apabila keengganan sumpah berlaku.

Seterusnya, pendapat-pendapat „ulamā“ ini telah diterima dengan mengambil kira suasana tempat dan keadaan pada masa kini iaitu dengan merujuk kepada pendapat jumhur „ulamā“ yang terdiri daripada „Umar, „Alī, al-Awzā,ī, Shurayḥ, Ibn Sīrīn Nakha,ī, golongan Shāfi,ī, Mālikī dan menurut salah satu riwayat Imam Aḥmad.²⁸³ Mereka menyatakan bahawa tidak boleh dihukum ke atas pihak yang kena tuntutan kerana keengganan bersumpah dan dengan itu hendaklah dikembalikan sumpah kepada pihak yang menuntut. Apabila pihak yang menuntut melaksanakan sumpah (sumpah yang dikembalikan), maka keputusan penghakiman akan diberi berdasarkan sumpah yang telah dibuat dan bukannya disebabkan keengganan pihak yang kena tuntutan bersumpah.

Pendapat kedua ini dapat dikuatkan lagi bila mana terdapatnya undang-undang yang berkaitan dengannya berdasarkan seksyen 87 (2) (b) Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2003 yang menyatakan bahawa jika defendan enggan bersumpah maka Mahkamah Syariah dengan arahan daripada Hakim Syarie boleh memulangkan sumpah kepada plaintif dan apabila plaintif bersumpah, secara automatiknya sabitlah tuntutan atau dakwaan yang dibuat olehnya. Ianya dikukuhkan

²⁸¹ *Ibid.*, 36-37.

²⁸² *Ibid.*, 37.

²⁸³ Shams al-Dīn Abū, Abd Allāh Muḥammad ibn Abī Bakr ibn Qayyim al-Jawziyyah, *al-Ṭuruq al-Hukmiyyah fī al-Siyāsah al-Shar,īyyah* (Qāherah: Muassasah al-,Arabiyyah, 1971), 140-141.

pula dengan diperuntukkan juga dalam seksyen 126 (7) dan (8) Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2003 iaitu berkenaan dengan keengganan bersumpah oleh defendan akan membenarkan tuntutan plaintif, namun plaintif hendaklah bersumpah terlebih dahulu untuk mengakui kebenaran tuntutan.

Tambahan juga, terdapat Arahan Amalan yang khusus menerusi **Arahan Amalan No 2 Tahun 2006 (Amalan Sumpah Mahkamah Syariah)** yang mana dinyatakan dalam bahagian „Pelaksanaan Sumpah“ iaitu ketika mana-mana prosiding sedang berjalan, pihak yang menuntut perlu bersumpah apabila pihak yang kena tuntutan bersumpah setelah diarahkan oleh hakim. Oleh itu, dengan adanya kedua-dua peruntukan dari segi hukum Syarak dan perundangan Islam dapat dibuktikan bahawa hakim tidak akan menjatuhkan hukuman dengan keengganan pihak yang kena tuntutan bersumpah, sebaliknya akan meminta pihak yang menuntut bersumpah dan ini terbukti ianya telah dipraktikkan di Mahkamah Syariah.

Di Mahkamah Syariah Shah Alam (MSSA), Hakim Syarie telah menerima pakai peruntukan daripada seksyen 87 (2) (b) Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2003, seksyen 126 (7) dan (8) Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2003, dan Arahan Amalan di mana ianya digunakan apabila berlaku keengganan bersumpah terhadap dakwaan yang telah dibuat dan sumpah harus dikembalikan kepada pihak yang mengemukakan dakwaan. Dengan itu, sumpah yang dikembalikan diterima sebagai satu keterangan dalam sabitan kes.

Sebagaimana dapat dilihat dalam kes *Yakcop Bin Jantan lawan Nor Halizam Binti Ismail*²⁸⁴ bagi tuntutan *ḥaḍānah* di bawah seksyen 82 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003 yang mana plaintif meminta hak jagaan anak perempuan yang bernama Siti Khadijah Yakcop diberikan kepadanya dan menafikan

²⁸⁴*Yakcop Bin Jantan lawan Nor Halizam Binti Ismail*, No.Kes Mal 10300-028-0001-2013.

hak ibu iaitu bekas isterinya untuk menjaga anak tersebut. Ini adalah disebabkan oleh plaintif mendakwa bahawa defendan tidak mengizinkan plaintif berjumpa dengan anaknya walaupun telah beberapa kali meminta keizinan untuk berjumpa dan dikhuatiri anak tersebut tidak mengenalinya sebagai bapa. Namun begitu, defendan telah menafikan tuntutan plaintif dengan alasan plaintif tidak mengambil berat keadaan diri defendan sepanjang dirinya hamil dan tidak mengendahkan anaknya ketika anak tersebut mengalami sakit tulang serta kaki lemah. Dengan itu, defendan beranggapan plaintif tidak layak untuk menjaga anak tersebut dan berharap mahkamah dapat mempertimbangkan pernyataan pembelaan defendan.

Oleh yang demikian, mahkamah boleh meminta defendan bersumpah untuk menafikan dakwaan plaintif mengikut seksyen 72 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2003 dan jika defendan enggan bersumpah, maka sumpah akan dikembalikan kepada plaintif berdasarkan seksyen 87 (2) (b) Enakmen yang sama serta mengikut prosedur daripada **Arahan Amalan No. 2 Tahun 2006 (Amalan Sumpah Mahkamah Syariah)** berkenaan dengan keengganan bersumpah. Dalam kes ini, plaintif telah melafazkan sumpah bagi membenarkan keterangan beliau dan hakim telah memutuskan serta memerintahkan hak jagaan anak diberikan kepada plaintif kerana anak tersebut masih lagi kecil. Namun begitu, hak lawatan diberikan kepada plaintif pada bila-bila masa yang sesuai dan hak bersama serta bermalam dibahagikan sama rata untuk pihak plaintif dan defendan.

Justeru itu, telah jelas seperti mana yang dinyatakan sebelum ini bahawa mahkamah tidak menghukum sesuatu kes dengan sebab enggannya bersumpah pihak yang kena tuntutan tetapi mengembalikan sumpah tersebut kepada pihak yang menuntut. Ini berlandaskan kepada prinsip keadilan iaitu tidak wajar bagi seorang Hakim Syarie menjatuhkan hukuman ke atas seorang yang menuntut hanya disebabkan dakwaan yang dibuat gagal dibuktikan kebenarannya, mahupun disebabkan keengganan pihak yang

kena tuntutan bersumpah sedangkan pada prinsip asal yang menanggung beban pembuktian ialah pihak yang menuntut.²⁸⁵

Selain itu, ianya menunjukkan juga bahawa mahkamah terikat dengan enakmen yang berkaitan dengannya dan mengaplikasikan Arahan Amalan yang telah dibuat walaupun sebelum ketiadaan Arahan Amalan ini, pengamalannya adalah bergantung kepada peruntukan yang sedia ada yang berlandaskan kepada hukum Syarak. Dengan adanya peruntukan yang sesuai, lebih mudah untuk hakim membuat rujukan bagi menyelesaikan setiap isu yang timbul dalam kes yang dikendalikan. Ini juga dapat membuktikan kebolehterimaan Hakim Syarie terhadap peruntukan yang berkaitan dengan keengganan bersumpah dan sumpah yang dikembalikan sekaligus diambil kira sebagai kaedah alternatif yang boleh mensabitkan kes.

4.3.9 Kebolehterimaan Sumpah Bersama Seorang Saksi (*Yamīn Takmīlah*)

Sebelum diterangkan dengan lebih lanjut tentang standard pelaksanaan sumpah bersama seorang saksi di Mahkamah Syariah, pengkaji akan menjelaskan secara ringkas berhubung dengan jenis sumpah ini dari segi hukum Syarak. Ini adalah supaya dapat difahami dengan lebih jelas tatacara sumpah bersama seorang saksi di Mahkamah Syariah pada masa kini dan pendapat „ulamā“ yang diambil kira berdasarkan hukum Syarak sama ada diterima pelaksanaannya dalam mahkamah ataupun tidak.

Secara dasarnya, sumpah bersama seorang saksi dijalankan apabila terdapat keterangan seorang saksi sahaja, maka pihak yang menuntut perlu bersumpah di samping seorang saksi tersebut untuk menguatkan dan mengukuhkan dakwaannya agar dapat diyakini oleh pihak mahkamah. Walau bagaimanapun, terdapat pelbagai pendapat dari segi penghakiman dibuat berdasarkan sumpah dan seorang saksi oleh para „ulamā“

²⁸⁵Wan Fattah dan Zulkifli, *Konsep Sumpah (al-Yamīn) dan Pelaksanaannya*, 38.

kerana sesetengah berpendapat bahawa boleh menjatuhkan hukuman melalui kaedah ini dan ada yang menolak untuk dihukum seseorang itu melalui sumpah bersama seorang saksi.

Penghakiman berdasarkan sumpah dan seorang saksi diterima dan diharuskan oleh semua ahli *ḥadīth* dan para fuqahā²⁸⁶ kecuali Abū Ḥanīfah dan sahabat-sahabatnya.²⁸⁶ Bagi Imam Shāfi²⁸⁷, pelaksanaan sumpah bersama dengan seorang saksi tidak menyalahi hukum al-Qur²⁸⁷ān kerana dibolehkan menghukum dengan dua orang saksi lelaki atau seorang saksi lelaki dan dua orang saksi perempuan. Oleh itu, apabila terdapat seorang saksi sahaja dikemukakan di hadapan hakim, maka harus untuk melaksanakan sumpah bersama dengan seorang saksi bagi menguatkan keterangan yang telah diberikan sebelum keputusan kehakiman dibuat.²⁸⁷

Namun, golongan Ḥanafiyah menolaknya berdasarkan *ḥadīth* keterangan bagi orang yang menuntut dan sumpah bagi orang yang kena tuntutan. Mereka berpandangan bahawa jika menggunakan kaedah sumpah bersama seorang saksi, maka ianya telah menyalahi nas yang telah ada berkaitan dengan sumpah.²⁸⁸ Justeru itu, penggunaan sumpah bersama seorang saksi tidak boleh dilakukan jika menerima pandangan golongan Ḥanafiyah sebagai rujukan.

Bagi kes-kes yang boleh dihukumkan dengan sumpah pihak yang menuntut bersama seorang saksi pula, ianya adalah melibatkan kes-kes mal dan yang berkaitan dengannya sahaja. Oleh itu, kes hudud tidak diharuskan sama sekali.²⁸⁹ Disepakati oleh para „ulamā“ di mana boleh membuat penghukuman berdasarkan sumpah ini bagi kes-kes mal dan tidak harus sama sekali digunakan sebagai kaedah untuk menjatuhkan

²⁸⁶ Alwani, “Sumpah Sebagai Metode Keterangan Mengikut Hukum Islam”, 62.

²⁸⁷ *Ibid.*, 63.

²⁸⁸ *Ibid.*

²⁸⁹ Wan Fattah dan Zulkifli, *Konsep Sumpah (al-Yamīn) dan Pelaksanaannya*, 19.

hukuman bagi kes hudud.²⁹⁰ Manakala kes-kes selain daripada kes mal dan hudud seperti *qiṣās*, hak-hak badan dan lain-lain, jumhur „ulamā“ terdiri daripada Mālikiyyah, Shāfiyyah dan Ḥanābilah bersependapat tidak harus dihukum berdasarkan sumpah dengan seorang saksi sahaja.

Sumpah bersama seorang saksi yang diamalkan oleh Mahkamah Syariah kini dan dikhususkan di Selangor adalah hasil daripada peruntukan seksyen 88 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2003 dan Arahan Amalan yang telah dibuat oleh JKSM melalui **Arahan Amalan No. 2 Tahun 2006 (Amalan Sumpah Mahkamah Syariah)** di bawah „Pelaksanaan Sumpah“ dan diletakkan dalam kurungan 2 (b). Oleh itu, jika terdapat situasi di mana pihak yang menuntut hanya mengemukakan seorang saksi bagi pihaknya untuk memberi keterangan, maka seksyen 88 Enakmen ini dan Arahan Amalan masing-masing akan menjadi rujukan dan garis panduan serta akan terpakai bagi diaplikasikan dalam kes tersebut.

Rujukan bagi penerimaan sumpah dengan seorang saksi yang sebelum ini merujuk kepada hukum Syarak tidak bermaksud ianya diketepikan setelah adanya seksyen 88 Enakmen ini dan Arahan Amalan, namun apabila peruntukan berkaitan dengannya telah digubal dan standard daripada JKSM telah diwujudkan, hakim akan menjadikannya sebagai rujukan semasa untuk membuat sesuatu keputusan berhubung dengannya. Dengan budi bicara seorang hakim yang mengendalikan sesuatu kes, beliau akan melihat kepada keadaan kes tersebut sama ada perlu kepada pelaksanaan sumpah bersama dengan seorang saksi ataupun tidak. Jika memerlukan sokongan dan penguat bagi keterangan yang telah diberikan, maka hakim boleh mengarahkan pihak yang menuntut bersumpah untuk menghilangkan keraguan saksi yang tampil memberi keterangan.

²⁹⁰*Ibid.*

Sepanjang tempoh kajian pengkaji di MSSA, terdapat kes yang menggunakan kaedah sumpah bersama dengan seorang saksi. Ia boleh dilihat melalui kes permohonan bagi pengesahan nikah antara *Azilah Binti Abd Aziz dan Razaly Bin Othman*²⁹¹ yang mana pemohon mendakwa telah bernikah dengan responden pada 9 Ogos 1995 di sebuah pejabat di Sentul, Kuala Lumpur. Bukti pernikahan mereka adalah dengan wujudnya Surat Akuan Nikah Negeri Perak dan keterangan tersebut disokong oleh keterangan saksi yang bernama Abdul Aziz Bin Mat Dahari. Saksi dengan jelas memaklumkan kepada mahkamah tentang tempat, masa, wali, jurunikah dan saksi-saksi yang hadir semasa pernikahan berlangsung dan ianya telah dilangsungkan mengikut hukum Syarak serta memenuhi rukun-rukun nikah dalam Islam.

Setelah keterangan-keterangan diberikan dan oleh disebabkan pemohon hanya mengemukakan seorang saksi bagi membuktikan wujudnya pernikahan sebagaimana yang ditetapkan oleh hukum Syarak, maka mahkamah meminta pemohon bersumpah *al-yamīn al-takmīlah*. Sumpah ini adalah selaras dengan seksyen 88 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2003 yang mana menyatakan bahawa jika plaintif hanya mengemukakan seorang saksi, keterangan saksi itu akan diterima jika keterangannya diberikan berserta dengan sumpah plaintif. Apabila sumpah bersama seorang saksi ini diterima oleh hakim, keputusan terhadap kes pengesahan daftar nikah poligami ini dapat diberikan yang mana beliau meluluskan permohonan berdasarkan seksyen 12 (2) EUUKI (Negeri Selangor) 2003 dan mengesahkan bahawa pemohon dan responden telah bernikah pada 9 Ogos 1995 berwalikan wali nasab di sebuah pejabat yang beralamat di Sentul, Kuala Lumpur. Mahkamah juga memerintahkan pemohon mendaftarkan pernikahan tersebut di Pejabat Agama Islam Daerah yang berdekatan tertakhluk di bawah seksyen 124 EUUKI (Negeri Selangor) 2003.

²⁹¹ *Azilah Binti Abd Aziz dan Razaly Bin Othman*, No.Kes Mal 10200-012-0085-2012.

Justeru itu, peranan yang dipertanggungjawabkan kepada Hakim Syarie bagi melaksanakan sumpah bersama seorang saksi adalah dengan merujuk kepada enakmen dan Arahan Amalan yang telah dinyatakan sebelum ini selain pensyariatian sumpah ini yang sudah pun ditetapkan oleh hukum Syarak. Kebolehterimaan terhadapnya menjadikan kes dapat diselesaikan dengan cepat dan tidak terlalu rumit seperti mana perlu mengikut ketetapan yang sepatutnya iaitu mengemukakan dua orang saksi bagi memberikan keterangan sebelum diputuskan mana-mana kes yang dikendalikan.

4.3.10 Kebolehterimaan Sumpah Berdasarkan Peringatan Sebelum Melakukan Sumpah

Peringatan tentang kesan dan akibat sumpah yang dilakukan sebelum sesuatu sumpah dilaksanakan dalam mahkamah oleh pihak-pihak yang diminta untuk bersumpah hendaklah diberikan kepada mereka agar sumpah itu tidak diambil mudah dan ringan. Penggunaan ayat yang tegas oleh hakim sebagai peringatan kepada mereka agar tidak bermain dengan sumpah yang dilakukan adalah penting supaya peranannya sebagai kaedah keterangan yang menyokong dan menguatkan setiap keterangan yang diberikan dapat dijadikan sebagai pemutus untuk setiap penghakiman yang dibuat.

Peringatan sumpah ini telah dilaksanakan oleh para hakim sejak dahulu lagi sehinggalah sekarang dan ianya telah menjadi satu cara pelaksanaan yang seragam di semua mahkamah termasuklah MSSA. Berdasarkan pengalaman pengkaji yang pernah menjadi pelatih industri di Mahkamah Syariah, dapat dibuktikan bahawa para hakim yang mengendalikan kes di mana memerlukan kepada pelaksanaan sumpah telah memberi peringatan terlebih dahulu tentang kesan dan akibat sumpah yang dilakukan sebelum dibenarkan seseorang itu melafazkan sumpah.

Ini juga dapat dilihat dalam **Arahan Amalan No. 2 Tahun 2006(Amalan Sumpah Mahkamah Syariah)** melalui lampiran yang terdapat pada Borang 1 hingga Borang 4 yang merupakan borang lafaz sumpah dan ianya telah menyatakan tentang peringatan jika bersumpah palsu atau berdusta dengan sumpah yang dibuat. Jika sumpah palsu dilakukan oleh mana-mana pihak yang diminta untuk bersumpah, maka pihak terbabit akan dimurkai oleh Allah S.W.T dan laknatNya serta azabNya adalah di dunia dan akhirat seperti mana yang telah termaktub dalam al-Qur'ān dan *ḥadīth* serta borang tentang lafaz sumpah.

Antara kes di MSSA yang berkaitan dengan peringatan sumpah ialah merujuk kepada kes *Anuar Bin Saleh lawan Ramleh Binti Kulal*²⁹² di mana ianya melibatkan tuntutan harta sepencarian. Semasa dalam perkahwinan antara plaintif dan defendan, mereka telah membeli rumah pangsa bernilai RM 55 000.00 dan bayaran rumah tersebut adalah dibuat oleh plaintif. Namun begitu, defendan mendapat hasil secara total apabila ianya dijadikan rumah sewa. Selain itu, plaintif juga telah membina rumah banglo dan segala kos pembinaan dibuat oleh plaintif. Tambahan itu, sebuah kereta MPV Nazaria dikatakan sebagai milik plaintif sepenuhnya dan tidak dibahagikan pembayarannya bersama defendan. Bagi membuktikan semua dakwaan tersebut, plaintif telah mengemukakan keterangan dan dokumen kepada pihak mahkamah. Walau bagaimanapun, kereta MPV Nazaria gagal dinyatakan sebagai harta miliknya dan untuk membuktikan sumbangan masing-masing terhadap semua harta sepencarian tersebut, hakim mengarahkan plaintif untuk bersumpah *istizhār* disebabkan ketidakhadiran defendan pada hari keputusan kes ingin dikeluarkan oleh hakim.

Hakim Syarie mengarahkan agar plaintif berdiri, mengangkat tangan kanan, beristighfar serta membaca *Bismillāhirrahmān al-rahīm* setelah plaintif sanggup bersumpah apabila ditanya oleh hakim sama ada ingin bersumpah atau tidak bagi

²⁹² *Anuar Bin Saleh lawan Ramleh Binti Kulal*, No.Kes Mal 10100-017-0323-2013.

membenarkan keterangan tersebut dan selepas diberi amaran serta kesan jika bersumpah palsu. Lafaz sumpah dibaca oleh hakim dan plaintif telah mengikutnya dengan bentuk lafaz adalah seperti contoh di bawah:

“Wallahi, Wabillahi, Watallahi, Bahawa saya, Anuar Bin Saleh, mengaku segala keterangan saya secara lisan atau bertulis dalam kes ini adalah benar, jika tidak benar, Allah S.W.T boleh melaknat saya di dunia dan akhirat”.

Berdasarkan sumpah yang telah dilafazkan oleh plaintif dan diterima oleh hakim sebagai kaedah untuk beliau mensabitkan tuntutan tersebut, maka mahkamah memerintahkan ketiga-tiga harta iaitu sebuah rumah pangsa di Kampung Kerinchi, Kuala Lumpur, sebuah rumah banglo setingkat di Klang, Selangor dan sebuah kenderaan MPV jenis Nazaria bernombor pendaftaran BHF 8435 diisytiharkan sebagai harta sepencarian antara plaintif dan defendan. Mahkamah juga memerintahkan bahawa kadar bahagian harta sepencarian antara mereka ialah plaintif berhak kepada 9/10 bahagian daripada rumah pangsa, manakala defendan berhak kepada 1/10 bahagian daripadanya. Plaintif berhak kepada 2/3 bahagian daripada rumah banglo, manakala defendan berhak kepada 1/3 bahagian daripadanya dan plaintif berhak kepada 50% bahagian daripada kereta MPV Nazaria iaitu sama dengan defendan yang memperoleh 50% bahagian daripadanya.

Dengan demikian, dapat difahami bahawa MSSA telah menggunakan peringatan sumpah sebagai satu prosedur pelaksanaan sumpah kepada mana-mana pihak berdasarkan **Arahan Amalan No. 2 Tahun 2006 (Amalan Sumpah Mahkamah Syariah)** di bawah „Cara Bersumpah“. Hakim memainkan peranan untuk memberikan peringatan dan amaran tentang implikasi sumpah yang dilaksanakan mengikut hukum Syarak sebelum lafaz sumpah dilakukan oleh pihak yang bersumpah. Walaupun lafaz tersebut telah disebut dalam Borang 1 hingga Borang 4 untuk lafaz sumpah, namun peringatan yang diberikan oleh hakim secara lisan sebelum bersumpah akan memberi

lebih tekanan dan perasaan takut serta gerun kepada pihak yang bersumpah agar tidak mempermainkan sumpah yang dianggap oleh sesetengah pihak sebagai suatu perkara yang remeh dalam sistem kehakiman di mahkamah.

Oleh itu, peringatan sebelum melakukan sumpah yang diberikan oleh Hakim Syarie menjadi salah satu sebab kepada kebolehterimaan sumpah sebagai kaedah keterangan kerana sumpah yang dilafazkan oleh pihak yang bersumpah adalah diyakini benar setelah diberi amaran dan kesan jika bersumpah palsu, selain laknat Allah S.W.T kepada mereka yang berbuat demikian. Dengan lafaz sumpah yang telah diberikan peringatan ini, hakim akan mensabitkan kes dengan lebih yakin dan seadil-adilnya.

4.3.11 Kebolehterimaan Sumpah *al-Istizhār*

Kajian terhadap pelaksanaan sumpah di Mahkamah Syariah Shah Alam (MSSA) memperlihatkan tentang jenis sumpah yang mendominasi setiap kes yang dibicarakan di Mahkamah Syariah sebagai keterangan sebelum sesuatu kes diputuskan dan sumpah yang diguna pakai itu ialah sumpah *istizhār*.

Melalui kes-kes yang telah diputuskan di MSSA, pengkaji dapati majoriti kes menerima pakai sumpah *istizhār* setelah diminta oleh Hakim Syarie yang mengendalikan kes tersebut untuk melaksanakannya selepas dikemukakan keterangan yang mencukupi oleh pihak yang menuntut atau plaintif. Sumpah *istizhār* dengan erti kata lain ialah sumpah yang berbentuk penegasan tentang apa yang telah plaintif kemukakan sebagai keterangan.

Ini berlaku apabila pihak yang kena tuntutan atau defendan tidak dapat mengemukakan saksi ataupun disebabkan oleh ketidakhadiran defendan selepas notis penyampaian telah disempurnakan. Selain itu, ianya juga dilaksanakan dalam keadaan

di mana defendan telah menghilangkan diri dan gagal dikesan oleh pihak mahkamah, sakit mental dan seumpamanya.²⁹³

Dengan sumpah *istizhār* yang dilakukan oleh pihak yang menuntut atau plaintif, dapat dibuktikan bahawa telah banyak kes yang melibatkan keadaan seperti yang pengkaji nyatakan diselesaikan dengan cepat dan menjimatkan masa perjalanan sesuatu kes itu daripada tertangguh lama. Seterusnya dapat juga memberikan kelegaan kepada pihak yang menuntut bela dan keadilan dapat dicapai dengan adanya pilihan sumpah *istizhār* yang menjadi jalan untuk pihak yang terlibat menguatkan kebenaran bagi kes yang dikemukakan di hadapan Hakim Syarie.

Sumpah ini dilaksanakan di MSSA dengan merujuk kepada seksyen 121 (2) Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2003 dan **Arahan Amalan No. 2 Tahun 2006 (Amalan Sumpah Mahkamah Syariah)** di bawah „Pelaksanaan Sumpah“ dalam kurungan (4) yang telah dikuatkuasakan oleh JKSM. Ianya telah menyatakan bahawa sumpah *istizhār* akan dilaksanakan dengan perintah Hakim Syarie apabila semua keterangan daripada pihak yang menuntut dan saksi-saksi telah didengar dan mahkamah berpuas hati dengan keterangan yang diberikan. Oleh itu, dengan sumpah *istizhār* yang telah dilafazkan, hakim dapat memutuskan kes yang telah dikemukakan tanpa kesangsian dan dengan yakin.

Pemakaian sumpah *istizhār* dapat dilihat dalam kes-kes seperti tuntutan *ḥaḍānah Hamedah Binti Zainal lawan Ahmad Hidayat Bin Ahmad Sokhaimie @ Hj Mahsuri*²⁹⁴. Dalam kes ini, plaintif telah memfailkan tuntutan di bawah seksyen 86 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003 kerana anak tersebut adalah anak tak sah taraf dan penjagaannya hendaklah diberikan kepada ibu atau saudara mara

²⁹³ Alwani, “Sumpah Sebagai Metode Keterangan Mengikut Hukum Islam”, 104.

²⁹⁴ *Hamedah Binti Zainal lawan Ahmad Hidayat Bin Ahmad Sokhaimie @ Hj Mahsuri*, No.Kes Mal 10400-028-0623-2014.

ibu sahaja. Plaintiff yang merupakan nenek kepada anak yang ingin dituntut penjagaannya telah bersumpah *istizhār* berdasarkan seksyen 121 (2) Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2003 bagi membenarkan keterangannya tentang status anak tak sah taraf sebelum hakim membacakan keputusan terhadap tuntutan yang difailkan.

Keadaan yang sama juga berlaku dalam kes tuntutan *ḥadānah Juliani Bt Mohammad Radi lawan Adnan B Mohamed*²⁹⁵ di bawah seksyen 82 (1) Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003. Berdasarkan kes ini, mahkamah menyerahkan kepada plaintiff hak jagaan dua orang anaknya dan hak lawatan diberikan kepada defendan. Hakim Syarie memutuskan demikian setelah mendengar tuntutan dan keterangan plaintiff serta lafaz sumpah *istizhār* kerana defendan tidak hadir semasa perbicaraan berlangsung. Lafaz sumpah *istizhār* dilaksanakan dengan peruntukan yang dirujuk daripada seksyen 121 (1) dan (2) Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2003 serta penggunaan lafaz sumpah *istizhār* dalam kes mal melalui **Arahan Amalan No.1 Tahun 2003 (Penggunaan Lafaz Sumpah *Istizhār* Dalam Kes Mal)**.

Kes seterusnya yang melibatkan ketidakhadiran defendan adalah dalam tuntutan harta sepencarian *Norhayati Binti Abd Kadir lawan Mohamad Zamri Bin Baharom*²⁹⁶. Berdasarkan seksyen 122 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003, mahkamah memutuskan harta-harta seperti rumah adalah menjadi hak milik tunggal plaintiff, bayaran sebanyak RM 6600 perlu dibayar oleh plaintiff kepada defendan sebagai bayaran balik sumbangan defendan terhadap rumah tersebut dan tuntutan plaintiff terhadap sebuah kereta Proton Waja adalah ditolak. Oleh kerana defendan tidak pernah hadir ke mahkamah untuk menghadiri perbicaraan, Hakim Syarie

²⁹⁵ *Juliani Bt Mohammad Radi lawan Adnan B Mohamed*, No.Kes Mal 10400-028-0395-2013.

²⁹⁶ *Norhayati Binti Abd Kadir lawan Mohamad Zamri Bin Baharom*, No.Kes Mal 10400-017-0589-2013.

mengarahkan sumpah *istizhār* dilaksanakan seperti mana yang dinyatakan dalam Seksyen 121 (1) (b) Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2003 dan selaras dengan Arahan Amalan yang telah disahkan oleh mahkamah penggunaannya sebelum kes diberi penghakiman.

Sebagaimana yang dapat diperhatikan melalui kajian kes yang telah dibuat, dapat disimpulkan bahawa sumpah *istizhār* dilaksanakan bagi mempertahankan dan mengukuhkan setiap tuntutan yang telah dibuat serta menolak tohmah. Dengan sumpah *istizhār* yang dilakukan oleh pihak yang menuntut atau plaintif ini, maka sabit tuntutan tersebut kerana hakim akan mengeluarkan penghakiman berdasarkan keterangan dan sumpah yang telah dilaksanakan.

Selain itu, amat jelas bahawa satu prosedur pemakaian sumpah *istizhār* telah dipraktikkan dalam memutuskan pertikaian di MSSA. Ini terbukti dengan adanya prosedur tersebut dan telah digariskan sebagai panduan dalam Arahan Amalan yang dikeluarkan oleh JKSM. Keadaan ini berlaku apabila pihak yang kena tuntutan seperti mana yang dinyatakan sebelum ini gagal hadir ke Mahkamah Syariah atau enggan menjawab pertuduhan yang telah dibuat ke atasnya dan seumpamanya walaupun segala usaha dilakukan bagi memastikan kehadiran pihak terbabit.

Pemakaian sumpah ini dalam mensabitkan pertuduhan di mahkamah memberi peluang kepada pihak yang terlibat untuk mendapatkan pembelaan dalam situasi-situasi yang perlu kepadanya sekaligus memberi kelegaan kepada mereka kerana kes tersebut dapat diselesaikan secepat mungkin. Situasi-situasi ini adalah yang telah disyaratkan oleh jumhur fuqahā²⁹⁷ dalam mengharuskan sabitan kes melalui sumpah *istizhār*.²⁹⁷ Walaupun ianya bukanlah satu kaedah keterangan utama dalam pensabitan hukum, namun sumpah ini menepati peranannya dalam menambah kekuatan dan meyakinkan

²⁹⁷Wahbah al-Zuhaylī, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuhu* (Damsyik: Dār al-Fikr, 1984), 6:601-602.

hakim atas semua keterangan yang telah diberikan di hadapannya sebelum keputusan dibuat kepada pihak-pihak yang terlibat. Kebolehterimaan terhadapnya akan menjadikan sesuatu kes dapat dipercepatkan proses penghakiman bagi pihak-pihak yang terlibat terutama kepada pihak yang menuntut.

4.4 KESIMPULAN

Berdasarkan analisis pengkaji terhadap kes-kes yang telah dinyatakan dalam bab ini, aspek-aspek kebolehterimaan yang dijelaskan ini menunjukkan bahawa Hakim Syarie telah menerima pakai kaedah sumpah sebagai keterangan dengan merujuk dan mengikut apa yang telah ditetapkan oleh hukum Syarak dan terutamanya peruntukan-peruntukan yang sedia ada di Mahkamah Syariah. Seperti mana yang telah dinyatakan sebelum ini, setiap aspek kebolehterimaan sumpah yang dijelaskan dalam kajian ini merupakan hasil daripada analisis pengkaji daripada kes-kes yang telah selesai di MSSA.

Aspek-aspek bagi kebolehterimaan sumpah sebagai keterangan telah dijelaskan dalam bab ini di mana menerusi aspek kebolehterimaan sumpah bagi kes-kes yang dikendalikan di MSSA, ianya adalah dilaksanakandalam kes malseperti tuntutan *ḥadānah*, harta sepencarian, hibah, *mut,ah*, daftar nikah poligami dan sebagainya, manakala kes jenayah tidak diamalkan pelaksanaan sumpah. Kebolehterimaan sumpah juga adalah diterima pakai apabila ianya memenuhi syarat-syarat pelaksanaan sumpah iaitu pihak yang kena tuntutan menafikan atau tidak mengakui hak yang didakwa ke atasnya, hakim meminta agar pihak yang menuntut atau pihak yang kena tuntutan bersumpah, dakwaan terhadap pihak yang kena tuntutan adalah sah dan perkara yang dituntut tersebut adalah dalam perkara yang dibolehkan bersumpah.

Selain itu, hasil analisis pengkaji terhadap kebolehterimaan sumpah berdasarkan niat dalam bersumpah di MSSA telah membuktikan bahawa pelaksanaannya dilakukan dengan perintah mahkamah iaitu berdasarkan niat Hakim Syarie setelah dipertimbangkan oleh beliau dan ianya adalah apa yang telah disepakati oleh para fuqahā⁶. Kebolehterimaan sumpah dan hubung kaitnya dengan tahap pembuktian pula menunjukkan bahawainya dilaksanakan apabila sesuatu keterangan itu tidak mencapai tahap yakin atau dengan erti kata lain diterima oleh hakim untuk mana-mana pihak melaksanakan sumpah apabila keterangan yang diberikan hanya mencapai tahap *ghalabah al-zan*. Untuk itu, sumpah memainkan peranan dalam menguatkan keterangan sebelum disabitkan kes tersebut oleh hakim.

Tambahan itu juga, kebolehterimaan sumpah dengan memberatkan sumpah (*taghlīz al-yamīn*), kebolehterimaan sumpah berdasarkan lafaz sumpah (*ṣiḡḡah al-yamīn*), kebolehterimaan sumpah berdasarkan ciri-ciri sumpah dan kebolehterimaan sumpah berdasarkan peringatan sebelum melakukan sumpah perlu dipenuhi dan seterusnya dapat diterima oleh hakim bagi menyelesaikan kes dengan tepat sebagaimana yang telah dilaksanakan oleh Hakim Syarie di MSSA.

Bagi kebolehterimaan sumpah melalui keengganan bersumpah (*nukūl al-yamīn*) dan sumpah yang dikembalikan (*yamīn al-mardūdah*) pula, hakim tidak boleh menghukum pihak yang kena tuntutan apabila dia enggan bersumpah kerana sumpah perlu dikembalikan kepada pihak yang menuntut. Apabila pihak yang menuntut melaksanakan sumpah, maka keputusan penghakiman akan diberi berdasarkan sumpah yang telah dibuat dan bukannya disebabkan keengganan pihak yang kena tuntutan bersumpah. Seksyen 87 (2) (b) EKMS (Negeri Selangor) 2003 dan seksyen 126 (7) serta (8) ETMMS (Negeri Selangor) 2003 telah diperuntukkan bagi rujukan hakim di MSSA dalam menerima pakai sumpah ketika berlakunya keengganan bersumpah dan sumpah yang dikembalikan oleh pihak-pihak yang bertikai.

Di samping itu, pengkaji melihat bahawa kebolehterimaan sumpah bersama seorang saksi (*yamīn takmīlah*) perlu dilakukan oleh pihak yang menuntut apabila terdapat keterangan daripada seorang saksi sahaja bagi menguatkan tuntutan atau dakwaannya sebelum penghakiman dibuat. Ianya diterima dan diharuskan oleh semua ahli *ḥadīth* dan para fuqahā" serta dinyatakan dalam seksyen 88 EKMS (Negeri Selangor) 2003. Manakala majoriti kes di MSSA menerima pakai sumpah *istizhār* setelah dikemukakan keterangan yang mencukupi oleh pihak yang menuntut atau plaintif bagi mengukuhkan setiap tuntutan yang dibuat. Faktor utama sumpah *istizhār* diarahkan oleh hakim MSSA adalah apabila defendan tidak menghadirkan diri dalam perbicaraan yang berlangsung sedangkan telah dipanggil untuk menghadiri perbicaraan tersebut. Pelaksanaan sumpah *istizhār* telah dijelaskan dalam seksyen 121 (2) ETMMS (Negeri Selangor) 2003 dan dengan lafaz sumpah ini, maka hakim akan memutuskan kes berdasarkannya dengan yakin.

Berdasarkan contoh-contoh kes yang melibatkan pelaksanaan sumpah seperti mana yang telah dikaji oleh pengkaji menerusi fail-fail kes di MSSA, dapat dilihat bahawa sumpah diterima sebagai kaedah keterangan dengan hakim merujuk kepada peruntukan undang-undang Syariah dan selaras dengan apa yang telah ditetapkan oleh hukum-hukum Syarak. Ini bermakna hakim tidak mengikut pendapat atau ijtihad sendiri semata-mata kerana rujukan berautoriti menjadi panduan hakim sebelum mengarahkan mana-mana pihak bersumpah.

Justeru itu, dengan analisis yang telah dilakukan oleh pengkaji menerusi bab ini dapat dilihat bahawa kebolehterimaan terhadap pelaksanaan sumpah di Mahkamah Syariah sebagai keterangan sememangnya diterima oleh Hakim Syarie yang mana ianya menjadi kaedah untuk mensabitkan kes dan memberi penamat kepada pertikaian yang berlaku. Apabila sumpah telah dilaksanakan dan kes diputuskan berdasarkan sumpah yang telah dilafazkan, maka pihak-pihak yang terlibat tidak boleh mengemukakan

keterangan yang lain setelah itu dan hakim sendiri tidak akan melayannya. Oleh yang demikian, setiap perjalanan kes dapat diselesaikan dengan cepat dan akan menjimatkan kos perbicaraan yang mana boleh mengurangkan beban kewangan terutama bagi pihak yang kurang berkemampuan.

Selain itu, dengan berpaksikan kepada peruntukan-peruntukan yang ada dan bertepatan dengan hukum Syarak bagi semua kes-kes yang menerima pakainya, pelaksanaan sumpah sebagai keterangan perlu diterima tanpa keraguan. Ini adalah kerana penelitian bagi pelaksanaannya sebelum mengarahkan pihak yang perlu bersumpah melaksanakan sumpah dilakukan terlebih dahulu dan bukannya diarahkan dengan sewenang-wenangnya. Ianya penting untuk dilakukan supaya hakim lebih berkeyakinan dalam mensabitkan kes yang dikendalikan oleh beliau. Dengan demikian, keadilan dapat diberikan kepada pihak-pihak yang bertikai apabila mereka berpuas hati dengan keputusan yang dibuat oleh hakim.

BAB 5: RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1 PENDAHULUAN

Dalam bab ini, rumusan berdasarkan tiga objektif kajian seperti mana yang telah dikaji oleh pengkaji akan dibuat bagi memastikan kesemua objektif yang ingin dilihat dalam kajian ini tercapai. Objektif pertama kajian ini adalah untuk mengkaji tentang konsep kebolehterimaan sumpah sebagai keterangan di Mahkamah Syariah mengikut hukum Syarak dan kaitannya dengan keadilan, fakta kes, beban pembuktian dan tahap pembuktian. Objektif kedua pula bagi menghuraikan tentang peruntukan dan pelaksanaan sumpah seperti mana yang telah diaplikasikan di Mahkamah Syariah Negeri melalui undang-undang Syariah di Malaysia. Manakala objektif ketiga iaitu yang terakhir adalah untuk menganalisis sejauh mana Hakim Syarie menilai kebolehterimaan sumpah sebagai keterangan berdasarkan peruntukan undang-undang yang berkaitan dengannya dan kes-kes yang diputuskan di Mahkamah Syariah.

Selain itu, beberapa cadangan bagi penambahbaikan dan memperkasakan lagi institusi kehakiman Syariah terutama dalam bidang undang-undang keterangan Islam dengan dikhususkan untuk kaedah sumpah akan dibincangkan dalam bab ini hasil daripada analisis yang telah dijelaskan sebelum ini.

Dengan rumusan yang diterangkan dan cadangan yang diberikan selepas ini, diharap ianya dapat memberi manfaat untuk semua bagi melestarikan perundangan Islam yang sistematik dan menambahkan lagi keyakinan terhadap kaedah pelaksanaan sumpah sebagai pemutus bagi penghakiman yang dibuat oleh Hakim Syarie.

5.2 RUMUSAN

5.2.1 Rumusan daripada Objektif Pertama

Objektif pertama kajian ini adalah untuk mengkaji tentang konsep kebolehterimaan sumpah sebagai keterangan di Mahkamah Syariah mengikut hukum Syarak dan kaitannya dengan keadilan, fakta kes, beban pembuktian dan tahap pembuktian. Bagi mencapai objektif ini, terdapat dua skop utama yang pengkaji bincangkan dalam kajian ini iaitu yang pertama berkaitan dengan konsep sumpah berdasarkan hukum Syarak yang mana konsep perundangan ini telah dibuat hasil daripada analisis terhadap semua bahan rujukan di perpustakaan. Pengkaji merujuk kepada al- Qur'ān dan tafsirnya, kitab-kitab *ḥadīth*, kitab-kitab fiqh klasik dan juga kitab-kitab fiqh kontemporari berkaitan dengan sumpah. Selain itu, pengkaji juga membuat rujukan melalui buku undang-undang dan pentadbiran undang-undang Islam di Malaysia, jurnal, tesis, disertasi, artikel, kertas kerja dan sebagainya. Kesemua bahan ini terdiri daripada bahan-bahan yang ditulis dalam bahasa Arab, Inggeris dan Melayu yang telah dihuraikannya tentang konsep sumpah dalam hukum Syarak.

Hasil daripada analisis tersebut didapati bahawa pemakaian kaedah sumpah telah disebut oleh Allah S.W.T dalam kitab suciNya, dengan dikembangkan lagi penerangannya oleh Nabi Muhammad S.A.W dan dibincangkan sejak dahulu oleh para sahabat dan „ulamā“ bagi pelaksanaan sumpah berdasarkan hukum Syarak yang sesuai dan bertepatan dengan yang telah disyariatkan. Penerimaan pemakaian sumpah telah dilaksanakan dalam perundangan Islam sejak dahulu lagi bagi menyelesaikan pertikaian pihak-pihak yang bertelingkah, namun terdapat ciri-ciri dan syarat-syarat pelaksanaan sumpah yang perlu diteliti dan diambil kira sebelum dilaksanakan sumpah kepada pihak yang perlu bersumpah. Pelaksanaan sumpah tidak dilakukan dengan sewenang-

wenangnya oleh mereka kerana kesan dan akibat daripada sumpah palsu adalah berat dan dengan itu sumpah yang dilaksanakan tidak boleh dipermainkan.

Skop perbincangan yang kedua dalam objektif ini pula berkaitan dengan kebolehterimaan sumpah dan hubung kaitnya dengan keadilan, fakta kes, beban pembuktian dan tahap pembuktian. Hasil analisis mendapati bahawa *qāḍī* atau Hakim Syarie memainkan peranan penting dalam membuat keputusan terhadap kes-kes yang dibawa oleh pihak yang menuntut ke Mahkamah Syariah. Setiap tuntutan yang dikemukakan akan dihakimi oleh beliau seadil-adilnya bagi kedua-dua belah pihak sama ada pihak yang menuntut atau pihak yang kena tuntutan berdasarkan keterangan-keterangan yang diberikan oleh pihak-pihak terlibat.

Secara umumnya, setiap keputusan yang dibuat oleh hakim adalah berdasarkan kepada keterangan yang jelas dan zahir di mana telah dikemukakan oleh pihak-pihak yang bertikai dan saksi-saksi yang terlibat. Ianya adalah penting bagi memastikan keadilan dapat diberikan kepada kedua-dua belah pihak yang bertikai. Walau bagaimanapun, kaedah keterangan sumpah berbeza dengan kaedah-kaedah keterangan utama yang lain kerana ianya bukanlah kaedah keterangan yang zahir dan tidak boleh dilihat dengan mata kasar. Di sini pengkaji dapati bahawa sumpah telah memberi kesan kepada Hakim Syarie dalam memutuskan penghakiman beliau walaupun ianya bukanlah suatu kaedah yang zahir yang mana dengan setiap pelaksanaan sumpah yang dilakukan juga dapat menyokong setiap fakta dan bukti yang ada sebelum dikeluarkan penghakiman seterusnya telah menjadi kaedah alternatif bagi meyakinkan hakim dalam membuat keputusan yang adil dan tepat.

Selain itu, bagi membuktikan kesahihan fakta kes yang diberikan, pelbagai kaedah keterangan telah digunakan dan salah satu kaedah yang ada ialah dengan pelaksanaan sumpah pihak yang menuntut atau pihak yang kena tuntutan. Walau

bagaimanapun, sumpah tidak boleh dilaksanakan dengan sewenang-wenangnya sebagai kaedah keterangan untuk membuktikan sesuatu fakta. Ini adalah kerana terdapat keadaan tertentu yang membolehkan penggunaannya seperti apabila pihak yang terlibat menafikan tuntutan pihak yang satu lagi, menguatkan dan menyokong keterangan jika keterangan yang diberikan tidak cukup kuat atau meragukan, ketiadaan saksi, kekurangan bukti dan sebagainya. Dengan pelaksanaan sumpah, fakta kes yang berada dalam keadaan seperti mana yang telah dinyatakan dapat diyakini seterusnya hakim dapat menerima sumpah tersebut sebagai keterangan yang boleh mensabitkan kes.

Dalam skop perbincangan yang kedua ini juga, dapat dirumuskan bahawa *qāḍī* atau Hakim Syarie perlu menilai dan menentukan kes tersebut dari sudut beban pembuktian yang dipegang oleh pihak-pihak dalam kes dan tahap pembuktian baginya sebelum meminta mana-mana pihak melaksanakan sumpah. Seorang hakim perlu memastikan beban pembuktian terletak pada pihak yang mana dan dalam kes pelaksanaan sumpah yang mana umumnya adalah dilaksanakan oleh pihak yang kena tuntutan boleh berpindah kepada pihak yang menuntut iaitu pada asalnya beban membuktikan sesuatu keterangan adalah dibahunya. Bagi tahap pembuktian pula, pelaksanaan sumpah diterima pakai dalam menguatkan keterangan yang dikemukakan apabila ianya tidak mencapai tahap yakin dan hanya pada tahap *ghalabah al-ẓan* semata-mata.

Justeru itu, jelas di sini bahawa kedua-dua skop perbincangan yang diterangkan dalam kajian ini adalah penting dan saling melengkapi bagi mencapai objektif pertama. Hasil dapatan yang diperoleh telah menjelaskan konsep sumpah dan kebolehterimaan terhadapnya sebagai keterangan seterusnya memberi kefahaman tentang asas-asas pelaksanaan sumpah dalam perundangan Islam.

5.2.2 Rumusan daripada Objektiv Kedua

Rumusan yang dapat pengkaji nyatakan bagi objektif kedua iaitu untuk menghuraikan tentang peruntukan dan pelaksanaan sumpah seperti mana yang telah diaplikasikan di Mahkamah Syariah Negeri melalui undang-undang Syariah di Malaysia adalah terbahagi kepada tiga aspek utama. Aspek pertama adalah berkaitan dengan peruntukan yang menjelaskan tentang sumpah di dalamnya, aspek kedua pula berkenaan dengan pemakaian sumpah dalam peruntukan di Mahkamah Syariah dan hubung kait dengan kaedah sumpah berdasarkan hukum Syarak, manakala aspek ketiga ialah Arahan-arahan Amalan yang berkaitan dengan sumpah.

Bagi aspek pertama iaitu berkaitan dengan peruntukan-peruntukan yang menyatakan tentang pelaksanaan sumpah, pengkaji telah meneliti beberapa enakmen Mahkamah Syariah di negeri Selangor. Antara enakmen yang melibatkan pelaksanaan sumpah ialah Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2003, Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2003 dan Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003. Setiap enakmen tersebut telah memperuntukkan tentang pemakaian sumpah di Mahkamah Syariah yang mana telah dirujuk oleh Hakim Syarie apabila ingin menerima sumpah sebagai kaedah keterangan setelah dirasakan patut dan perlu oleh beliau untuk melaksanakannya.

Menerusi EKMS (Negeri Selangor) 2003, terdapat empat seksyen utama yang menjelaskan tentang pemakaian sumpah iaitu seksyen 72, seksyen 87, seksyen 88 dan seksyen 129 di mana secara ringkasnya telah menyebut bahawa perkara yang dibolehkan bersumpah adalah dalam kes mal, selain dinyatakan juga tentang keengganan bersumpah dan sumpah dikembalikan, keterangan oleh saksi tunggal dan sumpah plaintif, serta keadaan yang memerlukan saksi mengangkat sumpah.

Berdasarkan ETMMS (Negeri Selangor) 2003 pula, seksyen 121 (2) telah menyebut tentang sumpah *istizhār* yang perlu dilaksanakan oleh plaintif dalam menguatkan keterangan yang telah diberikan sebelum diputuskan penghakiman dan seksyen 126 (7) serta (8) telah menyatakan tentang keengganan bersumpah dan sumpah dikembalikan. Manakala EUUKI (Negeri Selangor) 2003 telah memperuntukkan tentang sumpah *li,, ān* yang mana sebenarnya tidak berkait dengan sumpah yang dibincangkan dalam kajian ini, namun fungsinya dapat dikatakan oleh pengkaji adalah sama iaitu berperanan untuk menguatkan dan mengukuhkan sesuatu yang dinyatakan sebelum keputusan kehakiman dilakukan.

Aspek kedua pula adalah perbincangan berkenaan dengan pemakaian sumpah dalam peruntukan di Mahkamah Syariah dan hubung kait dengan kaedah sumpah berdasarkan hukum Syarak. Hasil daripada pengumpulan maklumat daripada kajian ini dan pembacaan pengkaji, dapat disimpulkan bahawa peruntukan-peruntukan yang telah digubal adalah berdasarkan ketetapan seperti mana yang ada dalam hukum Syarak. Peruntukan bagi pelaksanaan sumpah di Mahkamah Syariah ketika ini juga adalah hasil daripada rujukan penggubal undang-undang berpandukan hukum Syarak semasa penggubalan peruntukan tersebut. Setiap peruntukan ini walau bagaimanapun telah disesuaikan mengikut peredaran masa dan keadaan semasa bagi membolehkan rujukan oleh Hakim Syarie adalah relevan dengan kes-kes yang dikendalikan oleh beliau ketika ini. Oleh itu, terbukti bahawa setiap pengambilan dan rujukan terhadap peruntukan undang-undang Syariah di setiap negeri adalah selaras dengan yang telah ditetapkan oleh hukum Syarak kerana ianya adalah sumber rujukan utama bagi perundangan Islam.

Seterusnya aspek ketiga adalah berkenaan dengan Arahan-arahan Amalan yang berkaitan dengan sumpah yang mana ianya telah dikeluarkan oleh Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) bagi penyeragaman untuk seluruh negeri. Namun begitu,

ianya tidak terikat kepada negeri-negeri untuk menerima pakainya jika ianya tidak diendorskan oleh Ketua Hakim Syarie negeri kerana setiap Arahan Amalan yang dikeluarkan merupakan inisiatif JKSM bagi menjadikan sistem kehakiman Syariah lebih sistematik dan menjadi garis panduan dalam melaksanakan undang-undang Syariah. Dapat dirumuskan di sini bahawa Arahan Amalan utama untuk pelaksanaan sumpah ialah **Arahan Amalan No. 2 Tahun 2006 (Amalan Sumpah Mahkamah Syariah)** dan diikuti juga dengan Arahan-arahan Amalan lain yang telah dinyatakan tentang sumpah. Hasil analisis di MSSA mendapati bahawa mereka sememangnya menerima pakai pemakaian Arahan-arahan Amalan yang berkaitan dengan sumpah bagi kes-kes yang perlu kepadanya, selain daripada rujukan terhadap enakmen-enakmen Mahkamah Syariah dan hukum Syarak.

Justeru itu, rumusan keseluruhan bagi objektif kedua ialah rujukan terhadap pelaksanaan sumpah telah termaktub dalam undang-undang Syariah di Malaysia menerusi enakmen-enakmen yang telah menyebut tentangnya dan Arahan-arahan Amalan yang telah dikeluarkan oleh JKSM. Setiap peruntukan ini tidak lari daripada yang telah digariskan oleh hukum Syarak dan dengan erti kata lain ianya selaras seperti mana yang telah ditetapkan. Hakim Syarie tidak boleh sewenang-wenangnya meminta pihak-pihak yang perlu bersumpah untuk melaksanakannya tanpa autoriti yang telah termaktub kerana ianya seolah-olah telah melanggar etika sebagai seorang hakim yang perlu telus dalam mengendalikan kes yang dipertanggungjawabkan ke atas beliau.

5.2.3 Rumusan daripada Objektif Ketiga

Objektif ketiga kajian ini ialah menganalisis sejauh mana Hakim Syarie menilai kebolehterimaan sumpah sebagai keterangan berdasarkan peruntukan undang-undang

yang berkaitan dengannya dan kes-kes yang diputuskan di Mahkamah Syariah. Secara umumnya, tiada perbincangan terperinci yang dilakukan oleh penyelidik berkaitan dengan kebolehterimaan sumpah sebagai keterangan terutama bagi menjelaskan aspek-aspek yang perlu diteliti dan diterima oleh Hakim Syarie bagi pelaksanaan sumpah sebelum memutuskan kes yang dikendalikan oleh beliau. Oleh itu, apabila hakim merasakan perlu kepada mana-mana pihak untuk bersumpah, maka hakim dengan kepakarannya akan menilai kebolehterimaan kaedah sumpah berdasarkan hukum Syarak dan yang paling utama dengan merujuk kepada peruntukan undang-undang Syariah di Malaysia bagi setiap kes yang memerlukan pelaksanaannya.

Hasil daripada analisis kajian ini mendapati bahawa setelah dibuat penelitian yang mana kes tersebut perlu dilaksanakan sumpah ke atas pihak yang perlu bersumpah, maka hakim akan mengarahkannya untuk bersumpah supaya dengan perlaksanaan itu ianya dapat memudahkan dan meyakinkan hakim dalam membuat keputusan dengan tepat dan betul. Dengan itu juga, barulah keadilan dapat diterjemahkan kepada pihak-pihak yang terlibat dan mereka berpuas hati dengan keputusan yang dibuat oleh hakim. Setiap aspek dalam sumpah perlu dipenuhi bagi memastikan pelaksanaannya sempurna dan dapat mensabitkan kes bagi pihak-pihak yang bertikai.

Hasil rumusan bagi analisis terhadap fail-fail kes yang telah dijalankan di Mahkamah Syariah Shah Alam (MSSA) mendapati bahawa pelaksanaan sumpah adalah diarahkan oleh Hakim Syarie jika kes tersebut memerlukan kepadanya sebagaimana dalam keadaan-keadaan yang telah dinyatakan sebelum ini. Seperti mana yang telah pengkaji nyatakan, Hakim Syarie di MSSA telah mengambil kira penggunaan sumpah dari segi hukum Syarak dan peruntukan-peruntukan Mahkamah Syariah yang ada supaya kebolehterimaan aplikasi kaedah sumpah sebagai keterangan dalam perundangan Islam masa kini dapat menjadi alternatif bagi memudahkan urusan kehakiman sekaligus dapat menjimatkan masa dan kos perjalanan sesuatu kes.

Analisis terhadap pelaksanaan sumpah sebagai satu keterangan yang boleh diterima dalam pensabitan kes dapat dilihat menerusi hubung kaitnya dengan hukum Syarak dan peruntukan undang-undang melalui penggunaan sumpah yang telah pengkaji perincikan dalam bab Empat kajian ini. Dengan adanya autoriti yang diyakini, semua kes dapat diselesaikan dengan adil dan telus oleh Hakim Syarie. Berdasarkan kajian terhadap aspek penggunaan dan pelaksanaan sumpah yang dilakukan di MSSA, rujukan yang dibuat oleh pengkaji hanya terhad kepada kes-kes yang telah diputuskan oleh Hakim Syarie iaitu dengan merujuk kepada fail-fail kes yang telah disediakan oleh pihak mahkamah kepada pengkaji.

Secara keseluruhannya, pengkaji dapati bahawa kebolehterimaan bagi pelaksanaan kaedah sumpah dalam memutuskan sesuatu kes adalah berdasarkan rujukan Hakim Syarie melalui peruntukan yang telah diperuntukkan iaitu enakmen-enakmen yang telah diberi bidang kuasa bagi melaksanakannya oleh penggubal undang-undang kepada Mahkamah Syariah. Antara enakmen yang menjadi rujukan hakim ialah Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2003, Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2003 dan Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003. Oleh itu, dapat dirumuskan di sini bahawa arahan kepada pelaksanaan sumpah yang diarahkan oleh hakim adalah selari dengan peruntukan yang tertulis dalam undang-undang Syariah.

Tambahan juga, Arahan Amalan khusus bagi pelaksanaan sumpah yang telah digariskan oleh Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) menjadi rujukan Hakim Syarie di samping hukum Syarak berkaitan dengan pelaksanaan sumpah yang telah ditetapkan mahupun enakmen-enakmen yang telah diperuntukkan. **Arahan Amalan No. 2 Tahun 2006 (Amalan Sumpah Mahkamah Syariah)** menjadi garis panduan kepada Hakim Syarie bagi menerima sumpah sebagai kaedah keterangan selain daripada arahan-arahan amalan lain yang ada dinyatakan tentang penggunaan sumpah di

dalamnya. Mahkamah Syariah di Selangor merupakan salah satu negeri yang telah menjadikan Arahan-arahan Amalan berkaitan dengan sumpah sebagai salah satu rujukan bagi penerimaan sumpah sebagai kaedah keterangan.

Selain itu, semua Mahkamah Syariah dengan jelas melaksanakan sumpah apabila menepati syarat-syarat yang telah ditetapkan iaitu pihak yang kena tuntutan (defendan) mempertikaikan tuntutan pihak yang menuntut (plaintif), perkara yang didakwa adalah perkara yang boleh dilakukan sumpah, dakwaan atau tuntutan yang dibuat adalah sah dan hakim meminta agar sumpah dilakukan setelah penilaian terhadap keterangan yang diberikan dibuat oleh beliau.

Faktor kepada kebolehterimaan sumpah sebagai mekanisma bagi memutuskan penghakiman berdasarkan kajian yang telah dilakukan di MSSA adalah disesuaikan mengikut permohonan dan keadaan sesuatu kes. Kebolehterimaannya boleh dinyatakan dalam beberapa keadaan antaranya tiada keterangan langsung dalam menyokong dakwaan yang telah dibuat oleh pihak yang menuntut mahupun dalam sesetengah keadaan lain apabila adanya keterangan tetapi keterangan tersebut setelah dinilai oleh hakim adalah cacat, lemah ataupun tidak menepati keterangan yang digariskan oleh hukum Syarak dan undang-undang.

Berbalik kepada aspek-aspek pelaksanaan sumpah yang telah dibincangkan oleh pengkaji dalam bab Empat, ianya telah dibuat dengan pengkaji menganalisis terlebih dahulu fail-fail kes yang ada dan mengeluarkan aspek-aspek sumpah yang diyakini sesuai dan relevan bagi membolehkan hakim menerima sumpah sebagai keterangan yang boleh memutuskan sesuatu kes. Setelah dikenal pasti aspek-aspek yang boleh diambil kira sebagai kebolehterimaan sumpah, maka pengkaji telah berhasil menyenaraikan dan menerangkan 11 aspek tentangnya yang mana telah dihuraikan

dalam bab Empat dengan pengkaji jelaskan juga peruntukan dan hukum Syarak yang dirujuk serta kes-kes yang berkaitan dengannya.

Oleh yang demikian, dapat dilihat iaitu berdasarkan penelitian terhadap fail-fail kes di MSSA bahawa penghakiman yang dibuat oleh Hakim Syarie adalah mengikut standard yang telah ditetapkan dalam peruntukan seperti enakmen-enakmen Mahkamah Syariah dan Arahan-arahan Amalan serta ketetapan melalui hukum Syarak. Ianya benar-benar jelas diperuntukkan agar penyeragaman terhadap pelaksanaan sumpah dapat dilakukan dan dipraktikkan oleh semua Mahkamah Syariah seterusnya dapat memudahkan kerja penghakiman serta mampu memberi keadilan kepada kedua-dua belah pihak yang terlibat dalam pertelingkahan.

5.3 CADANGAN

Berdasarkan kepada kajian dan hasil dapatan yang telah diperoleh, pengkaji akan mengusulkan beberapa cadangan yang diyakini dapat memperkasa undang-undang keterangan Islam terutama menerusi kebolehterimaan sumpah sebagai keterangan yang dapat membantu Hakim Syarie dalam membuat penghakiman di Mahkamah Syariah iaitu bukan sahaja di negeri Selangor malahan diaplikasikan oleh semua Mahkamah Syariah seluruh negeri. Dalam masa yang sama, pengkaji berharap agar setiap cadangan yang diberikan akan membuka minda dan pandangan semua orang supaya memandang serius terhadap peranan pelaksanaan sumpah dalam perundangan Islam yang boleh membawa keadilan dalam kes-kes yang menjadi pertikaian serta dapat menjimatkan masa dan kos perbicaraan. Oleh itu, pengkaji membahagikan cadangan-cadangan bagi kajian ini seperti berikut:

5.3.1 Cadangan kepada Institusi Kehakiman Syariah

Institusi kehakiman Syariah memainkan peranan penting bagi memastikan setiap undang-undang Syariah dilaksanakan dengan sebaik-baiknya supaya setiap kes yang dikendalikan dapat berjalan dengan lancar. Dua institusi yang pengkaji akan sentuh dalam cadangan ini ialah Mahkamah Syariah dan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) kerana kedua-duanya merupakan tulang belakang untuk perundangan Islam di Malaysia.

Semua Mahkamah Syariah di setiap negeri perlu memainkan peranan sebagai institusi kehakiman Syariah yang boleh membawa keadilan berada pada tahap yang paling tinggi dalam setiap kes yang dikendalikan di bawah pentadbiran institusi mereka. Mahkamah Syariah boleh mengambil inisiatif dalam merencanakan pemerkasaan terhadap pelaksanaan sumpah bagi semua kes yang memerlukannya di mana kebolehterimaan sumpah sebagai keterangan dijadikan kaedah yang perlu dilaksanakan dengan segera jika kaedah keterangan lain tidak mampu menyelesaikan kes pihak-pihak yang bertikai bagi mengelakkan kes tersebut tertangguh dalam jangka masa yang lama.

Selain itu, Mahkamah Syariah juga dicadangkan agar sentiasa memberi kerjasama dengan pihak JKSM iaitu dengan menerima setiap Arahan Amalan yang dikeluarkan oleh mereka dan diaplikasikan di mahkamah seperti mana yang dilakukan oleh Mahkamah Syariah Shah Alam yang mengamalkan pemakaian tentang pelaksanaan sumpah dan Arahan-arahan Amalan lain sebagai prosedur sokongan terhadap enakmen-enakmen yang ada.

Manakala pihak JKSM sebagai institusi kehakiman Syariah yang berperanan sebagai institusi yang membawa keselarasan dan keseragaman bagi Mahkamah-mahkamah Syariah di Malaysia perlu memastikan Arahan-arahan Amalan yang

dikeluarkan diendorseskan oleh semua mahkamah dan diterima pakai dalam setiap perbicaraan walaupun ianya bukanlah suatu arahan yang perlu dipatuhi pada asalnya. Ini adalah disebabkan oleh Arahan Amalan termasuk setiap yang berkaitan dengan kaedah sumpah dijamin dapat membantu hakim dalam pengendalian kes kerana arahan yang dikeluarkan adalah lebih terperinci dan boleh dikatakan penerangan kepada enakmen yang telah digubal.

Cadangan yang terakhir dapat pengkaji berikan ialah pihak JKSM boleh mengambil inisiatif bekerjasama dengan mahkamah mahupun persatuan-persatuan peguam Syarie di Malaysia agar menganjurkan kursus-kursus secara teori dan praktikal yang berkaitan dengan pelaksanaan sumpah serta kebolehterimaannya dalam perundangan Islam masa kini terutama kepada mereka yang baru dalam bidang kehakiman Syariah. Ini adalah bagi memastikan setiap daripada mereka tahu kaedah pelaksanaannya, bila masa yang boleh melaksanakannya, aspek-aspek kebolehterimaannya, kesan daripada bersumpah dan sebagainya supaya selaras dengan peruntukan-peruntukan yang ada dan bertepatan dengan hukum Syarak.

Oleh itu, diharapkan agar setiap yang dicadangkan kepada pihak Mahkamah Syariah dan JKSM dapat diambil sebagai panduan bagi memastikan pelaksanaan sumpah dan aspek kajian pengkaji ini boleh menjadikan kaedah sumpah lebih tersusun seterusnya menjadikannya kaedah keterangan yang setaraf dengan kaedah-kaedah yang lain.

5.3.2 Cadangan kepada Penggubal Undang-undang dan Pengamal Undang-undang

Penggubal undang-undang dan pengamal undang-undang juga memainkan peranan penting bagi melancarkan lagi perjalanan sistem perundangan Islam di

Malaysia terutama dalam pelaksanaan sumpah di Mahkamah Syariah. Kedua-duanya adalah saling melengkapi antara satu sama lain di mana penggubalan setiap undang-undang yang dibuat oleh penggubal undang-undang haruslah diikuti oleh pengamal undang-undang supaya setiap penerimaan terhadap pemakaian sumpah adalah selaras dengan peruntukan-peruntukan yang telah termaktub.

Penggubal undang-undang perlu lebih memperkasakan peruntukan bagi undang-undang keterangan Mahkamah Syariah terutama berkenaan dengan kaedah sumpah yang selama ini dianggap kaedah alternatif dan bukan kaedah keterangan utama seperti mana yang lainnya. Peruntukan bagi pelaksanaan sumpah ini hendaklah sentiasa dipantau dan semakan semula setiap lima tahun sekali atau setiap sepuluh tahun sekali boleh dilakukan supaya ianya sentiasa relevan dengan perundangan dan keadaan semasa yang sentiasa memerlukan kepada kaedah yang lebih sistematik dan teratur.

Tambahan juga, penambahbaikan undang-undang terhadap isu-isu berkaitan dengan pelaksanaan sumpah seperti mana kajian yang pangkaji lakukan ini boleh dititikberatkan oleh penggubal undang-undang bagi memastikan setiap kelompangan yang ada dapat dipenuhi dengan peruntukan yang patut dan sesuai dengan pelaksanaannya di Mahkamah Syariah di mana mampu menyelesaikan kes dengan lebih telus dan adil.

Pengamal undang-undang seperti Hakim Syarie dan peguam Syarie pula perlu didedahkan dengan pelaksanaan sumpah dan aspek-aspek yang diterima pakai bagi membolehkan pelaksanaannya diperluas dalam setiap kes mal kerana pernah dinyatakan oleh Wan Abdul Fattah Bin Wan Ismail dan Zulkifli Bin Hassan²⁹⁸ dalam buku penulisan mereka bahawa terdapat sebahagian daripada pengamal undang-undang kurang mahir mengguna pakai kaedah sumpah khususnya yang baru dalam bidang

²⁹⁸ Wan Abdul Fattah Bin Wan Ismail dan Zulkifli Bin Hassan, *Konsep Sumpah (al-Yamīn) dan Pelaksanaannya di Mahkamah Syariah*, (Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia, 2007).

kehakiman secara teori mahupun praktikal. Mereka tidak tahu bilakah sepatutnya kuasa mereka digunakan untuk mengarahkan seseorang itu melaksanakan sumpah kerana tidak diberi pendedahan dengan jelas tentangnya secara praktikal.²⁹⁹

Selain itu, pengamal undang-undang perlu menambahkan ilmu pengetahuan yang berkaitan dengan sistem kehakiman Islam termasuklah dalam kebolehterimaan mereka terhadap kaedah sumpah sebagai keterangan dan aspek-aspek yang perlu dipenuhi kerana boleh dikatakan tidak semua daripada mereka berlatar belakangkan bidang undang-undang Syariah. Oleh yang demikian, mereka perlu mengetahui tentang undang-undang dan prosedur pemakaian sumpah iaitu merangkumi juga ilmu fiqh dan pandangan para fuqahā³⁰⁰ berkenaan dengannya agar setiap peruntukan dipatuhi terutama oleh Hakim Syarie sebelum mengarahkan mana-mana pihak bersumpah.

Justeru itu, cadangan-cadangan yang dicadangkan kepada penggubal dan pengamal undang-undang ini diharap dapat memastikan peranan yang dimainkan oleh mereka menjadi lebih berkesan dalam membantu institusi kehakiman Syariah dan juga pihak-pihak yang bertikai untuk memberikan hak kepada yang berhak dengan penerimaan sumpah.

5.3.3 Cadangan kepada Masyarakat

Masyarakat di Malaysia khususnya pihak-pihak yang mempunyai pertikaian di Mahkamah Syariah mempunyai hak untuk mendapatkan penerangan bagaimana kaedah untuk menyelesaikan pertikaian antara mereka dan mendapatkan semula setiap tuntutan yang dibuat atau menafikan tuntutan yang difailkan ke atas mereka. Mereka perlu mengamalkan sikap mengambil berat dan mengambil tahu tentang proses pengendalian

²⁹⁹Kenyataan ini boleh dirujuk dalam buku mereka iaitu “Konsep Sumpah (*al-Yamīn*) dan Pelaksanaannya di Mahkamah Syariah” terbitan Penerbitan USIM, Nilai, Negeri Sembilan pada muka surat 81.

kes mereka dan bukannya menyerahkan kepercayaan seratus peratus bagi urusan kes yang dibawa ke mahkamah kepada peguam Syarie mereka semata-mata.

Pengkaji ingin cadangkan supaya pendedahan diberikan kepada pihak-pihak yang bertikai tentang kebolehterimaan sumpah sebagai keterangan bagi menyelesaikan kes-kes mereka dengan cepat dan tidak tertangguh begitu lama. Situasi ini berlaku apabila pihak yang satu lagi tidak memberi kerjasama sepenuhnya dengan tidak hadir ke mahkamah seperti mana diarahkan, keterangan yang diberikan tidak cukup kuat atau tidak mencukupi dan sebagainya. Oleh yang demikian, peguam-peguam Syarie yang mewakili mereka perlu memainkan peranan bagi memberikan penjelasan kepada anak guam mereka tentang cara yang boleh dilakukan iaitu kaedah alternatif dengan melaksanakan sumpah untuk menyelesaikan kes jika berlaku perkara-perkara yang tidak sepatutnya dalam dewan perbicaraan dan menyatakan aspek-aspek kebolehterimaan sumpah yang perlu dipenuhi kepada mereka.

Justeru itu, masyarakat akan lebih prihatin dan tahu tentang kaedah yang diguna pakai bagi memastikan setiap kes dapat diselesaikan dengan cepat, mengelakkan daripada berlakunya peningkatan kes tertunggak dalam tempoh yang begitu lama seterusnya akan membuatkan mereka berpuas hati dengan keputusan yang diberikan oleh hakim.

5.3.4 Cadangan kepada Kajian Akan Datang

Setelah mengkaji tentang kebolehterimaan sumpah sebagai keterangan berdasarkan analisis terhadap peruntukan undang-undang dan kes di Mahkamah Syariah, pengkaji dapati masih terdapat aspek-aspek lain yang boleh dikaji mahupun menggunakan metodologi kajian yang berlainan sebagai kajian akan datang.

Antara cadangan yang pengkaji ingin sarankan bagi kajian akan datang adalah dari sudut penggunaan metodologi kajian yang berbeza daripada yang telah dilaksanakan oleh pengkaji iaitu menggunakan kaedah kuantitatif iaitu dengan membuat kaji selidik terhadap kebolehterimaan sumpah sebagai keterangan di Mahkamah Syariah. Pengkaji akan datang boleh mengambil kira pandangan pengamal undang-undang seperti Hakim Syarie, para peguam mahupun pegawai Syariah sebagai responden kajian. Selain itu, kaji selidik juga boleh dilakukan terhadap masyarakat terutama pihak-pihak yang sedang dibicarakan kes mereka di mahkamah atau pihak-pihak yang pernah dibicarakan di mana kes mereka dihakimi setelah pelaksanaan sumpah dilakukan.

Keberkesanan dan impilikasi terhadap kebolehterimaan sumpah di Mahkamah Syariah sesuai dikaji oleh pengkaji akan datang supaya penerimaannya terbukti dapat menyelesaikan kes pihak-pihak yang bertikai iaitu kajian diperluaskan skopnya dengan mengambil pendekatan menemu bual pengamal undang-undang dan ahli akademik yang arif dalam bidang undang-undang keterangan Islam. Tambahan itu juga, kajian boleh dibuat bagi mengetahui sejauh manakah kepekaan masyarakat yang terdiri daripada pelajar dalam bidang undang-undang tentang penerimaan sumpah sebagai keterangan yang boleh mengubah keputusan kes jika hakim meminta pihak-pihak bertikai melaksanakannya.

Akhir sekali, kajian lebih mendalam terhadap peruntukan undang-undang berkenaan dengan pelaksanaan sumpah boleh dilakukan iaitu dicadangkan agar pengkaji-pengkaji selepas ini mengkaji tentang perbandingan antara peruntukan-peruntukan bagi pelaksanaannya di Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil serta kesan ke atas kes yang dikendalikan supaya dapat dilihat dengan lebih jelas lagi perbezaan penerimaan sumpah dalam perundangan Syariah dan perundangan Sivil.

Dengan itu, pengkaji berharap agar kajian akan datang dapat mengembangkan lagi kajian-kajian tentang kaedah sumpah yang sedia ada termasuklah dengan kajian yang telah dijalankan oleh pengkaji agar kaedah keterangan seperti ini tidak dipandang ringan oleh para pengkaji, ahli akademik, pengamal undang-undang, institusi kehakiman Syariah dan masyarakat kerana impaknya adalah besar bagi penyelesaian setiap kes di mahkamah.

5.4 KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, kajian ini telah menunjukkan bahawa sumpah boleh diterima sebagai kaedah keterangan bagi Hakim Syarie memutuskan penghakiman dalam sesebuah kes iaitu bergantung kepada keadaan yang memerlukan kepada pelaksanaannya. Dalam kajian ini, ketiga-tiga objektif yang ingin dilihat terhadap penerimaan sumpah di Mahkamah Syariah sebagai salah satu kaedah keterangan yang boleh memutuskan kes walaupun ianya dianggap sebagai kaedah alternatif dan sokongan serta tidak boleh nampak dengan mata kasar seperti kaedah-kaedah keterangan yang lain pada pandangan pengkaji telah tercapai. Walaupun penelitian perlu dibuat terlebih dahulu sebelum meminta pihak-pihak yang perlu bersumpah melaksanakannya, namun ianya adalah sangat relevan untuk dilaksanakan bagi memastikan tiada penipuan ketika bersumpah dan supaya ianya tidak dipermainkan.

Selain itu, ianya juga telah menepati apa yang ingin pengkaji sampaikan dalam kajian ini iaitu dengan adanya pelaksanaan sumpah, maka proses perbicaraan dapat diselesaikan dengan cepat seterusnya menjimatkan kos yang ditanggung oleh pihak-pihak yang terlibat. Mahkamah sememangnya telah memainkan peranan yang penting dalam menyelesaikan setiap kes dengan sebaik-baik mungkin dan dalam waktu yang singkat. Ini dapat dibuktikan apabila kebanyakan kes yang dibicarakan telah

diselesaikan dalam tempoh masa yang singkat iaitu lebih kurang satu tahun hingga satu tahun setengah sahaja. Namun begitu, terdapat juga kes yang mengambil masa yang lama untuk diselesaikan iaitu dalam tempoh dua tahun hingga tiga tahun dan ianya adalah disebabkan oleh sikap pihak-pihak terlibat itu sendiri yang tidak memberi kerjasama sepenuhnya kepada mahkamah. Keadaan ini berlaku apabila pihak-pihak yang terlibat tidak hadir semasa perbincangan berlangsung mahupun salah seorang daripada mereka tidak menghadirkan diri walaupun pelbagai cara telah dilakukan oleh pihak mahkamah untuk membawa pihak yang terlibat ke muka pengadilan.

Tambahan itu, keadilan bagi pihak-pihak yang bertelingkah tercapai seperti mana yang pengkaji ingin buktikan di mana dengan sumpah yang dilaksanakan terutama penggunaan sumpah *istizhār* dan sumpah Syarie, pihak-pihak dilihat berpuas hati dengan keputusan yang diberikan oleh Hakim Syarie. Kenyataan ini turut diakui oleh Puan Herlina Ainazawati Binti Zakaria yang merupakan Pegawai Penerangan Jabatan Kehakiman Syariah Selangor (JAKESS) apabila beliau menyatakan bahawa tiada kes difailkan untuk rayuan ke mahkamah yang lebih tinggi oleh pihak-pihak yang bertikai. Ini adalah kerana apabila pelaksanaan sumpah telah dilakukan oleh pihak yang perlu bersumpah, maka kaedah keterangan tersebut yang menjadi sokongan dan penguat akan menjadi pemutus bagi penghakiman yang dibuat oleh seorang hakim.

Justeru itu, dapat disimpulkan bahawa kebolehterimaan sumpah sebagai keterangan sememangnya perlu diterima pakai di Mahkamah Syariah dengan syarat setiap aspek kebolehterimaannya dipenuhi sebelum dilafazkan sumpah tersebut. Hakim Syarie tidak akan meminta pihak-pihak untuk bersumpah dengan sewenang-wenangnya kerana beliau telah mengambil kira setiap aspek dan keadaan yang perlu kepada pelaksanaannya dalam kes-kes yang dikendalikan. Rujukan terhadap peruntukan-peruntukan yang ada telah dibuat dan pengkaji lihat setiap pelaksanaan sumpah tersebut adalah selaras dengan peruntukan yang telah ditetapkan serta bertepatan dengan konsep

sumpah yang telah digariskan oleh hukum Syarak. Oleh yang demikian, apabila hakim meminta mana-mana pihak melaksanakan sumpah, maka sabitan kes boleh dibuat dengan tiada keraguan ke atasnya serta hakim itu sendiri yakin dengan keputusan bersandarkan sumpah yang telah dilakukan.

Universiti Malaya

BIBLIOGRAFI

BUKU

Bahasa Melayu

„Abdul Karīm Zaydān, *Prinsip-prinsip Pendakwaan dan Pembuktian dalam Sistem Kehakiman Islam*, terj. Haji Mohd. Saleh Bin Haji. Ahmad (Shah Alam: Penerbitan HIZBI, 1993).

_____. *Sistem Kehakiman Islam*, terj. Haji Mohd. Saleh Bin Haji Ahmad (Batu Caves: Pustaka Haji Abdul Majid, 2010).

Abdul Monir Yaacob, *Sistem Kehakiman Islam*, (Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia, 2001).

Abdul Rahman Mustafa, *Prinsip-prinsip Undang-undang Keterangan Islam: Satu Pendekatan Perbandingan* (Kuala Lumpur: Al-Rahmaniah, 1988).

Ahmad Hidayat Buang, *Mahkamah Syariah di Malaysia: Pencapaian dan Cabaran*, (Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2005).

_____. *Undang-undang Islam di Malaysia: Prinsip dan Amalan*, (Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2007).

Ahmad Mohamed Ibrahim, *Pentadbiran Undang-undang Islam di Malaysia* (Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia, 1997).

Dato“ Hj. Md Saleh bin Ahmad @ Md, “Kaedah-kaedah Pembuktian dalam Undang-undang Jenayah Islam,” dalam *Undang-undang Syariah di Malaysia*, ed. Abdul Karim Ali dan Mohd Roslan Mohd Nor (Shah Alam: Persatuan Ulama“ Malaysia, 2013).

- Imam Bernadib, *Arti dan Metode Sejarah Pendidikan* (Yogyakarta: Yayasan Penerbitan FIK-IKIP, 1982).
- Mahmud Saedon A.Othman, *Undang-undang Keterangan Islam* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990).
- Mohamad Najib Abdul Ghafar, *Penyelidikan Pendidikan*, (Skudai: Universiti Teknologi Malaysia, 2001).
- Muhammad „Alī al-Shawkānī, *Naylul Awtār Himpunan Hadits-hadits Hukum*, terj. Mu‘ammal Hamidy et al., (Kuala Lumpur: Pustaka Al-Azhar, 1987).
- Muṣṭafā al-Khīn et al., *al-Fiqh al-Manhajī „alā Madhhab al-Imām as-Shāfi,,ī Kitāb Fikah Mazhab Shāfi,,ī* terj. Ridzuan Bin Hashim et al. (Kuala Lumpur: Pustaka Salam, 2009).
- Sayyid Sa‘īd Akhtar Rizvi, *Konsep Keadilan Allah Dalam Islam*, terj. Koleksi Pemikiran Islam (Tanzania: Dār al-Salām, 1996).
- Siti Zalikhah Hj. Md. Nor et al., *Al-Syariah Jilid 3: Undang-undang Keterangan Islam* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2006).
- Syed Arabi Idid, *Kaedah Penyelidikan Komunikasi dan Sains Sosial*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992).
- Syed Sabiq, *Fiqh Sunnah*, terj. Nor Hasanuddin (Jakarta: Pena Pundi Aksara, 2006).
- Wan Abdul Fattah Bin Wan Ismail dan Zulkifli Bin Hassan, *Konsep Sumpah (al-Yamīn) dan Pelaksanaannya di Mahkamah Syariah*, (Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia, 2007).

Bahasa Inggeris

Ahmed E. Souaiaia, *Contesting Justice: Women, Islam, Law and Society* (U.S.A: State University of New York Press, 2008).

Allen Rubin dan Earl Babbie, *Research Methods For Social Works*, (USA: Wadsworth, 2001).

Ibn Qayyim al-Jawziyyah, *The Legal Methods in Islamic Administration*, terj. Ala'eddin Kharofa (Kuala Lumpur: International Law Book Services, 2000).

G. D. Noke, *An Introduction to Evidence* (London: Sweet & Maxwell, 1987).

Jonathan Law dan Elizabeth A. Martin, *A Dictionary of Law*, ed. ke-6 (Oxford: Oxford University Press, 2006).

Mahmud Saedon A. Othman, *An Introduction to Islamic Law of Evidence*, terj. Raden Ahmad Shauki R. Hisam (Kuala Lumpur: The Open Press, 2000).

Matthew B. Miles dan A. Michael Huberman, *Qualitative Data Analysis: A Sourcebook of New Methods* (Beverly Hills London: Sage Publication, 1984).

M. R. Zafer, *Law of Evidence in Malaysia: An Outline* (Kuala Lumpur: International Law Book Services, 1994).

Norman K. Denzin, *The Research Act: A Theoretical Introduction to Sociological Methods*, ed. ke-2 (New York: McGraw-Hill, 1978).

Paul McKeown et al., *Evidence*, (London: Oxford University Press, 2002/2003).

“Penulis tidak diketahui”, *The Mejelle: Being An English Translation of Majallah el-Ahkām-i-, Alilya and a Complete Code on Islamic Civil Law*, terj. C. R. Tyser et al., (Lahore: Law Publishing Co., 1980).

R. K. Yin, *Case Study Research: Design and Methods*, ed. ke-2 (USA: SAGE Publications Inc., 1994).

Bahasa Arab

„Abdul Karīm Zaidān, *Al-Wajīz fī Uṣūl al-Fiqh* (Baghdād: Matba,ah Salmān al-A,ẓāmī, 1973).

„Abdul Karīm Zaydān, *Niẓām al-Qadā' fī al-Sharīah al-Islāmiyyah* (Beirūt: Muassasah al-Risālah, 2000).

„Abdul Raḥman al-Jazīrī, *Kitāb al-Fiqh „ala al-Madhāhib al-Arbi,,ah* (Beirūt: Dār al-Kutub al-,Ilmiyyah, 1990).

Abū al-Walīd Muḥammad Ibn Aḥmad Ibn Muḥammad Ibn Aḥmad Ibn Rushd al-Qurṭubī, *Bidāyah al-Mujtahid wa Nihāyah al-Muqtaṣid* (Beirūt: Muassasah al-Ma,ārif, 2006).

Abū Bakr Aḥmad Ibn al-Ḥusayn Ibn „Alī al-Baiḥaqī, dalam *Kitāb as-Sunan as-Ṣaghīr*, ed. „Abdul Salām „Abdul Shafī dan Aḥmad Qabanī (Beirūt: Dār al-Kutub al-,Ilmiyyah, 1992).

al-Dhahabī, *Sharah al-Kabāir*, ed. Sheikh Ṣalāḥ al-Utsaymīn (t.tp.:Dārul at-Taufīqī, t.t.).

Badruddīn Abī Muḥammad Maḥmūd Ibn Aḥmad al-,Aynī, „*Umdah al-Qārī: Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* (Beirūt: Dār al-Fikr, t.t.)

Ibn al-Manzūr, *Lisān al-,Arabiyy* (Beirūt: Dār Ṣadīr, 1997).

Muḥammad Ibn „Alī Ibn Muḥammad al-Shawkānī, dalam *Nīl al-Awtār: Sharḥ Muntaqā al-Akḥbār Min Aḥādith Sayyid al-Akhyār* (Beirūt: Dār Iḥyā' al-Tūrath al-Arabiyy, 1999)

Muḥammad Idrīs al-Shāfi,ī, *Al-Umm* (Beirūt: Dār al-Ma,arifah, t.t.).

Muḥammad Muṣṭafā al-Zuḥaylī, *Wasāil al-Ithbāt fī al-Sharī,ah al-Islāmiyyah fī al-Mu,āmalāt al-Madaniyyah wa al-Aḥwāl al-Shakhṣiyyah*, ed. ke-2 (Beirūt: Maktabah Dār al-Bayān, 1994).

Muḥammad Takiyy al-,Ithmānī, “Ṣaḥīḥ Muslim,” dalam *Takmilah Fathu al-Mulhim bi Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Imām Muslim* (Damsyik: Dār al-Kalām, 2006).

Muḥy al-Dīn Abū Zakariyā Yaḥyā Bin Sharaf, *Rawḍah al-Tālibīn wa ,Umdah al-Muḥṭin lil Imām al-Nawawī* (Beirūt: al-Maktabah al-Islāmī, 1991).

_____. *Ṣaḥīḥ Muslim al-Nawawī* (Beirūt: Dār al-Khair, 1999).

Shams al-Dīn Abū ,Abd Allāh Muḥammad ibn Abī Bakr ibn Qayyim al-Jawziyyah, *al-Ṭuruq al-Ḥukmiyyah fī al-Siyāsah al-Shar,iyyah* (Qāherah: Muassasah al-,Arabiyyah, 1971).

Sheikh al-Islām Abī Yaḥyā Zakaria al-Anṣārī al-Miṣrī al-Shāfi,ī, “Ṣaḥīḥ al-Bukhārī,” dalam *Minḥah al-Bārī bi Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* (Riyāḍ: Maktabah al-Rushd Nāsyirūn, 2005).

Wahbah al-Zuḥaylī, *al-Fiḥ al-Islāmī wa Adillatuhu* (Damsyik: Dār al-Fikr, 1984).

_____. *al-Fiḥ al-Islāmī wa Adillatuhu* (Damsyik: Dār al-Fikr, 2004).

Yusrī al-Sayyid Muḥammad, *Jāmi,, al-Fiḥ* (Manṣūrā: Dār al-Wafā, 2000).

ARTIKEL

Bahasa Melayu

Ahmad „Azam Mohd Shariff, “Prosedur Pendakwaan Jenayah Syariah: Analisis ke atas Peruntukan Undang-undang di bawah Akta Prosedur Jenayah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997 dan Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997,” *Jurnal Undang-undang & Masyarakat* 15, (2011).

Ang Kean Hua, “Pengenalan Rangkakerja Metodologi dalam Kajian Penyelidikan: Satu Kajian Komprehensif,” *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities* 1, no. 4 (2016).

Azman Bin Ab. Rahman dan Zulkifli Bin Mohamad al-Bakri, “Sumpah Dalam Kesalahan Qazaf Menurut Perspektif Islam,” *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa* 2, (2011).

Dato“ Haji Mohammad Asri Bin Abdullah, “Sumpah Syarie,” *Jurnal Hukum* 19, no. 1 (Februari 2005).

Dr. Hj. Zulfakar Bin Hj. Ramlee, “Kesaksian Wanita Antara Kebolehterimaan dan Kebolehpaksaan,” *Jurnal Hukum* 26, no. 1 (Jun 2008).

Nik Salida Suhaila Bin Nik Salleh, Norma Bin Jusof dan Wan Abdul Fattah Bin Wan Ismail, “Pengesahan Dokumen Melalui Sumpah: Menurut Fiqh dan Amalannya di Mahkamah Syariah di Malaysia,” *Syariah Law Reports* 1, (Januari-Mac 2014).

Ruzman Md. Noor, “Kedudukan *Bayyinah*, *Syahādah* dan *Qarīnah* dalam Penggubalan Undang-undang Keterangan Islam di Malaysia,” *Jurnal Syariah* 16, no. 2 (2008).

_____. “Kesaksian Dalam Konteks Undang-undang Keterangan Mahkamah Syariah di Malaysia: Analisis Dari Perspektif Mazhab Syafi’i,” *Jurnal Fiqh*, no. 5 (2008).

Zulkifli Hassan, *Memahami Undang-undang Keterangan Islam* (Nilai: t.p., t.t.).

Bahasa Inggeris

Helen Silving, “The Oath”, *The Yale Law Journal*, vol. 68, no. 7, (Jun 1959).

John A. Widson, “The Oath in Ancient Egypt”, *Journal of Near Eastern Studies* 7, no. 3 (1948).

Robert C. Sorensen, “The Effectiveness of the Oath to Obtain a Witness” True Personal Opinion,” *The Journal of Criminal Law, Criminology and Police Science* 47, no. 3 (1956).

Thomas F. Green Jr., “The Admissibility of Evidence the Under Federal Rules,” *Harvard Law Review* 55, no. 2 (1941).

T.S.L Perlman, “Due Process and the Admissibility of Evidence,” *Harvard Law Review* 64, no. 8 (1951).

LAMAN SESAWANG

Abd Aziz Harjin, “Keadilan Dalam Tamadun Islam,” laman sesawang *Faham Tamadun Islam*, dicapai 23 April 2008, <http://076115tamadun.blogspot.com/2008/04/keadilan-dalam-tamadun-islam.html>.

Adi Supriyanto, “Apa Makna yang Terkandung dalam Surah al-Bayyinah,” laman sesawang *Dictio.id*, dicapai 15 Mac 2018, <https://www.dictio.id/t/apa-makna-yang-terkandung-di-dalam-surat-al-bayyinah/24023>.

Kamariah Yusoff, “Keadilan Menurut Pandangan Islam,” laman sesawang *Bicara Agama: Utusan Malaysia*, dicapai 9 Februari 2012, http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0209&sec=Bicara_Agama&pg=ba_03.htm.

Wann Yusoff Tobek, “Konsep Keadilan Menurut Islam”, laman sesawang *Republika.co.id*, dicapai 27 April 2013, <http://ciguwan-becahpelting.blogspot.com/2013/04/konsep-keadilan-menurut-islam.html>.

DISERTASI

Maḥmūd al-Khālīdī, “Qawā, id Nizām al-Ḥukm fī al-Islām” (disertasi peringkat Sarjana, Universiti al-Azhar, Mesir, t.t).

Muhammad Yaakub, “Konsep Sumpah Dalam Sistem Kehakiman Islam” (disertasi peringkat Sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1991).

Siti Noor Alwani Binti Hamid, “Sumpah Sebagai Metode Keterangan Mengikut Hukum Islam: Kajian Tentang Standard Pelaksanaannya di Mahkamah Syariah Kota Bharu” (disertasi peringkat Sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2007).

KERTAS PERSIDANGAN

Wan Abdul Fattah Bin Wan Ismail, “Konsep *al-Yamīn*: Kajian di Mahkamah Syariah Wilayah-wilayah Persekutuan,” dalam *Diskusi Syariah dan Undang-undang: Siri 3*, ed. Zulkifli Bin Hassan, Azman Bin Ab. Rahman dan Asma Akli (Nilai: Kolej Universiti Islam Malaysia, 2006).

Universiti Malaya